

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan
Baitulmal Di Malaysia Fasa 2, 2017
(Zon 2)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

19 Januari 2018

Volum 1, 2018

ISBN 978-967-0601-08-3

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan
Baitulmal Di Malaysia Fasa 2, 2017
(Zon 2)

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	No
Senarai Jadual	viii
Senarai Gambarajah	x
Senarai Ringkasan	xi
Ringkasan Eksekutif	xiii
Penghargaan	xxv
Hak Cipta Terpelihara Dan Penafian	xxvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Perakaunan Bagi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal (WZB)	2
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Pernyata Tujuan	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
BAB 2 LATAR BELAKANG ZON 2	
2.0 Pengenalan	10
2.1 Latar Belakang Institusi Zon 2	15
2.1.1 Negeri Kedah	16
2.1.2 Negeri Pulau Pinang	17
2.1.3 Negeri Sarawak	18
2.1.4 Negeri Perak	18
2.1.5 Negeri Perlis	19
2.2 Pegawai Perakaunan Yang Bertanggungjawab	19
2.3 Kesimpulan	19
BAB 3 KAJIAN LITERATUR	
3.0 Pengenalan	21
3.1 Piawaian Perakaunan Dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	21
3.1.1 Pengiktirafan, Pengukuran Dan Pendedahan Menurut Kerangka Kerja Konseptual Konvensional	23
a) Pengiktirafan	23
b) Pengukuran	23
c) Pendedahan	24
3.2 Keperluan Syariah	24
3.3 Muamalat	27

3.3.1	Pandangan Islam Mengenai Harta	28
3.3.2	Takrif Harta Dari Segi Bahasa	28
3.3.3	Takrif Harta Dari Segi Istilah	30
3.3.4	Pengiktirafan Harta Menurut Islam	33
3.3.4.1	Jenis Harta	34
3.3.4.2	Jual Beli	36
3.3.4.3	Sewa	38
3.3.4.4	Pertanian	41
3.3.4.5	Harta Intelek	42
3.3.5	Pengukuran Harta Menurut Islam	43
3.3.6	Pendedahan Harta Menurut Islam	45
3.4	Kesimpulan	49
BAB 4 KAEDAH PENYELIDIKAN		
4.0	Pengenalan	50
4.1	Kaedah Penyelidikan Kualitatif	50
4.2	Reka Bentuk Kajian	50
4.3	Kaedah Penyediaan Kajian	51
4.4	Kaedah Penyelidikan Secara Am	52
4.4.1	Kaedah Bagi Kajian Amalan Semasa Perakaunan	54
4.4.2	Kaedah Bagi Kajian Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam	55
4.4.3	Kaedah Bagi Kajian Keperluan Syariah Dan Batasan Perundangan	57
4.4.4	Kaedah Bagi Kajian Cadangan	59
4.4.5	Kaedah Kajian Yang Memerlukan Pemahaman Islam	60
4.4.5.1	Fiqh	60
4.4.5.2	Fiqh Muqaran	60
4.4.5.3	Usul Fiqh	61
a)	Hukum Taklif	62
b)	Hukum Wadh'ie	62
c)	Maqasid Syariah	64
d)	Ijtihad	67
e)	Fatwa	67
f)	Taklid	67
g)	Pandangan	68
4.4.5.4	Qawaid fiqh	69

4.5	Kaedah Pengumpulan Data	70
4.5.1	Kenalpasti Sampel	71
	i. Persampelan Seragam	72
	ii. Persampelan Bola Salji	72
	iii. Persampelan Kriteria	72
	a) Kemahiran	73
	b) Pengetahuan	73
	c) Pengalaman	73
4.5.2	Urus Tadbir Temu Bual	74
	i. Telefon Atau Alamat E-mel	74
	ii. Temu Janji	74
	iii. Surat Rasmi	74
	iv. Protokol Temu Bual	75
4.5.3	Pengumpulan Data Bagi Pendekatan GIM	75
	i. Dokumen	76
	ii. Temu Bual	76
	4.5.3.1 Pengurusan data	77
	i. Fail Dokumen	77
	ii. Merekod	77
	iii. Transkrip	78
4.5.4	Pengumpulan Data Bagi Pendekatan Gioia	78
	4.5.4.1 Pengumpulan Data Dokumen Pada Pendekatan Gioia	79
	4.5.4.2 Pengumpulan Data Temu Bual Dan Responden	80
	4.5.4.3 Triangulasi	81
4.6	Data Analisis	81
4.6.1	Data Analisis Pendekatan GIM	81
4.6.2	Data Analisis Pendekatan Gioia	83
4.7	Kesimpulan	85
BAB 5 OBJEKTIF PERTAMA AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN		
PELAPORAN KEWANGAN BAGI ASET		
5.0	Pengenalan	86
5.1	Ringkasan Amalan Semasa Perakaunan Berkaitan Aset	86
5.2	Perincian Amalan Semasa Perakaunan Berkaitan Aset	88
5.2.1	Amalan Perakaunan Bagi Hartanah, Loji Dan Peralatan	88
5.2.2	Amalan Perakaunan Bagi Inventori, Aset Tidak Ketara Dan Hartanah Pelaburan	98

5.3	Isi-isu Berkaitan Amalan Semasa Perakaunan Berkaitan Aset	99
5.3.1	Nilai Nominal Aset Wakaf	99
5.3.2	Penilaian Semula Aset	99
5.3.3	Harta Luqatah	100
5.3.4	Layanan Aset Tidak ketara	101
5.4	Kesimpulan	101
BAB 6 OBJEKTIF KEDUA KERANGKA KERJA KONSEP PERAKAUNAN ISLAM		
6.0	Pengenalan	102
6.1	Perbandingan Kerangka Kerja Perakaunan Konvensional Dan Islam	102
6.2	Perkembangan Mengenai Konsep Maqasid Syariah Yang Berhubungan Perakaunan Islam	107
6.3	Teori Pemilikan Menurut Syariah Islam	112
6.3.1	Ciri-ciri Pemilikan Sempurna	113
6.3.1.1	Penguasaan Ke Atas Harta Yang Harus (Al-Mal Al-Mubah)	114
6.3.1.2	Akad Pemindahan Pemilikan	115
6.3.1.3	Penggantian (Khalfiyah)	115
6.3.1.4	Berkembang Daripada Pemilikan	116
6.3.1.5	Syuf 'ah	116
6.3.2	Pemilikan Tidak Sempurna	117
6.3.2.1	Pemilikan Zat Harta Itu Sahaja (Al-Milkiyyah Al-Raqabah)	117
6.3.2.2	Pemilikan Manfaat Peribadi (Haq Al-Intifa')	117
6.3.2.3	Pemilikan Manfaat Zat Sahaja (Haq Al-Irtifaq)	119
6.4	Perhubungan Di Antara MPSAS Dengan Kerangka Kerja Perakaunan Islam	121
6.5	Mekanisme Perakaunan	125
6.5.1	Definisi Aset	126
6.5.2	Pengukuran Menurut Syariah	127
6.5.3	Keperluan Pendedahan	128
6.6	Pengoperasian Teknikal Perakaunan Islam Bagi Wakaf	129
6.6.1	Wakaf Pelaburan	133
6.7	Pengoperasian Teknikal Perakaunan Islam Bagi Zakat	136
6.8	Pengoperasian Teknikal Perakaunan Islam Bagi Baitulmal	140
6.9	Kesimpulan	142

**BAB 7 OBJEKTIF KETIGA KEPERLUAN SYARIAH DAN BATASAN
UNDANG-UNDANG SIVIL**

7.0	Pengenalan	144
7.1	Keperluan Syariah	144
7.1.1	Fiqh	144
7.1.2	Usul Fiqh	147
7.1.3	Fiqh Muqaran	149
7.1.4	Qawaid Fiqh	149
7.1.5	Kesimpulan Keperluan Syariah	152
7.2	Batasan Perundangan Sivil	154
7.2.1	Pengenalan Aspek Perundangan Sivil	154
7.3	Sistem Perundangan Persekutuan	155
7.4	Enakmen-enakmen Dan Ordinan-ordinan Majlis Agama Islam Negeri	155
7.4.1	Majlis Sebagai Pemegang Amanah	158
7.5	Undang-undang Berkaitan Tanah	159
7.6	Undang-undang Berkaitan Perakaunan	161
7.7	Aspek berkaitan Perundangan Majlis Agama Islam Negeri	166
7.7.1	Negeri Pulau Pinang	166
	7.7.1.1 Aspek Kewangan Dan Perakaunan - Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004	166
	7.7.1.2 Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang.	167
7.7.2	Negeri Sarawak	170
	7.7.2.1 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001	170
	7.7.2.2 Jabatan Mufti Negeri Sarawak	172
7.7.3	Negeri Perak	173
	7.7.3.1 Enakmen Pentadbiran Wakaf Negeri Perak	174
	7.7.3.2 Fatwa Mufti Negeri Perak	175
7.7.4	Negeri Perlis	176
	7.7.4.1 Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Memainkan Peranan Yang Besar Dalam Operasi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis Keputusan Jawatankuasa Fatwa	177
7.7.5	Negeri Kedah	179
7.8	Takrifan Wakaf	181
7.8.1	Undang-Undang Tanah Dan Tanah Wakaf	182

7.8.2	Pindahmilikan Harta / Pendaftaran Tanah Dari Sudut Perundangan	183
7.9	Kesimpulan	185
BAB 8 OBJEKTIF KEEMPAT CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN BAGI ASET		
8.0	Pengenalan	187
8.1	Cadangan Am	187
8.2	Cadangan Khusus	188
8.2.1	Hartanah, Loji Dan Peralatan	188
8.2.1.1	Pengiktirafan Aset Hartanah, Loji Dan Peralatan	189
8.2.1.2	Pengukuran Aset Hartanah, Loji Dan Peralatan	198
8.2.1.3	Pendedahan Aset Hartanah, Loji Dan Peralatan	200
8.2.2	Inventori	201
8.2.3	Hartanah Pelaburan	202
8.2.3.1	Pengiktirafan Aset Hartanah Pelaburan	204
8.2.3.2	Pengukuran Aset Hartanah Pelaburan	204
8.2.3.3	Pendedahan Aset Hartanah Pelaburan	205
8.2.4.	Pajakan	205
8.2.4.1	Pengiktirafan Aset Pajak	214
8.2.4.2	Pengukuran Aset Pajak	214
8.2.4.3	Pendedahan Aset Pajak	215
8.2.5	Rosot Nilai Aset Tidak Yang Menjana Tunai	215
8.2.6	Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai	217
8.2.6.1	Pengiktirafan Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai	219
8.2.6.2	Pendedahan Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai	220
8.2.7	Pertanian	220
8.2.7.1	Pengiktirafan Aset Pertanian	222
8.2.7.2	Pendedahan Aset Pertanian	222
8.2.8	Aset Tidak Ketara	222
8.2.8.1	Pengukuran Aset Tidak Ketara	224
8.2.8.2	Pendedahan Aset Tidak Ketara	224
8.3	Kesimpulan	225
BAB 9 RUMUSAN, LIMITASI KAJIAN DAN HALA TUJU PENYELIDIKAN		
9.0	Pengenalan	226
9.1	Rumusan	226
9.1.1	Jurang Dan Amalan Perakaunan	226

9.1.2	Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam (KKPI)	227
9.1.3	Keperluan Syariah	228
9.1.4	Batasan Perundangan Sivil Dalam Pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam	229
9.1.5	Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam	229
9.2	Sumbangan Terhadap Amalan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Yang Seragam Dan Lengkap	230
9.3	Limitasi Kajian	231
9.4	Hala Tuju Penyelidikan	232
	Senarai Rujukan	234
	Senarai Rujukan Undang-Undang	244
	Lampiran 1	245
	Lampiran 2	247
	Lampiran 3	248
	Lampiran 4	249
	Lampiran 5	250
	Lampiran 6	251
	Lampiran 7	253
	Lampiran 8	254
	Lampiran 9	255
	Lampiran 10	256
	Lampiran 11	257
	Lampiran 12	261
	Lampiran 13	262
	Lampiran 14	263

SENARAI JADUAL

- Jadual 2.1: Rumusan Latar Belakang Institusi Zon 2
- Jadual 4.1: Sumber Dari Dokumen Pendekatan Gioia
- Jadual 4.2: Pemilihan Responden Pada Pendekatan Gioia
- Jadual 4.3: Contoh Proses Data Analisis Mengikut Gioia
- Jadual 5.1: Kewujudkan Transaksi Aset Dalam Laporan Kewangan.
- Jadual 5.2: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan MAIK Dan LZNK
- Jadual 5.3: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan Maips
- Jadual 5.4: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan MAINPP
- Jadual 5.5: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan MAIDAMP
- Jadual 5.6: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan TBS
- Jadual 5.7: Ringkasan Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan
- Jadual 5.8: Perincian Aset Di Bawah Inventori, Aset Tidak Ketara Dan Hartanah Pelaburan
- Jadual 6.1: Konsep Dan Prinsip Perakaunan
- Jadual 6.2: Pendedahan Komponent Wakaf
- Jadual 6.3: Pendapat 1 Didedahkan Dalam Penyata Wakaf Berasingan Yang Dinamakan Penyata 'Sustainable Income'
- Jadual 6.4: Pendapat 2 Didedahkan Dalam Penyata Kewangan
- Jadual 6.5: Pengiktirafan Zakat
- Jadual 6.6: Proses Pengagihan Zakat Mengikut Kaedah MDKD (Tanpa Pelaburan)
- Jadual 6.7: Proses Pengagihan Zakat Mengikut Kaedah MDKD (Dengan Pelaburan)
- Jadual 6.8: Kumpulan Wang Baitulmal
- Jadual 7.1: Majlis Agama Islam Negeri Dan Sumber Kuasa Penubuhannya.
- Jadual 7.2: Institusi Wakaf, Zakat Dan Sumber Kuasa Penubuhannya
- Jadual 7.3: Enakmen Wakaf Negeri Dan Seksyen Tentang Pemeganag Amanah Tunggal
- Jadual 7.4: Negeri Dan Undang-Undang Tanah Sebelum Persekutuan Tanah Melayu
- Jadual 7.5: Cadangan/ Isu Diangkat Dan Keputusan JK Fatwa PP
- Jadual 7.6: Cadangan MAINPP Dan Keputusan JK Fatwa
- Jadual 8.1: Cadangan Perubahan Hartanah, Loji & Peralatan (MPSAS 17)
- Jadual 8.2: Cadangan Inventori (MPSAS 12)
- Jadual 8.3: Cadangan Hartanah Pelaburan (MPSAS 16)
- Jadual 8.4: Cadangan Pajakan (MPSAS 13)

Jadual 8.5: Cadangan Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21)

Jadual 8.6: Cadangan Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai (MPSAS 26)

Jadual 8.7: Cadangan Pertanian (MPSAS 27)

Jadual 8.8: Cadangan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31)

SENARAI GAMBARAJAH

- Gambarajah 4.1: Reka Bentuk Kajian
- Gambarajah 4.2: Kaedah Bagi Kajian Amalan Semasa Perakaunan
- Gambarajah 4.3: Kaedah Bagi Kajian Keperluan Syariah Dan Batasan Perundangan
- Gambarajah 4.4: Kaedah Pengumpulan Data
- Gambarajah 4.5: Proses Analisis Data Menggunakan Teknik Gioia et al. (2012)
- Gambarajah 6.1: Perspektif Hala-Tuju Dua Kerangka Kerja Perakaunan
- Gambarajah 6.2: Perbandingan Di Antara Dua Kerangka Kerja Perakaunan
- Gambarajah 6.3: Kronologi Karya Mengenai Maqasid Syariah
- Gambarajah 6.4: Maqasid Syariah Berkaitan Perakaunan
- Gambarajah 6.5: Pemilikan Harta Dalam Syariat Islam
- Gambarajah 6.6: Perhubungan MPSAS Dengan Kerangka Kerja Islam
- Gambarajah 6.7: Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam
- Gambarajah 6.8: Mekanisme Perakaunan
- Gambarajah 6.9: Aliran Pengoperasian Teknikal Wakaf
- Gambarajah 6.10: Pengiktirafan Dan Pengukuran Wakaf
- Gambarajah 6.11: Pendedahan Kompenan Aset Wakaf
- Gambarajah 6.12: Aliran Pengoperasian Teknikal Zakat
- Gambarajah 6.13: Aliran Pengoperasian Baitulmal
- Gambarajah 7.1: Rumusan Keperluan Syariah
- Gambarajah 7.2: Kerangka Perundangan di Malaysia Berkaitan Perakaunan

SENARAI RINGKASAN

1PP - 1 Pekeliling Perbendaharaan
AAOIFI - Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
ABB - Akta Badan Berkanun
BB - Badan Berkanun
BBP - Badan Berkanun Persekutuan
CS - Country Lease
DYMM - Duli Yang Maha Mulia
FR - Field Register
FRS - Piawaian Pelaporan Kewangan
GIM - Generic Inquiry Method
HR - Hadis Riwayat
IASB - Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IBF - Perbankan dan Kewangan Islam
IFRS - Piawaian Pelaporan Perakaunan Antarabangsa
IPN - Institut Perakaunan Negara
IPSAS - Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa
JAIPP – Jabatan Agama Islam Pulau Pinang
JANM - Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR - Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JK – Jawatan Kuasa
JPA - Jabatan Perkhidmatan Awam
KDYMM – Ke bawah Duli Yang Maha Mulia
KK - Kerangka Kerja Konseptual
KKPI - Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam
KTN - Kanun Tanah Negara
LZNK - Lembaga Zakat Negeri Kedah
MAIDAMP - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
MAIK – Majlis Agama Islam Negeri Kedah
MAIN - Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP - Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

MAIPs - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MASB - Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MDKD - Masuk dahulu keluar dahulu
MIS - Majlis Islam Sarawak
MPERS - Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia
MPSAS - Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
MPSAS 12 - Inventori
MPSAS 13 - Pajakan
MPSAS 16 - Hartanah pelaburan
MPSAS 17 - Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 21 - Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai
MPSAS 26 - Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai
MPSAS 27 - Pertanian
MPSAS 31 - Aset Tidak Ketara
NT - Native Title
PERS - Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian
PL - Provisional Lease
PP - Pekeliling Perbendaharaan
PPI - Piawaian Perakaunan Islam
PZPP - Pusat Zakat Negeri Pulau Pinang
QS - Al-Quran Surah
SORP - Statements of Recommended Practice
ST - Hakmilik Subsidiary
TBS - Tabung Baitulmal Sarawak
TL - Town Lease
UIAM - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM - Universiti Kebangsaan Malaysia
UUM - Universiti Utara Malaysia
WZB - Wakaf, Zakat dan Baitulmal
Zon 2 - Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengantar

Perkembangan perakaunan sektor awam di Malaysia menyaksikan peralihan perakaunan asas tunai diubahsuai kepada perakaunan asas akruan. Akibat daripada peralihan tersebut Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan organisasi sektor awam di bawah kedua-dua peringkat kerajaan menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (Malaysian Public Sector Accounting Standards – MPSAS). Walau bagaimanapun, kelainan atau keunikan ciri-ciri institusi sektor awam yang berlandaskan Islam seperti institusi wakaf, zakat dan baitulmal (selepas ini dinyatakan sebagai Institusi WZB) jelas memerlukan piawaian perakaunan khusus, yang berlandaskan tuntutan syariah. Ketidakwujudan piawaian perakaunan seragam yang dapat memenuhi tuntutan syariah untuk digunakan oleh semua Institusi WZB dianggap sebagai punca utama kepada permasalahan ketelusan pelaporan dana yang menjadi kritikan sehingga kini khususnya daripada pihak berkepentingan. Kesedaran ini telah membawa kepada keperluan satu kajian penting ke arah pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB sebagai salah satu organisasi sektor awam di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) bersama-sama tiga buah universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian dalam Fasa 2 ini lebih memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang melibatkan lapan (8) jenis piawaian perakaunan berkaitan komponen aset iaitu Inventori (MPSAS 12), Pajakan (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26), Pertanian (MPSAS 27), dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31) sebagaimana dipersetujui oleh pihak JANM. Zon 2 yang melibatkan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak digunakan sebagai skop kajian.

Objektif Kajian

Hasil perbincangan antara kesemua pihak yang dinyatakan di atas, empat objektif kajian telah dibentuk. Objektif pertama kajian adalah untuk mengenal pasti dan memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) bagi lapan (8) jenis piawaian perakaunan berkaitan aset iaitu Inventori (MPSAS 12), Pajakan (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26),

Pertanian (MPSAS 27), dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31) di Zon 2. Ini bukan bermaksud untuk menilai tahap pematuhan MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) kepada keperluan MPSAS tetapi untuk menilai sejauh mana MPSAS boleh digunakan sebagai asas untuk pembangunan piawaian perakaunan Islam (selepas ini dinyatakan sebagai PPI) bagi Institusi WZB yang dicadangkan di akhir kajian ini.

Objektif kedua kajian adalah untuk mengukuhkan lagi penyediaan kerangka kerja konseptual perakaunan Islam (selepas ini dinyatakan sebagai KKPI) yang lengkap yang mana ianya mengambil kira perakaunan semasa bagi Institusi WZB, khususnya berkaitan komponen aset. Tumpuan utama adalah pada tahap ketiga KKPI iaitu dari segi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berdasarkan KKPI yang telah dicadangkan dalam kajian Fasa 1. KKPI yang dicadangkan dalam kajian ini akan dijadikan panduan dalam pembangunan PPI bagi Institusi WZB yang dicadangkan di akhir kajian ini.

Objektif ketiga kajian pula bertujuan untuk mengenal pasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) dan batas-batas perundangan sivil dalam membentuk PPI bagi Institusi WZB. Keberhasilan daripada objektif ketiga kajian sangat penting kerana dengan mengenal pasti segala keperluan syariah dan batas-batas perundangan sivil dapat membantu pihak yang menggubal piawaian dalam membentuk PPI yang holistik.

Objektif keempat kajian adalah mengemukakan cadangan-cadangan bagi membangunkan PPI berkaitan komponen aset bagi Institusi WZB untuk digunakan oleh MAIN (atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN) yang memenuhi keperluan syariah (Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) serta perundangan sivil.

Memandangkan pada masa ini terdapat limitasi dari segi PPI yang terpakai di dunia amnya dan di Malaysia khususnya, maka amatlah penting keempat-empat objektif Fasa 2 kajian ini dicapai. Sebagai kajian perintis, hasil kajian ini dapat menjadi platform kepada pembangunan KKPI dan PPI yang holistik bagi Institusi WZB.

Metodologi Kajian

Kaedah triangulasi telah digunakan yang mana penyelidik mengumpul data menggunakan kombinasi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kajian telah melaksanakan pengumpulan data secara temu bual. Manakala bagi data sekunder pula, dokumen asas iaitu laporan kewangan tahunan MAIN atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN, Al-Quran, Hadis, Ijmak, Qias, perundangan syariah negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah telah dijadikan sumber data.

Sampel kajian Institusi WZB terdiri daripada kesemua 5 MAIN; iaitu negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Oleh kerana terdapat dua (2) MAIN yang tidak

menguruskan zakat, iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Sementara Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hanya menerima dan mengagih kutipan zakat dari As-Sahabah (Pusat Zakat Negeri Pulau Pinang selepas ini dinyatakan sebagai PZPP). Dengan itu, sampel kajian juga tertumpu kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan PZPP. Secara keseluruhannya, tujuh (7) laporan kewangan tahunan bagi Institusi WZB telah digunapakai dalam kajian ini.

Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya dalam pembangunan KKPI dan PPI, kajian telah menggunakan kaedah kualitatif melalui dua (2) pendekatan iaitu pendekatan GIM (generic inquiry method) dan pendekatan Gioia. Berdasarkan kedua-dua pendekatan ini, pengumpulan data melalui dokumen serta temu bual telah menjadi keutamaan bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan lakaran KKPI yang telah dicadangkan, dengan melibatkan pakar-pakar dalam bidang perakaunan Islam. Selain itu, penggunaan pendekatan GIM telah dilaksanakan dalam kajian ini dengan menemu bual pegawai dan akauntan yang menguruskan harta WZB bagi mendapatkan maklumat terperinci untuk mencapai objektif pertama, ketiga dan keempat berkenaan komponen aset.

Hasil Kajian

Hasil dapatan objektif pertama kajian melalui temu bual dengan wakil-wakil institusi terlibat dan dapatan daripada laporan kewangan tahunan setiap Institusi WZB dalam Zon 2, secara umumnya dapat dirumuskan bahawa bukan semua lapan piawaian perakaunan berkaitan komponen aset iaitu Inventori (MPSAS 12), Pajak (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26), Pertanian (MPSAS 27), dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31) digunapakai dalam Zon 2. Hanya piawaian perakaunan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan sahaja digunapakai oleh kesemua MAIN dan LZNK serta PZPP dalam Zon 2. Hal ini berlaku sedemikian kerana hartanah, loji dan peralatan adalah kategori utama komponen aset bagi MAIN dan LZNK serta PZPP, maka keseluruhan MAIN dan LZNK serta PZPP bagi Zon 2 menggunakan piawaian berkenaan.

Bagi kategori kedua paling banyak digunapakai ialah inventori dan aset tidak ketara. Dua MAIN negeri iaitu MAIK dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIDAMP) menggunakan piawaian perakaunan inventori, manakala piawaian perakaunan aset tidak ketara digunapakai oleh MAIK dan LZNK. Namun demikian, penggunaan piawaian inventori tidak digunapakai secara langsung tetapi digunapakai oleh subsidiari bagi kedua-dua MAIN yang menjalankan perniagaan masing-masing. Dengan kata lain, hanya entiti yang menjalankan perniagaan sahaja yang memiliki aset inventori dan diiktiraf dalam penyata kewangan. Bagi aset tidak ketara, selain MAIK dan LZNK, didapati Tabung Baitulmal Sarawak

(TBS) juga memiliki aset tersebut namun diakaunkan dalam kategori aset hartanah, loji dan peralatan.

Bagi kategori aset pajakan pula, hanya MAIK memiliki aset pajakan namun tidak diakaunkan dalam kategori aset pajakan. Aset pajakan ini hanya diakaunkan di bawah kategori aset hartanah, loji dan peralatan.

Bagi kategori hartanah pelaburan, boleh dikatakan kesemua Institusi WZB memiliki aset di bawah kategori hartanah pelaburan kecuali LZNK, namun aset ini hanya diakaunkan di bawah kategori aset hartanah, loji dan peralatan. Hanya MAIDAMP yang mengakaunkan aset ini sebagai hartanah pelaburan.

Bagi kedua-dua kategori berkaitan dengan rosot nilai, tiada MAIN dan LZNK serta PZPP yang mengguna pakai piawaian-piawaian tersebut kecuali MAIDAMP yang hanya terdapat dalam dasar perakaunannya. Pendedahan rosot nilai oleh MAIDAMP adalah berkaitan dengan MPSAS 21 yang mana hanya didedahkan dalam dasar perakaunan tanpa adanya sebarang kesan terhadap aset, ekoran tiada sebarang angka yang dinyatakan.


Dapatan kajian menunjukkan piawaian perakaunan sedia ada tidak sepenuhnya dapat menyediakan tatacara perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan disebabkan keunikan aktiviti WZB. Antara item-item yang berbeza ialah wakaf khas, wakaf am, luqatah, harta faraid dan istibdal. Ini menyebabkan Institusi WZB menggunakan kaedah yang tidak seragam bagi item-item tersebut terutamanya dari segi pengukuran. Manakala dari segi pendedahan, didapati kebanyakan MAIN yang bertanggungjawab mentadbir ketiga-tiga urusan WZB tidak mengasingkan pendedahan mengenai aset kepada Institusi WZB.

Berikutan itu, hasil kajian daripada amalan semasa perakaunan boleh dijadikan asas dalam pembangunan PPI bagi institusi berkenaan di samping memperkukuhkan lagi hasil kajian dalam pembentukan KKPI yang komprehensif. Namun, bagi memenuhi keperluan syariah dan mengambil kira ciri dan peranan institusi berkenaan dalam mentadbir urus WZB, dan dengan kesedaran bahawa MPSAS dibangunkan berasaskan piawaian perakaunan konvensional, beberapa pindaan perlu dibuat ke atas MPSAS yang terlibat dalam usaha untuk membangunkan PPI bagi Intitusi WZB.

Bagi tujuan membangunkan PPI tersebut, adalah menjadi satu keperluan untuk terlebih dahulu memperkemas dan memantapkan KKPI yang sedia ada supaya objektif pelaporan kewangan institusi yang mentadbir urus WZB tidak tersasar, selari dengan fungsinya dalam menjaga kemaslahatan masyarakat secara keseluruhannya. Justeru, kajian ini seterusnya telah mengemukakan satu cadangan penambahbaikan KKPI.

Dalam Fasa 1 kajian, tumpuan adalah kepada pembangunan KKPI yang mana ianya telah membahagikan KKPI kepada tiga tahap iaitu tahap pertama, tahap kedua dan tahap ketiga seperti gambarajah dibawah. Oleh kerana kajian pada Fasa 1 lebih memberi tumpuan kepada perbincangan tahap pertama dan tahap kedua iaitu dasar, konsep asas dan matlamat perakaunan Islam, maka bagi mencapai objektif kedua kajian dalam Fasa 2 ini, kajian memberi keutamaan kepada tahap ketiga KKPI, iaitu melihat dengan lebih teliti aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang melibatkan komponen aset.

Kerangka Kerja Perakaunan Islam.



Oleh yang demikian, KKPI yang dibangunkan ini diharap dapat membantu dalam pembangunan PPI bagi Institusi WZB. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penambahbaikan bukan hanya berlaku pada tahap ketiga sahaja bahkan ianya turut melibatkan tahap kedua. Tahap kedua iaitu melihat kepada matlamat perakaunan Islam yang berlandaskan kepada konsep maqasid syariah. Asas kepada konsep maqasid syariah ini telah digunakan dalam Fasa 2 untuk membantu pelaksanaan PPI yang lebih spesifik kepada konsep perakaunan Islam itu sendiri iaitu berkenaan dengan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan.

Berdasarkan kepada tahap ketiga dalam KKPI, pengiktirafan komponen aset perlu mengambil kira status pemilikan aset menurut syariah. Pemilikan aset dalam Islam terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu pemilikan sempurna dan pemilikan tidak sempurna. Pemilikan sempurna berlaku dalam lima (5) keadaan iaitu penguasaan, akad (reda-meredai), penggantian, terbitan daripada harta asal dan syuf'ah (secara paksaan). Manakala pemilikan tidak sempurna pula berlaku dalam tiga (3) keadaan iaitu hak zat (memiliki harta sahaja), hak manfaat (memiliki manfaat penggunaan harta sahaja), dan hak irtifaq (perkongsian antara zat dan manfaat seperti hak penggunaan saluran).

Bagi pengukuran pula, dapatan menunjukkan bahawa bentuk pengukuran yang bertepatan dengan syariah adalah pengukuran yang adil dan saksama. Hal demikian, memenuhi perintah Allah SWT di dalam Al-Quran yang bermaksud;

“Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak)”.

(QS. Al-Israa' 17:35)

“Dan kepada (penduduk) Madyan (Kami utus) saudara mereka, Syu'aib. Ia berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia. Dan janganlah kamu kurangi takaran dan timbangan, sesungguhnya aku melihat kamu dalam keadaan yang baik (mampu) dan sesungguhnya aku khawatir terhadapmu akan azab hari yang membinasakan (kiamat).” “Dan Syu'aib berkata: "Hai kaumku, cukupkanlah takaran dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka dan janganlah kamu membuat kejahatan di muka bumi dengan membuat kerosakan”

(QS. Hud :84-85)

“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. (iaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain, mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidakkah orang-orang itu yakin bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan. Pada suatu hari yang besar. (iaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Rabb semesta alam”.

(QS. Al-Muthaffifin 83: 1-6)

Sungguhpun begitu, dapat difahami kebanyakan para ulama berpandangan bahawa harga adalah merupakan salah satu rukun dalam sahnya urusan niaga jual beli. Oleh itu, harga yang

dipersetujui telah dirujuk bagi menilai sesuatu aset menurut pandangan Islam. Nilai-nilai yang dipilih untuk mengukur segala yang berkaitan dengan aset dalam kajian ini adalah berpandukan kepada nilai al-qimah, an-nuqd, al-fulus, al-qabdh, dan al-ujrah yang mana amalan di Malaysia adalah dalam nilai Ringgit Malaysia (RM).

Pendedahan atau pelaporan maklumat perakaunan dalam Islam merupakan tuntutan penting dalam Islam. Ini jelas seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka, hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka, hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dalam kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan daripada orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa daripada saksi-saksi perempuan yang berdua itu, maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menuliskannya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”


(QS Al-Baqarah 2:282)

Berdasarkan maksud ayat Al-Quran di atas dan perbincangan di dalam kajian literatur dapatlah difahami bahawa maklumat yang jelas dan telus dalam pendedahan pelaporan kewangan adalah menjadi satu keperluan.


Tuntutan mendedahkan maklumat perakaunan secara telus kepada pemegang taruh (stakeholders) seperti mana yang terdapat di dalam tahap pertama KKPI iaitu bertujuan untuk menjaga hubungan dengan Allah SWT (Hablul Min Allah) dan juga sesama manusia (Hablul Min An-Nas) adalah menjadi satu keperluan. Ini juga termasuk dalam keperluan maqasid syariah di bawah klasifikasi “Ad-Dharuriyyat” iaitu menjaga harta (Hifz Al-Mal). Walau bagaimanapun, peringkat-peringkat pendedahan perlu melihat dari sudut apa yang dituntut dalam maqasid iaitu menjamin kelangsungan lima perkara dharuriyyat (menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) sama ada dikira sebagai maslahat dan setiap yang mengancamnya dikira sebagai mafsadah mengikut dapatan kajian. Selain daripada itu kajian juga mencadangkan satu laporan tambahan yang dikenali sebagai Laporan Pertambahan Nilai diperkenalkan bagi melengkapkan pendedahan yang lebih adil dan saksama.

Pengoperasian bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan pelaporan kewangan bagi Institusi WZB boleh dirujuk pada gambarajah-gambarajah di bawah berkaitan Aliran Pengoperasian Teknikal Wakaf, Zakat dan Baitulmal.


Aliran Pengoperasian Teknikal Wakaf



Aliran Pengoperasian Teknikal Zakat



Aliran Pengoperasian Teknikal Baitulmal




Seterusnya, objektif ketiga kajian dalam langkah untuk membantu pihak yang menggubal piawaian dalam membentuk PPI yang holistik, maka perkara yang berkaitan dengan keperluan syariah dan batasan perundangan sivil perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Berdasarkan hasil dapatan kajian Fasa 2, keperluan syariah bukanlah semata-mata

berpandukan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias dalam pembentukan PPI. Malah sumber-sumber ini merupakan tajuk kecil dalam perbahasan ilmu usul fiqh. Hasil analisis dapatan kajian mendapati bahawa asas keperluan syariah yang amat diperlukan dalam pembentukan PPI adalah ilmu-ilmu yang berlegar dalam sumber-sumber disepakati (Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) dan sumber-sumber tidak disepakati (Ihtishan, Istishab, Zara'ie, Mursalah, dll.) iaitu ilmu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran dan qawaid fiqh. Hal demikian, menjadikan ilmu-ilmu berkenaan sebagai satu dapatan kajian baru yang muncul di Fasa 2 ini.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa elemen-elemen seperti harta, akad, jual beli, pertanian muncul sebagai tema fiqh yang diperlukan dalam pembentukan PPI. Selain itu, elemen-elemen seperti hukum taklif, hukum wadh'ie, maqasid syariah, ijthiad, fatwa, pandangan, taklid dan juga sumber (disepakati dan tidak disepakati) telah dikategorikan sebagai tema usul fiqh dalam melaksanakan pembentukan PPI. Oleh kerana banyak pandangan-pandangan Mazhab seperti Shafie, Hanafi, Maliki, dan Hambali muncul sebagai elemen dalam menganalisis data, maka tema fiqh muqaran juga merupakan tema yang penting dalam pembentukan PPI. Berpandukan elemen qawaid-qawaid asas dan qawaid-qawaid furuk yang dibincangkan dalam kajian ini, menunjukkan bahawa tema ilmu qawaid fiqh merupakan hasil dapatan kajian terakhir dalam keperluan syariah. Oleh itu, perbahasan berkaitan ilmu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran dan qawaid fiqh merupakan tema yang penting dalam keperluan syariah. Hasil dapatan kajian berkaitan keperluan syariah bagi pembentukan PPI dan KKPI boleh dirumuskan seperti gambarajah di bawah:

Rumusan Keperluan Syariah



Selain daripada keperluan syariah, batasan perundangan sivil juga merupakan perkara yang amat penting untuk diketahui oleh para penggubal dalam membentuk PPI yang holistik. Dalam batasan perundangan sivil, wujud perbezaan yang agak ketara berkaitan pentadbiran perundangan Islam di antara negeri-negeri apabila fungsi berkaitan agama telah dipisahkan bagi setiap negeri seperti mana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Majlis Fatwa di peringkat Mufti mengeluarkan fatwa yang menentukan polisi dan dasar sesuatu MAIN. Hal ini bermakna Majlis Fatwa juga menjadi rujukan utama bagi aktiviti WZB.

Sekiranya pihak berwajib berhasrat untuk memastikan MAIN menerima pakai PPI maka disarankan agar dimasukkan klausa tentang piawaian berasaskan syariah. Walau bagaimanapun, pindaan ini akan mengambil masa yang agak lama bagi membenteng cadangan pindaan rang undang-undang, membahaskan, dan meluluskannya. Dari segi semakan batasan perundangan sivil berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan pula, terdapat beberapa isu yang perlu diberikan perhatian. Pertama, aspek perundangan yang menghadkan atau menyekat sesuatu tindakan. Misalnya, sekatan ke atas pemindahan hak milik hartanah milik bumiputera, tanah adat, tanah rezab, tanah anak negeri bagi tanah di Sarawak dan juga beberapa negeri lain. Kedua, terdapat undang-undang yang terlalu longgar yang memerlukan rujukan silang kepada perundangan lain yang boleh menjadikan situasi bertambah kompleks. Misalnya, ketiadaan enakmen pentadbiran wakaf yang khusus berkaitan aspek penting seperti pendaftaran wakaf, serah hak milik wakaf, pembangunan wakaf dan istibdal. Penyelidik juga mencadangkan agar pihak MAIN mewujudkan undang-undang khusus berkaitan dengan wakaf dan baitulmal, kerana undang-undang sedia ada lebih menumpukan kepada aspek zakat sahaja.

Manakala bagi mencapai objektif keempat kajian pula iaitu mencadangkan PPI berkaitan komponen aset bagi Institusi WZB yang melibatkan inventori, pajakan, hartanah pelaburan, hartanah, loji dan peralatan, rosot nilai aset yang tidak menjana tunai, rosot nilai aset yang menjana tunai, pertanian dan aset tidak ketara, kajian ini membuat ketetapan seperti berikut:

1. Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan dikekalkan dan dibuat pindaan yang mana perlu mengikut ciri-ciri dan aktiviti Institusi WZB.
2. Keperluan syariah yang tidak terdapat dalam piawaian MPSAS berkaitan, maka akan ditambah peruntukan yang bersesuaian.
3. Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang bercanggah atau tidak selari dengan keperluan syariah akan dipinda atau dikeluarkan.
4. Mana-mana peruntukan dalam piawaian MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan dikeluarkan.

Berdasarkan ketetapan di atas, peruntukan atau perenggan yang terkandung dalam setiap MPSAS disemak dan pindaan berkaitan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan akan dicadangkan. Secara umumnya cadangan pengubahsuaian MPSAS yang paling signifikan ialah kepada kandungan dalam MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan, MPSAS 13 Pajak dan MPSAS 16 Hartanah Pelaburan. Manakala, pengubahsuaian bagi MPSAS-MPSAS yang lain adalah minimum. Cadangan pindaan yang ketara ke atas MPSAS 17 terutamanya berkaitan aspek pengiktirafan dan pengukuran disebabkan keunikan aktiviti WZB berbanding entiti kerajaan yang lain dan keperluan untuk mengakaunkan transaksi yang dijalankan dengan cara yang memenuhi kehendak syariah. Begitu juga dengan PPI berkaitan pajak yang mana kajian ini mencadangkan pengelasan jenis pajak yang berbeza daripada peruntukan dalam MPSAS 13 atas faktor keperluan syariah dan ciri aktiviti WZB. Manakala dari segi pendedahan, kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai peruntukan dalam MPSAS dengan penambahan agar pendedahan aset dibuat secara berasingan bagi setiap Institusi WZB.

Rumusan

Usaha untuk membangunkan KKPI dan PPI bagi Institusi WZB adalah satu usaha yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan institusi ini sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi bukan sahaja kepada masyarakat secara keseluruhannya tetapi yang paling utama adalah akauntabiliti kepada Allah SWT. Pelaporan yang dapat memenuhi tuntutan akauntabiliti yang holistik seperti yang dijelaskan dalam KKPI adalah penting agar dapat meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan pemberi amanah khususnya dan masyarakat keseluruhan amnya terhadap institusi berkenaan.

Dengan cadangan KKPI dan cadangan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan untuk PPI berkaitan aset yang dikemukakan oleh kajian ini diharap dapat mengharmonikan pelaporan kewangan institusi berlandaskan Islam khususnya institusi yang mentadbir urus harta WZB di Malaysia. Dengan pelaporan kewangan yang bersandarkan kepada piawaian perakaunan khusus yang menepati tuntutan syariah ini, Institusi WZB diharap akan terus menjadi institusi penting yang diyakini untuk dapat terus menjaga kemaslahatan masyarakat Islam sejagat sekali gus dapat menegak dan memelihara kesucian agama Islam. Akhir sekali, diharapkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dapat mengorak langkah ke hadapan sebagai sebuah negara peneraju dalam perakaunan dan kewangan Islam.

PENGHARGAAN


Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinnya maka projek dan laporan penyelidikan Fasa 2 telah dapat disiapkan. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y. Bhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin, mantan Akauntan Negara Malaysia dan Y. Brs. Encik Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia yang baru dan pengurusan atasan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak kami untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak jabatan. Ucapan terima kasih juga kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM dan Pengarah Institut Perakaunan Negara, JANM yang telah memimpin dan mengurus projek penyelidikan ini dengan cemerlang, bermula daripada pembangunan rekabentuk kertas cadangan penyelidikan sehinggalah kepada penyediaan laporan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua responden daripada 7 entiti yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak dan Lembaga Zakat Negeri Kedah serta As-Sahabah (Pulau Pinang) dan entiti-entiti yang di bawah Majlis Agama Islam Negeri-Negeri serta pakar-pakar syariah dan perakaunan serta rakan penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan kerjasama penuh ketika kerja lapangan, mesyuarat, pembentangan projek penyelidikan ini dilakukan.

Adalah menjadi harapan kami, maklumat yang terkandung dalam laporan ini dapat membantu JANM membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawai perakaunan patuh syariah untuk memartabatkan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia.

Pengurus Projek Penyelidikan
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

Penyelaras Projek Penyelidikan
Institut Perakaunan Negara



Kumpulan Penyelidikan



Prof. Dr. Abdullah Bin Hj. Abd Ghani (Ketua Penyelidik)
Dr. Rohami Bin Shafie
En. Md. Suhaimi Bin Md. Saleh
En. Faisol Bin Elham

Prof. Madya Dr. Zaleha Binti Othman
Dr. Nasri Bin Naiimi
Dr. Fathilatul Zakimi Bin Abd Hamid
En. Mohamad Sharofi Bin Hj. Ismail

Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

Penafian

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Dalam abad ke 21 ini, ternyata terdapat ketidakcukupan atau batasan ekonomi perseorangan dalam mengatasi masalah ekonomi semasa. Ini adalah kerana sifat mementingkan diri sendiri dalam *homo economicus* menyebabkan ketidakadilan dan ketidaksamaan yang jelas dan nyata. Hal ini terjadi disebabkan manusia yang bertindak sebagai ejen ekonomi biasanya tidak rasional kerana sifat manusia yang tidak pernah merasa cukup dengan apa yang dimilikinya (Farooq, 2011). Kay (2002) menyatakan bahawa pegangan asas dalam *homo economicus* adalah mereka yang mementingkan diri sendiri, kebendaan dan taksu dalam mengejar kekayaan. Sementara itu, di dalam buku teks ekonomi dunia pula menyatakan bahawa dalam sistem ekonomi, manusia merupakan tulang belakang ataupun ejen ekonomi dalam aktiviti perekonomian (Khumalo, 2012). Para ilmuan juga berhujah bahawa asas pegangan ekonomi perseorangan telah menyebabkan ketidakadilan dan ketidaksamaan yang ketara sehingga menyebabkan pengagihan kekayaan menjadi tidak seimbang (Khumalo, 2012; Farooq, 2011; Kay (2002).

Oleh yang demikian, sesetengah pakar ekonomi berpandangan bahawa perlu wujudnya alternatif baru untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dalam aktiviti ekonomi perseorangan tersebut, alternatif tersebut adalah *homo Islamic economicus*. *Homo islamic economicus* adalah suatu amalan ekonomi yang membuat seseorang itu bersifat bersederhana dalam ekonomi iaitu tidak melaksanakan segala aktiviti ekonomi yang hanya menjurus kepada kepentingan diri semata-mata. Sebagai contoh, kewujudan Perbankan dan Kewangan Islam (IBF) adalah sebahagian daripada ciri-ciri penting kecenderungan ke arah *homo islamic economicus*. Konsep ekonomi di abad 21, telah cuba menerap dan mengamalkan konsep *homo islamic economicus* seperti apa yang berlaku terhadap Perbankan dan Kewangan Islam (IBF) (Pollard dan Samers, 2007). Perkembangan yang pesat dalam perbankan dan kewangan Islam membuktikan bahawa telah berlaku perubahan pemikiran dan penerimaan Islam sebagai salah satu alternatif dalam sistem ekonomi global. Sistem perbankan dan kewangan Islam adalah berpandukan peraturan dan undang-undang syariah yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad SAW melalui dua sumber utama, iaitu Al-Quran dan Hadis. Hal ini juga selaras dengan firman Allah SWT:

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا

“Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan aturan dan jalan yang terang”.

(QS Al-Maedah 5: 48)

Selain itu, untuk penyelesaian dalam isu-isu semasa sistem perbankan dan kewangan Islam, sumber-sumber utama yang lain seperti Ijmak, Qias, Ihtihsan, Ihtishab dan lain-lain juga digunapakai untuk menyelesaikan masalah yang timbul (Yusof, 2017; Suhaimi & Alias, 2008). Justeru itu, dalam penyelidikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM, 2017) menyedari bahawa tahap perakaunan Islam masih di peringkat penerokaan. Saranan daripada penyelidikan lepas menyatakan bahawa membangunkan Kerangka Kerja Perakaunan Islam (KKPI) dengan menggunakan pelbagai kaedah amat diperlukan (JANM, 2017; Amela, 2015; Salihin, Fatima & Ousama, 2014; Asfadillah, Latifah, & Sukmana, 2012; Abdul Rahim, 2010; Rohana & Azlan, 2010; Haniffa & Hudaib, 2010; Ather, 2009; Hameed & Yaya, 2005; Zaid, 2004; Haniffa & Hudaib, 2002; Hameed, 2000; dll.). Seperti mana pembangunan perakaunan konvensional pada peringkat awal, perakaunan Islam juga memerlukan penerokaan serta pencarian terhadap objektif dan ciri-cirinya untuk dijadikan sebagai asas dalam membangunkan KKPI yang selaras dengan keperluan syariah.

1.1 Perakaunan Bagi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal (WZB)

WZB telah menjadi salah satu penyumbang utama dalam ekonomi umat Islam. Hal ini berlaku sedemikian rupa kerana WZB menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Islam sejak zaman Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, pertumbuhan dan pembangunan WZB telah memberi manfaat dari satu generasi ke satu generasi. Sebagai contoh, wakaf terutamanya telah banyak menyelesaikan masalah ekonomi umat Islam dari zaman Rasulullah SAW hingga kini. Oleh kerana mempunyai pelbagai faedah dan manfaat, maka Menteri Kewangan Kedua Malaysia, iaitu Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah telah menyatakan bahawa institusi yang menguruskan WZB memerlukan suatu alternatif baru iaitu sistem perakaunan yang berasaskan Islam (UMNO online, 2016).

Sesetengah melihat bahawa WZB adalah salah satu mekanisme yang dapat menyelesaikan masalah kemiskinan. Manakala yang lain berpendapat bahawa WZB dapat menjana pendapatan untuk orang ramai jika ianya diuruskan dengan baik. Manakala sarjana Islam berpendapat WZB mempunyai unsur tanggungjawab sosial (Muhammad, 1986; Geoffrey, 1994; Islahi, 1996; Khaf; 1998; Sadeq, 2002; Armiadi, 2009; JANM, 2017; dll.). Sesetengah mengiktiraf WZB berpotensi meningkatkan pembiayaan dan pasaran modal (MASB, 2014). Di Malaysia, amalan wakaf korporat diperkenalkan yang bertujuan untuk menguruskan dana wakaf yang ditadbir oleh golongan profesional. Walau bagaimanapun, terdapat satu kebimbangan utama iaitu berkaitan dengan keperluan pelaporan penyata kewangan yang perlu mematuhi piawaian perakaunan yang sedia wujud (MASB, 2014).

Hal ini merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan berkaitan perakaunan dan pelaporan kewangan bagi Institusi WZB yang masih berada pada peringkat

awal. Buat masa ini, tiada piawaian perakaunan yang khusus bagi perakaunan WZB yang patuh syariah. Sebagai contoh, *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) dalam laporannya (MASB, 2014) menyatakan bahawa perakaunan WZB berdasarkan kepada asas akruan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS), yang juga berdasarkan kepada *International Financial Reporting Standards* (IFRS), secara umumnya pegangan perakaunan amalan semasa yang diamalkan dalam Institusi WZB adalah berdasarkan piawaian perakaunan konvensional. Memandangkan sifat, matlamat dan tujuan WZB berasaskan panduan yang diajar oleh agama Islam, maka asas perakaunan yang sejajar dengan syariah amat diperlukan.

Berdasarkan kepada kajian lepas (JANM, 2017), antara dapatan kajian mendapati bahawa masih wujud kekaburan berkaitan dengan perakaunan Islam bagi Institusi WZB. Dalam kajian tersebut menyatakan bahawa kekaburan adalah berkaitan dengan isu-isu patuh syariah ataupun tidak. Selain itu, dapatan JANM (2017) menunjukkan bahawa kajian masih lagi pada tahap penerokaan yang mana dalam kajian itu hanya mengkaji tahap pertama iaitu dasar dan konsep dasar dan tahap kedua, iaitu matlamat perakaunan Islam. Oleh itu, bersesuaian dengan objektif untuk mengukuhkan lagi KKPI, kajian diteruskan dengan mengkaji tahap ketiga dalam KKPI iaitu asas pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan untuk komponen aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan bagi Institusi WZB yang juga masih pada tahap penerokaan.

Ironinya, terdapat kritikan berkenaan kesediaan pihak berkuasa agama berkenaan dengan perakaunan dalam Institusi WZB. Antara isu yang diperkatakan adalah mengenai kualiti piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan yang memerlukan penambahbaikan (Yaacob Petra, Sumardiet, & Nahar, 2012). Selain itu, pentadbiran dan pengurusan dalam piawaian perakaunan dan pelaporan perlu diperbaiki. Hal ini berlaku dalam kajian Yaacob et al. (2012) yang hanya menyentuh tentang piawaian perakaunan dan pelaporan berkaitan dengan dana wakaf sahaja. Hujah yang sama juga telah digunakan kepada institusi zakat dan baitulmal, yang mana pengkritik menyatakan amalan perakaunan semasa tidak mewakili sifat sebenar wakaf, zakat dan baitulmal seperti mana pada zaman Rasulullah SAW (Ali, 1950).

Kajian lepas JANM (2017) mendapati isu-isu dan kebimbangan yang sama, terutamanya dalam masalah amalan perakaunan dan pengoperasian WZB yang diamalkan oleh MAIN, rata-rata mereka sedang mengamalkan amalan konvensional dalam penyediaan laporan kewangan mereka. Amalan semasa perakaunan bagi Institusi WZB dari sudut aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan mengikut piawaian perakaunan konvensional seperti MPSAS, PERS, MPERS, IAS dan sebagainya lagi. Oleh yang demikian, amalan semasa ini telah menimbulkan pelbagai kebimbangan kerana wujud beberapa urusan niaga

yang boleh dipersoalkan dan berkemungkinan tidak selari dengan kehendak syariah yang memerlukan perhatian serius. Antara isu penting yang perlu diperbetulkan dan diperkenalkan seperti penjelasan aset, liabiliti, perbelanjaan dan pendapatan, serta pengkelasannya. Kajian lepas yang dikaji oleh Asfadillah et al. (2012) dan JANM (2017) mendapati bahawa isu sama yang disebut perlu dikaji secara mendalam kerana amalan perakaunan semasa yang kurang menekankan kepada kehendak syariah.

Pandangan itu turut dipersetujui oleh Mohammad (2014) dengan menyebut bahawa penggubalan perakaunan Islam harus dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Oleh itu, segala konsep dan prinsip dalam perakaunan dan pelaporan kewangan yang selaras dengan syariah Islam perlu dibangunkan. Pembangunan perakaunan Islam mestilah meliputi aspek asas dalam epistemologi atau dengan kata lain teori tentang ilmu pengetahuan. Bagi menghasilkan sistem perakaunan Islam, teori perakaunan berasaskan syariah perlu dikaji. Maka, dengan penggunaan maqasid syariah sebagai penanda aras syariah dalam menilai atau menentukan kesahihan instrumen kewangan seperti aset, liabiliti, perbelanjaan, hasil, dana dan sebagainya amatlah diperlukan.

Bagi meneruskan usaha ke arah kesempurnaan KKPI yang dicadangkan sebelum ini oleh JANM (2017), iaitu berkenaan perakaunan Islam, kajian Fasa 2 mencadangkan untuk mengukuhkan lagi KKPI yang sedia ada. Di samping itu, kajian kali ini lebih tertumpu kepada penerokaan tahap ketiga, iaitu pengoperasian konsep perakaunan yang mengandungi andaian perakaunan dan prinsip. Kajian lepas JANM (2017) lebih memberi tumpuan kepada tahap satu dan tahap kedua KKPI. Tahap satu mengkaji konsep dasar dan konsep akauntabiliti dengan menjelaskan tentang tauhid, iaitu di antara hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia sesama manusia. Selain itu, kajian tersebut juga lebih memberi tumpuan terhadap tujuan seorang muslim sebagai khalifah. Diikuti dengan tahap kedua, iaitu penerokaan maqasid syariah yang menjadi matlamat kepada konsep khalifah. Buat masa ini, penyelidik berhasrat untuk meneruskan penjelajahan dan penerokaan ke tahap ketiga, yang mana penyelidik cuba untuk memahami dan membangunkan mekanisme perakaunan berteraskan konsep Islam (pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan). Penyelidik menjangkakan akan menghasilkan suatu KKPI yang holistik yang mencerminkan nilai-nilai Islam dari segi struktur dan juga prosesnya.

Untuk menghasilkan suatu KKPI yang bersifat holistik, penyelidik telah mengambil langkah inisiatif dengan mengkaji satu bahagian sahaja pada Fasa 2 ini. Bahagian tersebut adalah berkaitan dengan komponen aset sahaja. Kajian kali ini akan melihat dengan lebih mendalam tentang amalan semasa perakaunan dan pelaporan bagi komponen aset yang sedang diamalkan oleh Institusi WZB. Sebanyak lapan (8) piawaian perakaunan berkaitan komponen

aset dikaji bagi mengenal pasti sama ada amalan perakaunan WZB yang mengguna pakai piawaian perakaunan konvensional bersesuaian dengan kehendak syariah atau tidak. Di samping keperluan syariah, terdapat juga aspek lain yang dikaji, iaitu keperluan perundangan sivil yang mana kajian ini melihat apakah undang-undang atau peraturan sedia ada boleh menghalang pelaksanaan PPI bagi Institusi WZB. Seterusnya, kajian mencadangkan mekanisme perakaunan dari segi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi PPI dalam komponen aset untuk Institusi WZB yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah Islam dan pada masa yang sama dari aspek perundangan sivil tiada halangan atau sekatan dalam pembentukan PPI.

1.2 Pernyataan Masalah

Meskipun Fasa 1 kajian lepas telah mencadangkan KKPI, namun, hasilnya masih lagi berada pada tahap yang rendah dan memerlukan penambahbaikan (JANM, 2017). Fasa 2 mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang KKPI yang mana penyelidik mencari tema-tema baru berkaitan dengan perakaunan Islam untuk dijadikan rujukan kepada pembentukan KKPI dan PPI. Pada masa yang sama, penyelidik mendapati bahawa wujud kekangan daripada kajian lepas pada bahagian pengoperasian Institusi WZB seperti yang dinyatakan pada Fasa 1 kerana kajian tersebut lebih menfokuskan pada tahap pertama (epistemologi dan konsep khalifah) dan tahap kedua (maqasid syariah). Secara rumusannya, kajian Fasa 2 adalah untuk menerangkan lebih mendalam tentang tahap ketiga iaitu memahami dan membangunkan mekanisme perakaunan berteraskan konsep Islam (pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan) dengan menfokuskan kajian dalam komponen aset sahaja.

Oleh kerana wujud kekangan dalam kajian lepas (JANM, 2017), kajian Fasa 2 mendorong penyelidik untuk meneruskan penyelidikan ini bagi mendefinisikan dan memahami konsep perakaunan Islam dari perspektif realiti sosial. Faktor yang mendorong motivasi penyelidik adalah disebabkan oleh penemuan yang tersirat dalam pemahaman kajian lepas bahawa terdapat keperluan yang lebih mendalam dari aspek amalan perakaunan bagi Institusi WZB. Hasil dapatan kajian lepas telah melaporkan tiga (3) mekanisme perakaunan yang perlu diterokai; iaitu pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan. Ini adalah kerana buat masa kini, ketiadaan garis panduan yang jelas berkenaan perakaunan Islam bagi Institusi WZB. Selain itu, kekangan dalam kalangan akauntan di sektor awam yang pada ketika ini mengamalkan perakaunan konvensional. Kekurangan teori asas sebagai rujukan telah menambah kekangan bahagian pengoperasian WZB berdasarkan nilai-nilai Islam. Mengikut Ahmed (2004), sesuatu teori sepatutnya menjadi panduan kepada praktis. Kekangan-kekangan tersebut telah menyebabkan penggunaan KK konvensional sebagai satu alternatif perakaunan bagi Institusi WZB, adalah difikirkan kurang sesuai bagi amalan semasa perakaunan bagi Institusi WZB.

Memandangkan WZB adalah sebahagian daripada aktiviti ekonomi dan sosial yang penting dalam agama Islam, maka ia memerlukan amalan perakaunan dan pelaporan yang bersesuaian dengan kehendak syariah. Oleh yang demikian, pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi WZB adalah penting untuk kemaslahatan umat Islam selaras dengan dasar Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi. Dengan itu, ianya dapat meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan WZB di Malaysia (Maznah, Mohamat dan Radziah, 2014).

Dengan menggunakan pendekatan induktif, penyelidik memajukan KKPI yang telah dikaji sebelum ini iaitu pada Fasa 1 kajian (JANM, 2017). Dalam Fasa 2, penyelidik cuba untuk memberikan penumpuan yang lebih teliti yang mana ianya melibatkan tiga mekanisme utama, iaitu pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan dalam perakaunan Islam untuk Institusi WZB dengan hanya melibatkan komponen aset. Secara khususnya, kajian yang menggunakan kaedah pendekatan kualitatif telah digunakan untuk memeriksa bahagian pengoperasian Institusi WZB dan memberikan penerangan yang lebih jelas tentang KKPI yang akan dibangunkan. Penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif yang diasaskan oleh Strauss dan Corbin (1990). Pendekatan ini mempunyai kelebihan bagi melakukan kajian yang berbentuk pertanyaan (inquiry). Kaedah pendekatan kualitatif boleh memberi butiran halus tentang suatu keadaan atau fenomena yang sukar (Strauss & Corbin, 1990).

Daripada terus menggunakan KK perakaunan konvensional yang bersifat spekulatif, serta bertentangan dengan syariah, inilah masanya kajian ini berusaha untuk mengukuhkan lagi KKPI berteraskan unsur-unsur Islam. Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini yang menjadi strategi berbeza dan dikira sesuai bagi menjawab segala persoalan dan objektif kajian. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan pendekatan yang pelbagai iaitu menggunakan pendekatan Gioia, pendekatan GIM dan kaedah-kaedah yang melibatkan pemahaman Islam (fiqh, fiqh muqaran, usul fiqh dan qawaid fiqh). Melalui kaedah Gioia, keputusan akhir daripada kaedah Gioia adalah satu teori induktif yang berasaskan data. Pengumpulan data dan analisis teknik yang sistematik merupakan satu aspek yang penting dalam kaedah Gioia. Oleh itu, KKPI yang dibangunkan adalah berdasarkan daripada keterangan para responden yang terlibat secara langsung dalam Institusi WZB. Manakala, pendekatan GIM pula digunapakai dalam mengenal pasti amalan-amalan semasa piawaian perakaunan yang diamalkan dalam institusi yang menguruskan WZB. Selain itu, kaedah ini juga digunapakai sebagai satu pendekatan untuk mengenal pasti keperluan syariah dalam pembangunan KKPI yang holistik.

Pada masa yang sama, kaedah ini juga dapat mengenal pasti batasan-batasan perundangan sivil yang menjadi batasan kepada pembentukan KKPI dan tidak bercanggah dengan syariah.

Akhir sekali, dengan menggabungkan pendekatan Gioia, GIM, dan pemahaman Islam (fiqh, fiqh muqaran, usul fiqh dan qawaid fiqh), penyelidik mencadangkan maklumat bagi pembentukan PPI yang merujuk kepada amalan semasa perakaunan bagi Institusi WZB, keperluan syariah dan batasan perundangan sivil sebagai asas pembangunan PPI bagi Institusi WZB.

1.3 Pernyata Tujuan

Oleh itu, dalam bentuk yang ringkas dan padat, tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan KKPI yang menerangkan, menjelaskan, dan menjadi garis panduan yang relevan berdasarkan kehendak syariah Islam untuk pelaporan dan perakaunan bagi institusi yang menguruskan WZB. Kajian ini juga melihat amalan perakaunan semasa bagi institusi yang menguruskan WZB yang mengguna pakai piawaian perakaunan konvensional. Kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada perakaunan bagi komponen aset sahaja. Di samping itu, aspek perundangan sivil juga telah dikaji bagi mengenal pasti perkara-perkara yang berkaitan perundangan yang boleh menghalang pembentukan PPI yang selaras dengan kehendak syariah pada masa akan datang. Seterusnya, kajian ini mencadangkan mekanisme perakaunan dari segi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi PPI dalam komponen aset yang selaras dengan kehendak syariah Islam untuk Institusi WZB.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian hasil daripada permasalahan yang timbul antaranya adalah:

Pertama:

Apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan WZB oleh MAIN atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN?

Kedua:

Berdasarkan tujuan untuk menyediakan KK yang lengkap yang mana ianya akan mengambil kira perakaunan semasa bagi Institusi WZB, penyelidik telah membangunkan dua persoalan kajian, iaitu;

1. Apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu ada di dalam KKPI bagi aset WZB?
2. Apakah jenis maklumat yang perlu didedahkan di dalam pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB?

Ketiga:

Untuk persoalan kajian yang ketiga terdapat dua perkara yang diajukan iaitu;

1. Apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan WZB oleh MAIN atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN?
2. Apakah batas-batas perundangan sivil berbanding keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan WZB oleh MAIN atau entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN?

Keempat:

Apakah keperluan piawaian perakaunan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan WZB?

1.5 Objektif Kajian**Pertama:**

Bagi menjawab persoalan kajian pertama, maka objektif pertama kajian adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh MAIN atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN.

Kedua:

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, maka objektif kedua kajian bagi tujuan untuk penyediaan KK yang lengkap di mana ianya akan mengambil kira perakaunan semasa bagi Institusi WZB adalah mengukuhkan KKPI bagi Institusi WZB.

Ketiga:

Bagi menjawab persoalan kajian ketiga, maka objektif ketiga kajian adalah untuk mengenal pasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan PPI yang seragam bagi Institusi WZB.

Keempat:

Objektif keempat kajian adalah untuk mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan PPI bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan sivil.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan lanjutan daripada penyelidikan Fasa 1 JANM (2017) berkaitan dengan penyelidikan **Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia** yang disediakan untuk Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Susulan daripada itu, kajian Fasa 2 bertujuan mengkaji persoalan dan objektif kajian seperti yang dinyatakan sebelum ini. Penyelidikan ini lebih tertumpu kepada komponen aset dalam perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB.

Secara khususnya, lapan (8) komponen aset telah dikaji dalam Fasa 2 untuk menjawab objektif kajian pertama, ketiga dan keempat. Lapan (8) komponen aset tersebut ialah Inventori (MPSAS 12), Pajakan (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26), Pertanian (MPSAS 27), dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31) sebagaimana dipersetujui oleh pihak JANM. Dalam kajian ini, piawaian perakaunan MPSAS telah digunakan sebagai asas perbandingan.

Zon 2 yang melibatkan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak telah menjadi fokus utama dalam kajian ini dengan melibatkan MAIN dan LZNK serta PZPP (rujuk bab 2). Skop kajian melibatkan pegawai yang menguruskan harta WZB yang mana temu bual bersama mereka telah dilaksanakan. Selain itu, kelapan-lapan komponen aset ini telah dikaji dengan mengambil kira keperluan syariah dan batasan perundangan sivil. Justeru, dalam hal ini, dapatan penyelidikan membantu pihak-pihak berkepentingan terutamanya JANM dalam membangun dan membentuk PPI bagi Institusi WZB yang berteraskan Islam.

Selain itu, bagi mengukuhkan lagi KKPI Fasa 1 JANM (2017), penyelidik telah menemu bual pakar-pakar dari sudut perakaunan Islam dan syariah. Temu bual dijalankan bersama mereka (pakar dalam dan luar negara) bagi meluaskan lagi penelitian dalam pembangunan dan pembentukan KKPI yang holistik bagi menjawab objektif kedua kajian.

Bab seterusnya menjelaskan tentang latar belakang institusi bagi Zon 2.

BAB 2

LATAR BELAKANG ZON 2

2.0 Pengenalan

Bahagian ini akan menjelaskan tentang kategori institusi, nama entiti, kuasa tertinggi agama, kuasa tertinggi pengurusan, undang-undang tubuh, piawaian perakaunan yang digunapakai serta pelaporan kewangan yang dibuat sama ada disatukan atau pun tidak disatukan bagi setiap negeri yang dikaji. Sebelum itu, bahagian ini menjelaskan tentang Institusi WZB di dalam Islam dari segi pengwujudan, keperluan dan peranannya. Urusan WZB telah pun wujud sejak zaman Rasulullah SAW. Perkara ini jelas dengan wujudnya hadis-hadis yang menunjukkan wujudnya urusan WZB. Sebagai contoh, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA sebagai seorang penjaga harta zakat didatangi padanya Iblis yang menyamar sebagai orang susah untuk memohon bantuan. Hadis ini adalah berkaitan kelebihan ayat kursi, tetapi secara jelasnya menunjukkan bahawa institusi zakat telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW. Berikut ini, dalam Sahih Bukhari telah menyebutkan kisah tersebut secara lengkap;

وَقَالَ عُثْمَانُ بْنُ الْهَيْثَمِ أَبُو عَمْرٍو حَدَّثَنَا عَوْفٌ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ وَكَلَّنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحِفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ، فَأَتَانِي أَيْتٌ فَجَعَلَ يَخْتُو مِنَ الطَّعَامِ، فَأَخَذْتُهُ، وَقُلْتُ وَاللَّهِ لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ إِنِّي مُخْتَاجٌ، وَعَلَى عِيَالٍ، وَلِي حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ. قَالَ فَخَلَّيْتُ عَنْهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَا أَبَا هُرَيْرَةَ مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ ". قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَأَ حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ وَعِيَالًا فَرَحِمْتُهُ، فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ. قَالَ " أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ ". فَعَرَفْتُ أَنَّهُ سَيَعُودُ لِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهُ سَيَعُودُ. فَرَصَدْتُهُ فَجَاءَ يَخْتُو مِنَ الطَّعَامِ فَأَخَذْتُهُ فَقُلْتُ لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ دَعْنِي فَإِنِّي مُخْتَاجٌ، وَعَلَى عِيَالٍ لَا أَعُودُ، فَرَحِمْتُهُ، فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَأَصْبَحْتُ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَا أَبَا هُرَيْرَةَ، مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ ". قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَأَ حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ وَعِيَالًا، فَرَحِمْتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ. قَالَ " أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ ". فَرَصَدْتُهُ الثَّلَاثَةَ فَجَاءَ يَخْتُو مِنَ الطَّعَامِ، فَأَخَذْتُهُ فَقُلْتُ لَأَرْفَعَنَّكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهَذَا آخِرُ ثَلَاثِ مَرَّاتٍ أَنْكَ تَزْعُمُ لَا تَعُودُ ثُمَّ تَعُودُ. قَالَ دَعْنِي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ يُنْفَعُكَ اللَّهُ بِهَا. قُلْتُ مَا هُوَ قَالَ إِذَا أُوتِيَ إِلَى فِرَاشِكَ فَأَقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ {اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ} حَتَّى تَخْتِمَ الْآيَةَ، فَإِنَّكَ لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنَ اللَّهِ حَافِظٌ وَلَا يَقْرَبَنَّكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ. فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَأَصْبَحْتُ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ ". قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ رَعِمَ أَنَّهُ يُعَلِّمُنِي كَلِمَاتٍ، يُنْفَعُنِي اللَّهُ بِهَا، فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ. قَالَ " مَا هِيَ ". قُلْتُ قَالَ لِي إِذَا أُوتِيَ إِلَى فِرَاشِكَ فَأَقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ مِنْ أَوَّلِهَا حَتَّى تَخْتِمَ {اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ} وَقَالَ لِي لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنَ اللَّهِ حَافِظٌ وَلَا يَقْرَبَنَّكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ، وَكُنُوا أَحْرَصَ شَيْءٍ عَلَى الْخَيْرِ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَمَا إِنَّهُ قَدْ صَدَّقَكَ وَهُوَ كَذُوبٌ، تَعْلَمُ مَنْ نَخَاطِبُ مِنْذُ ثَلَاثِ لَيَالٍ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ ". قَالَ لَا. قَالَ " ذَلِكَ شَيْطَانٌ ".

"Dari Abu Hurairah RA, ia berkata, Rasulullah SAW pernah mewakilkan padaku untuk **menjaga zakat Ramadan (zakat fitrah)**. Lalu, ada seseorang yang datang dan menumpahkan makanan dan mengambilnya. Aku pun mengatakan, demi Allah, aku benar-benar akan mengadukanmu pada Rasulullah SAW. Lalu ia

berkata, aku ini benar-benar dalam keadaan yang memerlukan. Aku memiliki keluarga dan aku pun sangat memerlukan ini. Abu Hurairah berkata, aku membiarkannya. Lantas di pagi hari, Nabi SAW berkata padaku: wahai Abu Hurairah, apa yang dilakukan oleh tawananmu semalam? Aku pun menjawab, wahai Rasulullah, dia mengadukan bahawa dia dalam keadaan yang memerlukan dan juga mempunyai keluarga. Oleh kerana itu, aku begitu kasihan padanya sehingga aku melepaskannya. Nabi SAW bersabda, dia telah berdusta padamu dan dia akan kembali lagi. Aku pun tahu bahawasanya ia akan kembali sebagaimana yang Rasulullah SAW katakan. Aku pun mengawasinya, ternyata ia pun datang dan menumpahkan makanan, lalu ia mengambilnya. Aku pun mengatakan, aku benar-benar akan mengadukanmu pada Rasulullah SAW. Lalu ia berkata, biarkanlah aku, aku ini benar-benar dalam keadaan yang memerlukan. Aku memiliki keluarga dan aku tidak akan kembali setelah itu. Abu Hurairah RA berkata, Aku pun menaruh kasihan padanya, aku membiarkannya. Lantas di pagi hari, Nabi SAW berkata padaku: Wahai Abu Hurairah, apa yang dilakukan oleh tawananmu? Aku pun menjawab, wahai Rasulullah SAW, dia mengadukan bahawa dia dalam keadaan yang memerlukan dan juga mempunyai keluarga. Oleh kerana itu, aku begitu kasihan padanya sehingga aku melepaskannya pergi. Nabi SAW bersabda, dia telah berdusta padamu dan dia akan kembali lagi. Pada hari ketiga, aku terus mengawasinya, ia pun datang dan menumpahkan makanan lalu mengambilnya. Aku pun mengatakan, “aku benar-benar akan mengadukanmu pada Rasulullah SAW ini sudah kali ketiga, engkau katakan tidak akan kembali namun ternyata masih kembali. Ia pun berkata, biarkan aku. Aku akan mengajari suatu kalimat yang akan bermanfaat untukmu. Abu Hurairah RA bertanya, Apa itu? Ia pun menjawab, jika engkau hendak tidur di ranjangmu, bacalah ayat kursi “Allahu laa ilaha illa huwal hayyul qoyyum...” hingga engkau menyelesaikan ayat tersebut. Faedahnya, Allah akan sentiasa menjagamu dan syaitan tidak akan mendekatimu hingga pagi hari. Abu Hurairah RA berkata, aku pun melepaskan dirinya dan ketika pagi hari Rasulullah SAW bertanya padaku, “apa yang dilakukan oleh tawananmu semalam?” Abu Hurairah RA menjawab, wahai Rasulullah, ia mengaku bahawa ia mengajarkan suatu kalimat yang Allah beri manfaat padaku jika membacanya. Sehingga aku pun melepaskan dirinya. Nabi SAW bertanya, Apa kalimat tersebut? Abu Hurairah RA menjawab, ia mengatakan padaku, jika aku hendak pergi tidur di ranjang, hendaklah membaca ayat kursi hingga selesai iaitu bacaan “Allahu laa ilaha illa huwal hayyul qoyyum...”. Lalu ia mengatakan padaku bahawa Allah akan sentiasa menjagaku dan syaitan pun tidak akan mendekatimu hingga pagi hari. Dan para sahabat lebih semangat dalam

melakukan kebaikan. Nabi SAW pun bersabda, adapun dia kala itu berkata benar, namun asalnya dia pendusta. Engkau tahu siapa yang bercakap denganmu sampai tiga malam itu, wahai Abu Hurairah? Tidak, jawab Abu Hurairah. Nabi SAW berkata, "Dia adalah syaitan."

(HR. Al-Bukhari, 2311).

Selain itu, terdapat juga riwayat lain yang dapat kita ambil intipatinya sebagai panduan bahawa institusi zakat juga telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW iaitu hadis berkaitan dengan orang yang berkerja untuk mengutip duit zakat.

حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ مُوسَى، حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ، أَخْبَرَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ اسْتَعْمَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مِنَ الْأَسَدِ عَلَى صَدَقَاتِ بَنِي سُلَيْمٍ يُدْعَى ابْنَ اللَّتْبِيَّةِ، فَلَمَّا جَاءَ حَاسِبُهُ.

Diriwayatkan oleh Abu Humaid Al-Sa'idi: Rasulullah SAW melantik seorang lelaki mengumpul zakat dari suku Al-Asd Bani Sulaim bernama Ibn Al-Lutbiya. Apabila dia kembali, (selepas mengutip zakat) Rasulullah SAW memeriksa akaun dengan dia.

(HR. Al-Bukhari, 1500)

Manakala dapat dilihat bahawa institusi wakaf juga telah wujud seperti mana wujudnya institusi zakat. Hal ini dapat dilihat melalui sejarah di zaman Rasulullah SAW dengan melihat menerusi penjelasan hadis bagaimana Saidina Umar RA telah mewakafkan hartanya. Penjaga harta di dalam hadis di bawah, merujuk kepada orang yang menjaga harta wakaf dan berkemungkinan orang yang menjaga harta itu adalah institusi wakaf.

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ، حَدَّثَنَا ابْنُ عَوْنٍ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ أَصَابَ عُمَرَ بِخَبِيرٍ أَرْضًا فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَصَبْتُ أَرْضًا لَمْ أَصِبْ مَالًا فَطُ أُنْفَسَ مِنْهُ، فَكَيْفَ تَأْمُرُنِي بِهِ قَالَ " إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ". فَتَصَدَّقَ عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاغُ أَصْلُهَا وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، فِي الْفُقَرَاءِ وَالْقُرْبَى وَالرَّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالصَّنِيفِ وَابْنِ السَّبِيلِ، وَلَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ.

Diriwayatkan oleh Abdullah ibn Umar RA ia berkata: Umar RA memperoleh tanah di Khaibar, kemudian ia menemui Nabi SAW untuk bertanya tentang tanah tersebut, ia berkata: Wahai Rasulullah, aku memperoleh tanah di Khaibar, aku tidak pernah memperoleh harta yang lebih bernilai sebelumnya, maka apa yang perlu aku lakukan dengannya? Nabi SAW berkata: sekiranya mahu, engkau wakafkanlah dan sedekahkanlah hasilnya, akan tetapi jangan dijual, jangan dihibahkan dan jangan diwariskan. Abdullah Ibnu Umar berkata: Maka Umar

menyedekahkan hasil wakaf tersebut kepada orang-orang fakir, kaum keluarga, hamba-hamba, ibnu sabil dan para tetamu. Tidak salah bagi penjaga harta tersebut memakan hasilnya atau pun memberi makan orang lain tanpa menyimpannya.

(HR. Al-Bukhari, 2772)

Di Malaysia, orang yang menguruskan harta wakaf dikenali sebagai institusi wakaf manakala di negara-negara yang lain ianya dikenali sebagai institusi badan amanah (trust), yayasan (foundation) dan pertubuhan amal (charity). Laldin, Mahmud dan Sawari (2008) telah menyatakan bahawa istilah *charitable trust* telah digunapakai oleh pengamal undang-undang. Gaudiosi (1988) pula menyebut bahawa institusi badan amanah dalam undang-undang *common law* yang sedia ada adalah berasal dari institusi wakaf, yang diadaptasikan oleh orang Eropah ketika mereka berada di negara Timur Tengah pada tahun 1219-1220. Manakala Mohiddin (2017) dalam kajiannya berpendapat bahawa format institusi pertubuhan amal yang diamalkan pada masa kini adalah terhasil dari kewujudan institusi wakaf pada masa dahulu. Jelas bahawa institusi wakaf telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW hingga ke hari ini berdasarkan hadis di atas dan kajian-kajian lepas (Al-Zuhaily, 1987; Gaudiosi, 1988; McChesney, 1991; Cizakca, 1998; Laldin et al., 2008; Ali & Wahid, 2014; & Mohiddin, 2017).

Pensyariatan tentang baitulmal pula telah wujud yang mana didapati wujud dalil dari Al-Quran yang membuktikan bahawa perkara ini telah pun diamalkan oleh umat Islam terdahulu. Jal'uth (2010) berpendapat bahawa tugas orang yang mengumpul dan mengagihkan harta zakat adalah Nabi Muhammad SAW yang berperanan sebagai wali ataupun wakil kepada institusi baitulmal berdasarkan firman Allah SWT di bawah:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka, dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(QS Al-Taubah 9: 103)

Selain itu, Nizar (2010) menyatakan bahawa hadis yang berkaitan dengan institusi baitulmal tidak disebut dengan jelas atau dengan kata lain tidak menggunakan lafaz baitulmal di dalam hadis tersebut. Penggunaan lafaz yang menunjukkan tugas baitulmal dalam pemungutan zakat muncul dalam banyak riwayat hadis antaranya:

حَدَّثَنَا عَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْعَظِيمِ، وَمُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى، قَالَا حَدَّثَنَا بِشْرُ بْنُ عَمَرَ، عَنْ أَبِي الْعُصْنِ، عَنْ صَخْرِ بْنِ إِسْحَاقَ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ جَابِرِ بْنِ عَتِيكٍ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " سَيَأْتِيكُمْ رُكْبٌ مُبْعُضُونَ قَادًا جَاءُوكُمْ فَرَحَبُوا بِهِمْ وَخَلُّوا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ مَا يَبْتَغُونَ فَإِنْ عَدَلُوا فَلَا تُفْسِهِمْ وَإِنْ ظَلَمُوا فَعَلَيْهَا وَأَرْضُوهُمْ فَإِنَّ تَمَامَ زَكَاتِكُمْ رِضَاهُمْ وَلْيَدْعُوا لَكُمْ " . قَالَ أَبُو دَاوُدَ أَبُو الْعُصْنِ هُوَ تَابِتٌ بْنُ قَيْسِ بْنِ عُصْنٍ .

Dari Jabir ibn 'Atik, bahawa Rasulullah SAW bersabda "Akan datang kepada kamu petugas yang tidak kamu sukai. Maka apabila mereka datang, sambutlah dan biarkanlah mereka dengan apa yang diinginkannya. Apabila mereka adil, maka akan bermanfaat bagi dirinya dan apabila mereka berlaku aniaya, maka akan mudharat bagi dirinya. Sesungguhnya sempurnalah zakat kamu sekalian dengan redanya. Dan hendaklah mereka berdoa untuk kamu sekalian".

(HR. Abi Dawud, 1588)

حَدَّثَنَا أَبُو كَامِلٍ، فَضِيلُ بْنُ حُسَيْنِ الْجُدْرِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ بْنُ زِيَادٍ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي إِسْمَاعِيلَ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ هَلَالِ الْعَبْسِيُّ، عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ جَاءَ نَاسٌ مِنَ الْأَعْرَابِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا إِنَّ نَاسًا مِنَ الْمُصَدِّقِينَ يَأْتُونَنَا فَيُظْلِمُونَنَا . قَالَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " اَرْضُوا مُصَدِّقِيكُمْ " . قَالَ جَرِيرٌ مَا صَدَرَ عَنِّي مُصَدَّقٌ مُنْذُ سَمِعْتُ هَذَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا وَهُوَ عَنِّي رَاضٍ .

Dari Jarir ibn Abdillah. Ia berkata: "Orang-orang dusun telah datang kepada Rasulullah SAW. Mereka berkata: "Sesungguhnya para petugas zakat telah datang kepada kami, mereka menzalimi kami". Rasulullah SAW bersabda "Redalah kamu sekalian terhadap petugas zakat itu"

(HR. Al-Muslim, 989 a)

Sejarah Islam juga telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW dan para Khulafah Ar-Rasyidin telah membangunkan institusi baitulmal pada masa itu yang berperanan menguruskan hasil pendapatan negara Islam. Baitulmal telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW namun tidak berapa diamalkan oleh Baginda SAW kerana sumber pendapatan kerajaan terlalu sedikit ketika itu. Selain itu, Baginda SAW tidak suka menyimpan barang-barang amanah kerana dikhuatiri akan menimbulkan masalah. Semua hasil pendapatan umat Islam diagihkan dengan segera oleh Baginda SAW kepada golongan yang berhak terhadap harta tersebut (Ali, 1950; Nizar, 2010).

Perlaksanaan institusi baitulmal telah diteruskan oleh Khalifah Abu Bakar Al-Siddiq RA dengan melantik Abu Ubaidah RA sebagai pemegang kunci baitulmal. Namun, pelaksanaannya agak terhad dan tidak menyeluruh. Pada zaman Khalifah Umar al-Khattab RA, pelaksanaan institusi baitulmal dilaksanakan dengan lebih sistematik yang mana beliau menyarankan agar pihak yang menguruskan harta baitulmal menyediakan buku kira-kira negara untuk mengetahui pengaliran wang masuk dan keluar. Pada masa itu, harta negara Islam dipungut

dan dikumpulkan melalui pelbagai sumber, antaranya; zakat, jizyah, sedekah, kharaj, usyur, ghanimah, wakaf, dan sebagainya (Anita, 2004; Dahlan, Suhaili, Khalid & Ismail, 2015).

Menurut Nizar (2010) yang menguatkan lagi pelaksanaan institusi baitulmal dalam kehidupan adalah berdasarkan qias para ulama dengan menyatakan bahawa sesungguhnya sebab atau *illah* kepada kewujudan institusi baitulmal adalah untuk menjaga harta umat Islam seluruhnya. Hal ini diqiaskan melalui hadis riwayat Abu Hurairah RA sebelum ini yang mana Rasulullah SAW telah menyuruh sahabatnya Abu Hurairah RA untuk menyimpan dan menjaga harta zakat di rumah sahabatnya itu yang kemudiannya didatangi oleh iblis meminta harta tersebut. Maka perkara ini, iaitu menjaga harta umat Islam sebagai sebab atau *illah* telah diqiaskan oleh para ulama terhadap pengharusan melaksanakan institusi baitulmal yang diketahui umum sebagai tempat simpanan harta orang Islam termasuklah wakaf, zakat dan lain-lain.

2.1 Latar Belakang Institusi Zon 2

Bahagian ini menjelaskan tentang kategori institusi, nama entiti, kuasa tertinggi agama, kuasa tertinggi pengurusan, undang-undang tubuh, piawaian perakaunan yang digunakan serta pelaporan kewangan yang dibuat sama ada disatukan atau pun tidak disatukan bagi setiap negeri yang dikaji. Zon yang dikaji adalah Zon 2, iaitu yang melibatkan beberapa Institusi WZB bagi lima (5) buah negeri, iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Jadual 2.1 merujuk kepada rumusan latar belakang institusi Zon 2.

Jadual 2.1: Rumusan Latar Belakang Institusi Zon 2.

ZON 2	KATEGORI INSTITUSI	NAMA ENTITI	KUASA TERTINGGI AGAMA	KUASA TERTINGGI PENGURUSAN	UNDANG-UNDANG TUBUH	PIAWAIAN PERAKAUNAN	LAPORAN DISATUKAN
Kedah	Wakaf	MAIK	Sultan	Yang Dipertua Majlis	Pentadbiran Undang-undang Islam (KDA) 2008	PERS & Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan	√
	Baitulmal						
	Zakat	LZNK (BEBAS)		Ketua Pegawai Eksekutif	Enakmen 23 Enakmen LZNK (KDA) 2015	PERS	Berasingan
Pulau Pinang	Wakaf	MAINPP	Yang di-Pertuan Agong	Yang Dipertua Majlis	Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004	PERS & tidak bercanggah dgn syarak	√
	Baitulmal						
	Zakat	As Sahabah - ZPP (KUTIP)		Ketua Pegawai Eksekutif		MPERS	√

Sarawak	Wakaf	MIS – TBS	Yang di-Pertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	MIS Peraturan (Pentadbiran Wakaf) 2008 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001	PERS & IAS	√
	Zakat						
	Baitulmal						
Perak	Wakaf	MAIDAMP	Sultan	Ketua Pegawai Eksekutif	Enakmen Wakaf (Perak) 2015	PERS & MPSAS 1,2	√
	Zakat				Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004		
	Baitulmal						
Perlis	Wakaf	MAIPs	Raja	Ketua Pegawai Eksekutif	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006	PERS & IAS	√
	Zakat						
	Baitulmal						

2.1.1 Negeri Kedah

Bagi negeri Kedah, institusi baitulmal dan wakaf diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Kuasa tertinggi bagi kedua-dua institusi ini adalah KDYMM Sultan. Ertinya segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan institusi wakaf dan baitulmal perlu mendapat perkenan daripada KDYMM Sultan. Dari segi tanggungjawab pengurusan institusi wakaf dan baitulmal diletak di bawah kuasa Yang Dipertua MAIK. Sebarang keputusan berkaitan pengurusan institusi wakaf dan baitulmal negeri Kedah untuk tindakan perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua Majlis terlebih dahulu. Penubuhan institusi wakaf dan baitulmal negeri Kedah pula adalah tertakluk kepada Pentadbiran Undang-undang Islam (KDA) 2008. Sebarang tindakan, peraturan institusi wakaf dan baitulmal negeri Kedah adalah perlu merujuk kepada Pentadbiran Undang-undang Islam (KDA) 2008. Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan institusi wakaf dan baitulmal negeri Kedah adalah berpandukan PERS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam. Laporan wakaf dan baitulmal adalah disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAIK.

Bagi negeri Kedah, institusi zakat tidak diletakkan di bawah pentadbiran MAIK. Institusi zakat negeri Kedah dikenali sebagai Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). LZNK adalah satu institusi yang ditubuhkan secara berasingan di bawah Enakmen 23, iaitu Enakmen LZNK (KDA) 2015. Mengikut sejarah, penubuhan LZNK adalah berlaku lebih awal daripada penubuhan MAIK. Undang-undang berkaitan pungutan dan agihan zakat di negeri Kedah telah di perundang-undangkan sejak 350 tahun yang lalu. Sejarah seruan berzakat secara perundangan ini tercatat dalam peruntukan Fasal 3, Undang-undang Tembara Dato Seri

Paduka Tuan 1667 M, iaitu undang-undang Kedah pada masa itu yang memperuntukan bahawa:

“Barang siapa berbuat bendang atau huma, maka hendaklah kerasi suroh keluarkan zakat; seperti benar hisab-nya yang di-perolehi-nya itu, suroh keluarkan sa-puloh emas zakat-nya itu. Apa-bila tiada mahu mereka itu seperti hisab itu, maka hendak-lah kweng (Penghulu) kerasi keluar zakat itu, menurut seperti hukum Allah Taala”.

Seruan di atas menandakan bahawa bermulanya sejarah pengurusan zakat di negeri Kedah secara sistematik di bawah naungan KDYMM Sultan Negeri Kedah pada ketika itu dan berterusan hingga kini.

Sebarang tindakan, peraturan LZNK adalah perlu merujuk kepada Enakmen 23. Sungguhpun begitu, kuasa tertinggi bagi LZNK masih di bawah KDYMM Sultan. Ertinya segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan LZNK perlu mendapat perkenan KDYMM Sultan terlebih dahulu. Dari segi tanggungjawab pengurusan LZNK diletak di bawah kuasa Ketua Pegawai Eksekutifnya. Sebarang keputusan berkaitan pengurusan di LZNK untuk tindakan boleh dilaksanakan terus oleh Pegawai Eksekutifnya. Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan LZNK adalah juga berpandukan PERS. Walau bagaimanapun, laporan tersebut adalah secara tersendiri tanpa disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAIK.

2.1.2 Negeri Pulau Pinang

Bagi negeri Pulau Pinang, WZB diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Kuasa tertinggi bagi MAINPP ini adalah Yang di-Pertuan Agong. Ertinya segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan institusi Wakaf dan Baitulmal perlu mendapat persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Dari segi tanggungjawab pengurusan Institusi WZB di letak di bawah kuasa Yang Dipertua MAINPP. Sebarang keputusan berkaitan pengurusan Institusi WZB negeri Pulau Pinang untuk tindakan, perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua Majlis terlebih dahulu. Penubuhan Institusi WZB negeri Pulau Pinang pula adalah tertakluk kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004. Sebarang tindakan dan peraturan Institusi WZB Pulau Pinang adalah perlu merujuk kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004. Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan Institusi WZB negeri Pulau Pinang adalah berpandukan peruntukan dalam PERS yang tidak bercanggah dengan syarak. Laporan tersebut adalah disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAINPP. Walaupun laporan kewangan tahunan MAINPP disatukan, secara praktisnya, segala urusan tadbir zakat

bagi negeri Pulau Pinang diuruskan oleh anak syarikat MAINPP yang dikenali As-Sahabah (PZPP).

Sungguhpun begitu, beberapa kaunter PZPP telah diwujudkan di seluruh bahagian Pulau Pinang untuk urusan kutipan zakat dan juga untuk asnaf mendapat agihan zakat. Ini bererti segala kutipan zakat yang dikutip oleh PZPP diserahkan kepada MAINPP. Selain itu, penentuan agihan zakat kepada asnaf juga dilakukan oleh MAINPP. Sehubungan dengan itu, PZPP mempunyai sistem perakaunan tersendiri. Piawaian perakaunan yang digunapakai oleh PZPP adalah MPERS.

2.1.3 Negeri Sarawak

WZB di negeri Sarawak diletakkan di bawah pentadbiran institusi Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), iaitu agensi di bawah Majlis Islam Sarawak (MIS). Kuasa tertinggi bagi WZB di Sarawak adalah Yang di-Pertuan Agong. Ertinya segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan Institusi WZB perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Dari segi tanggungjawab pengurusan Institusi WZB diletak di bawah kuasa Yang Dipertua Majlis TBS. Sebarang keputusan berkaitan pengurusan Institusi WZB negeri Sarawak untuk tindakan perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua Majlis terlebih dahulu. Penubuhan Institusi WZB negeri Sarawak pula adalah tertakluk kepada Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001. Sebarang tindakan dan peraturan institusi zakat dan baitulmal Sarawak adalah perlu merujuk kepada Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001. Manakala, sebarang tindakan berkaitan institusi wakaf pula perlu merujuk kepada Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf) 2008. Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan Institusi WZB negeri Sarawak adalah berpandukan PERS dan IAS. Laporan tersebut adalah disatukan dalam laporan kewangan tahunan TBS.

2.1.4 Negeri Perak

WZB di negeri Perak diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIDAMP). Kuasa tertinggi bagi Institusi WZB bagi negeri Perak adalah KDYMM Sultan. Ertinya segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan Institusi WZB perlu mendapat perkenan KDYMM Sultan. Dari segi tanggungjawab pengurusan Institusi WZB diletak di bawah kuasa Yang Dipertua Majlis MAIDAMP. Sebarang keputusan berkaitan pengurusan Institusi WZB negeri Perak untuk tindakan perlu mendapat persetujuan Yang Dipertua Majlis MAIDAMP terlebih dahulu. Penubuhan institusi zakat dan baitulmal negeri Perak pula adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Sebarang tindakan dan peraturan institusi zakat dan baitulmal Perak adalah perlu merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Sementara itu, bahagian wakaf negeri Perak ditubuhkan di bawah Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Jadi

sebarang tindakan dan peraturan berkaitan wakaf bagi negeri Perak adalah perlu merujuk kepada Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan Institusi WZB negeri Perak adalah berpandukan PERS dan MPSAS 1 serta 2. Laporan tersebut adalah disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAIDAMP.

2.1.5 Negeri Perlis

Bagi Perlis, WZB diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs). Kuasa tertinggi bagi WZB adalah KDYMM Raja Negeri Perlis. Ertinya segala dasar, pembentukan dan sebarang perubahan enakmen berkaitan Institusi WZB perlu mendapat persetujuan KDYMM Raja. Dari segi tanggungjawab pengurusan institusi WZB diletakkan di bawah kuasa Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs. Sebarang keputusan berkaitan pengurusan Institusi WZB negeri Perlis untuk tindakan, perlu mendapat persetujuan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs terlebih dahulu. Penubuhan Institusi WZB negeri Perlis pula adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006. Sebarang tindakan dan peraturan Institusi WZB Perlis adalah perlu merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006. Dari segi sistem pentadbiran dan pelaporan kewangan Institusi WZB negeri Perlis adalah berpandukan PERS dan IAS. Laporan tersebut adalah disatukan dalam laporan kewangan tahunan MAIPs.

2.2 Pegawai Perakaunan Yang Bertanggungjawab

Pegawai yang bertanggungjawab secara terus dalam penyediaan pelaporan kewangan bagi setiap institusi yang dikaji, didapati semuanya terdiri dari pegawai berkelulusan perakaunan. Sungguhpun begitu, nama dan gred jawatan adalah pelbagai. MAIK, LZNK dan MAINPP sahaja yang memakai nama jawatan akauntan. Walau bagaimanapun, kumpulan jawatan adalah berbeza. Didapati MAIK sahaja yang menggunakan gred pegawai kewangan yang digariskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), iaitu W44. LZNK menggunakan gred tersendiri iaitu Z3. Sementara itu, MAINPP pula menggunakan N41. Bagi negeri Sarawak, pegawai yang bertanggungjawab dinamakan sebagai Pengurus Kewangan Gred 3.1. Perak pula menamakannya sebagai Pengurus Besar Kewangan Gred N44 dan Perlis menggunakan nama Pegawai Kewangan Gred N41.

2.3 Kesimpulan

Kajian mendapati penubuhan setiap Institusi WZB negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen dan Ordinan negeri masing-masing. Didapati bahawa semua perkara yang berkaitan dengan agama adalah tertakluk kepada pentadbiran agama negeri masing-masing, yang mana kuasa tertingginya terletak di tangan KDYMM Sultan atau Raja setiap negeri berkenaan (Kedah, Perak dan Perlis). Bagi negeri-negeri yang tidak beraja pula, Yang di-Pertuan Agong akan dirujuk sebagai kuasa tertinggi agama negeri berkaitan (Pulau Pinang

dan Sarawak). Selain daripada itu, dapati setiap negeri mempunyai majlis fatwa masing-masing. Segala permasalahan berkaitan dengan hukum-hukum agama bagi Institusi WZB perlu merujuk kepada majlis tersebut. Oleh itu, sebarang pembentukan piawaian perakaunan WZB perlu mengambil kira pihak berkuasa Institusi WZB iaitu kuasa tertinggi, pengurusan tertinggi, majlis fatwa dan enakmen atau ordinan terlibat.

Kajian juga mendapati pegawai yang bertanggungjawab terhadap perakaunan WZB mempunyai gred dan nama jawatan yang berbeza. Sungguhpun begitu, kesemua mereka berkelulusan bidang perakaunan. Ini adalah satu aspek yang mematuhi keperluan perundangan berkaitan pegawai perakaunan. Ertinya segala laporan kewangan tahunan Institusi WZB dibuat oleh mereka yang berwibawa. Satu perkara yang perlu diberi perhatian pihak berwajib ialah tentang gred jawatan pegawai perakaunan, kerana tanggungjawab tidak banyak berbeza, maka sudah sewajarnya ganjaran mereka juga harus setara.

Dari segi piawaian perakaunan yang digunakan oleh Institusi WZB didapati ada yang berbeza. Didapati tidak semua piawaian perakaunan berkaitan aset (sebagai contoh, 8 piawaian yang dikaji) digunakan dalam entiti WZB. Secara keseluruhannya, piawaian perakaunan yang digunakan oleh semua Institusi WZB adalah Hartanah, loji dan peralatan. Manakala, piawaian perakaunan lain yang digunakan oleh beberapa Institusi WZB ialah aset tidak ketara, inventori dan hartanah pelaburan. Kajian mendapati pendedahan aset tidak diasingkan bagi wakaf, zakat dan baitulmal bagi sebahagian Institusi WZB.

Bab seterusnya membincangkan tentang kajian literatur yang relevan dengan komponen aset dari sudut konvensional dan Islam.

BAB 3

KAJIAN LITERATUR

3.0 Pengenalan

Bahagian ini menjelaskan beberapa aspek berkaitan dengan komponen aset yang dibincangkan oleh kajian-kajian lepas. Perkara pertama yang dibincangkan dalam bab ini adalah mengenal pasti apakah piawaian perakaunan yang terpakai dalam MAIN mengikut undang-undang sedia ada di Malaysia. Semakan terhadap undang-undang, enakmen serta ordinan tubuh MAIN berkaitan aspek perakaunan dan pelaporan juga dilakukan. Selain itu, bab ini membincangkan perkara berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berdasarkan perakaunan konvensional dan perspektif Islam.

3.1 Piawaian Perakaunan Dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Sebahagian besar MAIN menerima pakai Akta Badan Berkanun dalam penyediaan laporan tahunan dan penyata kewangan. Seksyen 5 (1) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, menetapkan bahawa badan berkanun perlu mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dalam penyediaan penyata kewangan. Bagi membantu pihak badan berkanun mematuhi ketetapan ini, pihak kerajaan mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15 Tahun 1994 yang telah menyediakan garis panduan bagi membantu badan berkanun dalam menyediakan laporan tahunan dan penyata kewangan. Dalam perenggan 2.2, pekeling ini menjelaskan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum bermakna prinsip-prinsip dan amalan perakaunan yang diiktiraf oleh badan profesional yang ditubuhkan mengikut undang-undang untuk kegunaan ahli-ahlinya berhubung dengan akaun tahunan bagi perdagangan, perindustrian dan perniagaan di Malaysia. Secara jelas, pekeling ini menyatakan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum merujuk kepada piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB. Di samping piawaian perakaunan, MAIN juga turut merujuk kepada Garis Panduan Amalan Terbaik yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.

Walau bagaimanapun, bermula 1 Januari 2006, piawaian perakaunan MASB telah digantikan dengan dua piawaian perakaunan yang baharu, iaitu *Financial Reporting Standards* (FRS) dan *Private Entity Reporting Standards* (PERS). FRS ialah piawaian perakaunan bagi badan berkanun yang mempunyai syarikat subsidiari yang merupakan syarikat awam tersenarai. Badan ini perlu menyerahkan penyata kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia. Sementara itu, badan berkanun yang merupakan institusi kewangan tertakluk kepada Akta Pembangunan Institusi Kewangan. Bagi badan berkanun yang lain pula, hendaklah menerima pakai PERS. Oleh yang demikian, MAIN yang mengguna pakai Akta Badan Berkanun perlu menerima pakai PERS dalam penyediaan penyata kewangan

mereka. PERS merupakan piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB sebelum 1 Januari 2005 dengan menggugurkan beberapa piawaian tertentu.

MASB telah menggantikan PERS dengan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS) sebagai piawaian perakaunan bagi entiti persendirian mulai 1 Januari 2016. MPERS adalah piawaian perakaunan yang hampir sama dengan *International Financial Reporting Standards* (IFRS) (Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa) untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB), kecuali untuk keperluan bagi mereka yang terlibat dalam aktiviti pembangunan hartanah. Berikutan perubahan ini, piawaian perakaunan bagi MAIN yang mengguna pakai Akta Badan Berkanun bermula 1 Januari 2016 adalah MPERS.

Berikutan dengan pelaksanaan sistem perakaunan akruan bagi sektor awam di Malaysia, JANM telah mengeluarkan piawaian perakaunan yang dikenali sebagai *Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS). MPSAS telah digubal berdasarkan kepada *International Public Sector Accounting Standard* (IPSAS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSASB). MPSAS perlu dipatuhi oleh sektor awam seperti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. JANM telah menerima pakai 35 IPSAS untuk dijadikan MPSAS daripada 40 IPSAS. Pematuhan kepada MPSAS bermula 1 Januari 2018 bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (tertakluk keputusan pihak berkuasa negeri), manakala bagi badan berkanun persekutuan bermula tahun 2020. Oleh itu, bagi MAIN yang menerima pakai Akta Badan Berkanun perlu juga mematuhi MPSAS dalam penyediaan penyata kewangan mereka mulai tahun 2020. Bagaimanapun, badan berkanun persekutuan adalah digalakkan untuk mengguna pakai MPSAS lebih awal berikutan pemansuhan PERS yang digantikan dengan MPERS mulai 1 Januari 2016.

Aspek yang penting dalam perakaunan dan pelaporan kewangan adalah melibatkan tiga mekanisme perakaunan iaitu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Perkara ini merupakan mekanisme yang penting dalam sesuatu piawaian perakaunan. Bahagian seterusnya akan menjelaskan mengenai mekanisme perakaunan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berdasarkan kepada kerangka kerja konseptual (KK) yang sedia ada sekarang.

3.1.1 Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan menurut Kerangka Kerja Konseptual Konvensional

Tahap tiga KK konvensional menggariskan prinsip-prinsip pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan seperti mana berikut:

a) Pengiktirafan

Pengiktirafan adalah proses memasukkan item yang memenuhi definisi elemen penyata kewangan dan memenuhi kriteria pengiktirafan ke dalam lembaran imbangan atau penyata pendapatan. Pengiktirafan ini adalah menyatakan item tersebut dalam perkataan dan jumlah wang serta memasukkan jumlah wang itu ke dalam jumlah lembaran imbangan dan jumlah penyata pendapatan (perenggan 4.37, kerangka kerja konseptual untuk pelaporan kewangan, IFRS) (IASB, 2014). Sesuatu item yang memenuhi definisi elemen penyata kewangan perlu diiktiraf jika (a) adalah berkemungkinan bahawa sebarang manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item akan mengalir ke atau dari entiti; dan (b) item itu mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan kebolehpercayaan (perenggan 4.38). Ini bermakna penilaian perlu dibuat mengenai ketidakpastian aliran manfaat ekonomi masa depan sama ada berkemungkinan akan berlaku atau sebaliknya. Penilaian ini dibuat berdasarkan bukti yang ada semasa penyediaan penyata kewangan (perenggan 4.40). Begitu juga, anggaran nilai atau kos bagi item tersebut perlu dibuat dengan menggunakan anggaran yang munasabah. Sekiranya anggaran nilai yang munasabah tidak dapat dibuat maka item tersebut tidak boleh diiktiraf dalam penyata kewangan (perenggan 4.41). Di samping itu, pertimbangan materialiti perlu juga diambil kira dalam menentukan sama ada sesuatu item yang memenuhi kriteria pengiktirafan layak untuk diiktiraf dalam penyata kewangan (perenggan 4.39).

Pengiktirafan sesuatu aset dibuat dalam lembaran imbangan apabila kemungkinan manfaat ekonomi masa depan akan mengalir ke entiti dan aset itu mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan pasti (perenggan 4.44). Oleh itu, perbelanjaan yang telah dikeluarkan yang mana manfaat ekonominya tidak melebihi tempoh perakaunan semasa tidak akan diiktiraf sebagai aset, sebaliknya akan diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan.

b) Pengukuran

Pengukuran adalah proses menentukan amaun kewangan yang mana elemen penyata kewangan akan diiktiraf dan ditunjukkan dalam lembaran imbangan dan penyata pendapatan (perenggan 4.54). Proses ini melibatkan pemilihan asas pengukuran yang tertentu. Asas pengukuran yang boleh digunakan terdiri daripada kos sejarah, kos semasa, nilai boleh

direalisasi dan nilai kini. Pengukuran pada kos sejarah merujuk kepada nilai aset direkod pada jumlah wang tunai atau setara tunai yang dibayar atau nilai saksama pertimbangan yang diberikan untuk memperolehnya pada masa pengambilalihannya. Pengukuran pada kos semasa pula bermaksud nilai aset diukur pada jumlah tunai atau kesetaraan tunai yang perlu dibayar jika aset yang sama diperoleh pada masa ini. Manakala, pengukuran pada nilai boleh direalisasikan bermaksud aset diukur pada jumlah tunai atau kesetaraan tunai yang boleh diperoleh jika aset tersebut dijual pada masa ini dalam pelupusan yang teratur. Nilai kini pula merujuk kepada pengukuran aset pada nilai diskaun semasa aliran masuk tunai bersih masa depan yang dijangka dijana oleh aset tersebut dalam operasi perniagaan biasa (perenggan 4.55).

c) Pendedahan

Pendedahan maklumat mengenai aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja dibuat melalui penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan serta nota kepada akaun. Maklumat yang didedahkan mesti relevan kepada para pengguna. Penyampaian maklumat yang cekap dan berkesan akan meningkatkan kerelevanan, kebolehfahaman dan perbandingan maklumat tersebut serta akan menyumbang kepada perlambangan yang benar (faithful representation) mengenai aset, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja. Penyampaian yang cekap dan berkesan meliputi (a) klasifikasi maklumat secara berstruktur dengan melaporkan item-item yang serupa bersama-sama dan melaporkan item-item yang berbeza secara berasingan, (b) menggabungkan maklumat supaya ia tidak dikaburkan dengan perincian yang tidak perlu, (c) menggunakan objektif dan prinsip pembentangan dan pendedahan bukannya peraturan-peraturan yang boleh mendorong kepada pematuhan mekanikal semata-mata. Bagaimanapun, kekangan kos perlu diambil kira dalam pendedahan yang mana faedah daripada maklumat yang didedahkan mestilah mencukupi atau memadai untuk mewajarkan kos menyediakan maklumat tersebut.

3.2 Keperluan Syariah

Islam membawa maksud penyerahan kepada Allah SWT dan seorang muslim itu adalah orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah SWT. Syariah pula bermaksud “cara atau jalan”, juga membawa erti “sumber air” secara tersurat, manakala dari segi Islam ia bererti jalan yang lurus yang membawa manusia ke jalan kejayaan.

Islam merupakan satu-satunya cara hidup yang mencakupi kesemua aspek kehidupan manusia. Secara prinsipnya, semua perkara perlulah mematuhi dan meletakkan syariah melebihi pertimbangan yang lain. Sistem perakaunan Islam telah wujud sejak sekian lama. Perekodan secara sistematik wujud seawal penubuhan baitulmal yang diwujudkan bagi

mengumpul dan mengagihkan harta milik negara kepada rakyat yang memerlukan dan yang layak menerimanya. Peristiwa Perang Badar Kubro, yang menyaksikan kemenangan oleh pihak muslimin dan memperoleh rampasan perang atau ghanimah. Rentetan itu, wujud perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat tentang agihan ghanimah. Maka, ayat pertama surah Al-Anfal telah merungkai kekusutan dan seterusnya mewujudkan institusi baitulmal. (Murtiyani, 2010)

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَنْفَالِ قُلِ الْأَنْفَالُ لِلَّهِ وَالرَّسُولِ فَأَتَقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا دَاتَ بَيْنِكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۗ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (١)

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang harta rampasan perang. Katakanlah: "Harta rampasan perang itu (terserah) bagi Allah dan bagi RasulNya (untuk menentukan pembahagiannya). Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan di antara kamu, serta taatlah kepada Allah dan RasulNya, jika betul kamu orang-orang yang beriman".

(QS Al-Anfal 8:1)

Sistem perakaunan Islam haruslah dibina berteraskan fiqh, iaitu sumber rujukan utama Islam bagi memastikan bahawa semua unsur urus niaga, perekodan, akaun-akaun dan pelaporan perakaunan disediakan mengikut lunas-lunas Islam. Sehubungan itu, rujukan utama adalah

- i. Al-Quran Al-Karim, iaitu perlembagaan Islam yang diturunkan melalui malaikat Jibril AS, kepada baginda Rasulullah SAW;
- ii. As-Sunnah, iaitu tindakan, percakapan dan interaksi baginda Rasulullah SAW dengan sahabat-sahabat baginda;
- iii. Jumah ulamak, yakni pandangan ulamak-ulamak muktabar yang disepakati.

Dalam mengupas keperluan piawaian perakaunan Islam, Sarea dan Hanefah (2013) dan *Accounting and Auditing Organization for Islamic Institutions* (AAOIFI) (2008) telah mengutarakan beberapa objektif perakaunan bagi institusi Islam, antaranya;

- i. Bagi menentukan hak dan obligasi pihak-pihak berkenaan yang timbul hasil daripada suatu urus niaga yang dilihat dari kaca mata syariah Islam.
- ii. Untuk menyumbang kepada penjagaan aset milik institusi Islam, hak-hak institusi Islam dan hak-hak pihak lain yang ditunaikan dengan sebaiknya.
- iii. Untuk menyumbang kepada penambahbaikan pengurusan dan peningkatan produktiviti institusi Islam dan menggalakan pematuhan kepada peruntukan syariah Islam.
- iv. Untuk menyediakan laporan kewangan yang berguna kepada pengguna-pengguna bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang munasabah.

Dalam syariah Islam, beberapa konsep utama perlu diberikan penekanan iaitu keadilan, kebajikan, dan mematuhi nilai perniagaan Islam. Allah SWT di dalam Al-Quran memberikan penekanan yang tinggi terhadap pemberian maklumat yang benar, lengkap dan boleh dipercayai. Askary dan Clark (1997) mengkaji beberapa falsafah yang disebut berulang kali di dalam Al-Quran, antaranya perkataan hisab (yang bermaksud akaun atau hitungan). Perkataan hisab disebut sebanyak tidak kurang daripada lapan puluh kali di dalam Al-Quran. Begitu juga, dengan “Pembalasan pada Hari Akhirat” yang membawa maksud amalan baik ditimbang. Begitu juga, amalan jahat ditimbang berdasarkan catatan buku amalan. Manakala, akauntabiliti kepada Tuhan merupakan tunjang kepada konsep manusia sebagai khalifah yang diberikan amanah untuk memakmurkan muka bumi ini. Setiap orang akan dipertanggungjawabkan ke atas apa yang telah dilakukannya, khususnya ke atas orang yang memegang amanah di dalam suatu organisasi. Maka, Napier dan Haniffa (2011) membuat kesimpulan bahawa Islam memperlihatkan konsep yang luas dan lengkap berkaitan syariah yang memerlukan suatu piawaian perakaunan yang khusus bagi memenuhi keperluan syariah.

Berbeza dengan perakaunan konvensional yang meletakkan pemodal paling utama dalam segala hal. Perakaunan konvensional menurut Haniffa dan Hudaib (2002) adalah terlalu mendokong sistem kapitalisme dengan menjunjung tinggi matlamat memaksimumkan kekayaan dan mengenyampingkan aspek keadilan sosio-ekonomi (al-adl dan al-ihsan) (Chapra, 2000). Perbuatan yang baik membawa kepada keredaan Ilahi dan akhirnya kejayaan yang hakiki membawa erti kebahagiaan di dunia dan akhirat. Titik pemisah yang ketara antara Islam dan amalan perakaunan konvensional ialah dari aspek kepercayaan dan nilai (Haniffa dan Hudaib, 2007).

Dalam memperkatakan tentang keperluan syariah untuk melaksanakan PPI yang seragam bagi Institusi WZB, beberapa pandangan pengkaji terdahulu diketengahkan. Dalam perakaunan konvensional, penyata kewangan disediakan kepada pihak berkepentingan antaranya ialah pemilik, pemodal, pelabur, pemiutang, pihak berkuasa kerajaan. Hal ini sangat berbeza dengan amalan umat Islam yang menyatakan bahawa perakaunan Islam perlulah berasaskan kepada sumber doktrin Islam yang autoritatif iaitu Al-Quran, Hadis serta qias ulamak muktabar (Ali & Leaman, 2008; Maali et al., 2006). Oleh itu, penyata kewangan yang berasaskan Islam mestilah disediakan untuk kegunaan semua pihak dan berasaskan kepada konsep “Hablul Min Allah” dan “Hablul Min An-Nas”. Chapra (2000) mengetengahkan konsep “akauntabiliti” dan Baydoun dan Willett (1997) mentakrifkan bahawa manusia adalah pemegang amanah. Dengan konsep-konsep yang disebutkan itu, mereka berpendapat bahawa perakaunan Islam memerlukan prinsip-prinsip berikut;

- i. Rekod kewangan dan transaksi yang lengkap, telus dan wajar;
- ii. Kontrak bertulis;
- iii. Saksi yang benar bagi kontrak – tujuan “check and balance”;
- iv. Materialiti- pengiktirafan jumlah transaksi kewangan;
- v. Bertakwa kepada (takutkan) Allah – dalam semua urusan niaga bagi memastikan keadilan (tiada pilih kasih atau diskriminasi) dan berintegriti dalam merekodkan urusan niaga dan menyediakan laporan kewangan.

Objektif perakaunan Islam adalah untuk menegakkan kejujuran dan keadilan berkaitan urusan niaga kewangan bagi memenuhi akauntabiliti kepada prinsipal, pihak pengurusan, serta masyarakat dan yang terlebih utama kepada Khaliq, Allah Robbul Jalil. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi keperluan mendesak untuk mengadakan piawaian perakaunan Islam khususnya berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset bagi Institusi WZB.

3.3 Muamalat

Sistem muamalat telah diajar di dalam fiqh (Siraj & Badran, 2010). Dari segi bahasa muamalat merujuk kepada perkataan Arab yang memberi maksud saling bertindak atau saling mengamalkan sesuatu. Ibn Manzur (2003) menyatakan bahawa muamalat merujuk kepada urusan niaga jual beli dan sebagainya. Al-Qal’ahji (1988) menyatakan bahawa muamalat dari sudut istilah adalah setiap hukum syariat yang bersangkutan dengan urusan dunia atau dengan erti kata yang lain setiap hukum syariat yang telah tersusun untuk manusia beramal dengannya dalam urusan dunia (Siraj & Badran, 2010).

Syabir (2001) dan Shahadah (2006) berpendapat bahawa makna yang paling sesuai dan terperinci kepada istilah muamalah adalah setiap hukum syariat yang tersusun untuk kehidupan manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain dalam aspek harta. Penggunaan makna muamalat menurut Syabir (2001) dan Shahadah (2006) lebih bersifat menyeluruh kerana mereka berpendapat bahawa muamalat adalah satu undang-undang yang menjadi rujukan kepada manusia dalam segala bentuk muamalah manusia terhadap harta. Sebagai contoh, Al-Zuhaily (2004) memberi perumpamaan dalam akad pertukaran yang membawa maksud apa yang sempurna dengannya iaitu memiliki sesuatu sama ada dari segi bentuk barang atau manfaat dengan cara ganti ataupun tukar seperti jual beli, sewa, tempahan, dan lain-lain lagi.

Ibn Abidin (1994) telah menerangkan bahawa terdapat lima (5) jenis muamalat, antaranya; 1) pertukaran harta, 2) pernikahan, 3) permusuhan, 4) amanah, dan 5) pusaka atau harta peninggalan. Dalam kajian ini, tiga (3) jenis muamalah yang akan dikaji dengan lebih mendalam iaitu melibatkan tentang pertukaran harta, amanah dan pusaka atau harta

peninggalan. Bagi membicarakan dengan terperinci lagi tentang ketiga-tiga jenis muamalah ini, perkara yang pertama yang perlu dilihat adalah definisi berkaitan dengan harta.

3.3.1 Pandangan Islam Mengenai Harta

Kedudukan harta sangat penting dalam kehidupan harian manusia. Hal ini dapat dilihat melalui perbincangan ulama dengan meletakkan harta dalam salah satu daripada objektif maqasid syariah ad-dharuriyyat yang terdiri daripada penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta (Al-Ghazali, 505 h; Al-Syatibi, 2001; Al-Zuhaily,2009; Ibn Asyur,1945; dll.). Mahmood (2009) telah menyatakan bahawa Islam telah membicarakan dengan jelas tentang perihal menguruskan harta dengan tatacara dan kaedah-kaedah yang teratur sama ada untuk individu mahupun keluarga untuk menjamin kesejahteraan hidup di dunia mahupun akhirat. Hal ini berpatutan dengan hadis berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَخْبَرَنَا الْأَسْوَدُ بْنُ عَامِرٍ، حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ عَيَّاشٍ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جُرَيْجٍ، عَنْ أَبِي بَرزَةَ الْأَسْلَمِيِّ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ " . قَالَ هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ . وَسَعِيدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جُرَيْجٍ هُوَ بَصْرِيُّ وَهُوَ مَوْلَى أَبِي بَرزَةَ وَأَبُو بَرزَةَ اسْمُهُ نَضْلَةُ بْنُ غَبِيَّةٍ .

Maksudnya: "Dari Abi Bazrah al-Aslami katanya: Rasulullah SAW bersabda, tidak akan melangkah kaki anak adam pada hari kiamat sehingga ditanyakan mengenai umurnya pada apa ia habiskan, mengenai ilmunya pada apa ia lakukan, mengenai hartanya dari mana ianya diperolehi dan ke mana ianya dibelanjakan dan mengenai tubuhnya pada apa ianya dihabiskan."

(HR. At-Tirmidhi, 2602)

Secara umumnya, penjelasan daripada hadis ini membuktikan bahawa agama Islam sangat prihatin tentang soal kehidupan umatnya. Hal ini dapat dilihat melalui segala persoalan berkaitan dengan harta bermula daripada sumber perolehan harta tersebut sehinggalah ke mana harta tersebut dibelanjakan akan disoal kepada setiap muslim kelak. Jadi, muslim sewajarnya sentiasa prihatin untuk merancang dan menguruskan harta yang dimiliki agar harta yang diperolehi dan dimiliki dapat membawa kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

3.3.2 Takrif Harta Dari Segi Bahasa

Harta disebut sebagai "المال" al-mal di dalam bahasa Arab. Menyentuh tentang makna harta banyak sarjana telah memberikan makna yang sesuai dengannya. Ada pun Ibn Manzur (2003) berpendapat bahawa perkataan al-mal secara masyhurnya bermaksud apa yang dimiliki oleh manusia dari segala bentuk perkara ataupun sesuatu. Menurut Al-Fayyumi (1987), perkataan

al-mal tidak akan pernah berubah sebutannya sama ada ia berada di tempat lelaki (muzakkar) ataupun perempuan (muannas). Manakala, Ibn Athir (1979) berpendapat bahawa perkataan al-mal atau harta yang digunakan di sisi kaum Arab adalah bukti bahawa mereka memiliki sesuatu, pemilikan ini terdiri dari emas dan perak secara khususnya, kemudian al-mal ataupun harta ini boleh digunapakai kerana mereka memiliki dan memperolehi setiap sesuatu. Ada pun pemakaian istilah al-mal lebih merujuk kepada unta kerana harta orang Arab ketika itu kebanyakannya terdiri daripada unta (Ibn Athir, 1979).

Al-Baz (1998) menyatakan bahawa al-mal berikutan apa yang diterangkan oleh Ibn Athir (1979) adalah merupakan setiap sesuatu yang dimiliki dari segi perhiasan, bangunan, ternakan, kewangan, dan lain-lain lagi. Hal ini diperkuatkan lagi melalui beberapa hadis, antaranya:

حَدَّثَنَا هَدَّابُ بْنُ خَالِدٍ، حَدَّثَنَا هَمَّامٌ، حَدَّثَنَا قَتَادَةُ، عَنْ مُطَرِّفٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقْرَأُ { الْهَائِكُمُ التَّكَاثُرُ } قَالَ " يَقُولُ ابْنُ آدَمَ مَالِي مَالِي - قَالَ - وَهَلْ لَكَ يَا ابْنَ آدَمَ مِنْ مَالِكَ إِلَّا مَا أَكَلْتَ فَأَفْنَيْتَ أَوْ لَبَسْتَ فَأَبْنَيْتَ أَوْ تَصَدَّقْتَ فَأَمْضَيْتَ " .

Maksudnya: Dari Mutharrif dari ayahnya Radhiallahu Anhu dia berkata: Aku mendatangi Nabi Shallallahu Alaihi Wasallam dan beliau tengah membaca, "Bermegah-megahan telah melalaikanmu." (QS. At Takaatur: 1). Lalu beliau bersabda: "Anak cucu Adam berkata: 'Hartaku, hartaku.'" Beliau meneruskan: "Bukankah engkau tidak memiliki harta kecuali harta yang telah engkau makan, sehingga engkau habiskan; Atau apa yang telah engkau pakai, sehingga engkau menjadikannya usang; Atau apa yang telah engkau sedekahkan, sehingga engkau meneruskan (iaitu terus memilikinya sampai hari kiamat)".

(HR. Al-Muslim, 2958 a)

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ، قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ، عَنْ ثَوْرِ بْنِ زَيْدِ الدَّبَلِيِّ، عَنْ أَبِي الْغَيْثِ، مَوْلَى ابْنِ مُطِيعٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ خَيْبَرَ فَلَمْ نَعْنَمْ ذَهَبًا وَلَا فِضَّةً إِلَّا الْأَمْوَالَ وَالثِّيَابَ وَالْمَتَاعَ، فَأَهْدَى رَجُلٌ مِنْ بَنِي الضَّبْيِ يَقَالُ لَهُ رِفَاعَةُ بْنُ زَيْدٍ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غُلَامًا يُقَالُ لَهُ مَدْعَمٌ، فَوَجَّهَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى وَادِي الْفُرَى حَتَّى إِذَا كَانَ بِوَادِي الْفُرَى بَيْنَمَا مَدْعَمٌ يَحْطُرُ رَحْلًا لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَهْمٌ عَائِرٌ فَقَتَلَهُ، فَقَالَ النَّاسُ هَنِينًا لَهُ الْجَنَّةُ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " كَلَّا وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنَّ الشَّمْلَةَ الَّتِي أَخَذَهَا يَوْمَ خَيْبَرَ مِنَ الْمَعَانِمِ، لَمْ تُصِبْهَا الْمَقَاسِمُ، لَتَشْتَعِلْ عَلَيْهِ نَارًا " . فَلَمَّا سَمِعَ ذَلِكَ النَّاسُ جَاءَ رَجُلٌ بِشِرَاكِهِ أَوْ شِرَاكَيْنِ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ " شِرَاكِكَ مِنْ نَارٍ - أَوْ - شِرَاكَانِ مِنْ نَارٍ " .

Maksudnya: Dari Abu Hurairah Radliyallahu `Anhu- berkata, "Kami pulang dari Khaibar bersama Rasulullah SAW. Kami tidak mendapat ghanimah berupa emas dan perak, kecuali beberapa harta, pakaian, dan barang-barang berharga

(HR. Al-Bukhari, 6707)

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ، حَدَّثَنَا ابْنُ عَوْنٍ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ أَصَابَ عُمَرُ بِخَيْرٍ أَرْضًا فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَصَبْتُ أَرْضًا لَمْ أَصِبْ مَالًا فَطُؤْتُ أَنْفَسَ مِنْهُ، فَكَيْفَ تَأْمُرُنِي بِهِ قَالَ " إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ". فَتَصَدَّقَ عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاغِ أَصْلُهَا وَلَا يُوْهَبُ وَلَا يُورَثُ، فِي الْفُقَرَاءِ وَالْقُرْبَى وَالرَّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالضَّيْفِ وَابْنِ السَّبِيلِ، وَلَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ.

Maksudnya: Umar –Radliyallahu ‘Anhu- berkata, “Aku mendapat bahagian tanah di Khaibar. Aku tidak pernah memperoleh tanah yang sangat aku cintai melebihi tanah ini. (Wahai Nabi), apa yang engkau perintahkan kepadaku dengan tanah ini? Nabi menjawab, “Jika engkau menghendaki, engkau wakafkan tanah itu dan engkau sedekahkan hasilnya.” Lalu, Umar mewakafkan tanahnya ...”

(HR. Al-Bukhari, 2772)

Ketiga-tiga hadis ini menjelaskan bahawa makanan adalah harta, pakaian adalah harta, bangunan adalah harta, emas dan perak adalah harta, perhiasan adalah harta dan sebagainya lagi yang dimiliki oleh manusia merupakan harta. Selain itu, Khalifah Umar Al-Kattab yang dikenali dengan sifat yang fasih dalam pertuturan dan merupakan ahli dalam ilmu lisan dan bayan menamakan bumi sebagai harta. Beliau juga telah menyatakan bahawa setiap sesuatu yang dilabel sebagai jenis ataupun dikenali sebagai kata khas “اسم جنس” dikategorikan oleh orang Arab sama ada dari segi bahasa atau uruf sebagai harta (Al-Baz, 1998).

Menurut Ma'luf (1986) dalam karangannya iaitu kamus Al-Munjid pula, harta bererti sesuatu yang dimiliki dan dipakai oleh orang-orang Badwi kepada binatang ternakan seperti kambing biri-biri dan unta sama ada jantan ataupun betina. Ia juga membawa maksud tiap-tiap benda, barang perniagaan, harta alih, wang atau binatang yang dimiliki sama ada secara individu atau kumpulan. Mengikut pengertian umum, maksud perkataan al-mal atau harta yang paling mudah difahami adalah peredaran wang di antara manusia sama ada dari bahan galian mahupun kertas.

3.3.3 Takrif Harta Dari Segi Istilah.

Menyentuh tentang takrif istilah al-mal atau harta, para sarjana Islam telah menghasilkan pelbagai takrifan khusus yang memberikan gambaran yang jelas dan tepat berkaitan dengan apa yang dimaksudkan dengan istilah ini. Istilah al-mal merupakan kata dasar dan jamaknya adalah “اموال” amwal. Ulama fiqh tidak bersepakat meletakkan makna istilah al-mal atau harta ini di atas makna yang satu. Mereka menerangkan pandangan-pandangan mereka tentang makna istilah al-mal atau harta secara terperinci dan pada mereka terdapat juga khilaf dari

sudut sifat, tugas serta zahirnya harta tersebut. Walaupun berbeza penampilan terhadap harta itu akan tetapi secara konsepnya harta tetap tidak berbeza dari sudut kefahaman mereka.

Al-Sarkahsi (2001) daripada ulama Hanafiyyah berpendapat bahawa istilah al-mal memberi maksud setiap ciptaan yang diciptakan untuk maslahat kepada kita, tetapi lebih bersifat simpanan yang mana sifat ini boleh digunakan ketika waktu yang dihajatkan. Sifat simpanan merupakan syarat bagi Mazhab Hanafiyyah untuk mengkategorikan sesuatu itu sebagai harta. Selain itu, Ibn Abidin (1994) menyatakan bahawa harta adalah sesuatu yang menjurus kecenderungan manusia kepadanya secara tabii atau semula jadi dan boleh disimpan serta boleh digunakan ketika waktu yang dihajatkan. Ibn Abidin (1994) menjelaskan lagi bahawa untuk mengiktiraf sesuatu sebagai harta manusia boleh menyimpannya dan secara tidak langsung manusia sentiasa menggunakan secara menyeluruh ataupun sebahagian darinya. Makna ini merupakan makna yang paling hampir dengan Al-Sarkahsi (Al-Baz, 1998).

Jika diperincikan, didapati bahawa makna yang telah diberikan oleh Ibn Abidin (1994) lebih bersifat khusus daripada Al-Sarkahsi (2001) yang bersifat umum. Ibn Abidin (1994) membincangkan bahawa pengiktirafan harta bukan sahaja dari sudut simpanan semata-mata malah kecenderungan manusia terhadapnya secara semula jadi. Hal ini demikian adalah kerana harta menurut pandangannya, setiap sesuatu yang boleh disimpan walaupun ianya ditegah oleh syarak untuk menggunakannya seperti arak tetap diiktiraf sebagai harta. Ibn Nujaim (1993) pula telah memberikan definisi harta sebagai nama bagi yang bukan manusia, diciptakan untuk kepentingan manusia, boleh diperolehi dan dipergunakan sesuai dengan kehendak dan pilihan.

Adapun Mazhab Malikiyyah mendefinisikan istilah al-mal ataupun harta ini sebagai sesuatu yang dimiliki dan diperintah secara sewenang-wenangnya. Maka, bagi mereka pemilikan terhadap sesuatu benda dan penggunaannya secara menyeluruh merupakan takrif kepada harta. Sekiranya manusia itu tidak memiliki dan tidak boleh menggunakannya, maka, ia bukanlah dinamakan sebagai harta bagi mereka. Al-Sayuti (1992) menjelaskan lagi dalam kitabnya Al-Muwafaqat dengan menyatakan bahawa al-mal atau harta adalah tatacara pemilikan harta dan larangan mengambil harta orang lain dengan cara yang tidak sah, apabila aturan itu dilanggar, maka pemilikan harta tersebut menjadi tidak sempurna. Selain itu, Al-Baz (1998) menyatakan bahawa definisi Mazhab Malikiyyah terhadap istilah al-mal ataupun harta lebih sama dengan makna yang ditakrifkan oleh Ibn Manzur (2003) iaitu apa yang dimiliki oleh manusia dari segala bentuk perkara atau sesuatu secara umumnya. Hal ini juga disokong oleh Al-Qurtubi (1994) dengan menyatakan bahawa apa yang dimiliki oleh manusia maka ianya dinamakan sebagai harta.

Menurut As-Shafie (2001) dalam kitab karangannya yang bertajuk al-umm telah menyatakan bahawa harta tidak akan dinamakan sebagai harta melainkan sesuatu itu memiliki nilai yang boleh berlaku muamalah dengannya seperti jual beli dan sekiranya seseorang merosakkannya maka seharusnya menggantikan nilai harta tersebut walaupun sedikit, dan harta juga merupakan sesuatu yang tidak ditinggalkan atau dibuang oleh manusia. Manakala, Al-Sayuti (1992) pula berpendapat bahawa pengiktirafan harta tidak akan berlaku melainkan wujudnya nilai pada harta tersebut dan membolehkan urusan niaga jual beli terhadapnya. Selain itu, lazim pada seseorang menggantikan harta tersebut sekiranya melakukan kerosakan terhadapnya walaupun sedikit dan manusia tidak membuang harta tersebut sebagai contoh duit atau wang dan apa yang seumpama dengannya.

Al-Kasani (1982) pula berpendapat bahawa harta adalah apa yang mempunyai manfaat secara hakikat dan boleh dimanfaatkan secara mutlak. Penjelasan daripada definisi Al-Kasani (1982), menunjukkan bahawa harta kadang-kadang boleh menjadi barang-barang yang berjasad ataupun barang-barang yang tidak berjasad selagi mana ia mempunyai manfaat dan boleh dimanfaatkan tanpa penegahan daripada syarak maka ia diiktiraf sebagai harta. Hal ini diperkuatkan lagi oleh Al-Salimi (1990) dengan menyatakan bahawa teras utama untuk mengiktiraf semua harta adalah manfaat. Oleh yang demikian, maka manfaat merupakan penentu sesuatu harta menurut mereka (Al-kasani, 1982; Al-Zarkasyi 1982; Al-Salimi, 1990; Al-Sayuti, 1992)

Al-Zarkasyi (1982) pula membincangkan tentang definisi harta yang dianggap sebagai apa-apa yang bermanfaat. Penjelasan tentang manfaat kepada sesuatu harta menurutnya terbahagi kepada dua iaitu barang dan juga haiwan. Barang menurut beliau adalah secara umum iaitu semua jenis barang manakala haiwan pula menurutnya terbahagi dua iaitu haiwan yang tidak boleh diambil manfaat darinya, maka haiwan tersebut tidak diiktiraf sebagai harta, seperti lalat, nyamuk, kelawar, dan serangga. Kedua, adalah haiwan yang boleh diambil manfaat darinya. Dalam hal ini, haiwan yang mempunyai tabiat yang patuh dan jinak kepada tuannya maka dianggap sebagai harta seperti binatang ternakan (unta, lembu, kambing, ayam dan lain-lain) manakala, haiwan yang bersifat ganas dan merosak seperti singa dan beruang tidak dianggap sebagai harta menurutnya.

Al-Baz (1998) telah merumuskan bahawa dalam Mazhab Shafie terdapat dua cara untuk mengiktiraf sesuatu itu sebagai harta. Pertama, wujud padanya nilai yakni nilai yang mengharuskan seseorang itu bermuamalat dengannya seperti jual beli. Nilai ini diwajibkan ganti rugi kepada sesiapa yang merosakkan harta itu sama ada dalam keadaan yang sedikit ataupun banyak. Kedua, melazimkan sesuatu itu bernilai dari sudut manfaat terhadap manusia. Asas kepada manfaat adalah sesuatu itu adalah mulia di sisi manusia iaitu manusia

tidak membuang atau meninggalkannya. Sekiranya manusia meninggalkan atau membuangnya serta tidak berlaku urus niaga muamalat dengannya maka ianya bukanlah dianggap sebagai harta dan tidak lazim padanya ganti rugi sekiranya berlaku kerosakkan terhadapnya.

Al-Bahuti (1982) berpendapat bahawa Mazhab Hambali menyatakan bahawa definisi harta adalah setiap sesuatu yang diiktibar sebagai manfaat yang diharuskan oleh syarak iaitu tiada penegahan syarak terhadapnya. Pengiktirafan Mazhab Hambali terhadap harta dengan menyatakan bahawa harta mestilah memenuhi kehendak zhuruf atau keadaan secara kebiasaannya yakni setiap apa yang mempunyai manfaat dinamakan sebagai harta dan apa yang tidak mempunyai manfaat, maka bukanlah dinamakan sebagai harta. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa sekiranya manfaat hanya wujud ketika diperlukan atau dalam keadaan darurat maka ia bukanlah dinamakan sebagai harta contohnya arak. Selain itu, Al-Subki (2010) telah menyatakan harta adalah apa yang diperbolehkan manfaatnya secara mutlak iaitu tidak bercanggah dengan syarak, atau boleh memperolehnya tanpa hajat dan dharurat.

Definisi aset menurut jumhur fuqaha (Mazhab Shafie, Maliki dan Hambali) adalah harta yang memiliki nilai yang boleh berlaku muamalat dengannya seperti jual beli dan sekiranya seseorang merosakkannya, maka, seharusnya menggantikan nilai harta tersebut walaupun sedikit, dan harta juga merupakan sesuatu yang tidak ditinggalkan atau dibuang oleh manusia.

3.3.4 Pengiktirafan Harta Menurut Islam

Menurut Al-Zuhaily (2004) dalam perbincangan tentang keadaan pemilikan harta terbahagi kepada tiga (3) keadaan iaitu; pertama, harta yang sama sekali tidak mampu dimiliki, kedua, harta yang tidak mampu dimiliki, kecuali dengan adanya sebab yang ditetapkan syarak dan ketiga, adalah harta yang mampu dimiliki secara mutlak melalui perbincangan gabungan kepada keadaan pertama dan kedua.

Pertama, harta yang sama sekali tidak mampu dimiliki adalah lebih dikhususkan kepada manfaat yang umum. jalan umum, jambatan, benteng, rel kereta api, muzium, taman umum, dan lain-lain. Setiap sesuatu atau harta yang memberi manfaat umum kepada manusia secara khususnya maka tidak ada keizinan untuk seseorang memilikinya. Sebab atau ilah kepada keadaan ini adalah manfaat umum. Sekiranya hilang manfaat umum kepada keadaan ini maka, secara adatnya pemilikan secara mutlak adalah dibenarkan oleh syarak (Al-Zuhaily, 2004).

Kedua, harta yang tidak mampu dimiliki, kecuali dengan adanya sebab yang ditetapkan syarak. Harta dalam keadaan ini boleh dimisalkan sebagai harta wakaf dan harta yang ada di dalam baitulmal atau disebut juga sebagai aset-aset negara atau pemerintahan. Harta seperti yang digambarkan pada keadaan kedua ini tidak boleh dijual ataupun dihibahkan. Menurut Ibn Abidin (1994), sekiranya harta dalam keadaan ini (harta wakaf) roboh atau membiayai penjagaannya terhadap harta dalam keadaan ini lebih tinggi daripada keuntungan yang dihasilkan, maka harus pihak yang bertanggungjawab menguruskannya mengeluarkan keizinan agar harta wakaf tersebut ditukarkan dan digantikan dengan harta yang lainnya. Manakala, dalam pemilikan harta baitulmal pula sebagai contohnya tidak sah urus niaga jual beli terhadap harta tersebut melainkan dengan keizinan daripada kerajaan kerana wujud darurat ataupun maslahat. Hal ini dapat dilihat sekiranya kerajaan berhajat kepada nilai atau harganya kerana harta kerajaan atau negara seumpama harta anak-anak yatim ketika diwasiatkan penjagaannya yang mana diberikan keizinan untuk melakukan transaksi dengan harta tersebut dalam keadaan berhajat dan maslahat kepadanya. Hal ini dapat dilihat melalui hadis asar Saidina Umar RA.

قال عمر رضي الله عنه : إني أنزلت نفسي من مال الله بمنزلة والي اليتيم إن احتجت أخذت منه فإذا أيسرت رددته فإن استغنيت استعفت..... وولي الأمر مأمور بمراعاة المصلحة و لا مصلحة في حمل الناس على فعل المكروه.

Umar RA berkata: Sesungguhnya aku meletakkan dirikku dari harta Allah dalam keadaan aku sebagai seorang wali bagi anak yatim (dari hartanya), jika aku memerlukannya, maka aku mengambilnya, kemudian jika aku mempunyai kesenangan terhadapnya, maka, aku kembalikan harta tersebut. Jika aku tidak memerlukan harta tersebut, maka, aku menjaga diri untuk tidak mengambilnya. Pemimpin (orang yang mempunyai kuasa) diperintahkan untuk menjaga maslahat. Dan tidak termasuk kategori maslahat mengarahkan manusia untuk melakukan perkara yang dibenci.

Ketiga, harta yang mampu dimiliki secara mutlak sama ada harta tersebut mampu dimiliki oleh diri sendiri mahupun dimilikkan kepada orang lain. Dalam keadaan ketiga ini, pemilikan secara mutlak ini adalah selain apa yang telah dibincangkan pada keadaan pertama iaitu tiada maslahat umum pada harta tersebut dan keadaan kedua mempunyai keizinan daripada syarak (Al-Zuhaily, 2004).

3.3.4.1 Jenis Harta

Daripada ketiga-tiga keadaan di atas, secara umumnya pemilikan boleh dikategorikan kepada dua (2) jenis iaitu pemilikan sempurna (al-milk al-tam) dan pemilikan tidak sempurna (al-milk al-naqish).

Pemilikan sempurna (al-milk al-tam) adalah pemilikan terhadap sesuatu yang meliputi sifat (ain) dan penggunaannya (manfaat). Pemilikan sempurna adalah pemilikan yang bersifat mutlak, sempurna haknya oleh syarak. Orang yang memiliki pemilikan sempurna mempunyai kekuasaan penuh untuk menggunakan, mengembangkan, melaburkan dan membelanjakannya mengikut kehendak hatinya. Selain itu, apabila tuan kepada pemilikan sempurna ini merosakkan barang yang dimiliki olehnya, maka tiada kewajiban untuk menggantinya tetapi dia menjadi seorang yang berdosa kerana hukum merosakan harta benda dalam Islam adalah haram (Al-Zuhaily, 2004).

Terdapat empat (4) keadaan yang mana pemilikan sempurna terhasil iaitu; pertama, al-istila' 'ala al-mubah atau menguasai harta yang mubah (belum dimiliki oleh orang lain secara sah) dan tidak ada penghalang syarak untuk dimiliki. Dalam keadaan ini, memiliki harta yang mubah, mempunyai dua (2) syarat yang harus dipenuhi oleh orang yang ingin memilikinya iaitu harta itu seharusnya belum dimiliki oleh orang lain dan wujud niat (maksud) yang diharuskan oleh syarak untuk memilikinya. Contohnya; lhya' al-mawat (menghidupkan tanah mati), berburu, menguasai rumput, menguasai kekayaan alam yang wujud dalam perut bumi seperti emas dan perak (al-ma'adin) dan harta terkambus pada era jahiliyah mahupun era Islam (al-kunuz).

Kedua, melalui akad-akad pemindahan pemilikan (Al- Uqud). Terdapat dua (2) keadaan dalam perbincangan berkaitan akad, iaitu akad yang bersifat paksaan (jabariyah) dan akad berdasarkan persetujuan (ikhtiyariyah). Akad yang bersifat paksaan dapat dilihat melalui transaksi syuf'ah sebagai contoh yang mana gugurnya pemilikan secara paksa dilakukan demi kepentingan umum. Harta seseorang dibayar dengan harga yang adil untuk tanah itu, kerana ada keadaan darurat atau demi kemaslahatan umum, seperti untuk memperluaskan masjid atau jalan raya. Manakala, akad yang berdasarkan persetujuan adalah seperti jual beli, hibah, wasiat, dan sebagainya. Akad jenis ini merupakan akad yang paling banyak diamalkan kerana akad ini merupakan aktiviti ekonomi yang menyebabkan manusia memenuhi kehendak masing-masing.

Ketiga, Al-Khalafiyah iaitu penggantian pemilikan. Terdapat dua (2) keadaan Al-Khalafiyah: 1) Penggantian antara individu dengan individu yang lain seperti harta warisan; 2) Penggantian antara sesuatu dengan sesuatu yang lain seperti denda, ganti rugi, dan lain-lain.

Keempat, al-tawallud min al-mamluk, iaitu pemilikan yang terlahir atau terhasilkan daripada sesuatu yang dimiliki. Maksudnya, apa yang terlahir atau terhasilkan (disebut al-far'u) daripada sesuatu yang dimiliki (disebut al-ashlu) adalah milik si pemilik al-ashlu tersebut. Secara kesimpulannya, keadaan yang keempat ini adalah keadaan yang mana ianya

merupakan terbitan dari sesuatu yang asal seperti seorang individu memiliki pokok, sekiranya pokok itu berbuah maka pemilikan jenis terbitan ini terhasil.

Pemilikan tidak sempurna (al-milk al-naqish) adalah pemilikan atas salah satu unsur dalam harta, sama ada memiliki benda (zat) saja atau penggunaan (manfaat) saja. Secara umumnya, pemilikan tidak sempurna adalah pemilikan yang dibatasi oleh waktu, tempat atau persyaratan lain. Menurut Al-Zuhaily (2004) terdapat tiga (3) keadaan pemilikan secara tidak sempurna yang akan menjadi titik pengiktirafan terhadap sesuatu harta iaitu; 1) Pemilikan atas benda, bukan manfaat, 2) Pemilikan atas manfaat yang bersifat personal (haqqul intifa'), 3) Pemilikan atas manfaat yang bersifat kebendaan (haqqul irtifaq).

Pemilikan atas benda, bukan manfaat adalah seseorang memiliki bendanya, sedangkan penggunaannya (manfaat) dimiliki oleh orang lain sebagai contoh dapat dilihat melalui harta wasiat sekiranya batas waktu yang ditetapkan telah habis, maka manfaat (penggunaan) rumah itu kembali menjadi hak milik ahli waris.

Terdapat lima (5) sebab pemilikan atas manfaat yang bersifat peribadi (haqqul intifa') iaitu peminjaman (al-i'arah), penyewaan (al-ijarah), wakaf, wasiat dan keizinan (al-ibahah). Secara umumnya, pemilikan jenis ini lebih tertumpu kepada penggunaan manfaat semata-mata.

Pemilikan atas manfaat yang bersifat kebendaan (haqqul irtifaq) adalah hak yang ditetapkan atas suatu harta tidak bergerak, demi kepentingan harta tidak bergerak yang sebahagiannya telah dimiliki oleh orang lain. Sebagai contoh, dalam haqqul irtifaq ini dapat dilihat melalui penggunaan jalan di hadapan rumah seseorang, salur air untuk pertanian, tangga pada rumah yang bertingkat dan sebagainya lagi.

3.3.4.2 Jual Beli

Jual beli dikenali sebagai al-bai' (البيع) dalam bahasa Arab. Menurut Khin et al (2008), Al-Zuhaily (2004), dan Ibnu Manzur (2003), al-bai' adalah pertukaran sesuatu dengan sesuatu, sama ada kedua-duanya dalam bentuk benda atau bukan benda. Manakala, mereka juga berpendapat bahawa al-bai' dari sudut istilah pula adalah akad yang merujuk kepada pertukaran sesuatu harta dengan harta yang lain bagi tujuan pemilikan kekal.

Terdapat dalil-dalil yang menunjukkan pengharusan kepada urusan niaga jual beli antaranya dari sumber Al-Quran firman Allah SWT dalam surah al-baqarah dan surah al-nisa'

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba

(QS Al-Baqarah 2:275)

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا (٢٩)

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu

(QS Al-Nisa' 4:29)

Manakala dari sudut hadis pula, terdapat hadis yang menunjukkan bahawa pengharusan terhadap urus niaga jual beli walaupun dengan sesama bukan muslim. Hal ini merupakan bukti kepada setiap manusia bahawa jual beli disyariatkan dalam Islam.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ، حَدَّثَنَا يَعْلَى، حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنِ الْأَسْوَدِ، عَنْ عَائِشَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - قَالَتْ اشْتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ بِنَسِيئَةٍ، وَرَهْنَهُ دِرْعًا لَهُ مِنْ حَدِيدٍ.

Dari Aisyah r.a. berkata bahawa suatu ketika Nabi SAW telah membeli makanan daripada seorang yahudi dengan bayaran tertanggung (nasi'ah) dan baginda menggadaikan sebuah perisai besi kepadanya.

(HR. Al-Bukhari, 2251)

Menurut Khin et al (2008) perkara yang telah disahkan oleh Al-Quran dan Hadis telah diterima secara ijmak oleh para ulama sepanjang zaman. Oleh kerana manusia memerlukan pelbagai bentuk barangan dan kerana manusia tidak mampu untuk menghasilkan kesemua barangan untuk kegunaan sendiri maka urus niaga jual beli diharuskan didalam Islam. Jadi dalam perbincangan fiqh secara jelasnya telah menerangkan rukun-rukun dan syarat jual beli. Seperti yang sedia maklum, jual beli merupakan suatu kontrak akad pertukaran.

Al-Nawawi, (2011), Al-Mahalli, (2010), Khin et al (2008), Al-Zuhaily (2004), Ibn-Qudamah (1995) dan Al-Sharbini (1994) secara umumnya rukun jual beli terbahagi kepada tiga (3) rukun. Rukun-rukun tersebut ialah pihak yang mengikat kontrak (penjual dan pembeli), sighth (ijab dan qabul), dan ma'qud alaih (barang dan harga). Rukun pertama adalah pihak yang mengikat kontrak iaitu penjual dan juga pembeli yang mana disyaratkan kepada mereka empat (4) syarat. Syarat yang pertama, mereka yang mengikat kontrak seharusnya waras iaitu berakal dan boleh menguruskan harta dengan baik. Syarat yang kedua pula bebas membuat pilihan ketika mengikat kontrak. Bagi syarat yang kedua ini, konsep kerelaan dan meredai antara satu sama lain diutamakan. Sekiranya salah satu daripada orang yang melakukan akad ini menjalankan urus niaga secara paksaan maka akad itu terbatal. Ketiga, pula ialah penjual dan pembeli adalah individu yang berlainan. Syarat yang terakhir iaitu yang

keempat adalah boleh melihat. Dalam syarat ini sekiranya orang buta melakukan urusan niaga jual beli, maka seharusnya orang buta tersebut mewakilkan kepada orang lain yang dapat melihat untuk menjual atau membeli bagi pihaknya.

Rukun yang kedua pula ialah sighth iaitu ijab dan qabul. Menurut Khin et al (2008) dan Al-Zuhaily (2004) terdapat tiga (3) syarat dalam perbincangan tentang sighth ini iaitu pertama tidak wujud tempoh yang lama antara penawaran (ijab) dan persetujuan (qabul) yang boleh menggambarkan pada adatnya penawaran tersebut tidak diterima. Kedua, perlu wujud persamaan antara persetujuan oleh pembeli dan penawaran oleh penjual dalam semua sudut. Syarat terakhir iaitu kesahihan jual beli tersebut tidak boleh dikaitkan dengan sebarang syarat atau dihadkan untuk tempoh tertentu.

Rukun yang ketiga pula ialah maq'ud alaih iaitu barang dan juga harganya. Dalam perbincangan tentang barang dan harga terdapat enam (6) syarat secara umumnya harus dipenuhi oleh rukun pertama dan kedua; syarat pertama barangan jualan hendaklah wujud ketika kontrak jual beli dimeterai. Kedua, barang yang dijual mestilah dalam bentuk harta yang bernilai menurut syarak. Ketiga, barangan jualan mestilah barangan yang bermanfaat menurut syarak dan uruf (kebiasaan orang ramai). Keempat, barangan tersebut hendaklah boleh diserahkan, daripada segi fizikal dan syarak. Kelima, pihak yang berkontrak mestilah orang yang mempunyai kuasa ke atas barangan yang ingin dijual beli sama ada kuasa sebagai seorang penjaga atau kuasa sebagai pemilik. Keenam, iaitu yang terakhir adalah barangan tersebut mestilah dalam pengetahuan kedua-dua belah pihak.

3.3.4.3 Sewa

Sewa dikenali dengan istilah ijarah (الإجارة) dalam bahasa Arab. Istilah dari segi bahasa menurut Ibnu Manzur (2003) adalah merujuk kepada bayaran yang diberikan kepada orang yang melakukan sesuatu kerja sebagai ganjaran kepada apa yang dilakukannya. Ganjaran tersebut juga dinamakan sebagai ajr atau ujah. Manakala dari sudut istilah pula Khin et al (2008) telah menyatakan bahawa istilah ijarah bermaksud satu kontrak akad untuk mendapatkan khidmat (manfaat) tertentu yang boleh dibayar dan dihalalkan dengan barangan tertentu. Secara jelas, yang dimaksudkan dengan kontrak untuk mendapatkan khidmat (manfaat) di sini adalah memindahkan hak milik khidmat (manfaat) dengan dan dibayar setimpal dengan persetujuan akad.

Menurut Al-Zuhaily (2004) kontrak ijarah dibenarkan oleh Islam dan ianya adalah berdasarkan dalil Al-Quran dan Hadis. Dalil al-Quran yang menunjukkan pensyariatkan kepada kontrak sewa ini adalah pada surah-al-talak ayat 6 firman Allah SWT yang menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan para bapa supaya memberikan ganjaran sebagai upah kepada penyusuan anak mereka. Selain itu, terdapat dalil Al-Quran lain yang

dapat difahami berkaitan dengan kontrak ijarah ini melalui firman Allah SWT yang menyebut tentang perbualan di antara Nabi Syuaib AS dengan anak perempuannya supaya menjadi orang upahan selama lapan tahun. Firman Allah SWT seperti berikut:

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ

kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak) mu untukmu maka berikanlah kepada mereka upahnya

(QS al-Talak 65:6)

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجِرْتَهُ الْفَقِيرُ الضَّعِيفُ (٢٦) قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُنكِحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي تَمَنِي حِجَابًا فَإِنْ أَتَمَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ عِنْدِكَ وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَمْلِكَ عَلَيْكَ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ (٢٧)

Salah seorang dari kedua wanita itu berkata: "Ya bapaku ambillah ia sebagai orang yang bekerja (pada kita), kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai" (26) Berkatalah dia (Syu'aib): "Sesungguhnya aku bermaksud menikahkan kamu dengan salah seorang dari kedua anakku ini, atas dasar bahawa kamu bekerja denganku selama lapan tahun dan jika kamu cukupkan sepuluh tahun maka itu adalah (suatu kebaikan) dari kamu, maka aku tidak hendak memberati kamu. Dan kamu Insya Allah akan mendapatiku termasuk orang-orang yang baik".

(QS Al-Qasas 28: 26-27)

Manakala menurut hadis pula, pengharusan sewa ini adalah berdasarkan hadis berikut:

حَدَّثَنَا الْعَبَّاسُ بْنُ الْوَلِيدِ الدَّمَشْقِيُّ، حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ سَعِيدِ بْنِ عَطِيَّةِ السُّلَمِيِّ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ عَرْفُهُ " .

Dari Ibnu 'Umar r.a, ia berkata, "Rasulullah SAW bersabda: "Berilah upah kepada para pekerja sebelum mengering peluhnya."

(HR. Ibn Majah, 2443)

Berdasarkan dalil-dalil di atas, oleh kerana kontrak sewa ini diizinkan oleh syarak maka Khin et al (2008) berpendapat bahawa terdapat empat (4) rukun yang bersangkutan dengan sewa iaitu dua pihak yang berkontrak sama ada pemilik atau perkhidmatan (manfaat) atau penyewa, sighth, perkhidmatan barang yang diberikan dan bayaran sewa atau upah.

Bagi rukun pertama iaitu dua pihak yang berkontrak sama ada pemilik atau perkhidmatan (manfaat) atau penyewa, Khin et al (2008) menyatakan bahawa terdapat dua syarat utama iaitu baligh dan berakal. Secara umumnya, sekiranya antara dua pihak yang melakukan akad tersebut adalah kanak-kanak atau orang gila, maka akad tersebut akan terbatal.

Bagi rukun kedua pula, iaitu sighth. Dalam perbincangan tentang kontrak sewa ini menurut Al-Nawawi (2011); Muhammad (2011); Al-Mahalli (2010); Al-zuhaily (2009); Khin et al (2008); dll. telah menjelaskan bahawa akad sighth iaitu penawaran (ijab) dan persetujuan (qabul) mempunyai tiga (3) syarat iaitu; pertama persetujuan dan penawaran hendaklah selari, kedua tidak wujud jurang masa yang lama antara penawaran dan persetujuan, dan ketiganya adalah tidak bertaklid pada syarat sebagai contoh seseorang berkata "jika Zaid datang, saya akan sewakannya kepada anda dengan bayaran tersebut".

Rukun ketiga pula adalah perkhidmatan (manfaat), terdapat lima (5) syarat yang perlu dipenuhi dalam rukun ketiga ini. Pertama, perkhidmatan mestilah mempunyai nilai. Kedua, pemilik perkhidmatan mestilah mampu menyerahkan perkhidmatannya supaya penyewa boleh menggunakannya. Ketiga, khidmat diperoleh pengupah bukan oleh orang yang diupah. Keempat, khidmat (manfaat) disewa bukan bertujuan mendapatkan barangan. Kelima, khidmat mestilah dimaklumkan oleh kedua-dua pihak dari segi barangan, sifat dan kadarnya (Khin et al, 2008).

Bagi rukun keempat pula, berkaitan bayaran sewa atau upah, menurut Khin et al (2008) terdapat lima (5) syarat juga yang harus dipenuhi dalam rukun ini iaitu; 1) bayaran sewa mestilah bayaran yang suci, 2) bayaran sewa boleh dimanfaatkan, 3) mampu diserahkan yakni tidak sah bayaran yang dirampas atau seperti burung di awan, 4) pihak yang berkontrak mempunyai kuasa (wilayah) untuk menyerahkannya, 5) bayaran sewa atau upah diketahui oleh kedua-dua pihak.

Menurut Muhammad (2011), Khin et al (2008), dan Al-Zuhaily (2004) terdapat dua (2) jenis penyewaan dalam perbincangan tentang ijarah iaitu sewa barangan dan sewa jaminan. Sewa barangan ialah sewa yang membabitkan perkhidmatan yang diperolehi daripada barangan tersebut. Manakala, sewa jaminan pula adalah sewa yang membabitkan perkhidmatan yang diperolehi daripada jaminan pemilik. Bagi setiap jenis penyewaan ini terdapat juga syarat-syarat tertentu untuk melaksanakannya.

Syarat bagi sewa barangan, menurut Khin et al (2008) ada tiga (3) syarat iaitu barangan yang disewakan mestilah ditetapkan, barangan yang disewakan mestilah wujud dan dipamerkan di hadapan kedua-dua pihak ketika memeterai kontrak sewa dan penggunaan khidmat (manfaat) barangan tersebut tidak ditangguh selepas kontrak dilaksanakan. Bagi syarat sewa jaminan pula, terdapat dua (2) syarat yang harus dipenuhi. Pertama, bayaran sewa adalah serta-merta dan diserahkan dalam majlis kontrak. Kedua, spesifikasi barangan yang ditawarkan perkhidmatan itu hendaklah dinyatakan dengan jelas.

3.3.4.4 Pertanian

Dalam Islam, hal-hal pertanian dinamakan Muzara'ah dan Mukhabarah. Kedua, istilah tersebut mempunyai pengertian yang hampir sama, akan tetapi wujud perbezaan di antara kedua-dua istilah tersebut iaitu benih tanaman. Al-Jaziri (2004) telah menyatakan bahawa muzara'ah adalah akad perkongsian dalam pertanian dalam Mazhab Maliki. Manakala, Mazhab Shafie berpendapat bahawa muzara'ah adalah mengelola tanah di atas sesuatu yang dihasilkan dari tanah tersebut dan benihnya berasal daripada pemilik tanah (Al-Zuhaily, 2004 & Muhammad, 2011). Selain itu, Ibn Qudamah (1995) berpendapat bahawa Mazhab Hambali berpandangan bahawa muzara'ah adalah menyerahkan tanah kepada orang yang akan bercocok tanam atau mengelolanya, dan hasilnya tersebut dibahagi antara dua orang yang berakad. Di samping itu, Mazhab Hanafi pula menyatakan bahawa definisi muzara'ah adalah satu akad untuk pertanian dengan sebahagian yang keluar dari bumi (Ibn Abidin, 1994 & Al-Jaziri 2004).

Menurut Al-Zuhaily (2004) terdapat empat (4) rukun dalam akad muzaraah iaitu ijab dan qabul (dua orang yang berakad), pemilik tanah, petani, objek muzara'ah iaitu alat dan tempoh muzaraah tersebut. Dalam perbincangan berkaitan muzara'ah ini, syarat-syarat untuk menjadikan akad itu sah menurut syarak terdapat di dalam syarat orang yang melakukan akad, syarat tanaman, syarat tanah yang ditanami, syarat sesuatu yang dikeluarkan dari tanah, syarat tempat akad, syarat alat penanaman, dan syarat tempoh penanaman. Dalam syarat bagi orang yang berakad menurut Al-Zuhaily (2004) mempunyai dua (2) syarat iaitu; pertama, mereka adalah orang yang berakal yakni dapat membezakan (al-mumayyiz), maka sekiranya orang yang melakukan akad tersebut adalah kanak-kanak dan orang gila terbatallah akad tersebut. Kedua, mensyaratkan orang tidak murtad kerana akad orang murtad adalah terbatal menurut syarak akan tetapi ulama Hanafiyyah tidak mensyaratkannya kerana bagi mereka akad orang murtad adalah sah.

Adapun syarat tanaman menurut Al-Zuhaily (2004) seharusnya sedia maklum yakni menjelaskan apa yang ingin ditanam. Manakala, syarat bagi tanah yang digunakan untuk bercucuk tanam pula mempunyai tiga (3) syarat iaitu; pertama, tanah tersebut boleh ditanam dan apabila bercucuk tanam, tanah tersebut akan membuahkan hasil. Kedua, jelas, sekiranya tidak jelas yakni dalam akad mengatakan untuk melakukan aktiviti pertanian akan tetapi melakukan aktiviti perkilangan maka akad tersebut terbatal. Ketiga, wujud penyerahan tanah iaitu penyerahan tanah daripada pemilik kepada si petani.

Menurut Al-Zuhaily (2004), terdapat empat (4) syarat bagi syarat sesuatu yang dikeluarkan dari tanah iaitu; jelas ketika akad yakni jelas upahnya sekiranya kadar upah tidak diketahui maka terbatal akad muzara'ah tersebut. Kedua, diharuskan atas kerjasama dua orang yang

akad sekiranya wujud syarat khusus antara salah seorang yang berakad maka akad tersebut juga akan rosak. Ketiga, ditetapkan ukuran di antara keduanya iaitu sama ada 1/2, 1/3, 1/4, atau lainnya sekiranya tiada maka terbatalah akad tersebut. Keempat, hasil dari tanaman harus menyeluruh di antara dua orang yang akan melangsungkan akad sekiranya mensyaratkan bagi salah satu yang melangsungkan akad hanya mendapatkan sekadar pengganti biji maka akad tersebut juga akan batal.

Bagi syarat tempat akad pula, akad dalam muzara'ah seharusnya mempunyai tujuan yang mengambil kira tujuan syarak dan juga adat yakni untuk mendapatkan manfaat daripada tanah. Manakala, bagi syarat alat penanaman pula, dibolehkan menyatakan alat tradisional atau moden dengan maksud sebagai pengikut kepada akad. Syarat terakhir adalah tempoh penanaman, iaitu syarat sah muzara'ah yang menyatakan dengan jelas tempoh penanaman maka tidak sah akad muzara'ah melainkan dengan menyatakan tempoh tersebut.

3.3.4.5 Harta Intelek

Aset tidak ketara termasuklah paten, hak cipta yang dikelaskan sebagai harta intelek yang dilindungi di sisi undang-undang. Perkara ini selari dengan kehendak Al-Quran, Hadis dan Qias (Jamar, 1992).

Terdapat dua pandangan tentang aset tidak ketara, yang pertama, Imam Hanafi menolak aset yang tiada unsur fizikal iaitu yang ada manfaat dan hak semata-mata. Namun, terdapat juga ulama Hanafi iaitu Al-Kasani (1982) yang menerima pandangan bahawa aset termasuklah ayn dan juga manfaat. Manakala, pandangan kedua, yang disepakati oleh ulama-ulama yang lain ialah aset mencakupi aset ketara dan tidak ketara. Misalnya, Qadi Abd al-Wahhab ulama Mazhab Malik, mendefinisikan aset sebagai suatu yang boleh dimanfaatkan daripadanya dan diterima sebagai pertimbangan ('iwad). Manakala Al-Zarkasyi (1982) pula yang beraliran Shafie berpendapat aset merupakan suatu yang boleh dimanfaatkan daripada a'yan dan Ibn-Qudamah (1995), ulama Mazhab Hanbali pula menyatakan aset merupakan suatu yang boleh dimanfaatkan dalam keadaan bukan keperluan. Ketiga-tiga ulama mazhab ini sependapat bahawa aset merupakan suatu yang boleh memberikan manfaat.

Ulama telah menggariskan dua jenis hak terhadap isu aset tidak ketara berdasarkan kuasa pertimbangan; i) hak mengikut undang-undang, dinyatakan dengan jelas di dalam surat atau teks dan ii) hak mengikut adat, iaitu mengikut amalan atau adat setempat. Kedua-dua jenis hak ini bukanlah berdasarkan hukum syariah tetapi lebih di berikan ruang kepada perundangan dan adat serta resam setempat selagi ianya tidak bercanggah dengan syariah.

Dalil Al-Quran berhubungan dengan isu-isu kepakaran

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ فَسَلُّوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ (٧)

Kami tiada mengutus rasul rasul sebelum kamu (Muhammad), melainkan beberapa orang laki-laki yang Kami beri wahyu kepada mereka, maka tanyakanlah olehmu kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tiada mengetahui.

(QS Al-Anbiya 21:7)

Dalam Al-Quran juga menyebut tentang “Fas alu ahlazzikri” yang bermaksud bertanyalah kepada Ahli, jika kamu tidak tahu” (QS Al Anbiya 21:7). Allah SWT telah memberikan jalan bahawa ada kelompok manusia yang lebih terkehadapan dalam penguasaan ilmu dan ada yang agak kurang. Maka, orang yang masih kurang ilmunya dianjurkan untuk mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar daripada orang yang lebih mengetahui. Dalam ayat yang lain, Allah SWT menyebut; Dia tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehinggalah kaum tersebut mengubah nasib mereka. sesuatu kaum perlulah mencari dan berusaha mendapatkan ilmu.

Selain itu, Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah serta Majma' Fiqh Islam telah membahaskan tentang hak berkaitan aset tidak ketara. Mereka telah meneliti tentang hak maknawi. Majlis Fiqh Islami ke-5 di Kuwait pada 1-6 Jamadilawal 1309 Hijrah telah mengeluarkan resolusi bahawa semua jenis perisian komputer; termasuklah perisian operasi, aplikasi, sistem penyimpanan, dan perisian yang mengendali proses penyimpanan, memasukkan, pengeluaran data. Perisian tersebut mempunyai nilai material dan diperakui oleh syarak (Zaharuddin, 2014).

3.3.5 Pengukuran Harta Menurut Islam

Dalam kajian-kajian lepas, tidak terdapat pemerincian yang jelas berkaitan pengukuran sesuatu harta, tetapi terdapat beberapa bab yang boleh dirujuk sebagai pengukuran harta menurut Islam iaitu dalam bab urus niaga jual beli perbincangan berkaitan dengan harga (Khin et al, 2008 & Al-zuhaily, 2004). Harga adalah merupakan salah satu rukun dalam sahnya urus niaga jual beli. Dalam sistem perakaunan, menggunakan perbincangan berkaitan harga telah dirujuk bagi melihat bagaimana pengukuran harta menurut pandangan Islam.

Syahadah (2006) telah membincangkan beberapa definisi berkaitan dengan harga dari sudut pemahaman Islam. Terdapat lima (5) definisi yang telah dibincangkan oleh beliau. Istilah at-thaman atau dikenali sebagai harga merupakan istilah yang sering kali digunakan dalam urus niaga jual beli. Menurut Haidar (1991), iaitu definisi yang pertama dibincangkan oleh Syahadah (2006), harga adalah barang yang digunakan sebagai ganti bagi barang yang bersangkutan paut dengan simpanan ataupun tanggungan. Manakala, definisi kedua pula berkaitan dengan harga adalah nilai bagi sesuatu dan harganya yang sudah dipersetujui

antara si penjual dan si pembeli menurut Al-Qal'ahji (1988). Definisi ketiga pula, merujuk kepada Al-Syarbashi (1981), harga adalah apa yang ditentukan oleh si penjual dan si pembeli sebagai ganti kepada sesuatu barang. Definisi keempat menurut Zarqa (1999) ialah harga merupakan harta yang digunakan oleh si penjual sebagai pertukaran kepada si pembeli dengan membayar balik setimpal dengan nilainya. Abu Jib (1982) pula menyatakan bahawa harga adalah ganti sebagaimana yang dipersetujui dalam urus niaga jual beli sama ada dalam bentuk tetap barang (ain) atau barang dagangan (sil'ah) yang merupakan definisi kelima kepada harga.

Menurut Syhadah (2006), definisi yang kelima merupakan satu definisi yang paling sesuai digunakan kepada harga dan akan digunakan dalam kajian ini kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan nilai. Definisi ini dianggap menyeluruh kerana harga merupakan alat ganti kepada sesuatu, maka, setiap apa yang menggantikan sesuatu barang maka terjadi juga padanya harga. Di dalam definisi tersebut juga telah mensyaratkan meredai antara satu sama lain kerana asal dalam sah akad jual beli adalah meredai antara satu sama lain dan reda merupakan kunci terhadap sahnya akad-akad lain juga selain jual beli.

Apa yang dimaksudkan dengan reda ini, kadang-kadang harga boleh jadi lebih tinggi daripada nilai asalnya, kadang-kadang harga boleh jadi rendah, dan kadang-kadang harga juga boleh sama dengan nilai asalnya selagi mana di dalam akad terdapat reda-meredai di antara kedua-dua pihak yang melakukan urus niaga maka ia dinamakan sebagai harga. Manusia menggunakan harga itu dalam urus niaga jual beli maka terkeluarlah tajuk-tajuk lain yang bukan berada di bawah akad pertukaran seperti hadiah, derma dan sebagainya lagi. Penggunaan perkataan bentuk tetap barang (ain) atau barang dagangan (al-mabai') bersifat menyeluruh yang meliputi segala bentuk pertukaran sama ada dinar atau dirham, kilogram, timbangan, bilangan, dan sebagainya lagi. Definisi ini juga bersifat menyeluruh kepada harga yang bernama iaitu setiap barang yang telah diletakkan atau ditampalkan nilai harga sewaktu transaksi jual beli dilaksanakan dengan reda-meredai antara orang yang melakukan akad tersebut tidak kira sama ada pada nilai asalnya atau bertambah atau berkurang pada harga tersebut (Khin et al, 2008; Syhadah, 2006; Al-zuhaily, 2004; Al-Qal'ahji, 1988).

Terdapat tujuh (7) istilah yang telah digunakan bagi menentukan sesuatu itu adalah harta. Antaranya adalah al-qimah, an-nuqd, al-fulus, al-qabdh, al-ujrah, al-mahar, dan ad-dain (Syhadah, 2006). Menurut Ibn Abidin (1994), al-qimah adalah nilai satu benda yang mana dijadikan sebagai ukuran tidak ada penambahan dan juga tiada pengurangan. An-nuqd adalah benda yang diambil oleh manusia sebagai nilai harga sama ada benda itu ditempa melalui bahan galian atau kertas-kertas yang dicetak yang mana sumbernya daripada badan yang berautoriti seperti bank negara atau lainnya dengan bersandarkan kepada emas dan

perak (Al-Qal'ahji, 1988). Al-fulus merupakan potongan daripada yang digunapakai oleh manusia ataupun duit yang ditempat selain emas dan perak (Al-Qal'ahji, 1988). Menurut Al-Kasani (1982), al-qabdh adalah benda yang mempunyai ketetapan dan tidak bercanggah dengan uruf sebagai unit perantaraan pertukaran. Al-Qal'ahji (1988) juga telah menyatakan bahawa al-ujrah merupakan upah sebagai gantian kepada manfaat dalam sewaan. Al-Zuhaily (2004) menyatakan bahawa al-mahar adalah harta yang berhak ke atas isteri oleh suami melalui proses akad nikah. Menurut Ibn Abidin (1994) ad-dain adalah hutang di bawah tanggungan kita.

Walaupun bagaimanapun, nilai-nilai yang dipilih untuk mengukur segala yang berkaitan dengan aset dalam kajian ini adalah berpandukan kepada nilai al-qimah, an-nuqd, al-fulus, al-qabdh, dan al-ujrah yang mana di Malaysia mengukurnya dengan nilai Ringgit Malaysia.

3.3.6 Pendedahan Harta Menurut Islam

Dalam perbincangan lepas, iaitu berkaitan jual beli terdapat syarat yang menyatakan bahawa barangan tersebut mestilah dalam pengetahuan kedua-dua belah pihak (Al-Nawawi, 2011; Al-Mahalli, 2010; Khin et al, 2008 & Al-Zuhaily, 2004). Oleh kerana syarat tersebut adalah salah satu syarat yang dapat menyempurnakan akad jual beli, maka, ianya digunapakai dalam pendedahan harta dari sudut perakaunan Islam. Secara umumnya, sekiranya barang yang hendak diniagakan tidak diketahui oleh penjual atau pembeli, maka tidak sah akad menurut syarak. Manakala, dari sudut perakaunan pula dapat dilihat bahawa dalam konteks pendedahan adalah di antara Institusi WZB yang diberikan amanah kepada mereka sebagai wakil orang Islam sekalian (pemegang taruh) untuk menjaga harta orang Islam. Maka, sekiranya segala aset yang ada dalam tangan amanah Institusi WZB tidak didedahkan secara telus akan menimbulkan pertelingkahan kepada pemegang taruh dan berkemungkinan hilang kepercayaan. Selain itu, dalam urusan niaga jual beli pada perbincangan syarat yang sama juga terdapat perbincangan yang menjelaskan bahawa tidak sah menjual atau dijadikan bayaran salah satu barangan yang ada tanpa dinyatakan yang mana satu. Hal ini demikian menjadikan Institusi WZB seharusnya menjelaskan dan mendedahkan satu persatu aset yang diamanahkan kepada mereka.

Begitu juga, dalam hal harga atau nilai barangan tersebut tidak sah urusan niaga jual beli sekiranya si penjual tidak menyatakan nilai atau harga barangan tersebut kepada si pembeli. Dalam konteks perakaunan pula, hal ini dilihat melalui pendedahan harga sesuatu barangan. Bagi Institusi WZB setiap aset yang diamanahkan seharusnya menyatakan nilai tersebut. Kajian lepas oleh Al-jedaibi (2014) telah menyatakan bahawa pendedahan nilai saksama harus diamalkan dalam perakaunan Islam. Pendedahan pada nilai saksama ini turut disokong oleh Al-Nawawi, 2011; Al-Mahalli, 2010; Khin et al, 2008; Al-Zuhaily 2004; perbincangan dalam

bab ad-dhoman (gantirugi) dan juga bab ar-rahnu (gadaian). Bab ini membincangkan bahawa nilai sesuatu aset dinilai pada nilai saksama.

Dalam konteks perakaunan, penjagaan harta merupakan salah satu perkara asas ad-dharuriyyat dalam maqasid syariah (Al-Ghazali, 505 h). Berikutan itu, pendedahan dari sudut perakaunan Islam menurut Maali, Casson dan Napier (2006); Haniffa, (2002); Haniffa dan Hudaib, (2002); Alam, (1998); Baydoun dan Willett, (1997), telah menyatakan seharusnya pendedahan didedahkan secara keseluruhannya. Menurut Abdul Rahim (2010), pendedahan secara keseluruhannya, bukan bererti melaporkan dan mendedahkan setiap maklumat secara terperinci dalam urus niaga. Pendedahan yang dijelaskan oleh beliau adalah keperluan kepada para penyedia akaun untuk mendedahkan segala yang mereka percaya bahawa maklumat tersebut adalah penting kepada pengguna penyata kewangan di samping bertujuan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Selain itu, pendedahan ini juga bermaksud melaporkan segala maklumat di dalam penyata kewangan ataupun nota kepada akaun.

Dalam kajian Abidin, Sarmidi dan Nor (2013), Abdul Basit Sarmidi dan Nor (2014), dan Zainol, Daud, Aini, Rasyid & Alias (2016) telah membincangkan tentang hal-hal perilaku berkaitan dengan hutang. Oleh kerana Islam mempunyai tatacara dalam amalan berhutang iaitu disunatkan menulis supaya tidak dilupakan oleh mana-mana pihak yang melakukan amalan berhutang (Al-Nawawi, 2011; Al-Mahalli, 2010; Khin et al, 2008; al-Zuhaily, 2004; Ibn Qudamah, 1995; Al-Dardir, 1986; dll.). Amalan ini menjadi asas kepada pelaporan pendedahan dalam sistem perakaunan Islam berdasarkan dalil Al-Quran berikut.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ
كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا فَإِن كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ
سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيَمْلِكْ وَلِيَّهُ بِالْعَدْلِ وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رَجَالِكُمْ فَإِن لَّمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ
فَرَجُلٌ وَأَمْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَن تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا
وَلَا تَسْمَعُوا أَن تُكْتَبَ لَهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمٌ لِلشُّهَدَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا إِلَّا أَن تَكُونَ
تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِن
تَقَعُوا فَإِنَّهُ فُسُوقٌ بِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (٢٨٢)

Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalat tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah mengajarkannya, maka hendaklah ia menulis, dan hendaklah orang yang berhutang itu mengimlakkan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangi sedikitpun daripada hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalannya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak

mampu mengimlakkan, maka hendaklah walinya mengimlakkan dengan jujur. Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki (di antaramu). Jika tak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redai, supaya jika seorang lupa maka yang seorang mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil; dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil maupun besar sampai batas waktu membayarnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih menguatkan persaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah mu'amalahmu itu), kecuali jika mu'amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu, (jika) kamu tidak menulisnya. Dan persaksikanlah apabila kamu berjual beli; dan janganlah penulis dan saksi saling sulit menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertakwalah kepada Allah; Allah mengajarmu; dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

(QS Al-Baqarah 2:282)

Dalam ayat di atas, dapat dinyatakan bahawa amalan menulis dan mencatat hutang ini merupakan amalan sunat yang membolehkan ia menjadi bahan bukti kepada sesiapa yang melakukan amalan ini. Oleh kerana kebanyakan kajian lepas seperti Al-Nawawi, (2011), Al-Mahalli, (2010), Khin et al, (2008), Al-Zuhaily, (2004), Ibn Qadamah, (1995), dan Al-Dardir, (1986) menyatakan ayat di atas disunatkan menulis dan mencatat amalan berhutang iaitu disarankan kepada kedua-dua pihak sama ada orang yang berhutang dan orang memberikan hutang. Maka, ianya diadaptasikan dalam sistem perakaunan Islam iaitu merekodkan segala urusan niaga berkaitan aset yang ada.

Selain itu, tujuan pendedahan seperti yang dimaksudkan oleh Maali, Casson dan Napier (2006); Haniffa dan Hudaib, (2002); Alam, (1998); Baydoun dan Willett, (1997), supaya pendedahan didedahkan secara keseluruhannya adalah bertujuan mendapatkan keredaan daripada Allah SWT kerana terdapat dalil-dalil Al-Qur'an yang menunjukkan bahawa Allah sentiasa melihat apa kamu kerjakan. Jadi setiap pendedahan seperti saranan Abdul Rahim (2010) menjadi rujukan utama dalam pendedahan perakaunan Islam berdasarkan dalil-dalil di bawah.

..... إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا (١)

Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu

(QS Al-Nisa' 4:1)

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ۖ (٧) فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا (٨) وَيَنْقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا (٩)

Adapun orang yang diberikan kitabnya dari sebelah kanannya (7) maka dia akan diperiksa dengan pemeriksaan yang mudah (8) dan dia akan kembali kepada kaumnya (yang sama-sama beriman) dengan gembira (9)

(QS Al-Insyiqaq 84: 7-9)

وَأِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ (١٠) كِرَامًا كَاتِبِينَ (١١) يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ (١٢)

Padahal sesungguhnya bagi kamu ada (malaikat-malaikat) yang mengawasi (pekerjaanmu) (10) yang mulia (di sisi Allah) dan mencatat (pekerjaan-pekerjaanmu itu) (11) mereka mengetahui apa yang kamu kerjakan (12)

(QS Al-Infithar 82: 10-12)

وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهَدْهَدَ أَمْ كَانَ مِنَ الْغَائِبِينَ (٢٠) لَأُعَذِّبَنَّهُ عَذَابًا شَدِيدًا أَوْ لَأَذْبَحَنَّهُ ۖ أَوْ لِيَأْتِيَنَّ بِسُلْطٰنٍ مُّبِينٍ (٢١)

Dan dia memeriksa burung-burung lalu berkata: "Mengapa aku tidak melihat hud-hud, apakah dia termasuk yang tidak hadir (20) Sungguh aku benar-benar akan mengazabnya dengan azab yang keras atau benar-benar menyembelihnya kecuali jika benar-benar dia datang kepadaku dengan alasan yang terang".

(QS Al-Naml 27: 20-21)

إِذْ يَتَلَفَّى الْمُتَلَفِّيٰنِ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشَّمَآلِ قَعِيْدٌ (١٧) مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيْدٌ (١٨)

(yaitu) ketika dua orang malaikat mencatat amal perbuatannya, seorang duduk di sebelah kanan dan yang lain duduk di sebelah kiri (17) Tiada suatu ucapan pun yang diucapkannya melainkan ada di dekatnya malaikat pengawas yang selalu hadir (18).

(QS Qaaf 50: 17-18)

3.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini melihat kembali kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang sistem perakaunan Islam dan piawaian perakaunan yang sedia digunakan oleh Institusi WZB di Malaysia. Penelitian yang merujuk kepada kajian-kajian lepas ini amat penting bagi mengenal pasti kekangan yang wujud antara amalan semasa dan konsep asal aset ataupun harta dalam Islam dari aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Hasil daripada penelitian kajian-kajian lepas dapat membantu penyelidik dalam memberi cadangan-cadangan baharu dalam pembentukan PPI yang akan dibincangkan dalam bab 8 kajian ini.

Bab seterusnya menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang relevan untuk digunakan oleh penyelidik dalam menjawab segala persoalan kajian pada bab 1.

BAB 4

KAEDAH PENYELIDIKAN

4.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang kaedah kajian yang dijalankan oleh ahli penyelidik untuk menyiapkan kajian ini. Tujuan bab ini adalah untuk menghuraikan kaedah penyelidikan yang telah digunakan, kaedah cara pengumpulan dan analisis data dalam proses menjawab objektif kajian pertama hingga keempat. Berikut adalah penerangan struktur bab ini, pertama penyelidik memberi penerangan tentang kaedah kualitatif, reka bentuk kajian dan kaedah penyediaan, diikuti dengan penerangan kaedah penyelidikan yang digunapakai, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis yang dibuat oleh penyelidik bagi tujuan menjawab keempat-empat persoalan kajian dalam kajian ini. Kajian ini mencadangkan untuk menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang mana ia merupakan penghasilan konsep baru dan idea-idea yang menjadi matlamat bersama. Berdasarkan soalan-soalan penyelidikan yang memerlukan penjanaan konsep baru dalam sistem perakaunan Islam bagi perakaunan WZB, maka kaedah kualitatif adalah bersesuaian untuk menjawab segala persoalan kajian.

4.1 Kaedah Penyelidikan Kualitatif

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif ini amat sesuai bagi persoalan kajian yang berbentuk pertanyaan dan mempunyai sifat penerokaan (exploratory). Menurut para pengkaji kualitatif (Merriam, 2009 & Creswell, 2007), kaedah kualitatif amat sesuai digunakan bagi kajian yang mempunyai persoalan kajian yang berbentuk pertanyaan, memerlukan pemerhatian yang teliti serta memerlukan pencarian jawapan yang bergantung kepada realiti sosial (social reality). Tambahan lagi, kaedah penyelidikan kualitatif berkehendak kepada pencarian persoalan yang subjektif, iaitu 'apakah', 'bagaimanakah' dan 'kenapakah'. Dalam persoalan kajian Fasa 2 ini penggunaan soalan yang berbentuk subjektif iaitu 'apakah' telah digunapakai oleh ahli penyelidik (rujuk persoalan kajian).


Hal ini juga selari dengan pendapat Creswell (2007) yang menyatakan bahawa kaedah kualitatif digunakan bagi kajian soalan yang berbentuk subjektif, maka kajian ini telah mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya.

4.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian bagi kaedah penyelidikan kualitatif merujuk kepada proses bagaimana penyelidik menyusun strategi untuk melakukan penyelidikan ini. Dalam hal ini, ahli penyelidik mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan

persoalan dan objektif kajian (rujuk bab 1). Maka, segala strategi dan reka bentuk kajian bermula daripada persoalan dan objektif kajian. Berikutan itu, penyelidik telah memilih kaedah yang sesuai untuk menjalankan kajian ini. Seterusnya, penyelidik menerangkan kaedah pengumpulan data yang sesuai bagi menjawab segala persoalan penyelidikan. Akhir sekali, penyelidik menerangkan lebih lanjut tentang kaedah menganalisis data yang membentuk dapatan kajian. Secara ringkas, ahli penyelidik melakukan kajian mengikut reka bentuk kajian seperti dalam gambarajah 4.1

Gambarajah 4.1: Reka Bentuk Kajian



4.3 Kaedah Penyediaan Kajian

Kajian ini telah dibiayai oleh JANM. Perlu dijelaskan juga bahawa kerjasama daripada MAIN iaitu Kedah, Perlis, Penang, Perak dan Sarawak dan LZNK serta PZPP juga diperolehi. Input dari pakar syariah (perundangan dan muamalat) serta pakar perakaunan Islam daripada pelbagai universiti tempatan dan luar negara turut menyumbang kepada dapatan kajian. Ingin dimaklumkan juga bahawa penambahbaikan secara berterusan diadakan dari masa ke semasa yang mana beberapa penemuan dalam konvensyen serta seminar yang telah diatur oleh pihak JANM dengan wakil-wakil dari pihak JAKIM, JAWHAR, pakar perakaunan Islam dan pakar muamalat dari universiti tempatan telah diadakan bagi menyiapkan kajian ini.

Berpandukan persoalan kajian, MAIN telah dijadikan sampel utama kajian ini. MAIN dipilih sebagai sampel utama kerana MAIN adalah badan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan harta WZB bagi setiap negeri. Kajian ini terdiri daripada kesemua 14 MAIN; iaitu, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Terangganu, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan. Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dipertanggungjawab untuk menjalankan kajian di Zon dua (2) iaitu: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Walaupun pihak pengkaji UUM hanya mengkaji empat (4) negeri di sebelah utara dan Sarawak, institusi yang terlibat dalam kajian adalah sebanyak tujuh (7) entiti. Hal ini berlaku sedemikian kerana di negeri Kedah,

MAIN dan LZNK adalah entiti yang berasingan. Selain itu, walaupun MAINPP dan PZPP menyatukan laporan kewangan mereka, akan tetapi PZPP juga menyediakan laporan kewangan yang berasingan (rujuk bab dua).

Selain itu, kajian ini memberi tumpuan terhadap lapan (8) piawaian perakaunan berkaitan dengan aset. Aset-aset yang diteliti dalam kajian ini adalah inventori, pajakan, hartanah pelaburan, hartanah, loji dan peralatan, rosot nilai aset yang tidak menjana tunai, rosot nilai aset yang menjana tunai, pertanian dan aset tidak ketara sebagaimana dipersetujui oleh pihak JANM. MPSAS telah digunapakai sebagai panduan bagi menjawab objektif kajian Fasa 2. Kajian ini telah dimulakan dengan menterjemah kelapan-lapan MPSAS berkaitan aset dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu bagi memudahkan proses sesi temu bual dengan mewujudkan soalan penyelidikan kepada MAIN bagi setiap Negeri, LZNK, PZPP, pakar perakaunan Islam, pakar syariah serta pakar undang-undang.

Secara relevan dengan sifat dan kriteria kajian yang menjurus kepada subjektif, kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan untuk menjawab keempat-empat persoalan kajian. Kesesuaian kaedah penyelidikan kualitatif akan diterangkan seperti mana pada bahagian seterusnya.

4.4 Kaedah Penyelidikan Secara Am

Seperti mana yang dinyatakan di atas, kaedah penyelidikan kualitatif digunapakai kerana sifat persoalan kajian amat bersesuaian dengan sifat kualitatif (rujuk setiap objektif kajian). Berpandukan pada pakar kualitatif yang ternama seperti Creswell, kajian kualitatif merupakan kajian yang direka untuk mengungkap fakta, dari fenomena, yang dibuat secara induktif. Mengambil saranan Creswell (2007), kaedah kualitatif digunakan bagi kajian soalan yang berbentuk subjektif. Kaedah penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah kajian yang digunapakai pada kajian yang melihat kepada persoalan kajian yang berbentuk sebagaimana adanya (natural setting) dan prosedur penelitian menjurus kepada persoalan yang berbentuk induktif. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengungkap fakta dari fenomena (rujuk permasalahan kajian). Maka, mentafsir dan mengolah data secara induksi amat bertepatan.

Lanjutan itu juga, proses kajian adalah menjurus kepada pengungkapan sesuatu yang belum diketahui. Memandangkan tiada maklumat yang cukup atau lengkap berkaitan sesuatu fenomena, penyelidik-penyelidik perlu membuat penyelidikan secara interaktif. Penelitian bersifat lentur dan terbuka, maknanya dapatan berupa induktif. Memandangkan kesemua kriteria menepati kajian ini, maka penyelidik-penyelidik membuat keputusan dengan memilih kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah ini mementingkan perincian mengikut konteks dan mengutamakan penelitian masalah yang berlandaskan kajian yang tidak berbentuk objektif

malah perspektif *emic* adalah penting. Perspektif *emic* merupakan kajian yang mengutamakan pandangan responden.

Di dalam kajian ini, kaedah kualitatif dengan melibatkan dua pendekatan iaitu *generic inquiry method* (pendekatan GIM) untuk objektif pertama, ketiga dan keempat dan pendekatan Gioia untuk objektif kedua. Menurut Caelli, Ray dan Mill (2003) secara ringkasnya, menyatakan bahawa pendekatan GIM sebagai satu kajian yang tidak diberi panduan oleh mana-mana teori atau andaian.

Renate M. Kahlke (2014) memberi pandangan bahawa pendekatan GIM adalah satu kaedah yang tidak memerlukan kepada penelitian mendalam (*rigor*) dan mengamalkan kaedah penyelidikan yang fleksibel. Menurut Caelli, Ray and Mills (2003), pula pendekatan GIM merupakan kaedah kajian yang mempunyai bentuk yang tersendiri (*genre*), iaitu yang berbentuk *interpretive descriptive*, lantaran itu dapatan adalah berbentuk deskriptif. Secara ringkasnya, pendekatan ini adalah sesuai bagi kajian yang tidak memerlukan pegangan kepada falsafah tertentu kerana tujuan kajian adalah lebih kepada penjelasan kepada fenomena yang mudah dan perlu kepada penjelasan secara deskriptif sahaja. Selain daripada itu, Percy dan Kostere (2015) pula menyatakan bahawa pendekatan GIM ini adalah seperti meneliti laporan orang berdasarkan pandangan peribadi mereka, kepercayaan, sikap atau renungan di fikiran mereka.

GIM merupakan satu pendekatan pada kaedah penyelidikan kualitatif yang mana ianya berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Manakala, Meriam (2009) pula menyatakan bahawa pendekatan GIM adalah satu proses kajian untuk mengetahui bagaimana penyelidik mentafsir sumber atau data, bagaimana penyelidik melihat kajian daripada perspektifnya, dan apa makna sesuatu hal merujuk kepada pengalaman seseorang. Hasilnya, pendekatan GIM ini membuatkan kajian lebih berbentuk sistematik yang mana kajian dilakukan daripada permulaan yang bermula daripada dasar hingga ke kemuncak (*ground to up*).

Meriam (2009) juga telah membuat kesimpulan bahawa pendekatan GIM adalah proses penalaan, bertanya soalan, mencari maklumat, menyusun dan mensintesis maklumat. Pada masa yang sama pendekatan ini menggunakan maklumat dan mengambil tindakan, berkongsi, meraikan, menyampaikan, mencerminkan dan menilai maklumat dalam bentuk kajian berdasarkan pengalaman, pemerhatian dan juga analisis dokumen. Selain itu, pendekatan ini juga adalah proses merekod, menyusun dan mempamerkan data dalam bentuk graf dan membuat kesimpulan daripada maklumat yang diproses. Oleh yang demikian, pendekatan GIM amat bersesuaian digunapakai oleh ahli penyelidik bagi mencapai objektif pertama, ketiga dan keempat kerana objektif ini melibatkan proses yang disebut oleh Meriam (2009).

Memandangkan persoalan kajian pertama, ketiga dan keempat memerlukan kepada penyelidikan bermatlamat untuk meninjau pemahaman MPSAS yang bersifat deskriptif, maka pendekatan GIM amat sesuai digunapakai dalam kajian ini. Persoalan kajian pertama, ketiga dan keempat memerlukan penjelasan lapan (8) piawaian perakaunan berkaitan dengan aset iaitu inventori, pajakan, hartanah pelaburan, hartanah, loji dan peralatan, rosot nilai aset yang tidak menjana tunai, rosot nilai aset yang menjana tunai, pertanian, dan aset tidak ketara sebagaimana dipersetujui oleh pihak JANM.

Selain itu, bagi menjawab persoalan kajian kedua, iaitu, pembentukan KKPI yang bersifat holistik, penyelidik telah menggunakan kaedah Gioia. Kaedah Gioia adalah satu kaedah yang dibangunkan untuk mencari sesuatu ilmu melalui proses pendekatan induktif yang sistematik bersesuaian dengan matlamat untuk membangunkan sesuatu konsep (Gioia, Corley dan Hamilton, 2012).

Dalam konteks kajian ini, kaedah Gioia adalah wajar kerana matlamat kajian ini adalah untuk membentuk satu KKPI bagi WZB yang komprehensif, terutamanya dalam pembentukan tahap ketiga iaitu operasi. Secara ringkas, kaedah Gioia amat bertepatan kerana kaedah ini dibentuk khusus bagi kajian yang berbentuk 'penerokaan'. Berpandukan pembacaan yang dibuat, pemilihan kaedah ini disokong oleh pernyataan yang telah dibuat oleh Gioia et al. (2012) iaitu kajian yang mempunyai kriteria tertentu perlu menggunakan pendekatan Gioia.

Kriteria yang dinyatakan oleh Gioia et al. (2012) adalah: 1) mempunyai persoalan kajian yang khusus 2) memerlukan kepada pembentukan konsep baru. Kriteria yang diberi oleh Gioia et al. (2012) amat bersesuaian dengan persoalan kajian ini yang mana pembentukan KKPI bagi WZB ini berkehendakan suatu pembentukan konsep baru memandangkan tiada KKPI yang telah dibentuk sebelum ini melainkan kajian lepas kami (JANM, 2017). Persoalan kajian ini iaitu pembentukan KKPI khas bagi WZB memerlukan kepada penerokaan yang terperinci dan mendalam (rigour).


Selain itu juga, oleh kerana kajian ini lebih cenderung kepada pemahaman Islam maka kaedah penyelidikan utama dalam kajian ini adalah lebih tertumpu kepada kaedah yang ada dalam ilmu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran (perbandingan) dan qawaid fiqh yang akan diterangkan dalam sub bahagian berikutnya.

4.4.1 Kaedah Bagi Kajian Amalan Semasa Perakaunan

Objektif kajian pertama bagi penyelidikan ini ialah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN).

Kaedah pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian pertama ini adalah berdasarkan analisis dokumen. Laporan kewangan tahunan MAIN dan LZNK serta PZPP bagi Institusi WZB di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak adalah menjadi sumber dokumen utama bagi membuat analisis untuk mencapai objektif pertama. Penyelidikan ini menumpukan kepada lapan (8) komponen aset yang telah dikenalpasti berasaskan piawaian perakaunan yang digunakan oleh institusi-institusi berkenaan seperti MPSAS, MPERS, Statements of Recommended Practice (SORP), Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN dan sebagainya. Bagi memperkukuh kesahan kajian, penyelidik telah membuat triangulasi data iaitu dengan melakukan temu janji dan temu bual dengan pihak berkaitan seperti akauntan dan pegawai yang menguruskan kewangan MAIN dan LZNK serta PZPP. Pertemuan ini telah dilaksanakan bagi mendapat pencerahan daripada setiap institusi-institusi berkenaan di lima negeri tersebut berkaitan dengan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Melalui langkah-langkah ini dapat dirumuskan bahawa ahli penyelidik menggunakan pendekatan GIM dalam menjawab objektif kajian pertama. Proses dan prosedur yang telah digunakan oleh ahli penyelidik untuk menjawab persoalan kajian pertama seperti dalam gambarajah 4.2.

Gambarajah 4.2: Kaedah Bagi Kajian Amalan Semasa Perakaunan



4.4.2 Kaedah Bagi Kajian Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam

Kaedah Gioia adalah satu kaedah yang dibangunkan untuk mencari sesuatu ilmu melalui proses pendekatan induktif yang sistematik bersesuaian dengan matlamat untuk

membangunkan konsep sebagaimana dilakukan di dalam *Grounded Theory* (Gioia et al., 2012). Dalam persoalan kajian pada Fasa 2 ini iaitu pembentukan KKPI khas bagi WZB memerlukan kepada penerokaan yang terperinci dan mendalam. Jadual 4.1 memberi gambaran kriteria dan proses yang dilakukan oleh penyelidik berlandaskan proses yang mengikut Gioia et al. (2012).

Pendekatan Gioia memberi pendekatan penggunaan pengumpulan data yang pelbagai. Kajian kami menggunakan kaedah pengumpulan data yang pelbagai yang mana penyelidik telah menemu bual secara bersemuka dan meneliti sumber dokumen bagi mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Bagi mendapatkan ketepuan data (*saturation of data*), penyelidik telah menggabungkan data dari kedua-dua sumber iaitu temu bual secara bersemuka dan meneliti sumber dokumen.

Kitab-kitab muftakar digunakan sebagai sumber penelitian terutamanya dalam penelitian makna aset, pentakrifan harta, jenis-jenis pemilikan, proses maqasid syariah. Jadual 4.1 menunjukkan kitab-kitab muftakar yang telah dirujuk sebagai sumber dapatan.

Jadual 4.1: Sumber Dari Dokumen Pendekatan Gioia

Sumber	Rujukan	Tujuan rujukan sumber
Utama	Al-Quran al-Karim Kitab-2 Hadis Sunan Sittah (Bukhari, Muslim, Abi Daud, Tarmizi, Nasa'ii & Ibn Majah) (Sumber hadis terkuat bagi golongan <i>ahl sunnah wal jama'ah</i>)	Mengenal pasti maksud konsep iaitu:
Kitab	<ul style="list-style-type: none"> • Badran, Abu al-'Aynayn Badran (t.t), <i>al-Syari'ah al-Islamiyyah Tarikhuha wa Nazariyyah al-Milkiyyah wa al-'Uqud</i>. Iskandariyyah: Mu'assasah Syabab al Jami'ah. • Badran, Abu al-'Aynayn Badran (t.t), <i>Tarikh al-Fiqh al-Islami wa Nazariyyah al-Milkiyyah wa al-'Uqud</i>. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyah. • Zaydan, 'Abd al-Karim Dr. 2001. <i>al-Madkhal li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah</i>, C.16. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun. • Mahran, Mahmud Bilal. 1983. <i>al-Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islam</i>. Kaherah: Dar al-Thaqafah al-'Arabiyah. • Zuhayli, Wahbah al- 2004. <i>al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh</i>, 11 j. C.4. Damsyik : Dar al-Fikr. • Wazirah al-Awqaf wa Syu'un al-Islamiyyah, <i>al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah</i>, 	<ul style="list-style-type: none"> • Aset/ harta • Pemilikan harta • Zakat • Wakaf • Pengukuran • Pendedahan • Pengiktirafan • Proses maqasid syariah • Konsep perakaunan Islam

Kitab-kitab ini digunakan untuk mencari penjelasan kepada konsep-konsep yang muncul dari dapatan temu bual. Tujuan penelitian daripada sumber ini amat penting bagi penyelidik kerana data yang didapati daripada sumber kitab-kitab ini membantu membentuk konsep seperti konsep maqasid syariah dll. (rujuk bab 6).

Selari dengan pendekatan ideografi iaitu menjurus kepada mencari jawapan fenomena dari pandangan realiti sosial, penyelidik amat berhati-hati dalam pemilihan responden. Berpandukan ilmuan kualitatif seperti Ritchie, Spencer and O'Conner (2003), penyelidik membuat pemilihan responden berdasarkan kriteria pakar (specialist), iaitu hanya responden yang bertepatan dan dikatakan pakar dalam bidang perakaunan Islam dan yang mempunyai latar belakang Islam. Ingin dinyatakan bahawa penyelidik menggunakan kriteria yang dinyatakan oleh Ritchie, Spencer dan O'Conner (2003, p. 33), iaitu persampelan bertujuan (purposive sampling). Silverman (2005) menjelaskan bahawa persampelan bertujuan adalah satu teknik yang pada kebiasaannya digunakan dalam kajian kualitatif dan pemilihan responden bergantung kepada kepakaran responden. Berbalik kepada kajian ini, pemilihan responden bergantung kepada kepakaran responden iaitu kepakaran dalam bidang perakaunan Islam.

4.4.3 Kaedah Bagi Kajian Keperluan Syariah Dan Batasan Perundangan

Objektif kajian ketiga bagi penyelidikan ini pula ialah mengenal pasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan PPI yang seragam bagi Insitusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.

Ahli penyelidik mengguna pakai pendekatan GIM dalam menjawab persoalan ketiga kajian (rujuk objektif ketiga kajian) seperti mana yang telah digunakan oleh ahli penyelidik untuk mencapai objektif pertama. Kaedah pengumpulan data bagi mencapai objektif ketiga kajian ini adalah berdasarkan analisis dokumen. Antara dokumen-dokumen yang dianalisis oleh penyelidik adalah dokumen yang telah digunapakai oleh Institusi WZB di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak seperti berikut:


- i. Perlembagaan Persekutuan
- ii. Akta Tatacara Kewangan 1957
- iii. Akta Badan Berkanun 1980
- iv. Akta Audit 1957
- v. Kanun Tanah Negara 1965

- vi. Akta Pengambilan Tanah 1960
- vii. Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2016
- viii. Enakmen Majlis Agama Negeri-Negeri
- ix. Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001
- x. Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, (Peraturan Pentadbiran Wakaf), 2008
- xi. Arahan Perbendaharaan
- xii. Pekeliling Perbendaharaan
- xiii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri
- xiv. Surat Pekeliling Bendahari
- xv. Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri-negeri
- xvi. Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri
- xvii. Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri.

Bagi memantapkan lagi hasil analisis dokumen, sesi temu bual dengan responden dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang sumber kuasa dan sumber rujukan yang diamalkan oleh majlis dalam menyediakan akaun dan laporan kewangan majlis. Semakan terkehadapan pindaan undang-undang juga dilakukan bagi memastikan bahawa undang-undang yang dirujuk merupakan undang-undang yang terkini. Temu bual dengan pakar-pakar perakaunan dan kewangan Islam dan juga ulama-ulama Islam seperti para mufti serta pakar perundangan sivil telah dijalankan. Tujuan menemu bual pakar adalah supaya dapatan kajian bertepatan dengan persoalan yang ingin dijawab. Di sini persoalan temu bual tumpuan adalah menjadi teknik utama bagi mendapatkan data yang tepat. Data yang tepat hanya diperolehi daripada pakar-pakar dalam bidang tumpuan utama yang diperlukan.

Triangulasi sumber data iaitu, Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias juga telah digunapakai untuk mencapai objektif ketiga ini. Proses dan prosedur yang telah digunakan oleh ahli penyelidik untuk menjawab persoalan kajian ketiga seperti dalam gambarajah 4.3

Gambarajah 4.3: Kaedah Bagi Kajian Keperluan Syariah Dan Batasan Perundangan



4.4.4 Kaedah Bagi Cadangan Kajian

Penyelidik telah menggunakan kaedah GIM dan Gioia dalam menjawab objektif kajian berkaitan dengan cadangan PPI. Hasil dapatan daripada analisis temu bual dan analisis dokumen, penyelidik telah membandingkan di antara amalan semasa dengan keperluan syariah. Di samping itu, penyelidik juga meneliti batasan undang-undang sivil bagi memantapkan lagi hasil kajian. Oleh kerana kajian ini adalah kajian yang mengkaji perakaunan dari sudut Islam penyelidik memerlukan pandangan ilmu-ilmu Islam seperti saranan daripada responden. Tajuk kecil seterusnya menjelaskan dengan lebih mendalam lagi kaedah penyediaan cadangan dalam bab 8 yang menjadikan cadangan pembentukan PPI lebih bersifat holistik.

4.4.5 Kaedah Kajian Yang Memerlukan Pemahaman Islam

Dalam menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dalam sistem perakaunan yang sedia ada. Pihak penyelidik memberi tumpuan kepada empat ilmu utama untuk mencapai matlamat mencipta perakaunan yang berasaskan Islam iaitu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran dan juga qawaid fiqh. Perkara ini juga dianggap sebagai satu kaedah dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan perakaunan Islam.

4.4.5.1 Fiqh

Kalimah fiqh (الفقه) pula menurut Khin, Bukho, dan Sharbaji (2008) di dalam karangannya bertajuk fiqhul minhaji telah menyatakan makna kalimah fiqh dari sudut bahasa adalah al-fahmu (الفهم) iaitu pemahaman. Al-Razi (1988) berpendapat bahawa makna fiqh dari sudut bahasa adalah memahami percakapan daripada orang yang bercakap. Manakala dari sudut istilah pula Al-Razi (1988); Khin, et al. (2008); dan Al-Zuhaily (2009) bersepakat bahawa makna fiqh dari sudut istilah adalah;

معرفة الأحكام الشرعية العملية المكتسبة من ادلتها التفصيلية

"Mengetahui hukum-hukum syarak yang bersifat amaliyyah dengan dalil-dalil yang terperinci".

Penggunaan bidang ilmu fiqh merupakan salah satu pendekatan kaedah kajian yang menjadi penanda aras dalam menentukan dalil-dalil Al-Quran, Hadis, Ijmak, Qias, Istihsan, Ishtihab, uruf dan adat, masalih mursalah, zaraie' dan sebagainya yang terperinci dalam perakaunan Islam.

4.4.5.2 Fiqh Muqaran

Al-Duraini (2008) pula menyatakan bahawa perkataan fiqh muqaran berasal dari perkataan fiqh dan muqaran. Makna fiqh telah dibincangkan dalam tajuk sebelum ini, manakala muqaran dari segi bahasa menurut beliau berasal daripada perkataan qarana "قرن" yang bermaksud membandingkan. Dari sudut istilah pula perkataan muqaran bermaksud membandingkan suatu pendapat dengan pendapat yang lain, sama ada ianya diterima ataupun ditolak. Pada masa yang sama, tujuan membandingkan pendapat tersebut adalah untuk mengetahui sejauh mana persepakatan pendapat ataupun khilafnya sama ada ianya kuat ataupun lemah dengan bersandarkan dalil-dalil yang terperinci.

Al-Duraini (2008) sependapat bersama Al-Ashqar, Majid, Uthman, dan Abdul Nasir (1997) dengan menyatakan bahawa fiqh muqaran adalah satu perbahasan ilmu tentang masalah sesuatu hukum dalam perselisih fahaman dalam mazhab. Perbahasan ini mengumpulkan, meneliti dan mengkaji serta mendiskusikan dalil setiap mazhab agar dapat mengetahui

pendapat yang terkuat yang disertakan dengan sebab pendapat itu merupakan qaul rajih atau pendapat yang terkuat sesuai dengan jiwa, dasar dan prinsip umum syariat Islam.

Dalam kajian ini, ilmu fiqh muqaran digunakan sebagai salah satu pendekatan kaedah kualitatif untuk membandingkan setiap pendapat dalam mazhab tentang makna harta seperti mana yang dibincangkan dalam bab tiga. Ahli penyelidik mengumpul setiap maklumat dan informasi melibatkan definisi harta dan menggunakan pendapat yang terkuat dalam isu pengiktirafan harta untuk digunakan dalam sistem perakaunan Islam.

4.4.5.3 Usul Fiqh

Al-Razi (1988) telah menyatakan bahawa usul fiqh terdiri daripada dua perkataan yang membawa maksud yang berbeza iaitu usul dan fiqh. Sebelum mengetahui makna asal usul fiqh seharusnya mengetahui satu persatu makna pada kalimah usul (الأصول) dan fiqh (الفقه) kemudian baru mengetahui makna asal usul fiqh itu sendiri. Al-Zuhaily (2009) menyatakan bahawa usul (الأصول) adalah kata jamak daripada kalimah al-ashl (الأصل) dalam bahasa Arab yang memberi makna apa yang terbina ke atas binaan itu yang lainnya, sama ada secara nyata (hissi) ataupun tersirat (maknawi). Dari segi istilah pula, terdapat beberapa definisi daripada sudut syarak yang telah disepakati oleh para ulama pada kalimah asal (الأصل) iaitu al-dalil, kaedah kuliyyah, al-rajhan, surah muqayyas alaiha, dan al-mustashab. Akan tetapi Al-Zuhaily (2009) telah menyatakan bahawa makna yang paling sesuai untuk usul fiqh pada kalimah asal adalah al-dalil iaitu satu bukti yang menunjukkan sesuatu itu terbina ke atas yang lainnya seperti datangnya dalil daripada Al-Quran, Hadis, Ijmak, Qias dan sebagainya yang menyuruh setiap mukallaf supaya membayar zakat dan sebagainya lagi.

Kalimah fiqh (الفقه) pula menurut khin, bukho, dan sharbaji (2008) di dalam karangannya fiqhul minhaji telah menyatakan makna kalimah fiqh dari sudut Bahasa adalah al-fahmu (الفهم), iaitu pemahaman. Al-Razi (1988) berpendapat bahawa makna fiqh dari sudut bahasa adalah memahami percakapan daripada orang yang bercakap. Manakala dari sudut istilah pula Al-Razi (1988); Khin et al. (2008); dan Al-Zuhaily (2009) bersepakat bahawa makna fiqh dari sudut istilah adalah;

معرفة الأحكام الشرعية العملية المكتسبة من ادلتها التفصيلية

"Mengetahui hukum-hukum syarak yang bersifat amaliyyah dengan dalil-dalil yang terperinci".

Seperti yang disarankan oleh Al-Razi (1988) supaya mengetahui makna satu persatu kalimah usul dan fiqh, maka menurut Al-Razi (1988) dan Al-Zuhaily (2009) usul fiqh secara umumnya adalah:

"Ilmu yang membahaskan tentang dalil-dalil fiqh yang umum dan bagaimana cara untuk mengambil faedah darinya dan juga mengetahui keadaan orang yang mengambil faedah."

Dalam kajian ini, ilmu usul fiqh digunakan sebagai salah satu pendekatan kaedah kualitatif untuk mengetahui segala hukum-hukum yang berkaitan dengan sistem perakaunan Islam yang akan dibangunkan oleh ahli penyelidik. Oleh kerana perbincangan usul fiqh sangat luas, maka ahli penyelidik menggunakan beberapa tajuk kecil yang wujud dalam perbincangan usul fiqh antaranya; hukum taklif, hukum wadh'ie, maqasid syariah, ijtihad, fatwa, taklid, dan pandangan.

a) Hukum Taklif

Menurut Al-Zuhaily (2009) hukum taklifi dari segi bahasa adalah hukum pemberian beban manakala menurut istilah pula adalah perintah Allah yang berbentuk pilihan dan tuntutan. Pada masa yang sama, hukum taklifi dibincangkan dengan mendalam kerana hukum ini adalah perintah secara langsung mengenai perbuatan dan perlakuan seorang mukallaf. Hal ini juga disebutkan oleh al-Razi (1988) secara umum bahawa hukum taklifi merupakan satu bentuk tuntutan terhadap seorang mukallaf agar melakukan atau meninggalkan suatu perbuatan secara pasti.

Dalam kajian ini, penggunaan hukum taklifi dikaji oleh para penyelidik kerana setiap cadangan yang dibincangkan melihat setiap sudut kelakuan pelaporan kewangan Islam. Secara umumnya, penggunaan hukum taklifi melibatkan lima hukum iaitu; wajib (tuntutan untuk memperbuat secara pasti), mandub atau sunat (tuntutan untuk memperbuat secara tidak pasti), haram (tuntutan untuk meninggalkan secara pasti), makruh atau karahah (tuntutan untuk meninggalkan atau larangan secara tidak pasti), dan harus atau mubah (sesuatu yang memberikan kemungkinan untuk memilih antara mengerjakan atau meninggalkan).

b) Hukum Wadh'ie

Al-Zuhaily (2009) menyatakan bahawa hukum wadh'ie adalah sesuatu hukum didatangkan oleh Allah S.W.T. dengan menjadikan sesuatu sebagai sebab, syarat, penghalang, sah, bathil, azimah, dan rukhsah. Hukum wadh'ie adalah hukum yang menerangkan pelaksanaan hukum taklifi. Menerusi takrif yang dibincangkan oleh Al-Zuhaily (2009) menjadikan hukum wadh'ie terbahagi kepada tujuh keadaan iaitu; sebab, syarat, penghalang (mani'), sah, bathil, azimah, dan keringanan (rukhsah).

Menurut istilah sebab adalah suatu keadaan atau peristiwa yang dijadikan sebagai sebab adanya hukum, dan tidak adanya keadaan atau peristiwa itu menyebabkan tidak adanya hukum. Dengan kata lain, sebab adalah sesuatu yang pasti menjadi asas terbentuknya sesuatu hukum taklifi. Sekiranya sebab itu wujud, maka wujudlah hukum taklifi dan sekiranya ia tidak wujud, maka tidak wujudlah hukum berkenaan (Al-Ghazali, 505 H; As-Shafie, 1309H, Al-Amidi, 1890; Al-Razi, 1988; & Al-Zuhaily, 2009).

Syarat ialah sesuatu sumber yang lazimnya sesuatu dengan lazim kewujudan syarat. Hal ini bermakna sekiranya wujud syarat maka wujudlah hukum. Syarat merupakan pelengkap terhadap perintah setiap hukum, tidak sah pelaksanaan suatu perintah syarak, kecuali dengan adanya syarat tersebut. Atau sesuatu yang menyebabkan ketiadaan hukum ketika ketiadaannya. Namun, tidak semestinya wujud hukum ketika kewujudannya (Al-Ghazali, 505 H; As-Shafie, 1309H, Al-Amidi, 1890; Al-Razi, 1988; & Al-Zuhaily, 2009).

Mani' adalah suatu keadaan atau peristiwa yang ditetapkan oleh syarak menjadi penghalang bagi adanya hukum atau membatalkan hukum. Selain itu, mani' juga disebut tegahan atau halangan yang menyebabkan sesuatu hukum itu tidak dapat dilaksanakan. Ini bermakna, apabila syarat dan sebab terjadinya hukum taklifi sudah ada, ia masih lagi belum berlaku sekiranya ada mani' ((Al-Ghazali, 505 H; As-Shafie, 1309H, Al-Amidi, 1890; Al-Razi, 1988; & Al-Zuhaily, 2009).

Sahih pula adalah kesan pelaksanaan hukum dari suatu perbuatan taklifi yang sudah sempurna padanya sebab, sudah dipenuhi kesemua syarat yang ditentukan, dan telah terhindar dari semua mani'. Bathal pula adalah satu kesan atau akibat dari suatu perbuatan taklifi yang tidak memenuhi sebab atau syarat, atau terpenuhi keduanya, akan tetapi wujud sesuatu mani' yang menghalanginya (Al-Ghazali, 505 H; As-Shafie, 1309H, Al-Amidi, 1890; Al-Razi, 1988; & Al-Zuhaily, 2009).

Azimah ialah peraturan Allah SWT yang asli dan tersurat pada nas (Al-Quran dan Hadis) dan berlaku secara umum ataupun dengan kata lain azimah adalah hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT pertama kali dalam bentuk hukum-hukum umum. Rukhsah pula ialah ketentuan yang disyariatkan oleh Allah SWT sebagai peringan terhadap seorang mukallaf dalam hal-hal yang khusus seperti dharurat, musafir, sakit, dan sebagainya lagi (Al-Ghazali, 505 H; As-Shafie, 1309H, Al-Amidi, 1890; Al-Razi, 1988; & Al-Zuhaily, 2009).

Tujuan mengadaptasi hukum wadh'ie dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti segala hukum-hukum yang dikeluarkan oleh penyelidik bersesuaian dengan keadaan semasa. Di samping itu, ia juga memberikan keyakinan kepada penyelidik dalam

segala sudut dan aspek yang dikaji bertepatan dan bersandarkan segala pandangan ulama usul fiqh.

c) **Maqasid Syariah**

Dari segi metodologi pembentukan KKPI, maka metodologi yang digunapakai adalah bersandarkan kepada pandangan Imam Al-Ghazali (505h) dan Imam Al-Syatibi (2001) (maqasid syariah); sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam Al-Sayuti (Ashbah wa an-Nazair). Istilah “maqasid syariah” secara mudahnya dalam bahasa Malaysia, bolehlah diterjemahkan sebagai objektif atau tujuan ke jalan yang lurus atau tujuan syariah (Mahmud, 1973). Dengan erti kata lain, ia bermaksud tujuan di sebalik penciptaan syariah secara keseluruhannya dan di sebalik setiap hukum secara terperinci di dalam kehendak syariah. Pada awal pengenalan konsep maqasid al-syariah ini, masih tiada lagi definisi yang jelas sehinggalah pada penulisan fuqaha mutakhir seperti Ibn 'Asyur yang telah membahagikan maqasid syariah ini kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan objektif khusus (Ibn 'Asyur, 1945). Berdasarkan kepada pembahagian ini, beliau mendefinisikan objektif umum (maqasid 'ammah) sebagai objektif yang merangkumi keseluruhan hukum yang terdapat dalam syariah tersebut. Manakala objektif khusus (maqasid khassah) ialah merealisasikan objektif umum tersebut dalam perbuatan manusia tertentu. Seterusnya, beliau menggariskan beberapa contoh objektif umum tersebut seperti mencari kebaikan dan menolak keburukan, mengawal ketertiban umum, menghapuskan diskriminasi dalam masyarakat, menjadikan syariah sebagai sesuatu yang hebat dan menjadikan umat Islam sebagai umat yang dihormati (Ibn 'Asyur, 1945). Sebaliknya, contoh bagi objektif khusus dalam muamalat masyarakat adalah seperti menjamin hutang melalui gadaian, memperkenalkan syirkah bagi mewujudkan kekuatan modal, menggalakkan penerimaan simpanan amanah melalui wadi'ah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, al-Fassyi menerangkan definisi maqasid syariah ini dalam bentuk yang lebih ringkas yang menjurus kepada kesempurnaan atau idealistik kepada syariah dan rahsia di sebalik ketentuan setiap hukumnya (Al-Fassyi, t.t). Tambahan lagi, Al-Raisuni pula menyimpulkan erti kesempurnaan kepada syariah itu adalah objektif umum manakala rahsia di sebalik ketentuan hukum itu adalah objektif khusus (Al-Raisuni, 1995). Akan tetapi, al-Raisuni mencadangkan bahawa maqasid syariah atau objektifnya dipecahkan kepada tiga iaitu maqasid 'ammah, maqasid khassah dan maqasid juz'iyah (Al-Raisuni, 1995).

Maqasid 'ammah bermaksud objektif umum yang diambil kira oleh syariah dalam menentukan hukum di dalamnya. Kenyataan ini juga disepakati oleh Ibn 'Asyur dan

al-Fassyi dalam menghuraikan perkara di atas. Selanjutnya, maqasid khassah bermaksud objektif khusus yang ingin direalisasikan oleh syariah dalam bidang-bidang tertentu seperti perakaunan, perundangan, ekonomi, kewangan, pendidikan dan sebagainya. Sebaliknya, maqasid juz'iyah pula merupakan objektif yang lebih khusus atau objektif cabang, iaitu yang diinginkan untuk direalisasikan oleh syariah dalam setiap hukum tertentu sama ada wajib, sunat, harus, makruh, haram, sebab, syarat, penghalang dan sebagainya. Inilah kategori yang menjadi tumpuan fuqaha yang menjadi pakar bidang tertentu yang lebih mengetahui keperluan dalam kes-kes tertentu seperti keperluan bagi perakaunan Islam, pengurusan harta faraid, pengurusan wakaf dan sebagainya.

Konsep asas terhadap pembinaan sesuatu maqasid syariah itu adalah justifikasi hukum (ta'lil al-ahkam) (al-Badwai, 2000). Justifikasi hukum ini perlu untuk mencapai tujuan syariah baik secara umum mahupun secara khusus iaitu membawa kemaslahatan dan menolak kemudaratan (jalb al-maslahah wa daf'al-mafsadah). Kitab "al-Mustasfa" menghuraikan maksud kemaslahatan bermaksud memperolehi faedah atau terlepas daripada kemudaratan (Al- Ghazali, 505 h). Bagaimanapun, faedah yang dikatakan itu, bukanlah sekadar objektif makhluk semata-mata. Sebaliknya apa yang sebenarnya ialah menjaga objektif syarak dalam mencipta syariah. Objektif-objektif tersebut ialah menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Pendek kata, setiap yang menjamin kelangsungan lima perkara itu dikira sebagai maslahat dan sebaliknya, setiap yang mengancamnya dikira sebagai mafsadah (Al- Ghazali, 505 h). Pada pandangan Al-Ghazali, pada asalnya maslahat bermaksud pencapaian objektif manusia tetapi ia sebenarnya adalah bagi mencapai objektif syariah terhadap menjaga kepentingan lima perkara di atas. Ini disokong pula oleh Al-Syatibi (2001) dengan menegaskan bahawa kebaikan yang hakiki dan sebenar adalah mampu menegakkan hidup dan bukannya menyebabkan keruntuhan dan yang mampu meraih keuntungan serta mencapai kejayaan dalam hidup akhirat. Ringkasnya, ia bukan sekali-kali nafsu pencapaian kebaikan biasa atau penolakan terhadap keburukan biasa kerana syariah datang dengan tujuan untuk melepaskan manusia daripada kongkongan hawa nafsu yang tidak terbatas agar dia menjadi hamba Allah yang berjaya (falah) (Al-Syatibi, 2001). Oleh itu, beliau berkata bahawa tidak boleh berkompromi dengan kehendak hawa nafsu dalam menentukan jalan hidup atau dalam melihat hidup ini melalui perancangan jangka pendek semata-mata. Apa yang penting bagi syariah ialah perkara yang lebih besar iaitu kebaikan yang boleh menunjangi agama dan hidup, bukannya semata-mata untuk memenuhi hawa nafsu.

Al-Ubaidi (1992) dalam karangannya telah menceritakan bahawa Imam Syatibi (2001) menjelaskan maqasid syariah secara amnya adalah setiap hukum yang berlegar pada orang yang dikenakan syarak dalam setiap keadaan ataupun hal baik perkataan, perbuatan, mahupun iqtiqadnya. Dalam penulisan Imam Al-Syatibi (2001) jelas bahawa tujuan maqasid syariah secara keseluruhannya adalah untuk menjaga undang-undang alam ini dengan mengutamakan kemaslahatan dan menolak kerosakan. Hasil daripada ijtihad para mujtahid yang memperbahaskan ilmu maqasid syariah ini, maka mereka berpendapat bahawa terdapat tiga keadaan iaitu masalah daruriyyat, masalah hajiyyat, dan masalah tahsiniyyat. Masalah daruriyyat iaitu memperbaiki ke atas lima perkara iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Masalah hajiyyat adalah kemestian untuk memenuhi hajat. Masalah daruriyyat merupakan maslahat yang sangat penting dalam kehidupan yang mana apabila berlaku sebarang pengabaian, maka akan berlakunya kerosakan. Masalah hajiyyat pula adalah penyempurnaan kepada masalah daruriyyat. Masalah yang ketiga pula adalah masalah tahsiniyyat iaitu setiap apa yang berulang padanya adat-adat yang baik dan akhlak yang terpuji, memperjelaskan kemuliaan serta perasaan selamat. Tujuan masalah tahsiniyyat ini adalah untuk mencapai persepaduan di antara umat Islam agar hidup dalam keharmonian.

Ekoran hal ini, syariah memberi jaminan terhadap kepentingan asas (al-dharuriyyah), keperluan biasa (al-hajiyyah) dan keperluan ketinggian mutu (al-tahsiniyyah). Kepentingan-kepentingan utama termasuklah dalam jaminan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kepentingan asas (al-dharuriyyah) bertujuan untuk menjaga kepentingan hidup manakala keperluan biasa (al-hajiyyah) bertujuan untuk menjaga keperluan hidup. Seterusnya, keperluan ketinggian mutu (al-tahsiniyyah) pula bertujuan untuk menjaga kemewahan hidup (Al-Syatibi, 2001). Secara umumnya, yang dimaksudkan dengan kepentingan hidup itu ialah sesuatu yang menjadi asas kepada penerusan hidup itu sendiri, yang menjadikan manusia akan merana atau akan binasa. Ia terkandung dalam lima perkara yang telah dikatakan sebelum ini iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Berhubung dengan keperluan hidup pula, ia merupakan apa-apa keperluan yang bertujuan untuk melegakan suasana hidup dan menghapuskan rasa sempit dan serba salah. Tanpanya, kehidupan akan menjadi susah dan tidak selesa. Namun, ia boleh berpanjangan dan tidak memudaratkan seseorang. Sementara itu, kemewahan hidup pula bersifat nilai tambah yang tidak menyentuh soal keperluan apatah lagi kepentingan hidup. Ia tidak bersifat penting atau perlu tetapi hanya lebih elok lagi nilai pencapaian atau lebih melicinkan lagi cara atau kaedah yang digunakan.

Dalam konteks perakaunan Islam pula, ketiga-tiga tahap kepentingan ini boleh ditafsirkan kepada maklumat-maklumat yang akan didedahkan dalam pelaporan sama ada ia mendatangkan manfaat ataupun mudarat kepada masyarakat dan bukannya kepada mata benda atau material yang dibincangkan. Hal ini penting agar tidak disalah tafsir oleh pihak-pihak yang hendak menilai hal sedemikian.

d) Ijtihad

Maksud ijtihad menurut Al-Shawkani (1992) adalah mengerahkan segala kemampuan untuk mencapai hukum syarak iaitu hukum fiqh dengan kaedah istinbat (proses mengeluarkan hukum). Al-Amidi (1980) pula menyatakan bahawa ijtihad adalah mengerahkan segala kemampuan dalam menuntut hukum dzani (hukum yang kita dapat bukan melalui jalan qat'ie) bagi sesuatu dalam hukum syarak.

e) Fatwa

Al-Bajuri (2007) berpendapat bahawa definisi fatwa ialah pendapat tentang hukum syarak oleh seorang mujtahid atau faqih sebagai jawapan atas pertanyaan yang diajukan oleh peminta fatwa dalam suatu masalah tetapi bukan secara putus. Al-Ashqar (2009) menyatakan bahawa fatwa dari segi bahasa adalah penjelasan atau memberi jawapan mengenai sesuatu perkara yang musykil atau mempunyai kesamaran tentang hukum oleh seseorang yang faqih. Manakala fatwa dari segi istilah pula, menurut beliau adalah segala bentuk jawapan yang dibuat oleh mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya.

Al-Bakri (2008) menyatakan bahawa fatwa sangat penting dalam melayari kehidupan ini. Pada masa yang sama, kewujudan fatwa membolehkan perlaksanaan hukum-hukum syarak ditegakkan berlandaskan kaedah-kaedah syariah. Perkembangan undang-undang Islam atau hukum syarak membuatkan fatwa menjadi peranan yang penting dalam kehidupan manusia.

f) Taklid

Taklid menurut Al-Zuhaily (2009) adalah mengambil sesuatu pendapat orang lain tanpa mengetahui dalilnya. Manakala Mahmood (1998) menyatakan bahawa taklid ialah menggambarkan sesuatu kepercayaan dan amalan secara ikut-ikutan terhadap sesuatu hukum yang telah difatwakan oleh para ulama terdahulu tanpa melakukan apa-apa kajian mengenainya. Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa amalan bertaklid bukanlah suatu perkara yang ditegah secara mutlak di dalam Islam. Keharusan diberikan kepada umat Islam yang tidak mampu melakukan ijtihad atau dalam kata lain adalah mereka yang termasuk dalam kategori orang-orang awam.

Sungguhpun demikian keharusan hanyalah di dalam perkara-perkara yang bersifat masalah-masalah furuk bukannya aqidah. Berhubung dengan amalan bertaklid tersebut, pandangan majoriti daripada ulama usul menyatakan umat Islam sekalipun diharuskan bertaklid, bukan bermakna ia wajib bertaklid kepada satu-satu mazhab atau terikat dengan mazhab tersebut. Pandangan daripada mazhab-mazhab lain boleh diikuti tetapi dalam keadaan menjaga adab dan kesopanan. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa amalan bertaklid kepada para ulama sebenarnya memberi ruang yang cukup luas kepada umat Islam untuk memilih mana-mana pandangan yang boleh membantu mereka melaksanakan sesuatu ketetapan syarak dengan lebih sempurna (Mahyuddin & Azman, 2005).

g) Pandangan

Pandangan disebut dengan kalimah (الرأى) ra'yu dalam bahasa Arab. Menurut Al-Bajuri (2007) ra'yu dari segi bahasa membawa maksud melihat sesuatu dengan pandangannya. Orang yang membuat pandangan menurut Al-Bajuri (2007) mempunyai empat kemampuan dalam memberi pandangan iaitu; mampu melihat dengan mata dan apa yang ada di sekelilingnya, mampu dengan jalan berimajinasi, mampu dengan pemikiran, mampu dengan hati dan akal.

Manakala ra'yu dari sudut istilah pula mempunyai makna yang terbahagi kepada tiga keadaan (Al-Bajuri, 2007). Pendapat yang pertama yang telah dinyatakan oleh Al-Sarkahsi (2001) bahawa tafriif ra'yu adalah salah satu daripada perkara berikut; fatwa sahabat, qias, istishsan dan uruf. Maka, setiap yang mempunyai perkara-perkara tersebut merupakan cabang atau furuk kepada ra'yu di sisinya. Pendapat yang kedua pula, menurut As-Shafie (1309H) berpendapat bahawa ra'yu adalah ijtiihad yang kemudiannya mentafsir ijtiihad dengan menggunakan qias yang sah iaitu menyandarkan sesuatu pendapat dengan nas. Hal ini telah diterangkan dalam kitab Ar-Risalah dengan menyatakan bahawa ra'yu dan ijtiihad mempunyai makna yang sama. Manakala pendapat yang ketiga pula, menurut Al-Razi (1988) berpendapat bahawa takrif ra'yu adalah ijtiihad pandangan iaitu bermesyuarat ahli ilmu dalam satu perbincangan, hasilnya tidak berkata sesuatu dengan pandangannya sendiri melainkan ia merujuk kepada pandangan orang lain. Hal ini turut dijelaskan dengan terperinci oleh Al-Sayuti (1992) dengan menyatakan maksud ra'yu disini adalah dengan menyandarkan sesuatu perkara kepada pandangan daripada mazhab ataupun disebut sebagai qaul hukum.

Dalam kajian ini, penggunaan kaedah pendapat seperti yang dinyatakan oleh Al-Sarkahsi (2001), As-Shafie (1309H) dan Al-Razi (1988) telah diadaptasikan. Pada

masa yang sama, para penyelidik membuat rumusan dan pandangan yang tidak bertentangan dengan syarak iaitu mematuhi hukum taklifi, hukum wadh'ie, maqasid syariah dan bertaklid kepada mazhab atau fatwa mufti dalam segala keputusan yang dilakukan. Kaedah memberi pendapat yang munasabah yang digunakan oleh para ulama adalah mirip dengan proses dalam kaedah kualitatif. Namun, perbezaan yang ketara adalah kaedah kualitatif menggunakan logik akal semata-mata manakala para ulama merujuk kepada empat mazhab yang muktabar. Bagi menganalisis dapatan kajian yang diperolehi, penggunaan kaedah mengeluarkan pandangan yang disebut sangat penting kerana setiap pandangan yang dikeluarkan mematuhi keperluan agama Islam.

Secara umumnya, Ibn Qayyim (1996) telah berpandangan bahawa ra'yu ialah satu bentuk keteguhan hati setelah berfikir, untuk mendapatkan suatu kebenaran apabila terjadi pertentangan dalam suatu perkara. Manakala penyelidik telah berpendapat bahawa pandangan yang disebut di sini adalah hasil daripada suatu penaakulan dan pemikiran yang bertujuan untuk memberikan penyelesaian terhadap suatu permasalahan hukum yang belum pernah ada sebelumnya di dalam nas demi untuk kemaslahatan kehidupan manusia dengan menggunakan kaedah yang telah ditetapkan. Hal ini juga disokong oleh al-Bajuri (2007) dengan menyatakan bahawa:

من ابتلى بشئ فليقلد من أجاز

“Sesiapa yang diuji dengan suatu perkara yang menyebabkan dia sukar beramal dengan mazhabnya maka ikutlah pandangan mazhab yang mengharuskannya”.

Ekoran itu, boleh dirumuskan bahawa setiap rumusan, cadangan, dan pandangan penyelidik dalam kajian ini adalah bersandarkan daripada pandangan mazhab, mufti, ulama, dan ahli akademik.

4.4.5.4 Qawaid Fiqh

Qawaid adalah kata jamak yang berasal daripada perkataan qaidah (Al-Sayuti, 1992). Makna (القاعدة) di dalam bahasa Arab ialah asas. Manakala fiqhiyyah pula adalah datang daripada perkataan fiqh yang mana ia membawa maksud ilmu tentang hukum syarak yang bersifat amali (praktis) yang diperolehi daripada dalil-dalil yang terperinci. Menurut Al-Ansari (2012) bahawa qawaid fiqhiyyah secara terperinci dapat didefinisikan sebagai suatu hukum yang bersifat keseluruhan yang dapat diaplikasikan kepada seluruh bahagiannya agar dapat dikenalpasti akan hukum-hukum bahagian tersebut darinya.


Terdapat beberapa fungsi dan peranan qawaid fiqh antaranya adalah memelihara dan menghimpunkan pelbagai masalah yang sama serta menyelesaikannya, menunjukkan hukum yang sama ilatnya meskipun berbeza masalahnya akan tetapi merupakan jenis ilat yang sama serta menunjukkan maslahatnya. Hal ini berlaku kerana asal setiap hukum sebahagian besarnya yang terkandung didalam usul fiqh tidak mengkaji hikmah pensyariatan dan maksudnya, akan tetapi ianya hanya mengkaji bagaimana hukum-hukum daripada lafaz syarak dengan menggunakan kaedah yang mungkin dapat mengeluarkan furuk dari lafaz-lafaz syarak tersebut. Sebaliknya di dalam qawaid fiqhiyyah terdapat maksud-maksud yang tertentu di dalam lafaz tersebut secara khusus mahupun umum. Ia juga dapat disimpulkan bahawa terdapat rahsia-rahsia hukum dan hikmahnya.

Qawaid fiqhiyyah juga berperanan sebagai satu sumber yang memudahkan setiap mukallaf mengetahui secara jelas serta memahami hukum perbuatan seseorang yang ditaklifkan pensyariatan. Terdapat lima qawaid fiqhiyyah yang asas iaitu tiap-tiap perkara mengikut tujuannya, keyakinan tidak dapat dihilangkan oleh keraguan, kesukaran mendatangkan kesenangan, kemudharatan dihilangkan atau dihindarkan, kebiasaan (yang hidup dalam satu masyarakat Islam) dapat dijadikan sebagai hukum.

4.5 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam bab ini, penyelidik menceritakan tentang kaedah pengumpulan data yang mana ahli penyelidik memulakan kajian ini dengan mengenal pasti sampel. Kemudian, urus tadbir temu bual, yang seterusnya membawa kepada pengumpulan data. Dalam bab ini juga penyelidik menceritakan tentang pengurusan data yang telah dibuat dan berakhir dengan proses analisis. Hal ini secara umumnya dapat dilihat menerusi gambarajah 4.4

Gambarajah 4.4: Kaedah Pengumpulan Data



4.5.1 Kenal Pasti Sampel

Dalam proses menyiapkan kajian ini, ahli penyelidik memerlukan data untuk dianalisis. Ahli penyelidik telah menggunakan persampelan bertujuan dalam mengenal pasti sampel penyelidikan. Menurut Patton (2002), persampelan bertujuan adalah satu kaedah yang mana logik dan kuasa yang ada dalam sampel ini terletak dalam pemilihan kes-kes yang kaya maklumat untuk dikaji secara mendalam. Kes-kes yang kaya maklumat dalam bidang kajian ini meliputi individu-individu atau kejadian atau keadaan yang mana penyelidik boleh mempelajari secara mendalam tentang isu-isu yang dikaji. Selain itu, persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini bagi merujuk kepada pemilihan yang disengajakan terhadap individu-individu, kejadian atau persekitaran khusus berdasarkan maklumat penting yang boleh mereka berikan yang mana tidak boleh didapati daripada saluran-saluran lain (Carpenter & Suto, 2008).

Ekoran itu, Creswell (2007) telah menyatakan bahawa Miles dan Huberman (1994) berpendapat bahawa terdapat enam belas (16) jenis teknik persampelan untuk ahli penyelidik memilih responden dalam kes persampelan bertujuan. Walau bagaimanapun, hanya tiga (3) jenis teknik digunapakai oleh ahli penyelidik dalam kajian ini iaitu seragam, kriteria dan bola salji. Persampelan ini dipilih bertujuan mendapatkan data yang boleh menjawab segala persoalan kajian. Oleh itu, ketiga-tiga jenis teknik ini akan dibahas secara mendalam cara penggunaannya dalam tajuk kecil yang seterusnya.

i. Persampelan Seragam

Persampelan ini digunakan oleh ahli penyelidik untuk mengumpul beberapa orang yang terkenal dalam bidang perakaunan Islam. Kajian-kajian lepas telah dikaji oleh penyelidik untuk mendapatkan nama tokoh yang berkali-kali diulang dan terkenal dalam bidang perakaunan Islam. Persampelan seragam adalah perbandingan kepada persampelan variasi maksimum (Patton 2002 & Padgett, 2008). Secara khususnya, persampelan variasi maksimum adalah satu teknik yang mana melibatkan pencarian sampel-sampel yang beraneka merentasi kumpulan sampel. Manakala persampelan seragam pula, merupakan satu teknik yang mana penyelidik mengecilkan lagi sampel yang dipilih (Teddlie & Yu, 2007 & Patton 2002). Dalam kajian ini, persampelan seragam digunakan apabila ahli penyelidik hanya memilih sampel yang sentiasa berulang-ulang dalam kajian lepas iaitu melibatkan skop perakaunan Islam. Selain itu, dengan menjadikan pegawai yang menguruskan harta WZB bagi setiap negeri Zon 2 sebagai sampel dalam kajian ini juga dikenali sebagai persampelan seragam.

ii. Persampelan Bola Salji

Setelah selesai melakukan persampelan dengan menggunakan teknik persampelan seragam. Ahli penyelidik melakukan sesi temu bual yang kemudiannya meminta saranan kepada setiap pemberi maklumat atau responden yang terkenal atau menanyakan kepada mereka jika terdapat orang yang lain yang mungkin berkecukupan untuk menjawab segala persoalan dan memenuhi kehendak objektif kajian. Persampelan bola salji adalah satu teknik yang digunakan secara meluas dalam kaedah penyelidikan kualitatif melibatkan kumpulan yang mana ahlinya (pemberi maklumat atau responden) sukar dicari. Kebiasaannya, teknik ini digunakan oleh ahli penyelidik dalam kajian yang melibatkan populasi yang besar (Carpenter & Suto, 2008; Padgett, 2008; Liamputtong, 2007a; Morse, 2006). Jadi, penggunaan teknik ini sangat bersesuaian dalam kajian ini.

iii. Persampelan Kriteria

Kajian ini melibatkan bidang kuasa MAIN di negeri-negeri Zon 2 (Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak) dan LZNK serta PZPP, pegawai-pegawai yang terlibat menguruskan kewangan dalam MAIN di negeri Zon 2 dan LZNK serta PZPP dijadikan sebagai sampel. Bagi menjawab segala kehendak objektif kajian, teknik persampelan kriteria digunakan dalam kajian ini. Kriteria yang dilihat oleh ahli penyelidik adalah kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang mana ianya sangat berguna kerana berkemungkinan hanya mereka yang boleh memberikan maklumat yang secukupnya kepada projek penyelidikan yang dikaji ini. Hal ini menjamin tahap kualiti setiap data

yang diperoleh dan berguna bagi menjawab persoalan kajian dan memenuhi kehendak objektif kajian (Creswell, 2007). Segala kemahiran, pengetahuan dan pengalaman akan diterangkan dalam sub tajuk berikutnya

a) Kemahiran

Kemahiran merujuk kepada kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu. Dalam hal ini kemahiran merujuk kepada individu yang menguruskan kewangan dalam MAIN di negeri Zon 2 dan LZNK serta PZPP. Selain itu, individu yang berkemahiran dalam perakuan Islam juga diambil sebagai sampel. Turut tidak terkecuali, individu yang mempunyai kemahiran dalam menguruskan bidang undang-undang. Di samping itu, bagi mendapatkan data yang bersifat menyeluruh dalam pembentukan KKPI, mereka yang dikatakan mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang perakaunan Islam dan yang mempunyai latar belakang Islam dijadikan sebagai sampel.

b) Pengetahuan

Pengetahuan merujuk kepada segala yang diketahui atau yang dipelajari tentang sesuatu ilmu. Dalam hal ini, pengetahuan merujuk kepada individu yang mempunyai pengetahuan dalam tadbir urus kewangan dalam MAIN di negeri Zon 2 dan LZNK serta PZPP. Selain itu, individu yang berpengetahuan dalam perakaunan Islam juga diambil sebagai sampel. Turut tidak dilupakan juga individu yang mempunyai pengetahuan dalam bidang undang-undang seperti mufti dan ahli akademik. Di samping itu, bagi mendapatkan data yang bersifat menyeluruh dalam pembentukan KKPI, mereka yang dikatakan pengetahuan dalam bidang perakaunan Islam dan yang mempunyai latar belakang Islam telah ditemu bual.

c) Pengalaman

Pengalaman merujuk kepada apa-apa yg pernah dialami dan dilalui oleh seseorang. Dalam hal ini, berpengalaman merujuk kepada individu yang berpengalaman menguruskan kewangan dalam MAIN di negeri Zon 2 dan LZNK serta PZPP. Selain itu, individu yang berpengalaman dalam perakaunan Islam juga diambil sebagai sampel. Turut tidak dilupakan juga individu yang mempunyai pengalaman dalam bidang undang-undang. Di samping itu, bagi mendapatkan data yang bersifat menyeluruh dalam pembentukan KKPI, mereka yang dikatakan mempunyai pengalaman dalam bidang perakaunan Islam dan yang mempunyai latar belakang Islam juga dijadikan sebagai sampel.

4.5.2 Urus Tadbir Temu Bual

Selepas mengenal pasti sampel yang bertepatan untuk menjawab segala persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Pihak penyelidik meneruskan kajian dengan melaksanakan urus tadbir temu bual. Memandangkan liputan untuk mendapatkan maklumat adalah tidak terhad melalui pembangunan teknologi iaitu internet telah membantu penyelidik mencari maklumat dengan lebih mudah dan menjimatkan masa. Jadi, pelaksanaan urus tadbir ini dapat dilihat menerusi telefon, temu janji, surat rasmi, dan berakhir dengan pelaksanaan sesi temu bual. Berikutan itu, sub tajuk seterusnya akan menceritakan dengan lebih mendalam lagi langkah-langkah yang diambil oleh penyelidik untuk mendapatkan informasi dan maklumat kajian.

i. Telefon Atau Alamat E-mel

Setelah mengenal pasti sampel atau pemberi maklumat, ahli penyelidik cuba mendapatkan maklumat untuk menemu bual akan mereka. Maklumat yang cuba didapati oleh ahli penyelidik antaranya adalah nombor telefon ataupun alamat e-mel pemberi maklumat. Tujuannya adalah untuk memudahkan ahli penyelidik menghubungi mereka di samping menetapkan tarikh untuk mengadakan sesi temu bual.

ii. Temu Janji

Temu janji adalah satu proses yang mana ahli penyelidik telah bersepakat dengan pemberi maklumat untuk mengadakan sesi temu bual. Temu janji melibatkan tarikh, masa, dan tempat yang sesuai untuk mengadakan sesi temu bual. Ahli penyelidik telah memberitahu pihak pemberi maklumat bahawa kajian ini diketuai oleh JANM dan meminta pihak pemberi maklumat dapat bekerjasama dengan memberikan maklumat yang secukupnya kepada penyelidik. Walaupun maklumat dapat diperolehi melalui internet (enakmen atau ordinan, akta, dan lain-lain lagi), akan tetapi terdapat juga maklumat-maklumat yang tidak boleh diperolehi melalui internet seperti laporan kewangan tahunan MAIN. Jadi, pihak penyelidik mengambil langkah dengan memberi maklumat kepada pemberi maklumat bahawa untuk menjawab segala persoalan kajian dan mencapai objektif kajian, maklumat seperti laporan kewangan tahunan MAIN amat diperlukan.

iii. Surat Rasmi

Oleh kerana sesi temu bual yang akan dijalankan bersifat formal maka ahli penyelidik mengambil inisiatif dengan menghantar surat rasmi kepada mereka yang terlibat untuk memberi maklumat. Surat rasmi amat penting untuk menarik kesediaan pemberi maklumat menyertai sesi temu bual. Pihak penyelidik merujuk kepada cadangan Buckingham dan Saunders (2004) bahawa isi kandungan surat

rasmi mesti bermaklumat, pendek, dan mudah untuk difahami. Ketua penyelidik telah meminta Pejabat Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) untuk membuat surat rasmi di bawah Universiti Utara Malaysia (UUM) (rujuk Lampiran 13 & Lampiran 14). Selain itu, penyelidik juga telah menyertakan surat yang telah dikeluarkan oleh pihak JANM (rujuk Lampiran 12) bagi menyokong bahawa kajian ini di bawah tajaan mereka. Akhir sekali, kedua-dua surat rasmi tersebut kemudiannya dihantar kepada mereka sama ada melalui e-mel ataupun Pos Malaysia.

iv. Protokol Temu Bual

Dalam kajian ini, penyelidik mengguna pakai protokol temu bual (protocol interview) untuk mendapatkan data yang mantap dan mendalam. Oleh itu penyelidik telah mengambil langkah untuk menyediakan protokol temu bual. Soalan-soalan berbentuk deskriptif, hipotetikal, *devil advocate* telah digunakan. Selain itu, penyelidik menyediakan protokol temu bual yang bertujuan untuk menyeragamkan segala soalan-soalan sesi temu bual. Protokol temu bual dalam kajian ini yang terdiri daripada pengenalan, soalan pembuka, soalan kunci, soalan-soalan berkaitan soalan kunci dan soalan penutup. Protokol temu bual disediakan untuk menjawab persoalan kajian. Dengan mengkaji kelapan-lapan MPSAS berkaitan dengan komponen aset, penyelidik telah membina soalan-soalan (rujuk Lampiran 1- 9) untuk digunapakai dalam sesi temu bual secara rasmi untuk menjawab objektif pertama, kedua, ketiga, dan keempat kajian. Selain itu, protokol temu bual juga digunapakai untuk mencapai objektif kedua. Dengan penggunaan temu bual secara separa berstruktur (semi- structure interview), penyelidik menganggap bahawa protokol temu bual dilaksanakan bagi tujuan menjawab segala persoalan kajian. (rujuk Lampiran 1- 10)

4.5.3 Pengumpulan Data Bagi Pendekatan GIM

Terdapat beberapa jenis pengumpulan data yang telah digunakan dalam melakukan penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif. Merriam (2009) telah mengatakan pengumpulan data penyelidikan kualitatif dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu temu bual, bacaan-bacaan dokumen, dan pemerhatian. Walau bagaimanapun, untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai kehendak objektif kajian hanya dua (2) jenis data yang digunakan dalam kajian ini iaitu dokumen dan temu bual. Seterusnya, tajuk kecil yang akan dibahaskan menceritakan tentang dokumen dan temu bual.

i. Dokumen

Dalam kajian ini, pihak penyelidik telah mengumpul segala data yang berbentuk dokumen. Antara dokumen yang menjadi data utama dalam penyelidikan ini adalah laporan kewangan tahunan MAIN dan LZNK serta PZPP, enakmen atau ordinan negeri, akta, fatwa berkaitan WZB, amalan terbaik pengurusan kewangan dan lain-lain yang dilihat penting untuk melakukan proses analisis. Hal ini adalah selari dengan pandangan Jasmi (2012) yang menyatakan bahawa sesuatu yang dianggap sebagai dokumen dalam data penyelidikan kualitatif antaranya; karangan tertulis, gambar, grafik, lukisan, biografi, fotografi, laporan, buku teks, surat khabar, filem, buku harian, dan majalah.

ii. Temu Bual

Dalam kajian ini, penggunaan kaedah temu bual telah dilaksanakan oleh penyelidik. Menurut Merriam (2009) terdapat dua jenis temu bual iaitu seorang ke seorang dan berkumpulan. Untuk mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian, ahli penyelidik telah menggunakan kedua-dua jenis temu bual yang mana tujuannya adalah untuk memperkayakan data. Creswell (2007) telah menyatakan bahawa terdapat pula tiga (3) cara untuk melakukan sesi temu bual iaitu temu bual secara mendalam, temu bual secara separa berstruktur dan temu bual secara terbuka.

Pada mulanya, penyelidik telah memilih cara temu bual secara separa berstruktur kerana temu bual secara ini boleh dikesan melalui beberapa situasi menurut pandangan Cohen and Crabtree (2006) iaitu kedua-dua pemberi maklumat dan penyelidik berada dalam suatu sesi temu bual yang formal. Ia bererti bahawa terdapat satu urusan antara penyelidik dan pemberi maklumat. Kedua, bagi mengenal pasti sesi temu bual itu adalah temu bual secara separa berstruktur kebiasaannya senarai soalan telah disediakan oleh penyelidik supaya kesemua informasi dan maklumat yang diperolehi memenuhi kehendak objektif kajian.

Ketiga, temu bual yang dijalankan hendaklah mengikut segala soalan yang telah disediakan, jika terdapat situasi atau fenomena yang mana pihak pemberi maklumat memberi maklumat di luar skop kajian, penyelidik menggunakan kaedah "prob" untuk memandu pemberi maklumat supaya kembali kepada persoalan kajian. Keempat, temu bual secara separa berstruktur dilakukan sekiranya pihak pemberi maklumat sukar ditemui. Dinyatakan bahawa penyelidik perlu melakukan kajian tentang perakaunan Islam, keperluan penyelidik mencari beberapa jenis pemberi maklumat telah dijelaskan dalam topik pensampelan. Oleh kerana butiran

pensampelan perlu dilakukan oleh penyelidik sedangkan responden sukar ditemui, maka temu bual secara separa berstruktur adalah jenis paling sesuai digunakan. (Cohen & Crabtree, 2006).

Temu bual secara separa berstruktur boleh dilaksanakan melalui beberapa situasi antaranya; e-mel dan telefon, bersemuka secara berhadapan atau dengan panggilan video dan lain-lain lagi (Szolnoki & Hoffmann, 2013). Penyelidik menggunakan situasi-situasi ini untuk menjawab segala persoalan berkaitan objektif kedua kajian. Oleh kerana, terdapat beberapa pemberi maklumat yang mempunyai kekangan untuk berjumpa secara bersemuka, maka e-mel dan telefon telah digunakan oleh ahli penyelidik untuk menghubungi pemberi maklumat yang berada di kawasan yang jauh atau berada luar dari Malaysia. Temu bual secara mendalam juga telah dijalankan oleh ahli penyelidik kerana informasi dan maklumat yang diperolehi semasa sesi temu bual yang terdahulu didapati tidak mencukupi untuk meneruskan proses analisis. Jadi kesimpulannya, dalam kajian ini, dua jenis temu bual telah dijalankan iaitu temu bual secara separa berstruktur dan temu bual secara mendalam.

4.5.3.1 Pengurusan Data

Setelah selesai mengumpul segala dokumen dan melaksanakan sesi temu bual, penyelidik seharusnya menguruskan data dengan sistematik agar kesemua informasi dan maklumat yang diperolehi dapat dijaga dengan baik. Oleh itu, penyelidik telah melakukan urus tadbir berikut dengan menfailkan kesemua dokumen, merekodkan temu bual menggunakan perakam dan mentranskripsi segala bentuk rakaman. Hal ini akan dibincangkan pada tajuk-tajuk kecil dibawah.

i. Fail Dokumen

Menfailkan dokumen adalah satu cara yang diambil oleh penyelidik supaya setiap dokumen yang diperolehi daripada pihak pemberi maklumat, sumber internet, dan sebagainya dapat dijaga dengan baik. Di samping itu, cara ini dapat memudahkan penyelidik merujuk semula kesemua dokumen untuk dianalisis.

ii. Merekod

Merriam (2009) mengatakan bahawa terdapat tiga (3) cara dalam proses merekod segala perbualan dalam sesi temu bual yang kerap kali digunakan oleh penyelidik kualitatif supaya memastikan semua maklumat tidak ditinggalkan semasa proses analisis. Tiga cara tersebut adalah dengan menggunakan alternatif merekodkan sesi temu bual dengan perakam suara, mengingat percakapan pemberi maklumat dan menulis nota. Dalam proses melaksanakan kajian ini, penyelidik

menggunakan ketiga-tiga cara tersebut. Walau bagaimanapun, cara utama yang diambil oleh penyelidik adalah dengan menggunakan perakam suara supaya segala perbualan dapat dirakam.

Merriam (2009) juga telah menyatakan bahawa menulis perbualan ketika sesi temu bual sedang dilaksanakan adalah sesuatu yang mustahil. Jadi kaedah merekod menggunakan perakam suara merupakan satu alternatif yang baik supaya setiap perbualan dapat diterjemah dalam versi bertulis selepas selesai sesi temu bual. Untuk memudahkan penyelidik, langkah menulis nota berkaitan tema-tema penting telah diadaptasikan. Penyelidik mengambil langkah ini supaya memperoleh informasi dan maklumat penting dan dikesan dengan mudah ketika proses analisis data dilakukan.

iii. **Transkrip**

Dalam proses menganalisis data, perkara pertama yang perlu dititik beratkan adalah proses menterjemahkan rakaman kepada tulisan. Kadang-kala berkemungkinan akan berlaku salah pentafsiran sekiranya segala perbualan tidak diterjemahkan dalam bentuk tulisan betul (Cohen, Lawrence, & Morrison, 2007). Berdasarkan Hancock, Ockleford, dan Windridge (2006), proses mentranskripsi boleh ditakrifkan sebagai satu proses yang mana semua maklumat daripada perbualan atau sesi temu bual bertukar menjadi satu versi bertulis. Dalam proses transkrip ini, penyelidik telah menggunakan masa lebih kurang enam (6) jam untuk menukar perbualan ke dalam bentuk tulisan sekiranya masa perbualan adalah sejam. Hal ini juga telah disokong Hancock et al. (2006) dengan menyatakan tempoh yang akan diambil oleh penyelidik mengikut pengalamannya dalam proses mentranskripsi mengambil masa enam mentranskripsikan tempoh sesi temu bual sejam.

4.5.4 Pengumpulan Data Bagi Pendekatan Gioia:

Gioia Method memberi pendekatan penggunaan pengumpulan data yang pelbagai. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data yang pelbagai yang mana penyelidik telah menggunakan kaedah temu bual bersemuka dan meneliti sumber dokumen bagi mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian. Bagi mendapatkan ketepuan data (*saturation of data*), penyelidik telah menggabungkan data bagi kedua-dua sumber iaitu temu bual secara bersemuka dan meneliti sumber dokumen.

4.5.4.1 Pengumpulan Data Dokumen Pada Pendekatan Gioia

Kitab-kitab muktabar digunakan sebagai sumber penelitian terutamanya dalam penelitian makna aset, pentakrifan harta, jenis-jenis pemilikan, proses maqasid syariah. Jadual 4.1 menunjukkan kitab-kitab muktabar yang telah dirujuk sebagai sumber dapatan.

Jadual 4.1: Sumber Dari Dokumen Pendekatan Gioia

Sumber	Rujukan	Tujuan rujukan sumber
Utama	Al-Quran al-Karim Kitab-2 Hadis Sunan Sittah (Bukhari, Muslim, Abi Daud, Tarmizi, Nasa'ii & Ibn Majah) (Sumber hadis terkuat bagi golongan <i>ahl sunnah wal jama'ah</i>)	Mengenal pasti maksud konsep iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • Aset/ harta • Pemilikan harta • Zakat • Wakaf • Pengukuran • Pendedahan • Pengiktirafan • Proses maqasid syariah • Konsep perakaunan Islam
Kitab	<ul style="list-style-type: none"> • Badran, Abu al-'Aynayn Badran (t.t), <i>al-Syari'ah al-Islamiyyah Tarikhuha wa Nazariyyah al-Milkiyyah wa al-'Uqud</i>. Iskandariyyah: Mu'assasah Syabab al Jami'ah. • Badran, Abu al-'Aynayn Badran (t.t), <i>Tarikh al-Fiqh al-Islami wa Nazariyyah al-Milkiyyah wa al-'Uqud</i>. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyah. • Zaydan, 'Abd al-Karim Dr. 2001. <i>al-Madkhal li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah</i>, C.16. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun. • Mahran, Mahmud Bilal. 1983. <i>al-Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islam</i>. Kaherah: Dar al-Thaqafah al-'Arabiyah. • Zuhayli, Wahbah al- 2004. <i>al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh</i>, 11 j. C.4. Damsyik : Dar al-Fikr. • Wazirah al-Awqaf wa Syu'un al-Islamiyyah, <i>al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah</i>, 36 j. C.1. Matba'ah al-Mawsu'iyyah al-Fiqhiyyah, Kuwait, 1988 – 1992. 	

Kitab-kitab ini digunakan untuk mencari penjelasan kepada konsep-konsep yang muncul daripada dapatan temu bual. Tujuan penelitian daripada sumber ini amat penting bagi penyelidik kerana data yang didapati daripada sumber kitab-kitab ini membantu membentuk konsep seperti konsep maqasid syariah, dll. (rujuk KKPI bab 6).

4.5.4.2 Pengumpulan Data Temu Bual Dan Responden

Selari dengan pendekatan ideografi iaitu menjurus kepada mencari jawapan fenomena dari pandangan realiti social, penyelidik amat berhati-hati dalam memilih responden. Berpandukan ilmuan kualitatif, seperti Ritchie, Spencer and O'Conner (2003), penyelidik membuat pemilihan responden berdasarkan kriteria *specialist* iaitu hanya responden yang bertepatan dan dikatakan pakar dalam bidang perakaunan Islam dan yang mempunyai latar belakang Islam. Ingin dinyatakan bahawa penyelidik menggunakan kriteria yang dinyatakan oleh Ritchie, Spencer dan O'Conner (2003, p. 33), iaitu persampelan bertujuan. Silverman (2005) menjelaskan bahawa persampelan bertujuan adalah satu teknik yang pada kebiasaannya digunakan dalam kajian kualitatif dan pemilihan responden bergantung kepada kepakaran responden.

Berbalik kepada kajian ini, pemilihan responden bergantung kepada kepakaran responden iaitu kepakaran perakaunan Islam. Jadual 4.2 memberi gambaran pemilihan responden serta tempoh dan masa pertemuan bagi mendapatkan data.

Jadual 4.2: Pemilihan Responden Pada Pendekatan Gioia

Profile Responden	Latarbelakang	Tujuan	Pertemuan
Prof. Dr. Rahim Abdul Rahman	Professor di Fakulti Ekonomi dan Muamalat dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau sebagai felo <i>Shari'ah Research Academy in Islamic Finance (ISRA)</i> . Beliau mengajar dan membuat penyelidikan perakaunan Islam dan Kewangan Islam.	Mendapatkan data berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB.	3 kali di pejabat Masa 1-2 jam
Prof. Madya. Dr. Hj., Shahul Hameed Bin Hj. Mohamed Ibrahim	Professor di UniKL. Pernah berkhidmat di UIA. Merupakan pakar dalam bidang perakaunan Islam. Telah menerbitkan artikel dan penyelidikan mengenai perakaunan Islam.	Mendapatkan data berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB.	3 kali di rumah Masa 1-2 jam
Dr Hudaib	Pakar dalam Islamic Accounting. Berkhidmat di Adam Smith Business School, Scotland.	Mendapatkan data berkenaan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB	Temu bual melalui telephone Masa 1 jam
Mufti Dr Zul Al Bakri	Mufti Wilayah Persekutuan.	Mendapatkan data berkenaan WZB serta mendapatkan verifikasi dapatan kajian yang telah dibuat oleh penyelidik	Sekali Di pejabat Masa 1 jam
Prof. Madya Dr. Md. Amin Bin Abdul Rahman	Kolej Universiti Insaniah		3 kali pertemuan

Dr Zahari Bin Hamat	Universiti Sains Malaysia		Sekali pertemuan Masa 1-2 jam
Mohammed Hasan Al-Aidaros	Universiti Utara Malaysia		1 kali pertemuan

Penyelidik menggunakan protokol temu bual untuk mendapatkan data yang mantap dan mendalam. Oleh itu penyelidik telah mengambil langkah untuk menyediakan protokol temu bual. Soalan-soalan berbentuk deskriptif, hipotetikal, *devil advocate* telah digunakan. Penyelidik menggunakan separa struktur (semi- structure interview) bagi tujuan menjawab persoalan kajian (rujuk Lampiran 1- 10).

4.5.4.3 Triangulasi

Gabungan kepada dapatan temu bual, sumber kitab-kitab juga dijadikan sebagai verifikasi kepada dapatan temu bual. Menurut Miles and Huberman (1994), penggunaan pelbagaian sumber sebagai proses verifikasi dapat meningkatkan kebolehpercayaan dapatan. Denzin and Lincoln (1995) menjelaskan bahawa gabungan teknik pengumpulan data memberi kekuatan kepada dapatan kajian dan terdapat empat triangulasi iaitu triangulasi metod, antara penyelidik, sumber data dan teori. Merujuk kepada kajian ini, penyelidik menggunakan triangulasi metod yang mana penyelidik telah membuat perbandingan informasi daripada sumber data dokumen dan sumber data temu bual serta triangulasi metod yang mana penyelidik menggunakan dua kaedah iaitu *generic inquiry method* dan *gioia method*.

4.6 Data Analisis

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengguna pakai dua teknik analisis iaitu teknik analisis kandungan dan teknik analisis Gioia. Setiap teknik yang telah digunakan oleh penyelidik adalah berdasarkan kepada pendekatan yang digunakan. Jadi, secara amnya, teknik analisis kandungan digunapakai pada pendekatan GIM dan teknik analisis Gioia dilaksanakan pada pendekatan Gioia. Berikutan itu, tajuk-tajuk di bawah akan menjelaskan dengan lebih mendalam tentang penggunaan kedua-dua teknik analisis ini.

4.6.1 Data Analisis Pendekatan GIM

Secara ringkas, penyelidik telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data yang dilakukan secara berperingkat untuk menganalisis pendekatan GIM. Berikut adalah peringkat yang dilakukan oleh ahli penyelidik; 1) fasa pengumpulan data melalui dokumen dan 2) fasa pengumpulan data melalui temu bual. Pengumpulan data ini adalah cenderung kepada menjawab persoalan kajian pertama, ketiga dan keempat bagi kelapan-lapan aset sebagaimana telah dinyatakan dalam tajuk kecil sebelum ini. Tujuan peringkat pertama

adalah mendapatkan maklumat bagaimana kelapan-lapan aset seperti mana dinyatakan di atas didedahkan dalam laporan kewangan tahunan.

Untuk mencapai tujuan itu, penyelidik telah mengambil langkah dengan membuat penelitian dokumen. Memandangkan maklumat dikehendaki terdapat dalam laporan kewangan, maka penyelidik telah membuat penelitian dokumen Laporan Kewangan Tahunan 2015 dan 2016 yang telah dikeluarkan oleh MAIN, LZNK dan PZPP. Maklumat yang diberi perhatian adalah bagaimana kelapan-lapan komponen aset ditentukan dan meneliti asas piawaian yang mana telah digunakan bagi membuat pelaporan aset-aset tersebut. Ingin dijelaskan bahawa kelapan-lapan (8) komponen aset menggunakan pelbagai piawaian perakaunan iaitu MPSAS, MPERS, *Statements of Recommended Practice* (SORP), Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIN dan sebagainya. Kelapan-kelapan komponen ini adalah berdasarkan laporan kewangan tahunan bagi Institut WZB bagi negeri-negeri Zon 2, iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak serta laporan kewangan LZNK dan PZPP. Dapatan ini dianalisis dalam bentuk sejauh manakah kelapan-lapan komponen aset Fasa 2 bagi setiap Institusi WZB pada Zon 2 mematuhi piawaian-piawaian yang ditetapkan berdasarkan syariah.

Selain dari penelitian dokumen, penyelidik juga menjalankan temu bual. Tujuan temu bual dijalankan adalah bagi mendapatkan penjelasan proses perakaunan bagi kelapan-lapan aset tersebut. Secara khususnya, bagaimana pegawai atau akauntan yang menyediakan pelaporan membuat pengukuran, dan pendedahan serta asas perakaunan yang digunakan untuk membuat pelaporan. Di samping itu, penyelidik juga mengambil maklum akan isu-isu yang timbul semasa pegawai atau akauntan ditemu bual. Di sini, penyelidik mengambil teknik yang digunakan oleh Creswell (2007) iaitu temu bual bersemuka kerana ia lebih berkesan. Pada kebiasaannya temu bual mengambil masa selama sejam ataupun dua jam dan panduan pemilihan responden adalah berpandu kepada kaedah kualitatif iaitu persampelan bertujuan iaitu berlandaskan kepada individu terbaik untuk disoal (the best person to talk to), persampelan seragam, persampelan bola salji dan persampelan kriteria. Di sini pada kebiasaannya individu tersebut adalah pegawai yang menguruskan harta bagi institusi WZB.


Kepelbagaian teknik pengumpulan data, iaitu temu bual dan dokumen dapat memperkukuhkan lagi kesahan kajian, iaitu dengan triangulasi data daripada dokumen membawa kepada tahap keyakinan yang tinggi. Pencerahan daripada setiap institusi-institusi berkenaan bagi kelima-lima negeri tersebut berkaitan dengan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dan sumber dari laporan kewangan tahunan dapat membawa kepada kebolehpercayaan (trustworthiness) data kajian. Denzin dan Lincoln (1995) memberi penjelasan bahawa kebolehpercayaan adalah penting untuk meningkatkan keyakinan dapatan kajian serta membantu untuk memberi kewibawaan pada data.

Oleh kerana Merriam (2009) menyatakan bahawa pendekatan GIM tidak berbumbung dalam proses analisis, maka penggunaan analisis kandungan analisis kandungan (content analysis) telah digunapakai oleh penyelidik. Analisis kandungan adalah proses analisis yang dilakukan oleh penyelidik untuk mengetahui apa yang mereka ingin kenal pasti dalam teks (Miles & Huberman, 1994; Daly, Kellehear & Glicksman, 1997; Silverman, 2001; Neuendorf, 2002; Marvasti, 2004; Grbich, 2007; Bryman, 2008; dll). Dalam kajian ini, penyelidik telah menjadikan laporan kewangan MAIN dan LZNK, enakmen dan ordinan, akta-akta dan perundangan yang sedia ada, transkrip temu bual dan sumber-sumber lain lagi yang dianggap sebagai data untuk menganalisis dengan menggunakan analisis kandungan bagi mencapai objektif kajian pertama, ketiga dan keempat.

4.6.2 Data Analisis Pendekatan Gioia

Analisis data kualitatif adalah rangkaian proses mencari dan menyusun data kualitatif yang didapatkan dari hasil wawancara, catatan observasi, dan bahan-bahan lain secara sistematis. Proses ini diperlukan kerana ia dapat memberi dapatan yang mudah difahami oleh pembaca. Pemahaman dapatan kajian akan menjadi lebih berkesan dan informasi kajian mudah untuk diinterpretasikan oleh pembaca. Kajian ini menggunakan teknik analisis Gioia et al. (2012). Memandangkan kajian ini berpegang pada kaedah Gioia, maka adalah wajar untuk meneruskan penggunaan teknik analisis diperkenalkan oleh Gioia et al. (2012). Gioia et al. (2012) telah memperkenalkan tiga proses data analisis iaitu, '1st order', '2nd order' dan 'aggregate dimension'. Gambarajah 4.5 di bawah menjelaskan proses analisis data yang telah digunakan oleh penyelidik yang akhirnya mendapatkan membentuk KKPI.

Gambarajah 4.5: Proses Analisis Data Menggunakan Teknik Gioia et al. (2012)



Pada peringkat tahap pertama, penyelidik mengenal pasti kategori atau 'code'. Gioia et al. (2012) menamakan sebagai *1st order*. Pada peringkat pertama ini penyelidik hanya mengenal

pasti kategori-kategori yang timbul daripada data mentah iaitu transkrip temu bual dengan responden. Anggaran lebih kurang 50-100 kategori yang muncul daripada data mentah bagi kajian ini. Lanjutan itu, penyelidik membuat tapisan dari kategori yang didapati daripada peringkat *1st order*. Ini dikatakan peringkat kedua iaitu peringkat *2nd order*. Pada peringkat ini, penyelidik mengambil langkah untuk mencari persamaan kategori. Gioia et al. (2012) menamakan ia sebagai *2nd order*, iaitu proses yang mana penyelidik akan mencari persamaan dan kelainan kategori yang telah direkabentuk pada peringkat pertama. Berbalik kepada kajian, pada peringkat ini, penyelidik mengenal pasti tema-tema pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB (rujuk Lampiran 11).

Secara khususnya, pada peringkat ini, data telah menunjukkan pengoperasian proses dan konsep-konsep yang muncul. Didapati juga di peringkat ini jumlah kategori berkurangan kerana pada peringkat ini data yang mempunyai persamaan akan dimuatkan dalam satu kategori sahaja. Di sini penyelidik akan melabelkan mengikut kesesuaian kumpulan persamaan. Pada peringkat ini, penyelidik membentuk konsep dan mencari perhubungan antara konsep-konsep yang muncul. Gioia et al. (2012) menjelaskan bahawa pada peringkat kedua ini, penyelidik telah membentuk persampelan teoretikal ("heoretical sampling). Menurut Gioia et al. (2012), persampelan teoretikal membantu penyelidik untuk membentuk paten secara munasabah. Pada peringkat ini juga, penyelidik mendapat penemuan baru seperti penemuan bahawa terdapat penggunaan masuk dahulu keluar dahulu (MDKD) bagi pengagihan zakat dan penemuan jenis-jenis wakaf terbahagi kepada wakaf fungsi dan wakaf tak berfungsi.

Analisis ini diteruskan kepada peringkat ketiga iaitu peringkat dimensi agregat. Gioia et al. (2012) menamakan peringkat ini sebagai 'aggregate dimension' iaitu peringkat yang mana penyelidik dapat membentuk satu struktur yang menjadi langkah penting pada dapatan kajian, dan seterusnya membentuk bantuan visual. Di peringkat ini penyelidik dapat membentuk satu KKPI (rujuk bab 6) yang menggambarkan proses pengoperasian (pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan) konseptual perakaunan Islam. Jadual di bawah menggambarkan contoh proses analisis bagi kajian ini. Rujuk Jadual 4.3 yang menjelaskan tentang proses penganalisis data bagi dapatan yang diperolehi dari data untuk membentuk kerangka kerja konseptual.

Jadual 4.3: Contoh Proses Data Analisis Mengikut Gioia et al. (2012)

Data mentah	Peringkat pertama (1 st order)	Peringkat Kedua (2 nd order)	Dimensi Agregat (Aggregate Dimension)
Tahun 2013, 10 juta... baki 10 juta tahun ni... then what happen ... yang 2013 tu yang tak distribute lagi.. you distribute la dulu.. macam jaga stok la.. (MDKD) ...as posible you have to distribute.. adakah benda itu berlaku?	Pengagihan zakat perlu dilakukan mengikut MDKD dan mesti disegerakan	Penggunaan kaedah MDKD bagi proses pengagihan zakat.	Pengiktiraan dan pendedahan zakat

4.7 Kesimpulan

Secara umumnya, bab ini merupakan bab yang sangat penting dalam kajian ini. Kaedah kualitatif telah digunapakai oleh penyelidik dalam menjawab segala persoalan kajian. Dengan gabungan daripada pendekatan GIM dan Gioia, penyelidik dapat memenuhi kehendak objektif kajian. Oleh kerana kajian ini melibatkan pemahaman Islam, maka dapatlah dirumuskan bahawa empat (4) ilmu asas dalam pengajian Islam telah diteliti iaitu ilmu fiqh, ilmu usul fiqh, ilmu fiqh muqaran dan ilmu qawaid fiqh. Jadi, secara kesimpulannya, dapat dilihat di sini bahawa cadangan-cadangan yang akan diberikan dalam bab 8 kelak adalah lebih bersifat menyeluruh ekoran mengaplikasikan kaedah-kaedah yang telah dijelaskan dalam bab ini.

Bab seterusnya menjelaskan tentang hasil dapatan kajian pertama iaitu amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan bagi aset.

BAB 5

OBJEKTIF PERTAMA

AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN BAGI ASET

5.0 Pengenalan

Bab ini melaporkan tentang dapatan kajian bagi mencapai objektif pertama. Analisis kandungan telah dilakukan ke atas penyata kewangan bagi mengkaji tentang kategori aset-aset di bawah MPSAS, iaitu Inventori (MPSAS 12), Pajakan (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26), Pertanian (MPSAS 27) dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31).

5.1 Ringkasan Amalan Semasa Perakaunan Berkaitan Aset

Berdasarkan kepada Jadual 5.1, dapatlah disimpulkan bahawa tidak semua piawaian perakaunan berkaitan aset digunakan oleh MAIN Zon 2 termasuklah LZNK serta PZPP. Hanya piawaian perakaunan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan sahaja digunakan oleh kesemua MAIN Zon 2 dan LZNK serta PZPP. Hal ini berlaku sedemikian kerana hartanah, loji dan peralatan adalah kategori utama aset bagi MAIN dan LZNK serta PZPP, maka keseluruhan MAIN dan LZNK serta PZPP bagi Zon 2 menggunakan pakai piawaian berkenaan.

Bagi kategori kedua paling banyak digunakan ialah inventori dan aset tidak ketara. Dua MAIN iaitu MAIK dan MAIDAMP menggunakan pakai piawaian perakaunan bagi inventori. Namun demikian, penggunaan piawaian inventori tidak digunakan secara langsung tetapi digunakan oleh subsidiari bagi kedua-dua MAIN yang menjalankan perniagaan masing-masing. Dengan kata lain, hanya entiti yang menjalankan perniagaan sahaja yang memiliki aset inventori dan diiktiraf dalam penyata kewangan. Bagi kategori aset tidak ketara, dua Institusi WZB yang menggunakan pakai piawai perakaunan ini ialah MAIK dan LZNK. Manakala TBS yang juga didapati memiliki aset ketara tetapi tidak diakaunkan sebagai aset tidak ketara. Sebaliknya aset tersebut telah dimasukkan di bawah kategori hartanah, loji dan peralatan. Dapatan melalui temu bual di MAIDAMP, menunjukkan bahawa ia mempunyai aset tidak ketara dalam bentuk perisian, namun memilih untuk tidak mempermodalkannya dalam penyata kewangan.

Bagi kategori aset pajakan pula, boleh dikatakan kesemua MAIN dan LZNK tidak menggunakan pakai piawaian ini. Bagaimanapun MAIK didapati memiliki aset pajakan namun tidak diakaunkan dalam kategori aset pajakan. Aset pajakan ini hanya diakaunkan di bawah

kategori aset hartanah, loji dan peralatan. Perkara ini hanya diketahui apabila sesi temu bual telah dijalankan antara pihak pengkaji dan MAIK.

Jadual 5.1: Kewujudan Transaksi Aset Dalam Laporan Kewangan

KATEGORI	KEWUJUDAN TRANSAKSI ASET DALAM LAPORAN KEWANGAN					
	MAINPP	MAIK	LZNK	MAIPs	MAIDAMP	TBS
MPSAS 12 Inventori	X	√	X	X	√	X
MPSAS 13 Pajakan	X	√ (diakaunkan dalam PPE)	X	X	X	X
MPSAS 16 Hartanah Pelaburan	√ (diakaunkan dalam PPE)	√ (diakaunkan dalam PPE)	X	√ (diakaunkan dalam PPE)	√	√ (diakaunkan dalam PPE)
MPSAS 17 Hartanah, Loji & Peralatan	√	√	√	√	√	√
MPSAS 21 Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai	X	X	X	X	√ (dalam Dasar Perakaunan)	X
MPSAS 26 Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai	X	X	X	X	X	X
MPSAS 27 Pertanian	X	X	X	X	X	X
MPSAS 31 Aset Tidak Ketara	X	√	√	X	X	X

Sebaliknya, boleh dikatakan kesemua Institusi WZB Zon 2 memiliki aset di bawah kategori hartanah pelaburan kecuali LZNK, namun hanya MAIDAMP yang mengakaunkan sebagai hartanah pelaburan manakala MAIN yang lain mengakaunkan di bawah kategori aset hartanah, loji dan peralatan. Lebih tepat lagi, aset ini tidak diakaunkan secara khusus di bawah kategori hartanah pelaburan. Ini disebabkan MAIN menggunakan PERS yang mana tiada piawaian perakaunan yang khusus untuk hartanah pelaburan dalam PERS. Berasaskan temu bual yang telah diadakan dengan MAIN, dapatlah disimpulkan bahawa kategori hartanah pelaburan ini adalah isu yang sensitif untuk dinyatakan dalam penyata kewangan memandangkan kebimbangan terhadap salah tanggapan dalam kalangan pengguna penyata kewangan dan orang ramai seolah-olah memberi gambaran bahawa MAIN telah menjalankan perniagaan walhal MAIN adalah entiti Islam yang bukan berasaskan keuntungan. Hal ini perlu ditekankan dalam menggubal piawaian perakaunan aset di bawah kategori hartanah

pelaburan bagi membolehkan pengamal penyata kewangan iaitu akauntan-akauntan MAIN dapat melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang sesuai dengan MAIN.

Bagi kedua-dua kategori berkaitan dengan rosot nilai, tiada MAIN atau LZNK serta PZPP yang mengguna pakai piawaian-piawaian tersebut kecuali MAIDAMP yang hanya terdapat dalam dasar perakaunannya. Hal ini berlaku sedemikian rupa kerana MAIDAMP telah mengguna pakai MPSAS 1 dan MPSAS 2 yang melibatkan aspek pendedahan. Justeru, secara tidak langsung, rosot nilai di bawah MPSAS 21 telah didedahkan dalam dasar perakaunan tanpa adanya sebarang kesan terhadap aset ekoran tiada sebarang angka yang dinyatakan. Bagi kategori MPSAS 26, tiada MAIN dan LZNK serta PZPP mengguna pakai piawaian perakaunan rosot nilai ini termasuklah MAIDAMP.

5.2 Perincian Amalan Semasa Perakaunan Berkaitan Aset

Bahagian ini akan menjelaskan perincian amalan perakaunan bagi aset hartanah, loji dan peralatan bagi setiap MAIN dengan menfokuskan kepada aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Amalan perakaunan bagi aset inventori, aset tidak ketara dan hartanah pelaburan juga akan dibincangkan berdasarkan apa yang dipraktikkan oleh MAIN yang terlibat.

5.2.1 Amalan Perakaunan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Jadual 5.2 berkaitan dengan perincian perakaunan bagi aset hartanah, loji dan peralatan yang dipraktikkan oleh MAIK dan LZNK. Seperti yang dijelaskan dalam bab 2, LZNK adalah entiti yang berasingan dengan MAIK. Sehubungan itu, MAIK hanya bertanggungjawab mengendalikan perakaunan wakaf dan baitulmal, manakala perakaunan bagi zakat diuruskan oleh LZNK.

Bagi aspek pengiktirafan, aset institusi wakaf diperoleh melalui sumbangan dan juga dibina sendiri akan aset tersebut. Aset wakaf ini dikelaskan kepada wakaf khas dan wakaf am. Institusi baitulmal pula memperoleh aset dalam pelbagai cara iaitu pembelian dan faraid. Manakala bagi institusi zakat, aset diperoleh melalui pembelian dan sumbangan umat Islam. Pemilikan aset oleh LZNK adalah menggunakan wang agihan zakat melalui asbab amil. Titik pengiktirafan bagi perolehan melalui pembelian dan pembinaan sendiri adalah berasaskan tarikh perolehan. Manakala titik pengiktirafan bagi perolehan melalui sumbangan adalah berasaskan tarikh pindah milik aset yang diwakafkan (institusi wakaf) dan tarikh pindah milik harta faraid (baitulmal).

Bagi aspek pengukuran pula, terdapat empat kategori di bawahnya. Pertama, nilai permulaan aset bagi Institusi WZB. Nilai permulaan aset institusi wakaf adalah berasaskan nilai token

bagi aset yang diperoleh melalui sumbangan, manakala aset yang dibina sendiri direkodkan pada nilai pasaran. Misalnya, bagi MAIK, aset wakaf dikategorikan kepada dua jenis. Pertama, aset wakaf yang memiliki nilai komersial. Aset ini diberikan nilai saksama. Bagi kategori kedua pula aset wakaf yang tidak memiliki nilai komersial seperti tanah perkuburan dan masjid yang diberikan nilai token.

Jadual 5.2: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan MAIK Dan LZNK

AMALAN SEMASA		MAJLIS AGAMA ISLAM KEDAH		
		WAKAF	ZAKAT	BAITULMAL
Entiti Responden		MAIK	LZNK	MAIK
Hartanah, Loji & Peralatan (MPSAS 17)				
Pengkiktirafan	Jenis aset	Tanah, Bangunan, Rumah Kedai	Tanah, Bangunan, Kenderaan, Kelengkapan Pejabat, Komputer	Tanah, Bangunan, Rumah Kedai, Alatan Pejabat, Komputer, Perabut & Peralatan, Mesin, Kenderaan & Jentera, Pemasangan Sistem
	Perolehan	Sumbangan, Bina	Beli	Beli, Faraid, Serahan
	Titik Pengiktirafan	Tarikh pindah milik	Tarikh perolehan	Tarikh perolehan, Tarikh pindah milik (faraid dan serahan),
Pengukuran	Nilai Permulaan	Nilai Token Nilai Pasaran	Nilai Pasaran	Nilai Pasaran
	Nilai Berikutnya: 1. Model Kos 2. Model Penilaian Semula	Nilai Token Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)	Model Kos Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)	Model Kos Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)
	Kaedah susutnilai	Garislurus	Baki berkurangan	Garislurus
	Rosot nilai	Tidak	Tidak	Tidak
Pendedahan	Perenggan 88 (a) – (e)	Ada kecuali (e) (iii)-(vi),(viii),(ix) Tidak diasingkan	Ada kecuali (e) (v)(vi)(viii)	Ada kecuali (e) (iii)-(vi),(viii),(ix) Tidak diasingkan
	Perenggan 89 (a) – (d)	Tiada & Tidak diasingkan	(b) & (c) (a) & (d) – NA	Tiada & Tidak diasingkan
	Perenggan 90 (a) – (b)	Ada & Tidak diasingkan	Ada	Ada & Tidak diasingkan
	Perenggan 92 (a) – (g)	Tiada & Tidak diasingkan	Tiada	Tiada & Tidak diasingkan

Manakala bagi aset institusi zakat dan baitulmal yang diperoleh melalui pembelian, nilai permulaan adalah berasaskan nilai pasaran. Bagi aset bangunan yang dibina di bawah pembiayaan JAWHAR, aset ini dipermodalkan sebagai aset MAIK.

Bagi kategori kedua melibatkan nilai berikutnya. Untuk institusi wakaf, aset yang diukur pada nilai token semasa pengukuran awal, juga akan diukur pada nilai token sebagai nilai berikutnya. Manakala aset yang diukur pada nilai pasaran semasa pengukuran awal, model penilaian semula digunapakai untuk nilai berikutnya. Institusi zakat dan baitulmal menggunakan model kos dan model penilaian semula dalam pengukuran berikutnya. Model penilaian semula digunakan untuk tanah dan bangunan, manakala aset-aset lain menggunakan model kos.

Kategori pengukuran seterusnya melibatkan kaedah susutnilai. Institusi wakaf dan baitulmal mengamalkan kaedah garis lurus, sedangkan LZNK mengamalkan kaedah baki berkurangan. Kategori terakhir bagi pengukuran melibatkan rosot nilai. Semua institusi tidak mengiktiraf rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan.

Berdasarkan kepada keperluan pendedahan MPSAS, LZNK didapati membuat pendedahan yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat juga item-item yang tidak didedahkan sebagaimana yang dikehendaki dalam perenggan tertentu. MAIK juga membuat pendedahan untuk wakaf dan baitulmal sebagaimana LZNK, namun jumlah pendedahannya kurang berbanding LZNK. Bagaimanapun MAIK tidak mengasingkan hartanah, loji dan peralatan kepada wakaf dan baitulmal.

Jadual 5.3 berkaitan dengan perincian perakaunan bagi aset hartanah, loji dan peralatan yang dipraktikkan oleh MAIPs. Bagi aspek pengiktirafan, aset institusi wakaf diperoleh melalui sumbangan, serahan dan dibina sendiri aset tersebut. Aset wakaf ini dikelaskan kepada wakaf khas dan wakaf am. Institusi zakat memperoleh aset melalui pembelian dan sumbangan umat Islam, manakala institusi baitulmal pula memperoleh aset melalui pembelian, serahan harta berstatus haram dan terimaan bahagian faraid. Titik pengiktirafan bagi perolehan melalui pembelian adalah berasaskan tarikh perolehan. Manakala titik pengiktirafan bagi perolehan dan serahan institusi wakaf melalui sumbangan adalah berasaskan tarikh pindah milik aset yang diwakafkan. Bagi institusi baitulmal pula titik pengiktirafan aset ialah berdasarkan tarikh serahan atau tarikh perolehan atau tarikh pindah milik harta bahagian faraid.

Bagi aspek pengukuran pula, nilai permulaan aset institusi wakaf adalah berasaskan nilai token pada nilai RM1 bagi aset yang diperoleh melalui sumbangan. Bagi aset bangunan yang dibina di bawah pembiayaan JAWHAR, aset ini dipermodalkan sebagai aset MAIPs. Manakala bagi aset institusi zakat dan baitulmal, nilai permulaan adalah berasaskan nilai pasaran. Nilai berikutnya bagi aset wakaf masih menggunakan nilai token. MAIPs menggunakan

pakai model kos dan model penilaian semula dalam pengukuran berikutnya bagi institusi zakat dan baitulmal, yang mana model penilaian semula digunakan untuk tanah dan bangunan. Kaedah susutnilai yang digunakan adalah kaedah garis lurus. MAIPs juga tidak mengiktiraf rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan.

MAIPs membuat pendedahan berkaitan aset wakaf dalam nota kepada akaun dalam bentuk senarai harta wakaf. Pendedahan aset institusi zakat dan baitulmal diasingkan. Bagaimanapun pendedahan yang dibuat tidak sepenuhnya memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam MPSAS.

Jadual 5.3: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan Maips

AMALAN SEMASA		MAJLIS AGAMA ISLAM PERLIS		
		WAKAF	ZAKAT	BAITULMAL
Entiti Responden		MAIPs	MAIPs	MAIPs
Hartanah, Loji & Peralatan (MPSAS 17)				
Pengiktirafan	Jenis aset	Tanah, Bangunan	Tanah, Bangunan, Kenderaan, Kelengkapan Pejabat, Pengubahsuaian	Tanah, Bangunan, Kelengkapan Pejabat, Papan Tanda
	Perolehan	Sumbangan, Bina	Sumbangan, Beli	Beli
	Titik Pengiktirafan	Tarikh pindah milik	Tarikh perolehan	Tarikh perolehan, Tarikh serahan
Pengukuran	Nilai Permulaan	Nilai Nominal (RM1)	Nilai Pasaran	Nilai pasaran
	Nilai Berikutnya: 1. Model Kos 2. Model Penilaian Semula	Tiada	Model Kos Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)	Model Kos Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)
	Kaedah susutnilai	Tiada	Garislurus	Garislurus
	Rosot nilai	Tiada	Tiada	Tiada
Pendedahan	Perenggan 88 (a) – (e)	Tiada	Ada kecuali (e) (iii)-(vi),(viii),(ix)	Ada kecuali (e) (iii)-(vi),(viii),(ix)
	Perenggan 89 (a) – (d)	Tiada	Tiada	Tiada
	Perenggan 90 (a) – (b)	Tiada	Ada	Ada
	Perenggan 92 (a) – (g)	Tiada	Tiada	Tiada
		Senarai Tanah & Bangunan wakaf		

Jadual 5.4 berkaitan dengan perincian perakaunan bagi aset hartanah, loji dan peralatan yang diamalkan oleh MAINPP dan PZPP. MAINPP hanya mentadbirkan perakaunan bagi wakaf

dan baitulmal. Bagi aspek pengiktirafan, aset institusi wakaf diperoleh melalui sumbangan. Aset wakaf ini dikelaskan kepada wakaf khas dan wakaf am. Institusi zakat dan institusi baitulmal memperoleh aset melalui pembelian. Titik pengiktirafan bagi perolehan institusi wakaf melalui sumbangan adalah berasaskan tarikh pindah milik aset yang diwakafkan. Manakala titik pengiktirafan bagi perolehan melalui pembelian adalah berasaskan tarikh perolehan. Bagi institusi baitulmal pula titik pengiktirafan aset ialah berdasarkan tarikh serahan atau tarikh perolehan atau tarikh pindah milik harta bahagian faraid.

Jadual 5.4: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan MAINPP

AMALAN SEMASA		MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG		
		WAKAF	ZAKAT	BAITULMAL
Entiti Responden		MAINPP	PZPP	MAINPP
Hartanah, Loji & Peralatan (MPSAS 17)				
Pengiktirafan	Jenis aset	Tanah, Bangunan,	Bangunan, Kenderaan, Komputer, Sistem Perisian Zakat, Peralatan Pejabat, Perabot Pejabat, Ubahsuai Pejabat	Tanah, Bangunan, Kenderaan, Komputer, Peralatan Pejabat, Alat Fotografi, Ubahsuai Pejabat, Perabot & Kelengkapan, Papan Tanda, Peralatan Elektrik, Buku Perpustakaan, Perisian Komputer, Jubah Konvo
	Perolehan	Sumbangan	Beli	Beli, Sumbangan, Serahan
	Titik Pengiktirafan	Tarikh pindah milik	Tarikh perolehan	Tarikh perolehan, Tarikh pindah milik dan tarikh serahan
Pengukuran	Nilai Permulaan	Nilai Nominal (RM1)	Nilai Saksama	Nilai Saksama
	Nilai Berikutnya: 1. Model Kos 2. Model Penilaian Semula	Nilai Nominal	Model Kos	Model Kos
	Kaedah susutnilai	Tiada	Garislurus	Garislurus
	Rosot nilai	Tiada	Ada dalam Polisi	Tiada
Pendedahan	Perenggan 88 (a) – (e)	Ada kecuali (e)(iii),(iv),(v),(vii),(vi ii) Tidak diasingkan	Ada kecuali (e)(iii),(iv),(v),(vii),(viii)	Ada kecuali (e)(iii),(iv),(v),(vii),(viii) Tidak diasingkan
	Perenggan 89 (a) – (d)	Tiada & Tidak diasingkan	Tiada	Tiada & Tidak diasingkan
	Perenggan 90 (a) – (b)	Ada & Tidak diasingkan	Ada	Ada & Tidak diasingkan
	Perenggan 92 (a) – (g)	Tiada & Tidak diasingkan	Tiada	Tiada & Tidak diasingkan

Bagi aspek pengukuran pula, nilai permulaan aset institusi wakaf adalah berasaskan nilai token pada nilai RM1 bagi aset yang diperolehi melalui sumbangan. Manakala bagi aset institusi zakat dan baitulmal, nilai permulaan adalah berasaskan nilai pasaran. Nilai berikutnya bagi aset wakaf masih menggunakan nilai token. Model kos digunakan dalam pengukuran berikutnya bagi institusi zakat dan baitulmal. Kaedah susutnilai yang digunakan adalah kaedah garis lurus. MAINPP juga tidak mengiktiraf rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan. Manakala PZPP hanya menyatakan rosot nilai dalam dasar perakaunan.

Dari aspek pendedahan, MAINPP tidak mengasingkan hartanah, loji dan peralatan kepada wakaf dan baitulmal. Pendedahan yang dibuat oleh MAINPP dan PZPP tidak sepenuhnya memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam MPSAS.

Jadual 5.5: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan MAIDAMP

AMALAN SEMASA		MAJLIS AGAMA ISLAM PERAK		
		WAKAF	ZAKAT	BAITULMAL
Entiti Responden		MAIDAMP	MAIDAMP	MAIDAMP
Hartanah, Loji & Peralatan (MPSAS 17)				
Pengiktirafan	Jenis aset	Tanah, Bangunan	Tiada	Tanah, Bangunan, Loji & Peralatan, Lekapan & Lengkapan
	Perolehan	Sumbangan, Beli	Tiada	Sumbangan, Beli, Serahan, Faraid
	Titik Pengiktirafan	Tarikh pindah milik, Tarikh perolehan	Tiada	Tarikh pindah milik, Tarikh perolehan,
Pengukuran	Nilai Permulaan	Nilai token Nilai Saksama	Tiada	Nilai Saksama
	Nilai Berikutnya: 1. Model Kos 2. Model Penilaian Semula	Nilai Token Model Penilaian Semula	Tiada	Model Kos Model Penilaian Semula
	Kaedah susutnilai	Tiada	Tiada	Garislurus
	Rosot nilai	Tiada	Tiada	Ada dalam Dasar Perakaunan tetapi tiada nilai
Pendedahan	Perenggan 88 (a) – (e)	Ada kecuali (e)(iii),(iv),(v),(vii),(viii) Tidak diasingkan	Tiada	Ada kecuali (e)(iii),(iv),(v),(vii),(viii) Tidak diasingkan
	Perenggan 89 (a) – (d)	Tiada & Tidak diasingkan	Tiada	Tiada & Tidak diasingkan
	Perenggan 90 (a) – (b)	Ada & Tidak diasingkan	Tiada	Ada & Tidak diasingkan
	Perenggan 92 (a) – (g)	Tiada & Tidak diasingkan	Tiada	Tiada & Tidak diasingkan

Jadual 5.5 berkaitan dengan perincian perakaunan bagi aset hartanah, loji dan peralatan yang diamalkan oleh MAIDAMP. Bagi aspek pengiktirafan, aset institusi wakaf diperoleh melalui sumbangan. Aset wakaf ini dikelaskan kepada wakaf khas dan wakaf am. Institusi baitulmal pula memperoleh aset melalui pembelian. Manakala institusi zakat tidak memiliki aset hartanah, loji dan peralatan. Titik pengiktirafan bagi perolehan melalui pembelian adalah berasaskan tarikh perolehan. Manakala titik pengiktirafan bagi perolehan institusi wakaf melalui sumbangan adalah berasaskan tarikh pindah milik aset yang diwakafkan. Bagi institusi baitulmal pula titik pengiktirafan aset ialah berdasarkan tarikh serahan atau tarikh perolehan atau tarikh pindah milik harta bahagian faraid.

Bagi aspek pengukuran pula, nilai permulaan aset institusi wakaf adalah berasaskan nilai token bagi aset yang tiada nilai komersial, manakala bagi aset yang ada nilai komersial diukur pada nilai saksama sebagai nilai permulaannya. Bagi aset bangunan yang dibina di bawah pembiayaan JAWHAR, aset ini dipermodalkan sebagai aset MAIDAMP. Nilai permulaan bagi aset institusi baitulmal adalah berasaskan nilai saksama. Nilai berikutnya untuk institusi wakaf, aset yang diukur pada nilai token semasa pengukuran awal, juga akan diukur pada nilai token sebagai nilai berikutnya. Manakala aset yang diukur pada nilai saksama semasa pengukuran awal, model penilaian semula digunapakai untuk nilai berikutnya. Pengukuran nilai berikutnya bagi aset institusi baitulmal pula mengguna pakai model kos dan model penilaian semula, yang mana model penilaian semula digunakan untuk tanah dan bangunan. Kaedah susutnilai yang digunakan adalah kaedah garis lurus. Rosot nilai ada dinyatakan dalam dasar perakaunan, tetapi tiada nilai yang ditunjukkan.

MAIDAMP tidak membuat pendedahan secara berasingan bagi hartanah, loji dan peralatan mengikut fungsi wakaf dan baitulmal. Pendedahan yang dibuat tidak sepenuhnya memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam MPSAS.

Jadual 5.6 berkaitan dengan perincian perakaunan bagi aset hartanah, loji dan peralatan yang dipraktiskan oleh TBS. Bagi aspek pengiktirafan, aset institusi wakaf diperoleh melalui sumbangan. Aset wakaf ini dikelaskan kepada wakaf khas dan wakaf am. Institusi baitulmal pula memperoleh aset melalui pembelian. Manakala institusi zakat tidak memiliki aset hartanah, loji dan peralatan. Titik pengiktirafan bagi perolehan melalui pembelian adalah berasaskan tarikh perolehan. Manakala titik pengiktirafan bagi perolehan institusi wakaf melalui sumbangan adalah berasaskan tarikh pindah milik aset yang diwakafkan. Bagi institusi baitulmal pula titik pengiktirafan aset ialah berdasarkan tarikh serahan atau tarikh perolehan atau tarikh pindah milik harta bahagian faraid.

Bagi aspek pengukuran pula, TBS tidak meletakkan nilai atas sumbangan aset wakaf yang diterima. Manakala bagi aset institusi baitulmal, nilai permulaan adalah berasaskan nilai

saksama. TBS mengguna pakai model kos dalam pengukuran berikutnya bagi institusi baitulmal. Kaedah susutnilai yang digunakan adalah kaedah garis lurus. TBS juga tidak mengiktiraf rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan.

TBS membuat pendedahan berkaitan aset wakaf dalam nota kepada akaun dalam bentuk daftar tanah dan bangunan wakaf. Pendedahan bagi aset institusi baitulmal pula tidak diasingkan. Pendedahan yang dibuat juga tidak sepenuhnya memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam MPSAS.

Jadual 5.6: Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan TBS

AMALAN SEMASA		MAJLIS ISLAM SARAWAK		
		WAKAF	ZAKAT	BAITULMAL
Entiti Responden		TBS	TBS	TBS
Hartanah, Loji & Peralatan (MPSAS 17)				
Pengiktirafan	Jenis aset	Tanah, Bangunan	Tiada	Tanah, Bangunan & Rumah Kedai, Pengubahsuaian/ Pembaikan, Alat Komputer & perisian, Alat Kelengkapan & Perabot Pejabat, Kenderaan, Lain Aset
	Perolehan	Sumbangan	Tiada	Beli, Serahan dan Faraid
	Titik Pengiktirafan	Tarikh pindah milik	Tiada	Tarikh perolehan, Tarikh pindah milik
Pengukuran	Nilai Permulaan	Tidak diletakkan nilai	Tiada	Nilai Saksama
	Nilai Berikutnya: 1. Model Kos 2. Model Penilaian Semula	Tiada	Tiada	Model Kos
	Kaedah susutnilai	Tiada	Tiada	Garislurus
	Rosot nilai	Tiada	Tiada	Tiada
Pendedahan	Perenggan 88 (a) – (e)	Tiada	Tiada	Ada kecuali (e)(iii),(iv),(v),(vii),(viii) Tidak diasingkan
	Perenggan 89 (a) – (d)	Tiada	Tiada	Tiada & Tidak diasingkan
	Perenggan 90 (a) – (b)	Tiada	Tiada	Ada & Tidak diasingkan
	Perenggan 92 (a) – (g)	Tiada	Tiada	Tiada & Tidak diasingkan
		Daftar Tanah & Bangunan Wakaf		

Jadual 5.7 berkaitan dengan rumusan perincian aset di bawah hartanah, loji dan peralatan mengikut amalan semasa perakaunan berpandukan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Bagi aspek pengiktirafan, aset institusi wakaf diperoleh melalui sumbangan dan bina sendiri. Manakala bagi institusi zakat, aset diperoleh melalui pembelian dan sumbangan. Institusi baitulmal pula memperoleh aset dalam pelbagai cara iaitu, pembelian, faraid, sumbangan dan luqatah. Titik pengiktirafan bagi perolehan melalui pembelian adalah berasaskan tarikh perolehan, manakala perolehan melalui sumbangan adalah berasaskan tarikh pindah milik aset yang diwakafkan (institusi wakaf) dan tarikh pindah milik harta faraid (baitulmal).

Jadual 5.7: Ringkasan Perincian Aset Di Bawah Hartanah, Loji Dan Peralatan

AMALAN SEMASA		Hartanah, Loji & Peralatan (MPSAS 17)		
		WAKAF	ZAKAT	BAITULMAL
Pengiktirafan	Perolehan	Sumbangan, Bina	Beli, Sumbangan	Beli, Faraid, Serahan, Sumbangan, Luqatah
	Titik Pengiktirafan	Tarikh pindah milik	Tarikh perolehan	Tarikh perolehan, Tarikh pindah milik (serahan dan faraid)
Pengukuran	Nilai Permulaan	Nilai Token Nilai Pasaran, Tidak diletakkan nilai	Nilai Pasaran	Nilai Pasaran
	Nilai Berikutnya: 1. Model Kos 2. Model Penilaian Semula	Nilai Token Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)	Model Kos Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)	Model Kos Model Penilaian Semula (Tanah & Bangunan)
	Kaedah susutnilai	Garis lurus/ Tiada	Garis lurus/ Baki berkurangan	Garis lurus
	Rosot nilai	Tidak/ Ada dalam Dasar Perakaunan tetapi tiada nilai	Tidak/ Ada dalam Dasar Perakaunan tetapi tiada nilai	Tidak
Pendedahan		Terhad/ Tiada (Senarai Tanah & Bangunan wakaf)	Terhad/Sederhana	Terhad/Sederhana

Bagi aspek pengukuran pula, terdapat empat kategori di bawahnya. Pertama, nilai permulaan aset bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Nilai permulaan aset hartanah, loji dan peralatan institusi wakaf adalah berasaskan nilai token, nilai pasaran dan tidak diletakkan sebarang nilai. Manakala bagi aset institusi zakat dan baitulmal, nilai permulaan adalah

berdasarkan nilai pasaran. Bagi aset luqatah, terdapat tiga cara yang dilakukan oleh MAIN. Pertama, dengan mendedahkannya harta luqatah pada nota kepada akaun. Kedua, dengan hanya merekodkan dalam daftar aset. Cara ketiga pula melibatkan jualan harta luqatah setelah dalam tempoh setahun diuar-uarkan kepada umum mengenai harta ini, tiada sebarang tuntutan dibuat ke atas aset tersebut. Hasil jualan harta luqatah didebitkan sebagai tunai dan dikreditkan dalam akaun sumber am. Ini bagi harta luqatah yang bukan berbentuk emas. Manakala, harta luqatah berbentuk emas pula didebitkan sebagai nilai emas dan dikreditkan dalam akaun sumber am. MAIK dan MAINPP memiliki prosedur sebegitu rupa, manakala bagi MAIPs masih belum terdapat sebarang prosedur berkenaan dengan aset luqatah. Maka, aset tersebut hanya direkodkan dalam daftar aset.

Bagi harta istibdal pula, aset wakaf yang diambil oleh kerajaan akan dibayar kepada MAIN dalam bentuk tunai berasaskan nilai penilaian semula aset tersebut. Wang tunai yang diterima oleh MAIN digunakan untuk membeli aset lain yang bernilai sama atau lebih tinggi daripada aset yang diambil oleh kerajaan. Dalam konteks ini, aset tersebut direkodkan semula sebagai aset MAIN.

Bagi kategori kedua melibatkan nilai berikutnya. Untuk institusi wakaf, aset yang diukur pada nilai token semasa pengukuran awal, juga akan diukur pada nilai token sebagai nilai berikutnya. Manakala aset yang diukur pada nilai pasaran semasa pengukuran awal, model penilaian semula digunapakai untuk nilai berikutnya. Manakala, model kos dan model penilaian semula digunapakai oleh institusi zakat dan baitulmal. Model penilaian semula digunakan untuk tanah dan bangunan. Manakala aset lain menggunakan model kos. Kategori pengukuran seterusnya melibatkan kaedah susutnilai. Kesemua insitusi wakaf, zakat dan baitulmal mengamalkan kategori garis lurus kecuali institusi zakat yang mengamalkan kaedah baki berkurangan selain kaedah garis lurus.

Kategori terakhir bagi pengukuran melibat rosot nilai. Secara khususnya, kesemua MAIN tidak mengamalkan piawaian perakaunan rosot nilai kecuali MAIDAMP. Namun penggunaannya terbatas dari sudut pendedahan semata-mata sebagaimana dinyatakan dalam nota kepada akaun di bawah dasar perakaunan MAIDAMP. Tiada sebarang angka diakaunkan dalam penyata kewangan MAIDAMP.

Aspek pendedahan bagi aset hartanah, loji dan peralatan secara umumnya adalah terhad kecuali pendedahan yang sederhana bagi LZNK. Kesemua MAIN kecuali MAIPs tidak mengasingkan jumlah hartanah, loji dan peralatan kepada wakaf, zakat dan baitulmal. MAIPs dan TBS mendedahkan aset hartanah dan bangunan milik wakaf dalam bentuk senarai tanah dan bangunan dalam nota kepada akaun.

5.2.2 Amalan Perakaunan Bagi Inventori, Aset Tidak Ketara Dan Hartanah Pelaburan

Jadual 5.8 pula memperincikan amalan semasa bagi kategori aset-aset lain iaitu inventori, aset tidak ketara dan hartanah pelaburan. Sebagaimana aset hartanah, loji dan peralatan, tiga aspek amalan semasa perakaunan menjadi tumpuan dalam kajian ini. Pertama, aspek pengiktirafan. Bagi aset inventori MAIK dan MAIDAMP yang melibatkan insitusi baitulmal, aset-aset tersebut dimiliki oleh anak-anak syarikat untuk kedua-dua MAIN. Manakala aset tidak ketara pula, aset tersebut dibeli oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Begitu juga bagi hartanah pelaburan bagi MAIDAMP, aset tersebut dibeli dan diperoleh melalui sumbangan orang ramai.

Jadual 5.8: Perincian Aset Di Bawah Inventori, Aset Tidak Ketara Dan Hartanah Pelaburan

AMALAN SEMASA	Inventori (MPSAS 12)	Aset Tidak Ketara (MPSAS 31)	Hartanah Pelaburan (MPSAS 16)
	BAITULMAL (MAIK/MAIDAMP)	WAKAF/BAITUMAL/ZAKAT	MAIDAMP
Pengiktirafan	Milik anak syarikat	Perolehan – Beli	Perolehan – Beli, Sumbangan
Pengukuran	Terendah antara kos @ nilai realisasi bersih	Nilai Permulaan – Nilai Saksama	Nilai Permulaan – Kos
	Formula kos – MDKD	Nilai berikutnya – Model Nilai Saksama	Nilai berikutnya – Model Nilai Saksama
		Jangka hayat – 10 thn (WB)/ 4 thn (Z)	Laba/rugi atas perubahan nilai saksama - Tiada
		Pelunasan – Garis lurus	
		Rosot nilai – Tiada	
Pendedahan	Terhad	Terhad(WB)/ Sederhana (Z)	Terhad

Aspek pengukuran merangkumi nilai permulaan dan nilai berikutnya. Bagi aset inventori, nilai terendah antara kos atau nilai realisasi bersih diamalkan oleh MAIK dan MAIDAMP. Nilai berikutnya bagi inventori adalah berpandukan formula kos MDKD. Bagi aset tidak ketara, nilai permulaan adalah berasaskan nilai saksama, manakala nilai berikutnya berasaskan model nilai saksama. Jangka hayat bagi aset tidak ketara pula adalah 10 tahun bagi institusi wakaf dan baitulmal, manakala hanya 4 tahun bagi jangka hayat aset tidak ketara institusi zakat. Aset tidak ketara dilunaskan secara garis lurus. Tiada rosot nilai dibelanjakan bagi aset tidak ketara.

Aspek pengukuran bagi hartanah pelaburan melibatkan nilai permulaan yang berasaskan kos. Seterusnya, nilai berikutnya bagi hartanah pelaburan adalah berasaskan model nilai saksama. Tiada laba atau rugi atas perubahan nilai saksama direkodkan.

Aspek terakhir melibatkan pendedahan bagi ketiga-tiga aset tersebut yang mana secara umumnya pendedahan adalah terhad kecuali pendedahan yang sederhana bagi aset tidak ketara LZNK. Ini memandangkan penyata kewangan LZNK tidak disatukan bersama-sama penyata kewangan MAIK. Dengan itu, pendedahan adalah lebih baik yang dikategorikan sebagai sederhana berbanding terhad bagi MAIK yang mana aset tidak ketara tidak diasingkan antara institusi wakaf dan baitulmal.

5.3 Isi-isu Berkaitan Amalan Semasa Perakaunan Berkaitan Aset

Terdapat beberapa isu berkaitan amalan semasa perakaunan berkaitan aset telah dikenalpasti dalam kajian. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

5.3.1 Nilai Nominal Aset Wakaf

Aset-aset wakaf bagi institusi wakaf diiktiraf dalam bentuk pengukuran nominal iaitu secara khususnya nilai token diberikan terhadap aset-aset wakaf meskipun memiliki nilai komersial. Dalam hal ini, akan mewujudkan satu situasi yang mana nilai aset wakaf itu tidak diukur dengan nilai saksama. Jadi, dalam hal ini wajarkah amalan sebegini diteruskan kerana maklumat perakaunan tidak dilaporkan dan memberi gambaran yang sebenar mengenai kedudukan aset institusi wakaf. Dalam hal ini, masih kurang jelas, bagaimana isu ini dapat diselesaikan memandangkan setiap negeri membuat tafsiran tersendiri mengenai nilai nominal ini.

5.3.2 Penilaian Semula Aset

Isu penilaian semula aset timbul ekoran setiap institusi wakaf, zakat dan baitulmal negeri yang dikaji memiliki tafsiran masing-masing. Secara khususnya, penilaian semula aset wakaf yang mana bagi mereka aset wakaf tidak wajar dinilai semula kerana diperoleh percuma dan pada masa yang sama penilaian semula melibatkan kos yang tinggi buat mereka. Justeru, persoalan asas sejauh manakah nilai aset-aset berkenaan diukur dan didedahkan pada nilai saksama yang memberi gambaran sebenar kepada pemegang taruh. Pada masa yang sama, pemahaman bahawa aset wakaf diberikan percuma dan pada masa yang sama penilaian semua aset melibatkan kos yang tinggi juga wajar diberikan pertimbangan dalam menyelesaikan isu ini. Malah, aset wakaf yang berbentuk wakaf khas tidak memiliki nilai komersial, maka adakah wajar penilaian semula terhadap aset-aset tersebut dibuat? Asasnya di sini, institusi wakaf, zakat dan baitulmal bukanlah institusi komersial untuk mendapatkan

keuntungan sebanyak mungkin tetapi adalah sebuah institusi yang menjaga kemaslahatan ekonomi umat Islam.

Islam agama yang sangat menjaga keseluruhan aspek kehidupan manusia. Salah satu aspek yang dipelihara adalah dalam hal pengurusan harta. Tambahan pula, harta yang diuruskan itu adalah harta amanah. Khin, Bugha, dan Ali Asy Syarbaji (2008) menyatakan bahawa dalam isu cagaran (dhoman) yang dibahaskan di bawah perbincangan benda atau orang yang menjamin (yad ad-dhoman) tentang nilai yang perlu diganti bagi sesiapa yang merosakkan sebarang harta amanah. Hal ini memberikan impak yang besar dalam penilaian semula setiap aset dalam sistem perakaunan Islam yang mana sekiranya barang yang diamanahkan itu rosak dalam tanggungan. Hal ini telah diceritakan melalui hadis Rasulullah SAW.

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ مُحَمَّدٍ، وَسَلْمَةُ بْنُ شَيْبٍ، قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ، حَدَّثَنَا شَرِيكٌ، عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ رُفَيْعٍ، عَنْ
أُمِّيَّةَ بْنِ صَفْوَانَ بْنِ أُمِّيَّةَ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعَارَ مِنْهُ أَدْرَاعًا يَوْمَ حُنَيْنٍ فَقَالَ أَغْصَبَ يَا
مُحَمَّدُ فَقَالَ " لَا بَلْ عَارِيَةٌ مَضْمُونَةٌ " . قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَهَذِهِ رِوَايَةٌ يَزِيدُ بِبَغْدَادَ وَفِي رِوَايَتِهِ بِوَأَسْطَ تَغْيِيرٌ عَلَى غَيْرِ
هَذَا

"Nabi SAW pernah meminjam perisai-perisai dari Shafwan bin Umayyah radhiallahu'anhu. Shafwan berkata kepada Nabi: 'Apakah sebagai harta rampasan?'. Nabi bersabda: 'Bukan, ini adalah pinjaman yang dijamin pengembaliannya'"

(HR. Abi Dawud, 3562)

Dari segi pengukuran nilai gantirugi yang perlu digantikan oleh si pemegang amanah sekiranya beliau melakukan kerosakkan pada barang yang diamanahkan tersebut maka beliau perlulah dikenakan had dhoman. Khin, Bugha, dan Ali Asy Syarbaji (2008) berpendapat bahawa nilai pengukuran gantirugi mestilah dikira berdasarkan hari barang itu dirosakkan iaitu nilai yang adil padanya. Hal ini membuktikan bahawa setiap aset perlu dinilai pada nilai saksama dalam perakaunan Islam.

5.3.3 Harta Luqatah

Ini satu lagi isu yang timbul memandangkan hanya institusi wakaf, zakat dan baitulmal sahaja boleh menerima harta luqatah yang diberikan oleh sesiapa sahaja. Memandangkan menjadi tanggungjawab institusi, maka sehingga ke hari ini, tiada sebarang piawaian perakaunan yang patuh syarak diwujudkan bagi melayan harta luqatah ini. Ini merangkumi ketiga-tiga konteks perakaunan iaitu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dalam penyata kewangan institusi.

5.3.4 Layanan Aset Tidak ketara

Tiada lagi piawaian perakaunan bagi melayan aset tidak ketara yang diperoleh secara percuma. Dalam amalan semasa, aset tidak ketara sebegini tidak direkodkan oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal, maka akan timbul isu yang boleh memberi kesan terhadap kedudukan kewangan institusi wakaf, zakat dan baitulmal.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang amalan semasa bagi pelaporan kewangan dan perakaunan aset untuk MAIN negeri-negeri utara Semenanjung dan Sarawak. Lapan kategori aset dibincangkan yang mana secara khususnya aset berkaitan hartanah, loji dan peralatan terpakai dan digunakan oleh kesemua MAIN yang dikaji. Terdapat juga kategori aset yang digunakan oleh sebahagian MAIN misalnya, inventori, aset tidak ketara, pajakan, hartanah pelaburan dan rosot nilai aset yang tidak menjana tunai. Di samping itu piawaian berkaitan aset yang tidak digunapakai langsung oleh MAIN seperti pertanian dan rosot nilai aset yang menjana tunai.

Dapatan kajian menunjukkan piawaian perakaunan sedia ada tidak sepenuhnya dapat menyediakan tatacara perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan disebabkan keunikan aktiviti WZB. Antara item-item yang berbeza ialah wakaf khas, wakaf am, luqatah, harta faraid dan istibdal. Ini menyebabkan Institusi WZB menggunakan kaedah yang tidak seragam bagi item-item tersebut terutamanya dari segi pengukuran. Manakala dari segi pendedahan, didapati kebanyakan MAIN yang bertanggungjawab mentadbir ketiga-tiga urusan WZB tidak mengasingkan pendedahan mengenai aset kepada Institusi WZB.

Perbezaan amalan antara MAIN bagi piawaian berkaitan, menggambarkan bahawa perlunya pengubalan piawaian perakaunan yang diselaraskan mengikut syarak. Hal ini berlaku sedemikian kerana terdapat isu-isu berkaitan aset yang masih belum jelas sama ada mengikut keperluan syarak atau tidak. Isu-isu ini akan dibincangkan dalam bab 8 dan seterusnya dikemukakan cadangan kepada JANM untuk tujuan pengubalan piawaian perakaunan MAIN.

Bab seterusnya menjelaskan tentang hasil dapatan kajian kedua iaitu kerangka kerja konsep perakaunan islam.

BAB 6
OBJEKTIF KEDUA
KERANGKA KERJA KONSEP PERAKAUNAN ISLAM

6.0 Pengenalan


Bab ini akan membincangkan tentang kerangka kerja konsep perakaunan Islam yang menjadi tunjang kepada asas pembentukan piawaian perakaunan Islam. Perbincangan mengenai perakaunan Islam ini akan dimulakan dengan membicarakan persoalan hala tuju kerangka kerja perakaunan Islam dengan membandingkan dua model kerangka kerja perakaunan iaitu kerangka kerja perakaunan konvensional dan kerangka kerja perakaunan Islam. Kemudian, perbincangan diteruskan pula dengan konsep maqasid syariah yang menjadi asas kepada matlamat yang hendak dicapai dalam perakaunan Islam. Seterusnya, bab ini akan menumpukan pula kepada konsep teori pemilikan dalam syariah Islam yang membicarakan tentang kaedah-kaedah pemilikan yang diperakui oleh Islam dalam menentukan pemilikan yang sah di sisinya. Hal ini penting kerana ia berhubungan dengan hal harta yang menjadi salah satu unsur penting dalam perakaunan Islam ini. Hasil daripada perbincangan tersebut, perbincangan seterusnya akan menilai di antara piawaian-piawaian MPSAS dengan kerangka kerja perakaunan Islam dalam hal yang memfokuskan kepada pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan.

Selanjutnya, perbincangan diteruskan dengan melihat kepada hal-hal teknikal dalam perakaunan Islam yang berhubungan dengan WZB. Akhir sekali, perbincangan dalam bab ini akan disudahi dengan kesimpulan.

6.1 Perbandingan Kerangka Kerja Perakaunan Konvensional Dan Islam

Kerangka kerja konseptual dalam perakaunan adalah satu sistem yang berkaitan dengan objektif pelaporan kewangan, ciri-ciri maklumat perakaunan, elemen penyata kewangan, dan prinsip pengukuran serta pengiktirafan transaksi. Kerangka kerja konseptual diperlukan untuk semua pihak yang terlibat dengan perakaunan, iaitu badan penetapan piawaian perakaunan, institusi-institusi yang menyediakan dan mengaudit penyata kewangan, dan pengguna penyata kewangan. Kerangka kerja konseptual dalam perakaunan adalah asas bagi pelaporan kewangan yang berkesan.

Gambarajah 6.1: Perspektif Hala-tuju Dua Kerangka Kerja Perakaunan



Merujuk kepada gambarajah 6.1 pada KK konvensional yang telah dijadikan asas dalam amalan perakaunan bagi kebanyakan penggubal piawaian dan pengamal perakaunan. KK konvensional ini adalah seumpama suatu perlembagaan kerana ia merupakan satu sistem yang koheren dengan menghubungkan objektif-objektif dan dasar-dasar yang seterusnya membawa kepada satu piawaian yang konsisten sepanjang masa. Ia juga menghuraikan sifat, fungsi dan kekangan sesuatu penyata kewangan dan perakaunan tersebut serta meningkatkan pemahaman dan keyakinan kepada pengguna penyata kewangan. Disamping itu kerangka kerja juga digunakan untuk menyelesaikan masalah praktikal yang baru muncul dengan merujuk kepada KK konvensional yang sedia ada (Kieso, Weygandt, & Warfield, 2018). Bagaimanapun, KK konvensional ini lebih bersifat pragmatik dan tidak diasaskan pada satu dasar yang benar-benar berteraskan wahyu daripada Allah SWT. Oleh yang demikian, kita tidak boleh memberi terlampau banyak penekanan terhadap KK konvensional ini untuk suatu manfaat kegunaan daripadanya dalam membantu untuk memahami pelbagai masalah dalam hal-hal perakaunan tertentu. Oleh itu, jika sesuatu permasalahan tersebut berlaku yang mengaitkannya dalam persoalan perakaunan, pertimbangan pragmatik yang selalu diambil kira adalah sama ada ianya memberi kesan kepada nilai ekonomi atau tidak. Jadi, perubahan yang akan diambil kira adalah semata-mata kepada nilai kewangan sahaja, sama ada dapat dinilai dengan jelas atau diandaikan penilaiannya mengikut pertimbangan yang sewajarnya (judgemental) dari segi kewangan. Ini selaras dengan sifat piawaian semasa

yang lebih kepada *judgemental base*. Hal-hal yang di luar kewangan seperti keperluan syariah lazimnya tidak diambil kira dalam KK konvensional.

Berlainan pula dengan dasar KKPI sebagaimana yang dicadangkan oleh penyelidik-penyelidik seperti di sebelah kanan gambarajah di atas. Ia adalah berdasarkan satu sumber yang kuat bagi seseorang Muslim iaitu wahyu dari Allah SWT yang menekankan kepada pengaplikasian tauhid dalam keperluannya secara menyeluruh (Rujuk Tahap 1 KKPI). Tauhid bermaksud pengesaan Allah SWT. Dari sudut istilah pula, ia adalah satu ilmu yang berkemampuan menetapkan akidah keagamaan dengan dalil-dalil yang bersifat yakin (Ibrahim, 1992). Persoalan berhubung tauhid ini adalah perbahasan mengenai keesaan Allah SWT yang secara asasnya menjadi teras agama Islam iaitu agama benar yang dibawa oleh seluruh para Rasul. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud,

“Dan Kami tidak mengutus sebelummu seorang rasul pun melainkan Kami mewahyukan kepadanya, bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Aku; Oleh itu, beribadatlah kamu kepadaKu”.

(QS Al-Anbiya' 21: 25)

Dalam membincangkan bagaimana asas kepada pembentukan kerangka kerja perakaunan Islam, maka tidak dapat tidak penyelidik perlu menekankan di sini betapa pentingnya ilmu Fiqh dalam proses pembentukan kerangka kerja. Berbeza dengan pembentukan kerangka kerja perakaunan konvensional yang bersumberkan undang-undang ciptaan manusia semata-mata. Kerangka kerja konseptual perakaunan Islam bersumberkan Al-Quran dan Hadis serta Ijmak dan Qias. Ini bersesuaian dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku cukupkan bagi kamu nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...”

(QS Al-Maidah 5:3)

Ayat ini menunjukkan bahawa sesuatu yang hendak dilaksanakan mestilah berlandaskan kepada Al-Quran serta memenuhi tuntutan syariah. Sepertimana ditunjukkan dalam tahap 1 dalam kerangka kerja perakaunan Islam, yang mana fiqh Islam memenuhi tiga cabang perhubungan manusia iaitu hubungan manusia dengan Tuhannya, hubungan manusia dengan dirinya dan hubungan manusia dengan masyarakatnya (Zuhaili, 1994). Sesuatu yang dibentuk berlandaskan hukum fiqh adalah sempurna kerana ia bersifat bersepadu yang mana ia menekankan tentang aqidah, ibadah, akhlak dan muamalah.

Sehubungan itu, satu konsep falsafah Islam dalam pemilikan harta dapat dijelaskan melalui satu peraturan asas dan lapan peraturan khusus di dalam Syariat Islam berhubung hak ke atas harta dan cara-cara penggunaannya (Mannan, 1986). Peraturan asasnya ialah Allah SWT yang menjadi pemilik mutlak segala sesuatu dan manusia hanyalah khalifahNya di muka bumi. Di samping itu lapan lagi peraturan yang lebih khusus ialah:

- harta itu hendaklah dimanfaatkan dan Islam melarang membekukan sebarang harta.
- mesti mengeluarkan zakat terhadap harta yang dimiliki mengikut kadarnya yang tertentu.
- penggunaan harta tersebut mestilah berfaedah mengikut kehendak syariah.
- penggunaannya tidak mendatangkan kemudaratan kepada diri dan masyarakat di sekelilingnya.
- pemilikan keatas harta tersebut mestilah melalui cara yang sah sama ada di sisi undang-undang negara dan syarak.
- penggunaan yang seimbang dan sederhana, iaitu tidak bersikap boros dan tidak pula bakhil.
- faedah yang sepatutnya perlu didapati oleh pemilik harta hasil dari penggunaan harta itu.
- harta tersebut memberi kebajikan kepada mereka yang hidup melalui amalan hukum faraid.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan di sini bahawa perbezaan di antara dua KK tersebut adalah yang konvensionalnya lebih menumpukan kepada nilai ekonomi di dunia ini semata-mata dan tiada hubungannya secara khusus pun dengan Allah SWT (pemilik mutlak) dan manusia (pemilik sementara). Sebaliknya, Islam lebih mementingkan epistemologi tauhid sebagai asas falsafahnya iaitu manusia hanyalah sebagai pemilik sementara kepada hak pemilikan di dunia ini, manakala pemilik mutlakNya adalah Allah SWT. Oleh itu, apabila manusia memiliki sesuatu harta tersebut di dunia ini, dia juga dianggap pemegang amanah Allah secara umumnya dan tidak boleh bertindak secara mengikut nafsu dalam mentadbirkan harta tersebut. Penilaian terhadapnya adalah sejauh mana dia dapat membuat amal soleh terhadap perkara tersebut yang merangkumi hubungannya dengan Allah dan hubungannya sesama insan. Tidak hanya berdasarkan kepada perkiraan ekonomi dan kewangan semata-mata. Ringkasnya, prinsip kebertanggungjawaban bagi perakaunan Islam adalah lebih holistik dan memaksimumkan nilai tambah kepada setiap makhluk khususnya kepada sesama manusia berbanding dengan


perakaunan konvensional yang lebih terhad fokusnya iaitu kepada pemegang taruh sahaja dan kadang-kadang secara lazimnya hanya kepada pemegang saham semata-mata. Berdasarkan hal tersebut, pengoperasian KKPI lebih berteraskan rasional Syariah yang membabitkan persoalan mengenai maqasid syariah (Rujuk Tahap 2 KKPI) berbanding dengan pengoperasian KK konvensional yang lebih kepada berteraskan rasional ekonomi. Perbincangan mengenai maqasid syariah akan dibincangkan dengan lebih lanjut selepas ini. Oleh yang demikian, pelaporan perakaunan konvensional lebih tertumpu kepada penyata kewangan manakala pelaporan perakaunan Islam lebih menyeluruh penumpuannya iaitu mestilah sehingga mencapai tahap penyata pertambahan nilai dan tidak terhenti hanya sekadar penyata kewangan sahaja. Keseluruhan perbincangan ini dapat dirumuskan sebagaimana gambarajah 6.2 dalam penulisan ini.

Gambarajah 6.2: Perbandingan Di Antara Dua Kerangka Kerja Perakaunan

Perspektif	Konvensional	Islam
1. Falsafah	Teori Ekonomi	Epistemologi Tauhid
2. Prinsip	Akauntabiliti Terbatas	Akauntabiliti Syumul (Holistik)
3. Konsep	Eksklusif	Inklusif
4. Objektif	Memaksimakan Untung (kepentingan pemegang taruh)	Memaksimakan Nilai Tambah (kepentingan awam)
5. Skop	Sempit (terhad kepada pemegang taruh)	Luas (Hablum Min Allah dan Hablum Min An-Nas)
6. Pemilikan	Pemilik Mutlak	Pemegang Amanah
7. Pengoperasian	Rasional Ekonomi	Rasional Syariah
8. Pelaporan	Penyata Kewangan	Penyata Pertambahan Nilai

6.2 Perkembangan Mengenai Konsep Maqasid Syariah Yang Berhubungan Perakaunan Islam

Gambarajah 6.3: Kronologi Karya Mengenai Maqasid Syariah



Maqasid Syariah secara mudahnya dalam bahasa diterjemahkan sebagai objektif atau tujuan ke jalan yang lurus atau tujuan syariah (Mahmud, 1973). Dengan erti kata lain, ia bermaksud tujuan di sebalik penciptaan syariah secara keseluruhannya dan di sebalik setiap hukum secara terperinci di dalam kehendak syariah. Konsep asas terhadap pembinaan sesuatu *maqasid syariah* itu adalah justifikasi hukum (*ta’lil al-ahkam*) (Al-Badwai, 2000). Justifikasi hukum ini perlu untuk mencapai tujuan syariah samada secara umum mahupun secara khusus iaitu membawa kemaslahatan dan menolak kerosakan (*jalb al-maslahah wa daf’ al-mafsadah*). Penulisan awal mengenai persoalan *maqasid syariah* ini dapat dilihat dari penulisan Imam Al-Ghazali sekitar tahun 499 Hijrah atau 1106 Masihi dalam kitabnya “*Al-Mustasfa*” yang menghuraikan maksud kemaslahatan. Permulaannya Al-Ghazali membincangkan konsep asal kebaikan yang disebut “*al-maslahah*”, bermaksud memperoleh faedah dan terlepas daripada kemudaratan Al-Ghazali (505H). Bagaimanapun, Al-Ghazali memaksudkan konsep asal ini bukanlah bertumpu kepada objektif makhluk semata-mata, tetapi lebih kepada menjaga objektif syarak dalam mencipta syariah. Objektif-objektif tersebut adalah menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga

harta. Ringkasnya, apa sahaja yang menjamin kelangsungan lima perkara ini dikira sebagai *masalah* dan setiap yang mengancamnya dikira sebagai *mafsadah* (Al-Ghazali, 505H).

Imam Al-Syatibi dalam bukunya yang bertajuk "*al-Muwafaqah*" lebih menegaskan kepada kebaikan yang hakiki dan sebenar (Al-Syatibi, 2001). Ia ditegaskan sebagai sesuatu yang mampu menegakkan hidup dan bukannya menyebabkan keruntuhan dan yang mampu meraih keuntungan serta mencapai kejayaan dalam hidup akhirat. Ringkasnya, ia bukan sekali-kali nafsu pencapaian kebaikan biasa atau penolakan terhadap keburukan biasa kerana syariah datang dengan tujuan untuk melepaskan manusia daripada kongkongan hawa nafsu yang tidak terbatas agar dia menjadi hamba Allah yang berjaya (*falah*) (Al-Syatibi, 2001). Adalah tidak boleh berkompromi dengan kehendak hawa nafsu dalam menentukan jalan hidup atau dalam melihat hidup ini melalui perancangan jangka pendek semata-mata (Al-Syatibi, 2001).. Apa yang penting bagi syariah ialah perkara yang lebih besar iaitu kebaikan yang boleh menunjangi agama dan hidup, bukannya semata-mata untuk memenuhi hawa nafsu. Imam Al-Syatibi (2001) menyatakan bahawa maqasid syariah secara amnya adalah setiap hukum yang berlegar pada orang yang dikenakan syarak dalam setiap keadaan ataupun hal, baik perkataan, perbuatan, mahupun niatnya. Imam Syatibi (2001) menjelaskan bahawa tujuan maqasid syariah secara keseluruhannya adalah untuk menjaga undang-undang alam ini dengan mengutamakan kemaslahatan dan menolak kerosakan. Hasil daripada ijtihad para mujtahid yang memperbahaskan ilmu maqasid syariah ini maka mereka berpendapat bahawa terdapat tiga situasi masalah iaitu masalah daruriyyat, masalah hajiyyat, dan masalah tahsiniyyat. Secara umumnya, yang dimaksudkan dengan kepentingan hidup itu ialah sesuatu yang menjadi asas kepada penerusan hidup itu sendiri; samada yang menjadikan manusia akan merana atau akan binasa. Ia terkandung dalam lima perkara yang telah dikatakan sebelum ini iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Berhubung dengan keperluan hidup pula, ia merupakan apa-apa keperluan yang bertujuan untuk melegakan suasana hidup dan menghapuskan rasa sempit dan serba salah. Tanpanya, kehidupan akan menjadi susah dan tidak selesa. Akan tetapi, ia boleh terus berpanjangan dan tidak memudaratkan seseorang. Sementara itu, kemewahan hidup pula bersifat nilai tambah yang tidak menyentuh soal keperluan apa lagi kepentingan hidup. Ia tidak bersifat penting atau perlu tetapi hanya lebih elok lagi nilai pencapaian atau lebih melicinkan lagi cara atau kaedah yang digunakan. Ekoran hal ini, syariah mengandungi jaminan terhadap kepentingan asas (*al-dharuriyyah*), keperluan biasa (*al-hajiyyah*) dan keperluan ketinggian mutu (*al-tahsiniyyah*). Kepentingan-kepentingan yang utama termasuklah dalam jaminan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesimpulannya, kepentingan yang asas (*al-dharuriyyah*) bertujuan untuk menjaga kepentingan hidup manakala keperluan biasa (*al-*

hajiyah) bertujuan untuk menjaga keperluan hidup. Seterusnya, keperluan ketinggian mutu (*al-tahsiniyyah*) pula bertujuan untuk menjaga kemewahan hidup (Al-Syatibi, 2001).

Pada awal pengenalan konsep *maqasid syariah* ini, masih tiada lagi definisi yang jelas sehinggalah pada penulisan fuqaha mutakhir seperti Ibn 'Asyur yang telah membahagikan *maqasid syariah* ini kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan objektif khusus (Ibn 'Asyur, 1945). Berdasarkan kepada pembahagian ini beliau mendefinisikan objektif umum (*maqasid 'ammah*) sebagai objektif yang merangkumi keseluruhan hukum yang terdapat dalam syariah tersebut, manakala objektif khusus (*maqasid khassah*) ialah merealisasikan objektif umum tersebut dalam perbuatan manusia tertentu. Seterusnya, beliau menggariskan beberapa contoh objektif umum tersebut seperti mencari kebaikan dan menolak keburukan, mengawal ketertiban umum, menghapuskan diskriminasi dalam masyarakat, menjadikan syariah sebagai sesuatu yang hebat dan menjadikan umat Islam sebagai umat yang dihormati (Ibn 'Asyur, 1945). Sebaliknya, contoh bagi objektif khusus dalam muamalat masyarakat adalah seperti menjamin hutang melalui gadaian, memperkenalkan *syirkah* bagi mewujudkan kekuatan modal, menggalakkan penerimaan simpanan amanah melalui *wadi'ah* dan sebagainya (Ibn 'Asyur, 1945). Dalam konteks perakaunan pula, bolehlah dikatakan bahawa objektif umum itu adalah dengan mengadakan satu bentuk perakaunan Islam yang adil, tepat dan bersesuaian dengan kehendak wahyu manakala dari segi objektif khusus pula adalah dengan membentuk satu sistem perakaunan yang bernilai tambah yang membincangkan juga tentang keperluan laporan yang bukan kewangan berteraskan amanah kepada Allah SWT di atas dasar tauhid.

Perbincangan seterusnya dilanjutkan oleh al-Fassyi yang menerangkan tentang definisi *maqasid syariah* ini dalam bentuk yang lebih ringkas yang menjurus kepada kesempurnaan atau idealistik kepada syariah dan rahsia disebalik ketentuan setiap hukumnya (Fassyi, t.t). Beliau memperjelaskan kedua-dua bahagian *maqasid* tersebut iaitu objektif umum (*maqasid 'ammah*) dan objektif khusus (*maqasid khassah*). Pandangannya menjurus kepada idealisme syariat itu sendiri dan rahsia disebalik ketentuan setiap hukum didalamnya (Fassyi, t.t). Objektif umum berhubung syariat Islam adalah sesuatu yang memakmurkan dunia ini, menjaga sistem hidup bersama di dalamnya, mengekalkan keadaan baik di dunia ini dengan melakukan pembaikan sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi (Fassyi, t.t). Ringkasnya, *maqasid syariah* adalah matlamat yang ditentukan oleh syariah untuk dicapai bagi kepentingan manusia.


Seterusnya, Al-Raisuni (1995) pula menyimpulkan erti kesempurnaan kepada syariah itu adalah objektif umum manakala rahsia di sebalik ketentuan hukum itu adalah objektif khusus. Oleh itu, untuk memurnikan lagi hal ini, Al-Raisuni mencadangkan bahawa *maqasid syariah*

atau objektifnya dipecahkan kepada tiga iaitu *maqasid 'ammah*, *maqasid khassah* dan *maqasid juz'iyah* (Raisuni, 1995). *Maqasid 'Ammah* bermaksud objektif umum yang diambil kira oleh syariah dalam menentukan hukum di dalamnya. Ia sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn 'Asyur dan al-Fassyi dalam huraian di atas. Selanjutnya, *Maqasid Khassah* bermaksud objektif khusus yang ingin direalisasikan oleh syariah dalam bidang-bidang tertentu seperti perakaunan, perundangan, ekonomi, kewangan, pendidikan dan sebagainya. Sebaliknya, *Maqasid Juz'iyah* pula merupakan objektif yang lebih khusus atau objektif cabang. Iaitu yang diinginkan untuk direalisasikan oleh syariah dalam setiap hukum tertentu sama ada bersifat taklifi (Wajib, Sunat, Harus, Makruh, Haram) dan wadh'ie (sebab, syarat, penghalang dan sebagainya). Inilah kategori yang menjadi tumpuan fuqaha yang menjadi pakar bidang tertentu yang lebih mengetahui keperluan dalam kes-kes tertentu seperti keperluan bagi perakaunan Islam, pengurusan harta faraid, pengurusan wakaf dan sebagainya.

Dalam konteks perakaunan Islam pula, ketiga-tiga tahap kepentingan ini boleh ditafsirkan kepada maklumat-maklumat yang akan didedahkan dalam pelaporan sama ada ia mendatangkan manfaat atau pun mudarat kepada masyarakat dan bukannya kepada aspek kewangan semata-mata. Hal ini penting agar tidak disalah tafsir oleh pihak-pihak tertentu yang beranggapan bahawa *maqasid syariah* dalam konteks perakaunan ini adalah sesuatu objek yang dibincangkan sama ada halal atau haram seperti isu riba dan bukannya kepada butiran-butiran laporan kewangan itu sendiri.

Seterusnya, dalam membincangkan isu *maqasid syariah* dalam konteks perakaunan, perbincangan sewajarnya dimulakan dengan *maqasid 'ammah*. Berhubung dengan hal ini, ia adalah berkaitan dengan konsep-konsep asas syariah yang melibatkan *fiqh al-awlawiyyat*, *qawaid fiqhiyyah* dan *usul fiqh*.

Gambarajah 6.4: Maqasid Syariah Berkaitan Perakaunan



Fiqh al-Awlawiyyat adalah meletakkan sesuatu gabungan yang terdiri daripada hukum, pendirian dan gerak kerja pada susunan yang betul dengan adil. Ia mengutamakan perkara yang paling utama daripada perkara yang utama dengan mengutamakan sesuatu perkara mengikut prinsip syariah Islam sebenar melalui cahaya wahyu dan akal (Qardhawi, 2001). Ia tidak meletakkan perkara yang tidak penting melebihi perkara yang penting. Dengan kata lain, ia memberi keutamaan kepada perkara yang terpenting. Tambahan lagi, ia tidak menjadikan perkara yang lemah itu kuat bagi membolehkan keutamaan diberikan pada perkara yang kuat. Begitu juga ia hanya meletakkan kelebihan kepada perkara yang mempunyai kelebihan lebih-lebih lagi kepada yang banyak kelebihan (Qardhawi, 2001). Asas *fiqh al-awlawiyyat* adalah meletakkan perbezaan antara pendirian, hukum, gerak kerja dan tanggungjawab mengikut susunan yang ditentukan oleh syariat Islam. Semua perkara ini tidak berada pada susunan yang sama kerana setiap daripadanya terdiri daripada perkara besar dan kecil, ataupun perkara asal ataupun cabang daripada perkara asal (Qardhawi, 2001).

Qawaid Fiqhiyyah pula adalah kaedah-kaedah fiqh yang bermaksud prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek yang mengandungi hukum-hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya (Nadwi, 1998). Ia juga boleh dimaksudkan sebagai asas-asas atau pokok-pokok fiqh yang bersifat keseluruhan (*kulli*) dalam bentuk nas-nas atau teks-teks perundangan yang ringkas yang merangkumi hukum-hukum yang disyariatkan secara umum mengenai perkara-perkara yang tergolong di dalam lingkungannya (Zarqa', 1998). Menurut Mazhab Shafie, kaedah fiqh ini boleh dibahagikan kepada lima yang umum iaitu; niat adalah asas kepada setiap amalan, bahaya mesti dihapuskan, keyakinan tidak

hilang dengan syak, kesusahan membawa kepada kesenangan dan adat menjadi hukum (Al-Sayuti, 1992).

Usul Fiqh pula adalah ilmu yang membahaskan tentang kaedah-kaedah yang digunakan oleh para mujtahid untuk mengeluarkan hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan *mukallaf* daripada dalil-dalil yang *tafsili* (terperinci) (Zaydan, 1987). Selain daripada itu, ia juga boleh dimaksudkan sebagai kaedah-kaedah yang digunakan oleh mujtahid untuk mengeluarkan hukum syarak berbentuk praktikal daripada dalil yang bersifat *tafsili*. Dalil *tafsili* yang dimaksudkan dalam pengertian tersebut ialah dalil-dalil *juzi'* yang berkaitan dengan masalah-masalah tertentu yang dinaskan sebagai hukum yang tertentu, baik dalil Al-Quran, hadis atau ijmak (Badran, t.t.).


Berhubung dengan *maqasid khassah* dan *maqasid juz'iyah* ini, ia adalah sesuatu yang bersangkutan terus dengan ilmu dari disiplin berkenaan dan akan dihuraikan dengan panjang lebar apabila dibahaskan tentang keperluan mengenai perakaunan Islam ini dalam bahagian-bahagian tertentu selepas ini.

6.3 Teori Pemilikan Menurut Syariah Islam

Pemilikan bererti penguasaan ke atas sesuatu benda. Penguasaan dan hak mentadbir tersebut boleh berlaku ke atas *'ain* (zat harta itu sendiri) dan manfaatnya atau berlaku ke atas salah satu daripadanya, iaitu sama ada zat atau manfaatnya sahaja (Mahran, 1983; Zaydan, 2001; Zuhayli, 2004).

Penjenisan pemilikan dari segi syarak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang utama iaitu pemilikan yang tidak sempurna dan pemilikan yang sempurna. Pemilikan sempurna dikenali sebagai *al-milk al-tam* manakala pemilikan tidak sempurna dikenali pula sebagai *al-milk al-naqis*. Pemilikan sempurna bermaksud memiliki zat dan manfaat sesuatu benda dan mengikut istilah fuqaha bermaksud memiliki zat dan manfaat sesuatu benda sekaligus. Pemilikan tidak sempurna bermaksud memiliki salah satu daripada dua unsur dalam sesuatu harta tersebut sama ada zat atau manfaatnya sahaja. Gambaran keseluruhan mengenai semua jenis-jenis pemilikan yang terdapat dalam teori pemilikan ini dapat dilihat dalam Gambarajah 6.5.

Gambarajah 6.5: Pemilikan Harta Dalam Syariat Islam



Pemilikan sempurna bermaksud sesuatu pemilikan yang berlaku terhadap sesuatu zat harta dan manfaat secara keseluruhan sekali. Dalam erti kata lain ia merupakan pemilikan berbentuk sempurna dan kuasa penuh terhadap harta dan faedahnya secara serentak. Pemilik harta bagi milik sempurna ini diberi kuasa dan kebebasan mengguna, menanam modal, memaju atau melabur dan mentadbir harta yang dimiliki sesuka hatinya. Dia boleh menjual, menghibah, mewakaf atau mewasiatkannya serta boleh memberi pinjaman atau sewa (Al-Zuhayli, 1999).

6.3.1 Ciri-ciri Pemilikan Sempurna

- a. Pemilikan sempurna bersifat kekal dan tidak ada jangka masa tamat, kecuali pemiliknya sendiri ingin menamatkan pemilikannya itu. Terdapat berbagai-bagai cara, yang membolehkan seseorang itu melupuskan hak miliknya. Umpamanya dengan memindahkan hak milik kepada orang lain melalui penjualan atau memberikannya kepada orang lain.
- b. Pemilik mempunyai kuasa penuh ke atas harta yang dimilikinya. Dia boleh melakukan apa sahaja terhadap hartanya itu sama ada dengan cara menggunakan sendiri atau mendapatkan keuntungan daripadanya.

- c. Pemilik tidak akan membayar sebarang gantirugi sekiranya berlaku kerosakan atau dia sendiri merosakkan hartanya itu. Ini kerana tidak ada guna seseorang itu membayar gantirugi kepada dirinya sendiri. Walau bagaimanapun dia mungkin boleh dikenakan tindakan atau hukuman lain atas perbuatannya itu sekiranya yang dirosakkan atau dimusnahkan itu ialah binatang. Dia juga boleh ditahan daripada mengurus hartanya jika dia menampakkan kebodohan dalam membelanjakan harta tersebut.

Mengikut perundangan Islam, kebanyakan fuqaha berpendapat bahawa sesuatu pemilikan sempurna itu dapat diperolehi dengan beberapa sebab yang utama. Sebab-sebab pemilikan sempurna yang tersebut itu ialah:

- a. Penguasaan ke atas harta yang harus (istila' 'ala al-mubah)
- b. Akad pemindahan pemilikan (al-'uqud al-naqilah)
- c. Penggantian (al-khalfiyah)
- d. Kelahiran dari pemilikan asal (al-taulid min asli al-milkiyyah)

Di samping itu, terdapat juga pendapat lain khususnya dalam kalangan ulama Hanafi yang menambah satu lagi sebab yang boleh disabitkan dengan pemilikan sempurna sesuatu harta itu iaitu melalui *syuf'ah* (Zuhayli, 2004).

6.3.1.1 Penguasaan Ke Atas Harta Yang Harus (Al-Mal Al-Mubah)

Penguasaan ke atas harta yang harus (al-mal al-mubah) boleh berlaku apabila seseorang memiliki harta yang tidak dimiliki oleh sesiapa dan tidak ada halangan syarak untuk memilikinya. Penguasaan terhadap sesuatu benda yang diharuskan serta dapat dimiliki tersebut boleh berlaku terhadap sesuatu harta dan barangan yang belum ditetapkan menjadi hak milik sesiapa pun sebelumnya. Selain itu, ia dikenali dengan pemilikan awal atau asal berdasarkan ketetapan dan dasar kaedah yang bermaksud sesiapa yang lebih dahulu menguasai harta yang harus, ia menjadi miliknya. Penguasaan harta yang harus ini hanya akan berlaku dengan cara amali bukannya dengan lafaz atau kata-kata akad. Oleh yang demikian, ia tidak dapat terlaksana dengan hanya berkontrak sahaja atau mengadakan perjanjian sesama manusia.

Syariat Islam mengiktiraf empat cara dalam pemilikan harta jenis ini (Zaydan, 2001). Cara-cara tersebut ialah:

- i. Menghidupkan tanah yang mati (*ihya' al-mawat*).

- ii. Pemburuan atau (*al-istiyad*) sama ada di darat, laut atau udara.
- iii. Penguasaan mineral dan harta karun (*istila' 'ala al-ma'adin wa al-kunuz*).
- iv. Penguasaan rumput dan tumbuhan hutan (*istila' 'ala al-kala' wa al-ajam*).

6.3.1.2 Akad Pemindahan Pemilikan

Kebanyakan sebab pemilikan sempurna yang berlaku pada masa kini, lazimnya tergolong dalam jenis ini. Akad pemindahan pemilikan atau (*al-'uqud al-naqilah*) ini terjadi apabila berlakunya akad yang memindahkan hak milik daripada seorang kepada seorang yang lain (Zuhayli, 2004). Terdapat pelbagai akad pemindahan pemilikan, antaranya ialah akad jual beli, sewaan, hibah, wasiat dan lain-lain lagi. Akad-akad yang memindahkan hak milik hanya boleh berlaku pada harta yang sudah dimiliki secara sah dan tidak akan berlaku pada harta harus yang belum dimiliki oleh sesiapa. Akad juga tidak berlaku pada harta yang dimiliki secara tidak sah di sisi syarak. Oleh sebab itu, seseorang tidak boleh melakukan sebarang akad pada sesuatu yang belum dimilikinya atau masih bersifat sebagai harta harus. Umpamanya dia ingin melakukan akad pada burung yang masih berterbangan di udara atau ikan yang masih berada di dalam laut dan sebagainya. Akad juga tidak boleh dilakukan pada sesuatu yang dimiliki secara tidak sah disisi syarak, seperti arak kerana arak adalah suatu yang haram dimiliki dan dimanfaatkan di sisi syarak.

6.3.1.3 Penggantian (*khalfiyah*)

Penggantian (*khalfiyah*) ini boleh berlaku dengan menggantikan sesuatu pada tempat sesuatu yang lain (*tadmin/ta'wid*) atau menggantikan pemilik pada barang yang dimiliki (*mirath*) (Mahran, 1983).

Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu:

- i. Menerusi perwarisan
Ini berlaku apabila seseorang menggantikan serta memberikan pemilikan yang ada padanya kepada orang lain. Seorang yang mewarisi harta pusaka memiliki harta tersebut secara sepenuhnya dan berhak ke atas harta tersebut secara mutlak. Apabila seseorang meninggal dunia maka harta ini akan berpindah milik pula kepada keluarga yang menjadi warisnya mengikut hukum syarak selepas ditolak segala hutangnya atau wasiat yang diwasiatkannya. Proses tersebut berlaku dalam kes perwarisan harta pusaka yang dimiliki oleh seseorang kepada ahli waris yang berhak menerimanya. Sebagai contoh waris yang menerima harta pusaka peninggalan harta si mati.
- ii. Menerusi pampasan, jaminan atau gantirugi

lanya terjadi apabila seseorang menggantikan harta kepunyaan orang lain yang telah dirosakkannya sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Sebagai contoh seseorang merosakkan atau mencederakan harta milik orang lain seperti ternakan, tanaman, kenderaan atau sebagainya. Oleh itu, dia terpaksa membayar atau menggantikan sejumlah tertentu ekoran kerosakan dan kecederaan tersebut. Pada waktu tersebut, seseorang yang dcederakan atau dirosakkan hartanya dapat memiliki bayaran atau apa-apa harta sebagai gantirugi dan jaminannya.

6.3.1.4 Berkembang Daripada Pemilikan

Kelahiran dari pemilikan asal atau *al-taulid min asli al-milkiyyah* berlaku akibat berkembangnya harta yang telah dimiliki dan ia menjadi milik pemilik harta yang asal tersebut. Sebagai contoh, buah-buahan yang tumbuh di atas pokok yang dimiliki oleh seseorang penanam adalah harta miliknya yang sempurna. Begitu juga dengan anak-anak binatang ternakan yang lahir dari ibunya yang dimiliki oleh pemilik berkenaan. Ini disebabkan pemilik keatas sesuatu harta asal adalah juga menjadi pemilik ke atas sesuatu harta cabang. Ia tidak mengambil kira sama ada pertambahan itu terhasil kerana perbuatan pemilik itu ataupun kerana mengikut proses tabii dan kejadian (Zuhayli, 2004).

6.3.1.5 Syuf'ah

Syuf'ah dari segi bahasa ialah himpun dan dari segi istilah syarak ialah pertukaran pembelian dengan membayar harga barang kepada pemiliknya, sesuai dengan nilai yang biasa dibayar oleh pembeli lain. Jika seseorang menjual rumahnya kepada seseorang yang bukan jirannya dan kemudian jirannya mahu memiliki pembelian tersebut, jiran itu dibolehkan membeli daripada pembeli tersebut walaupun secara paksa (hak *Syuf'ah*). Hak *Syuf'ah* ini didasarkan kepada maksud Hadis berikut:

Dari Jabir r.a. bahawa Rasulullah saw. bersabda, "Barangsiapa mempunyai (kebun) kurma, atau sebidang tanah, maka ia tidak boleh menjualnya sebelum menawarkannya kepada rakan sekongsinya."

(HR. Ibnu Majah, 2021; HR. Nasa'i, 319)

Secara umumnya, ia hanya berlaku ke atas sesuatu harta tak alih (*'aqar*) sahaja. Kadar yang ditetapkan itu adalah nilai dan kos harta *syuf'ah* tersebut. Ia bermaksud bahawa harga yang telah dibayar oleh rakan kongsi baru untuk mendapatkan harta *syuf'ah* tersebut.

Walau bagaimanapun, ada fuqaha khususnya selain dari Mazhab Hanafi yang menganggap bahawa pemilikan secara *syuf'ah* termasuk dalam sebab yang kedua iaitu sebahagian daripada akad-akad pemindahan pemilikan (al-Zuhayli, 1999).

6.3.2 Pemilikan Tidak Sempurna

Sesuatu pemilikan tidak sempurna terhadap sesuatu harta boleh berlaku dalam salah satu daripada dua keadaan iaitu melalui penguasaan zatnya ataupun penguasaan manfaatnya sahaja, tetapi bukan kedua-duanya secara serentak. Contohnya dalam keadaan ini ialah apabila seseorang yang berkuasa terhadap hartanya tidak dapat menggunakan harta tersebut kerana manfaatnya dimiliki serta dibawah kendalian orang lain, seperti dia menyewa, meminjam atau mewakafkan harta tersebut. Menurut al-Zuhayli (1999), pemilikan tidak sempurna bermaksud seseorang itu memiliki salah satu daripada tiga perkara ini iaitu sama ada:

- a. Pemilikan zat harta itu sahaja (*al-milkiyyah al-raqabah*).
- b. Pemilikan manfaat peribadi sahaja (*haq al-intifa'*).
- c. Pemilikan manfaat zat sahaja (*haq al-irtifaq*).

6.3.2.1 Pemilikan Zat Harta Itu Sahaja (Al-Milkiyyah Al-Raqabah)

Pemilikan zat harta sahaja bermaksud seseorang itu memiliki zat sesuatu benda atau fizikalnya sahaja, bukan manfaatnya sekali kerana ia memberikan hak tersebut kepada orang lain. Namun begitu, haknya ke atas benda tersebut kekal terhadap pemiliknya yang asal. Akan tetapi, ia tidak berhak menggunakan dan memanfaatkan benda tersebut selagi manfaat benda itu dimiliki oleh orang lain (Zuhayli, 2004).

Pemilikan dalam konteks ini terdapat dalam banyak bentuk. Contohnya ialah wasiat yang diberikan kepada seseorang supaya mendiami rumah tertentu atau mengusahakan tanah tertentu selama beberapa tahun. Selain daripada itu, ia juga boleh berlaku keatas sewaan yang diberikan oleh pemilik harta kepada penyewa secara bertempoh. Biarpun pemilikan hak terhadap zat atau fizikal sesuatu harta diklasifikasikan sebagai pemilikan tidak sempurna, namun begitu ia boleh berubah menjadi pemilikan sempurna apabila manfaat yang dimiliki oleh orang lain tamat tempohnya. Contohnya, tamat tempoh wasiat tersebut ataupun tamatnya tempoh sewaan yang diberikan itu. Hal ini adalah kerana selalunya pemilikan sudut faedah dan manfaat sesuatu harta hanya bersifat sementara sahaja.

6.3.2.2 Pemilikan Manfaat Peribadi (Haq Al-Intifa')

Pemilikan manfaat peribadi sahaja bermaksud pemilikan yang dikhususkan kepada individu tertentu dengan sebab-sebab tertentu sahaja. Ini bermaksud seseorang individu hanya berhak untuk mengambil manfaat atau faedah sahaja dan bukannya mengambil zat atau harta tersebut secara langsung. Dengan lain perkataan, individu-individu berkenaan berhak

memanfaatkan harta yang dikhususkan kepadanya walaupun harta itu sendiri secara fizikalnya milik orang lain.

Ia dikenali juga dengan memiliki manfaat secara peribadi atau hak mengambil manfaat (*milk al-manfaat al-syakhsi*). Sudut bahasa *haq al-intifa'* membawa maksud kuasa menggunakan serta memanfaatkan sesuatu. Sebaliknya dari sudut pengertian istilah pula membawa maksud kuasa memanfaatkan sesuatu yang berada di dalam pemilikan orang lain dan ia berlaku ekoran beberapa faktor yang telah diharuskan di dalam syariah Islam. Dalam pemilikan manfaat peribadi; seseorang individu hanya berhak untuk mengambil manfaat atau faedah sahaja, bukan sudut zat atau harta itu. Sebagai contoh, seseorang mewasiatkan untuk memanfaatkan rumahnya kepada individu tertentu, untuk itu penerima wasiat hanya dapat mengambil faedah daripada rumah tersebut untuk dirinya sahaja. Ia tidak boleh sama sekali membenarkan orang lain turut mengambil faedah daripadanya, sama ada dengan cara menyewakannya atau sebagainya (Zuhayli, 2004). Antara sebab-sebab yang tidak membenarkannya ialah:

- i. Pinjaman (*al-I'arah*) iaitu pemilikan manfaat tanpa apa-apa bayaran tertentu atau secara percuma dengan ketetapan syarat yang dipersetujui. Sebagai contoh, A meminjamkan peralatan untuk digunakan oleh B dalam satu program. Bagaimanapun fuqaha berselisih pendapat sama ada pemilik manfaat boleh meminjamkan kepada pihak ketiga ataupun tidak. Menurut majoriti ulama Hanafi dan Maliki, persetujuan pemilik asal tidak menjadi syarat untuk peminjam meminjamkannya kepada peminjam kedua kerana pemiliknya telah meminjamkan secara ikhlas yang memberikan kuasa penuh kepada peminjam untuk memanfaatkannya dengan apa jua cara tetapi tidak boleh menyewakannya. Sebaliknya menurut Shafie dan Hanbali, peminjam tidak ada kuasa untuk meminjamkannya kepada orang lain kerana konsep peminjaman bukan membolehkan pemilikan secara penuh yang membolehkan peminjam bertindak sesuka hati.
- ii. Sewaan (*al-Ijarah*) iaitu pemberian manfaat dengan bayaran sewa tertentu. Penyewa berhak menggunakan harta yang disewakan mengikut syarat yang dipersetujui. Penyewa sesuatu harta berhak memanfaatkan harta tersebut atau menyewakannya kepada orang lain apabila tiada syarat-syarat tertentu. Bagaimanapun, jika pemilik harta mensyaratkan harta tersebut tidak boleh disewakan kepada orang lain, penyewa tidak boleh berbuat demikian.
- iii. Kebenaran (*al-Ibahah*) iaitu pemberian keizinan kepada orang lain untuk memanfaatkannya. Pemilik harta bertindak memberikan keizinan kepada orang lain

memanfaatkannya. Misalnya pemilik kebun memberi kebenaran kepada jiran-jirannya untuk mengambil buah-buahan di kebunnya. Melalui konsep kebenaran, harta seseorang itu hanya boleh dimanfaatkan oleh orang lain setelah mendapat keizinan daripada pemiliknya. Fuqaha bersepakat bahawa orang yang diberikan kebenaran tidak boleh menggantikan orang lain untuk mengambil manfaat daripada harta yang dibenarkan itu.

- iv. Wakaf iaitu pemilikan manfaat demi kepentingan orang yang memberikannya. Oleh itu, *al-waqf* adalah memberi milik manfaat kepada orang yang menerima manfaat. Apabila sesuatu harta diwakafkan, pemiliknya tiada lagi hak dalam melaksanakan sesuatu akad ke atas harta tersebut.
- v. Wasiat (*al-Wasiah*) ialah memberi manfaat secara sukarela dan percuma kepada penerimanya dan hanya terlaksana bila pemberinya meninggal dunia. Oleh itu, penerima wasiat boleh memanfaatkan harta yang diwasiatkan kepadanya itu mengikut cara dan kehendak wasiat itu sendiri.

6.3.2.3 Pemilikan Manfaat Zat Sahaja (*Haq Al-Irtifaq*)

Pemilikan manfaat zat sahaja bermaksud satu hak yang bersabit keatas harta tak alih (*aqar*) bagi kepentingan harta tak alih yang lain tanpa mengambil kira siapa pemilik harta itu. Mereka yang memiliki harta tersebut berhak mengguna dan mendapatkan kemudahan daripada harta tersebut. Dari sudut bahasa bererti hak pemanfaatan, manakala dari sudut pengertian istilah pula ia membawa maksud hak yang ditetapkan terhadap sesuatu harta tetap dan tidak bergerak untuk mendapat manfaat daripada harta tetap dan tidak bergerak yang lain. Sebagai contoh hak menggunakan jalan untuk sampai ke tanahnya dengan cara memanfaatkan sebahagian tanah milik jirannya yang terletak di hadapan tanahnya sebagai laluan. Ringkasnya, pemilikan tersebut mengiringi zat benda tidak boleh pindah yang dikira milik terbuka. Oleh itu, tiada mana-mana individu tertentu yang boleh membataskannya.

Menurut Al-Zuhaily (2004), jenis pemilikan harta ini termasuklah:

- i. *Haq al-murur* ialah pemberian manfaat menggunakan jalan untuk sampai ke tempat hartanya sendiri dengan melalui kawasan orang lain. Pemanfaatan menggunakan jalan merupakan hak seseorang untuk sampai ke rumah atau tanahnya dengan melalui tanah orang lain. Ia merupakan hak yang diberikan kepada seseorang untuk menggunakan jalan.
- ii. *Haq al-majri* ialah pemberian manfaat untuk mendapatkan sumber air dengan membuat saluran menerusi milik orang lain. Ia bermaksud bahawa setiap orang berhak

untuk mendapatkan air dari terusan bagi sumber pertanian atau sebagainya dengan melalui hak milik orang lain, tanpa tegahan pemilik terlibat. Ringkasnya, pemilik tanah yang hampir dengan sumber air seharusnya memberi laluan kepada pemilik tanah yang jauh daripada saluran tersebut bagi tujuan kemudahan pengairan ke tanahnya.

- iii. *Haq al-syurb* ialah pemberian manfaat bagi mendapatkan sumber air untuk keperluan sendiri, ternakan dan tanaman. Ia merupakan hak seseorang untuk memperolehi air dari tempat-tempat tertentu yang telah tersedia bagi tujuan minum, menyiram tanaman atau bersuci. Air adalah keperluan asas bagi seseorang yang tidak boleh dihalang oleh sesiapa pun. Semua manusia mempunyai hak yang sama bagi mendapatkan kemudahan ini. Oleh itu, *haq al-syurb* merupakan hak yang khusus dalam membicarakan tentang perkara ini.
- iv. *Haq al-masil* pula ialah pemberian hak untuk membuat parit untuk mengalirkan kotoran dan bahan buangan ke tempat pelupusan. Oleh itu, seseorang mempunyai hak untuk menyalurkan bahan kotoran dengan saluran tertentu melalui tanah atau harta milik orang lain. Bagaimanapun, manfaat hak tersebut tidak boleh sama sekali mengganggu kepentingan orang lain. Air kotoran tersebut hendaklah tidak bocor dan banjir serta tidak mengalir ke tempat lain yang akan memberi masalah dan mudarat kepada milik orang lain.
- v. *Haq al-jihar* ialah hak mendapatkan faedah bersama diantara jiran. Terdapat hak kejiranan dalam Islam yang memerlukan mereka saling hormat menghormati diantara sesama mereka. Oleh itu, mereka hendaklah saling bekerjasama, bertanggungjawab, tolong menolong dan meraikan antara satu sama lain. Di antara hak umum hidup berjiran ialah membantu jiran, melawat bila ia sakit, memberi hadiah atau masakan pada ketika yang sesuai dan sebagainya. Ringkasnya, setiap orang perlu menghormati hak-hak kejiranan. Segala perbuatan yang membahayakan jiran dari segi harta, diri, maruah dan agama adalah diharamkan dalam Islam.

Menurut Mahran (1983) faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya *haq al-irtifaq* ialah:

- a. *al-taqadum* iaitu sejak dahulu kala. Kemudahan awam yang memang disediakan dan telah lama menjadi kegunaan orang awam sejak dulu lagi tanpa diketahui sebab dan masa sabit hak, maka hak ini akan dikekalkan sebagai hak awam yang sabit secara sah.
- b. *al-isytirak al-am* iaitu hak milik awam seperti jalan raya dan sungai utama. Harta ini sifatnya sebagai hak milik awam. Tiada siapa yang boleh menghalang orang lain daripada menikmati atau mendapatkan kemudahan tersebut.

- c. *al-isytirak fi al-uqud* iaitu persetujuan dalam perjanjian. Hak untuk menggunakan kemudahan ini telah dijadikan syarat dalam setiap perjanjian yang ada balasan.

6.4 Perhubungan Di Antara MPSAS Dengan Kerangka Kerja Perakaunan Islam

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan tadi, maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa kerangka kerja perakaunan konvensional khususnya yang terdapat dalam MPSAS bukanlah seratus peratus sesuai diaplikasikan dalam aktiviti perakaunan Islam kerana pendekatan kerangka kerja perakaunan Islam adalah jauh berbeza pendekatannya dari pelbagai sudut sepertimana yang ditunjukkan dalam gambarajah 6.2 yang kemudiannya disimpulkan dalam gambarajah 6.6 Walau bagaimanapun jika terdapat mana-mana aktiviti perakaunan yang belum lagi dapat dikenal pasti dengan jelas dalam perakaunan Islam, maka sebahagian pendekatan daripada perenggan tertentu dalam MPSAS tersebut boleh diterima pakai, asalkan ia dapat membawa kepada kemaslahatan dan menolak kemudaratan sebagaimana yang dikehendaki dalam konsep *maqasid syariah* dan tidak bercanggah pula dengan falsafah perakaunan Islam. Jika dalam dasar Islam telah ditentukan dengan jelas, maka hal tersebut hendaklah diterima tanpa perlu dihujahkan dari segi rasional keduniaan yang bercirikan material dan ekonomi. Hal ini bertepatan dengan konsep dalam kaedah fiqh yang dikenali sebagai *al-'adat muhakkamah* (adat kebiasaan dapat dijadikan hukum). Al-Qadi Husain mengatakan bahawa dalil bagi kaedah ini adalah dari hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Apa yang dipandang baik oleh kaum muslimin adalah baik pula menurut Allah.”

(HR. Al-Bukhari, 9/117; HR. Al-Muslim, 412)

Hal ini dijelaskan oleh Iman al-Sayuti bahawa dalam kajian fiqh, banyak sekali masalah yang rujukannya diatas asas tradisi dan kebiasaan seperti masalah haid, perbuatan-perbuatan yang membatalkan solat, najis yang dimaafkan kerana sedikit, jarak di antara *ijab* dan *qabul*, penangguhan dalam hal memulangkan semula barang kerosakan dan sebagainya (Al-Sayuti, 1992). Dengan demikian, persoalan perakaunan Islam yang perlu diasaskan terhadap kaedah ini pun mempunyai persamaan dari segi konsepnya walaupun dalam persekitaran yang lain. Oleh yang demikian, peruntukan yang sedia ada dalam MPSAS boleh diterima pakai jika termasuk dalam situasi ini.

Gambarajah 6.6: Perhubungan MPSAS Dengan Kerangka Kerja Islam



Ini adalah berdasarkan kepada kaedah “*al-Masyaqah Tajlibu al-Taisiir*” yang bermaksud kesulitan membawa kemudahan (Al-Sayuti, 1992). Kaedah ini adalah berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu”.

(QS Al-Baqarah 2: 185)

Juga firman Allah yang bermaksud:

“Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan”.

(QS Al-Hajj 22: 78)

Imam Hambali dalam musnadnya (Musnad Ahmad) sebuah hadis daripada Ibn Abbas, yang bermaksud

“Ditanya: Wahai Rasulullah s.a.w., agama mana yang paling dicintai oleh Allah? Baginda menjawab: Yang bersifat cenderung kepada kebenaran dan toleran.”

(HR. Al-Bukhari, 287)

Imam Bukhari dan Muslim serta yang lain meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah yang bermaksud:

“Sesungguhnya kamu diutus sebagai orang-orang yang memudahkan,
dan tidak diutus sebagai orang-orang yang menyulitkan.”

(HR. Al-Bukhari, 220 & 6128)

Sementara itu, Imam Ahmad pula meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah yang bermaksud:

“Rasulullah s.a.w. bersabda, sesungguhnya agama Allah itu mudah,
...sesungguhnya agama Allah itu mudah.... sesungguhnya agama Allah
itu mudah.”

(Imam Asqalani – dalam kitab “Fath al-Bari (1 / 94))

Sementara itu, Ibn Murdawaih meriwayatkan daripada hadis Mahjan Ibn al-Aura’ secara *marfu’* sebagai berikut, “Sesungguhnya dengan agama ini Allah hanya menghendaki kemudahan dan tidak berkehendak menerapkan kesulitan pada mereka.” (Al-Sayuti, 1992).

Imam Bukhari dan Muslim serta yang lain meriwayatkan hadis daripada ‘A’isyah (R.A) yang bermaksud:

“Rasulullah s.a.w. tidak pernah diminta memilih di antara dua hal, kecuali baginda memilih yang termudah selama tidak merupakan dosa.”

(HR. Al-Bukhari dan Al-Muslim)

Ulama mengatakan bahawa daripada kaedah inilah *rukhsah* dan *takhfif* iaitu keringanan atas sesuatu sebab terbentuk daripada Syariat Islam (Al-Sayuti, 1992). Sebab-sebab *takhfif* dalam ibadat ada tujuh iaitu:

- Safar (perjalanan jauh).
Rukhsah yang khusus berlaku kerana perjalanan jauh, iaitu sembahyang qasar, membatalkan puasa dan mengusap *khuf* lebih daripada satu hari satu malam. Kata al-Ghazali: “jika seseorang memiliki beberapa orang isteri dan berkehendak melakukan safar, maka dia boleh mengundi dan memilih isteri yang keluar undiannya. Dalam hal ini dia tidak harus mengqadha isteri-isterinya yang lain setelah dia kembali. Persoalannya, adakah hal itu khusus untuk perjalanan jauh? Ada dua pendapat. Pendapat yang lebih sahih menyebutkan, tidak khusus.
- Sakit
Bentuk *rukhsah*nya sangat banyak, iaitu tayamum sewaktu sukar menggunakan air, duduk sewaktu solat, khutbah dengan duduk sahaja dan sebagainya.
- Dipaksa
- Lupa

- Tidak tahu
- Terkongkong dalam kesulitan

Terkongkong adalah seperti solat dengan najis, misalnya darah bisul dan nanah yang masih keluar ketika solat atau solat pada tempat yang berkemungkinan najis seperti tepi tandas kerana tempat lain telah penuh ataupun debu jalanan, kotaran burung atau cicak di tepi ruang solat masjid. Termasuk yang dimaafkan ialah najis yang tidak terlihat oleh mata, haiwan yang memiliki darah yang mengalir atau air liur orang yang tidur dan juga perkongsian mesin basuh layan diri di tempat-tempat awam.

- Kekurangan

Ini salah satu jenis kesulitan kerana watak manusia selalu menginginkan kesempurnaan atau kelengkapan, sehingga tepat sekali adanya pemberian keringanannya.

Sebaliknya, dalam mempertimbangkan kaedah pelaporan perakaunan secara menyeluruh mengikut kerangka kerja perakaunan Islam, kaedah pelaporan bukan hanya tertumpu kepada laporan kewangan semata-mata tetapi juga kepada laporan pertambahan nilai (*value added reporting*). Hal ini bertepatan dengan kaedah pecahan dari segi kaedah fiqh di bawah ini.


Dalam bab kaedah-kaedah keseluruhan (*kulliyah*) yang menjadi tumpuan bentuk-bentuk pecahan (*juz'iyah*) yang salah satunya berbunyi "*Ma kana aktharu fi'lan, kana aktharu fadhlan*", bermaksud "apa yang lebih banyak perbuatannya, lebih banyak keutamaannya" (Al-Sayuti, 1992). Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW., "Pahalamu adalah menurut kadar susah payahmu" (Riwayat Muslim) seperti contohnya solat sunat berdiri lebih baik dari solat duduk ataupun solat berjemaah sekali lebih baik dari solat 27 kali bersendirian (Al-Sayuti, 1992). Tambahan lagi, kaedah ini disokong oleh satu lagi kaedah pecahan fiqh yang seterusnya ini, iaitu yang berbunyi "*al-Muta'da afdhalu mina qasiri*", bermaksud "amal yang mempunyai impak positif yang luas lebih utama daripada amal yang mempunyai impak yang terbatas". Hal ini dapat dilihat dalam contoh-contoh yang dibawa oleh Imam al-Sayuti seperti Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa, amalan yang terbaik adalah berselawat. Oleh itu, Rasulullah SAW benar-benar mendahulukan tasbih selepas solat daripada bersedekah atau sesiapa yang melakukan fardu kifayah mempunyai kelebihan berbanding orang yang melakukan fardu 'ain, kerana dia telah menggugurkan dosa umat Islam. Oleh yang demikian, menyediakan laporan perakaunan sehingga ke tahap Laporan pertambahan nilai adalah sesuatu yang selari dengan kehendak fiqh.

6.5 Mekanisme Perakaunan

Mekanisme perakaunan pada tahap ketiga ini adalah kesinambungan daripada tahap satu dan tahap dua dalam cadangan KKPI yang telah dibincangkan di Fasa 1 kajian. Di antara dapatan dalam Fasa 1 yang telah dibincangkan ialah berkenaan perkara-perkara asas seperti tauhid yang mendasari KKPI, konsep, prinsip dan objektif dalam perakaunan Islam (rujuk gambarajah 6.7). KKPI ini juga dibangunkan dengan merujuk kepada Maqasid Syariah yang menjadi tunjang kepada pengukuhan pada tahap ketiga kerangka kerja iaitu pembentukan mekanisme perakaunan.

Gambarajah 6.8 di bawah menunjukkan mekanisme perakaunan pada tahap ketiga dalam cadangan Kerangka Kerja Perakaunan Islam. Gambarajah ini adalah hasil daripada dapatan kajian pada Fasa 1. Ia merupakan peringkat operasi dan adalah lanjutan dari tahap dua. Memandangkan kajian dalam Fasa 2 memberi tumpuan pada aset, maka penyelidikan akan membuat perbincangan berkaitan aset sahaja. Hal ini adalah sebahagian daripada persoalan *maqasid al-juzi'yyah* sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Gambarajah 6.7 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam



Gambarajah 6.8: Mekanisme Perakaunan



6.5.1 Definisi Aset

Menurut dapatan kajian aset adalah harta bernilai yang dimiliki yang diperolehi dengan cara yang sah dan mempunyai manfaat. Di sini jelas sekali menunjukkan bahawa aset mempunyai dua sifat yang penting iaitu mempunyai nilai dan manfaat. Nilai pula bermaksud benda yang boleh dijual beli dan disabitkan dengan “*al-daman*” iaitu gantirugi keatas sesiapa yang merosakkannya samada ianya sedikit ataupun banyak. Sifat kedua adalah manfaat iaitu manusia boleh mendapatkan manfaat atau dengan kata lain kalau sesuatu benda itu tidak boleh mendatangkan manfaat kepada manusia maka dia bukanlah harta. Selari dengan tafsiran harta mengikut pandangan Imam Al-Sayuti dan ulamak mutakhir seperti Wahbah Al Zuhaily dan Dr Mustofa Al Khin, Dr Mustofa Al Bugho serta Ali Asy Syarbaji, harta adalah sesuatu yang mempunyai nilai yang boleh dijual dan sekiranya dirosakkan maka diwajibkan gantirugi. Kajian menunjukkan bahawa aset dalam perakaunan bertepatan dengan definisi harta dalam Islam. Maka penyelidik akan menggunakan konsep itu secara timbal balik.

Amat jelas bahawa aset menurut pandangan Islam berbeza dengan pandangan konvensional. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aset dalam Islam adalah lebih luas. Maksudnya harta atau aset perlu berlandaskan konsep dan prinsip Islam. Jadual di bawah menunjukkan prinsip dan konsep yang timbul dari data. Konsep yang dinyatakan adalah lebih holistik dan tidak terbatas kepada kehendak ekonomi. Analisis dari data menunjukkan bahawa konsep perakaunan Islam adalah lebih inklusif. Antara konsep inklusif yang didapati dari kajian adalah halal, prinsip berterusan, berkala, konsisten, pengukuran, keadilan, kebertanggungjawaban, barakah, ihsan, keutamaan, dan maslahat. Manakala prinsip pula tidak bercanggah dengan Al- Quran, Sunnah, Ijmak, dan Qias, patuh syariah dan perundangan.

Jadual 6.1: Konsep Dan Prinsip Perakaunan

Konsep	Prinsip
<ul style="list-style-type: none"> • Halal • Amanah • Prinsip Berterusan • Prinsip Konsistensi • Prinsip Keberkayaan/Haul • Unit Pengukuran • Prinsip Keadilan • Kebertanggungjawapan • Barakah • Ihsan • Keutamaan • Maslahat 	<ul style="list-style-type: none"> • Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias • Patuh Syariah • Perundangan

Lanjutan dari konsep dan prinsip di atas, persamaan perakaunan sedia ada yang menyatakan bahawa $Aset = Liabiliti + Ekuiti \text{ Pemilik/Dana}$. Persamaan ini akan sentiasa seimbang, keduanya sebelum dan selepas setiap urusan niaga. Ini bermakna sekiranya terdapat peningkatan dalam aset, pasti akan ada peningkatan sama ada liabiliti atau ekuiti pemilik, atau keduanya, atau pengurangan dalam aset lain, dengan amaun yang sama. Sepertimana yang dinyatakan di atas, aset bermaksud harta yang mempunyai nilai dan manfaat. Bagi tujuan kajian ini, aset merujuk kepada harta-harta yang dimiliki oleh Institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Manakala liabiliti pula adalah hutang. Dana pula bermaksud amanah yang diberikan kepada majlis.

Secara umum kesemua responden bersetuju bahawa pendekatan persamaan perakaunan konvensional ($ASET=LIABILITI+DANA$) boleh diterima pakai di dalam perakaunan Islam kerana ia tidak menyalahi syarak. Walaubagaimanapun perubahan perlu dilakukan terutamanya yang melibatkan pemilikan aset dimana pengasingan perlu dilakukan keatas harta milikan, harta amanah, hasil milikan dan hasil amanah.

6.5.2 Pengukuran Menurut Syariah

Pengukuran dalam Islam secara jelasnya telah disebut dalam Al-Quran seperti mana Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak)”.

(QS Al-Israa' 17:35)

“Dan kepada (penduduk) Madyan (Kami utus) saudara mereka, Syu'aib. Ia berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tiada Tuhan bagimu selain Dia. Dan janganlah kamu kurangi takaran dan timbangan, sesungguhnya aku melihat kamu dalam keadaan yang baik (mampu) dan sesungguhnya aku khawatir terhadapmu akan azab hari yang membinasakan (kiamat)." “Dan Syu'aib berkata: "Hai kaumku, cukupkanlah takaran dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka dan janganlah kamu membuat kejahatan di muka bumi dengan membuat kerusakan”.

(QS Hud :84-85)

“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. (yaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain, mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidakkah orang-orang itu yakin bahwa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan. Pada suatu hari yang besar. (yaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Rabb semesta alam”.

(QS Al-Muthaffifin 83: 1-6)

Dalam ayat di atas Allah SWT memerintahkan kewajiban yang dilaksanakan, dimulai dengan perintah mentauhidkan Allah dan tidak menyekutukan-Nya, dan diakhiri dengan dua ayat dalam surah Al Isra: 34-35 berkenaan larangan dan dua perintah, yaitu larangan memakan harta anak yatim, perintah memenuhi janji, dan perintah menyempurnakan sukatan dan timbangan dengan adil. Ayat di atas merupakan antara keperluan kepada pengukuran yang adil dan saksama.

6.5.3 Keperluan Pendedahan

Pendedahan atau pelaporan maklumat perakaunan dalam Islam merupakan tuntutan penting dalam Islam. Ini jelas sepertimana firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya.

Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil dan benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(QS Al-Baqarah 2:282)

Tuntutan mendedahkan maklumat perakaunan kepada pemegang taruh (stakeholders) sepertimana di dalam tahap 1 Kerangka kerja Perakaunan Islam iaitu menjaga hubungan dengan Allah SWT (Hablul Min Allah) dan juga manusia (Hablul Min An-nas). Ini juga termasuk dalam keperluan Maqasid Syariah di bawah klasifikasi Ad-Dharuriyyat iaitu menjaga harta (hifz al-mal). Walaubagaimanapun mengikut dapatan kajian, peringkat-peringkat pendedahan perlu melihat dari sudut apa yang dituntut dalam maqasid iaitu menjamin kelangsungan lima perkara ini iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta samada dikira sebagai *masalah* dan setiap yang mengancamnya dikira sebagai *mafsadah*.

6.6 Pengoperasian Teknikal Perakaunan Islam Bagi Wakaf

Sebelum perbincangan dengan lebih lanjut berkenaan perakaunan bagi aset-aset wakaf, maka eloklah disini diperhalusi syariat wakaf dalam Islam. Dalil yang mensyariatkan wakaf sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu (wahai orang-orang yang beriman), tidak akan mencapai kebaikan (yang sempurna) sehingga kamu membelanjakan (pada jalan Allah) sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tentangnya.”

(QS Al ‘Imran 3: 92)


Selain itu, sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

“Apabila seorang manusia mati, segala amalannya akan terputus kecuali daripada tiga sumber: sedekah jariah, atau ilmu yang boleh dimanfaatkan, atau anak soleh yang berdoa baginya.”

(HR. Al-Muslim,1631)

Apabila seseorang mewakafkan hartanya samada harta alih atau tidak alih maka hak pemeliharannya berpindah kepada Allah SWT. Harta tersebut bukan lagi milik pemberi atau penerima wakaf. Amalan di Malaysia, harta-harta wakaf ini akan ditadbir oleh Institusi Wakaf sebagai pemegang amanah (Nadhir). Sekiranya wakaf dikhususkan untuk pihak tertentu maka penerima wakaf berhak menggunakan harta wakaf serta hasil dari wakaf tersebut. Sebaliknya, sekiranya tidak dikhususkan maka masyarakat umum berhak menggunakannya.

Gambarajah 6.9: Aliran Pengoperasian Teknikal Wakaf



Gambarajah 6.9 di atas menunjukkan amalan wakaf bagi institusi wakaf di bawah MAIN yang mana kajian ini menumpukan kepada perakaunan Islam bagi aset yang ditadbir oleh institusi wakaf. Hasil kajian menunjukkan bahawa aset wakaf boleh dibahagikan kepada dua iaitu Aset berfungsi (functional Asset) dan Aset tidak berfungsi (non-functional Asset). Aset berfungsi ialah aset yang diperolehi melalui wakaf untuk maksud tertentu seperti sekolah, masjid, madrasah, dan tanah perkuburan. Manakala Aset tidak berfungsi ialah aset yang diperolehi untuk tujuan umum tanpa dinyatakan secara khusus penggunaan dan tujuan aset tersebut. Sepertimana dalam keperluan piawaian perakaunan, aset-aset ini hendaklah dikenalpasti dari sudut pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan.

Pengiktirafan ke atas aset wakaf hendaklah disesuaikan mengikut definisi aset itu sendiri sebagaimana yang telah dijelaskan pada takrifan harta mengikut syariat Islam sebelum ini. Hasil kajian serta temu bual merumuskan bahawa harta atau aset adalah sesuatu yang diperolehi secara sah, mempunyai nilai, dan manfaat. Sesuatu aset yang rosak kerana sifat semulajadi maka aset tersebut tidak perlu diganti (Khin et al, 2008). Akan tetapi, sekiranya dirosakkan dengan sengaja, maka hendaklah diganti atau mendapat gantirugi bagi memperolehi aset yang sama bagi tujuan memelihara kehendak pewakaf. Jika sekiranya manfaat sesuatu aset tidak lagi diperlukan ditempat tersebut, maka pihak pemegang amanah harus mencari tempat baharu (badal) agar manfaat tersebut berpanjangan seperti kehendak pewakaf. Selain daripada itu kesempurnaan pemilikan harta juga merupakan penentu terhadap penguasaan harta. Sekiranya pemilikan harta diperolehi secara sempurna maka ia mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mentadbir, mengguna, menjual, mengembangkan, dan melupuskan harta tersebut. Tetapi sekiranya pemilikan harta tersebut diperolehi secara tidak sempurna maka ia hanya akan bertindak sebagai pemegang amanah yang hanya mempunyai

hak untuk mentadbir, mengguna serta menyampaikan manfaat. Sekiranya aset tersebut terpaksa dilupuskan atau ditukar tempat (*badal*) maka perlu mendapat keizinan pewakaf dan majlis fatwa.

Dari sudut pengukuran, majoriti responden berpendapat bahawa aset yang berfungsi seperti masjid, tanah kubur, madrasah haruslah dinilai pada nilai token atau nominal. Tetapi sekiranya berlaku istibdal yang mana aset perlu dipindah atau diganti disebabkan masalah umum maka aset tersebut perlu dinilai pada nilai pasaran agar nilai istibdal atau penggantian boleh dikenalpasti. Manakala aset tidak berfungsi seperti tanah, bangunan, kenderaan hendaklah dinilai pada nilai pasaran.


Dari segi pendedahan aset yang berfungsi, terdapat dua perbezaan pandangan daripada responden. Pandangan pertama menyatakan aset yang berfungsi harus didedahkan pada nilai *token* atau nominal di dalam penyata kedudukan kewangan manakala pandangan kedua berpendapat hanya memadai disenaraikan sahaja dalam nota kepada akaun. Untuk aset tidak berfungsi, kesemua responden bersepatat bahawa pendedahan hendaklah dibuat sepenuhnya di dalam penyata kedudukan kewangan. Terdapat juga responden yang mencadangkan agar satu laporan diperkenalkan iaitu penyata pertambahan nilai (*value added statement*) bagi melaporkan aktiviti yang melibatkan tanggungjawab sebagai pemegang amanah ke atas harta wakaf.

Fokus kajian adalah kepada tahap pengoperasian iaitu bagaimanakah wakaf boleh diiktiraf, diukur dan didedahkan dalam penyata kewangan menurut prinsip and konsep Islam.

Kajian ini mendapati bahawa wakaf dikenalpasti sebagai harta amanah. Ini adalah kerana wakaf dianggap sebagai harta tidak sempurna. Walaupun wakaf memenuhi syarat aset iaitu memberi manfaat, ia tidak dapat melengkapinya syarat pemilikan mengikut syariah sebagai pemilikan penuh. Oleh kerana hakmilik tidak sempurna maka wakaf dikatakan sebagai aset amanah (rujuk bahagian pemilikan bagi penjelasan mengenai pemilikan). Oleh itu, pihak MAIN hanya sebagai pemegang amanah kepada harta wakaf.

Gambarajah 6.10 dibawah memberi gambaran bagaimana wakaf dikenalpasti sebagai aset amanah.

Gambarajah 6.10: Pengiktirafan Dan Pengukuran Wakaf



Setelah mengetahui jenis atau sifat wakaf, adalah penting untuk mengetahui apakah komponen-komponen sampingan wakaf. Kajian menunjukkan bahawa terdapat komponen-komponen yang berkaitan dengannya seperti pelaburan, hasil pelaburan dan perbelanjaan perlu diambil kira dalam mengakaunkan wakaf. Memandangkan wakaf mempunyai komponen sampingan, maka setiap komponen perlu diambil kira untuk diakaunkan. Justeru itu adalah amat penting untuk mengenal pasti sifat komponen bagi menentukan jenis akaun yang terlibat.

6.6.1 Wakaf Pelaburan

Dalam perakaunan konvensional mahupun Islam, menjana pendapatan adalah merupakan salah satu daripada objektif perakaunan. Dapatan kajian memberi penjelasan bahawa aset wakaf boleh dijana. Walau bagaimanapun dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa kriteria yang perlu diambil kira semasa pelaburan dibuat. Antara kriteria yang perlu diambil kira sebelum pihak majlis membuat keputusan adalah:

- Kehalalan sesuatu pelaburan
- Mengambil kira risiko pelaburan
- Kestabilan pelaburan
- Manfaat pelaburan

Data menunjukkan bahawa wakaf bagi aset berfungsi dan tidak berfungsi walaupun dikenal pasti sebagai aset amanah, mempunyai pengukuran yang berbeza. Kesemua responden berpendapat bahawa pengukuran perlu dibuat oleh kedua-dua jenis wakaf. Sebagaimana

yang dinyatakan di atas, kedua-dua wakaf mempunyai sifat yang tersendiri, maka tahap pengoperasian adalah berbeza antara aset berfungsi dan tidak berfungsi. Dengan kata lain, kategori wakaf mempengaruhi pengukuran sesuatu aset wakaf. Dari segi pengukuran, kajian menunjukkan bahawa aset berfungsi perlu dinilai mengikut nilai kos atau nominal. Manakala aset tidak berfungsi perlu dinilai mengikut harga pasaran (rujuk gambarajah 6.10).

Analisis dapatan mendapati bahawa terdapat tiga komponen yang melibatkan wakaf iaitu; wakaf aset, hasil dan belanja (rujuk jadual 6.2)

Jadual 6.2: Pendedahan Komponen Wakaf

Belanja	Hasil	Aset
Penyelenggaraan bangunan	Hasil Sewa Bangunan	Aset bukan semasa: Bangunan wakaf

Ingin dijelaskan di sini bahawa dapatan kajian menunjukkan terdapat dua pendekatan pendedahan berkaitan komponen wakaf. Satu pendapat mengatakan wakaf dan komponen perlu didedahkan di dalam 'penyata wakaf' yang dinamakan sebagai "sustainable income". Penyata wakaf ini berasingan dari penyata kewangan. Sebaliknya, ada juga pendapat mengatakan bahawa wakaf perlu didedahkan dalam penyata kewangan. Jadual 6.3 dan 6.4 di bawah memberi ilustrasi bagaimana pendedahan wakaf bagi kedua-dua pendapat.


Jadual 6.3: Pendapat 1 Didedahkan Dalam Penyata Wakaf Berasingan Yang Dinamakan Penyata Wakaf

Penyata Wakaf	
Aset Amanah	
Wakaf:	
Bangunan	XX
	(Nilai Pasaran)
Hasil wakaf:	
Sewa bangunan	XX
	(Nilai Akad)

Jadual 6.4: Pendapatan 2 Didedahkan Dalam Penyata Kewangan

Aset	
Aset berfungsi:	
Tanah kubur	xx
	(Nilai token /nominal)
Aset tidak berfungsi:	
• Bangunan	xx
• Tanah	xx
	(Nilai pasaran)

Gambarajah 6.11: Pendedahan Komponen Aset Wakaf



Analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat isu-isu dari pelaburan wakaf yang perlu diambil kira:

- a) Jenis pelaburan yang patuh syariah
- b) Pendedahan hasil wakaf samada diambil kira sebagai pendapatan modal atau boleh dikira sebagai hasil dan dimasukkan dalam penyata pendapatan.
- c) Tempoh penilaian aset perlu dibuat keatas wakaf kerana ia melibatkan nilai pendedahan yang berprinsipkan tepat, telus dan benar (rujuk konsep dan prinsip).

Selanjutnya, cadangan penyelidik untuk memperkemas tadbir-urus adalah seperti berikut:

- a) Perlu ada garis panduan pelaburan yang padat
- b) Perlu wujudkan unit tadbir urus wakaf
- c) Perlu kepada pendaftaran harta wakaf yang sentiasa dikemaskini
- d) Jadual penilaian wakaf mengikut harga semasa, tempoh dan tujuan

6.7 Pengoperasian Teknikal Perakaunan Islam Bagi Zakat

Dapatan kajian mendapati bahawa zakat adalah sejenis kumpulan wang yang diamanahkan. Sebagaimana yang tertera dalam jadual 6.5, zakat diiktiraf sebagai aset amanah. Oleh itu institusi dan pengelola zakat mempunyai tanggungjawab serta amanah yang amat berat sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka, dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui.”

(QS At-Taubah 9:103)

Jadual 6.5: Pengiktirafan Zakat

Akaun - Zakat Tunai/ Persamaan Tunai	
Penerimaan	xx

Akaun Wang Amanah -Zakat Tunai/ Persamaan Tunai	
	Zakat xx


Manakala tanggungjawab Institusi dan pengelola Zakat juga disebut secara jelas di dalam Al-Quran, Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil (orang yang menguruskan zakat), para mu'allaf, memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana”

(QS At-Taubah 9:60)

Perolehan aset tetap oleh institusi zakat secara umumnya boleh berlaku dalam tiga keadaan iaitu melalui sumbangan wakaf, perolehan melalui dana agihan amil atau fisabilillah dan perolehan melalui geran kerajaan.

Gambarajah 6.12: Aliran Pengoperasian Teknikal Zakat



Melalui perolehan ini dana tunai disalurkan terus kepada badan atau organisasi di bawah Institusi Zakat. Perolehan aset akan dibuat oleh agensi terbabit. Contoh pembelian mesin jahit oleh pusat latihan asnaf dan pembelian mesin dialisis oleh pusat hemodialisis zakat. Pendedahan aset tersebut akan dibuat oleh pusat yang berkenaan. Maka di sini pihak Institusi zakat akan merekod agihan zakat kepada amil di dalam penyata prestasi kewangan.

Dari sudut pengukuran, zakat dikira mengikut nisab. Islam telah membuat peraturan yang kemas bagi pengagihan dan pengukuran zakat. Oleh itu tidak ada persoalan timbul berkaitan pengukuran zakat. Islam telah mensyaratkan bahawa pengukuran zakat adalah berpandukan kepada fiqhul zakat iaitu 1/8 kepada 8 asnaf. Maka pengukuran adalah berpandukan kepada agihan yang tertera mengikut agihan asnaf.

Dapatan kajian menjelaskan bahawa pendedahan zakat perlu dilakukan mengikut konsep pendedahan penuh. Seperkara lagi yang amat menarik adalah dapatan mengenai penjelasan pendedahan zakat. Di sini didapati, pihak majlis agama sebagai satu-satunya pihak berautoriti dalam memegang amanah memerlukan tiga perkara penting dalam pendedahan zakat iaitu; 1) pendedahan proses, 2) pendedahan pergerakan zakat dan 3) pelaporan zakat. Dapatan menerangkan bahawa adalah tidak lengkap sekiranya Majlis selaku pemegang amanah

hanya membuat pelaporan jumlah penerimaan zakat dan pengagihan zakat. Bagi mencapai ketelusan dan berpegang kepada konsep akauntibiliti, maka majlis perlu mendedahkan proses pengagihan.

Menurut kajian, proses pendedahan amat penting kerana ia memberi maklumat telus kepada pengguna akan tanggungjawab MAIN sebagai pemegang amanah. Kajian juga mendapati bahawa proses pendedahan yang dicadangkan adalah proses perakaunan yang menggunakan kaedah MDKD. Dari analisis kajian, adalah dapati perakaunan zakat adalah mudah dan jelas tanpa ada keraguan sekiranya satu sistem yang lengkap dan jelas digunakan dan sistem pengagihan ini mengikut syariat Islam. Contoh proses adalah seperti dijelaskan pada jadual 6.6 di bawah.

Jadual 6.6: Proses Pengagihan Zakat Mengikut Kaedah MDKD (Tanpa Pelaburan)

Proses Pengagihan Zakat mengikut kaedah MDKD		
31/12/2017 Penerimaan Zakat	xx	1/12018 Agihan:
		8 Asnaf xx
		31/12/2019 Lebihan xx
1/1/2019 Lebihan b/b	xx	1/1/2019 Agihan lebihan tahun 2018
		Kepada 8 Asnaf dari lebihan xx
31/1/2019 Penerimaan zakat	xx	2019 Agihan zakat dari terimaan tahun 2019 xx
Jumlah zakat tahun 2019		Jumlah Zakat tahun 2019

Menurut dapatan kajian juga, proses pengagihan perlu mengambil kira prinsip haul iaitu tempoh masa zakat. Disini konsep akauntabiliti, konsep tempoh masa, konsep ketepatan dan ketelusan adalah amat dititikberatkan. Adalah penting bagi MAIN untuk mendedahkan proses pengagihan secara terperinci. Kaedah MDKD boleh memberi gambaran lengkap akan proses agihan zakat dibuat.

Pergerakan wang zakat merupakan salah satu perkara yang perlu diambil perhatian. Di sini MAIN perlu memaklumkan dan mendedahkan bagaimana pergerakan wang zakat dilaksanakan. Amat penting juga untuk diketahui bahawa pergerakan di sini bermaksud pertukaran wang zakat dari tunai kepada sifat lain contohnya pelaburan. Ingin juga dinyatakan bahawa terdapat dua pendapat mengenai pergerakan wang zakat tunai kepada bentuk lain. Pendapat pertama mengatakan bahawa wang zakat tidak boleh dilaburkan. Maka disini isu bagaimana perakaunan wang zakat sekiranya diubah kepada bentuk lain tidak timbul.

Manakala ada pendapat lain yang mengatakan wang zakat boleh dilaburkan, maka perakaunan perlu diambil kira perubahan ini. Dapatan mengatakan bahawa sekiranya pergerakan sebegini berlaku, maka ada beberapa perakaunan mengikut Islam yang perlu dilaksanakan. Antara perkara-perkara yang perlu dilaksanakan adalah seperti dinyatakan di bawah.

- Kriteria pelaburan yang dibenarkan
- Bagaimana mengakaunkan keuntungan dari pelaburan
- Jumlah pelaburan yang dibenarkan
- Manfaat pelaburan

Analisis data menunjukkan bahawa kriteria pelaburan wang zakat mestilah melengkap syarat seperti berikut:

- Jenis pelaburan yang berisiko rendah
- Manfaat pelaburan perlu diambil kira

Memandangkan bahawa wang zakat bukan harta mutlak MAIN dan berkaitan dengan hukum syarak secara langsung, maka perkara dinyatakan di atas mengenai kriteria pelaburan zakat perlu mendapat pandangan fatwa.

Sekiranya pelaburan wang zakat dilaksanakan, iaitu pergerakan bentuk fizikal wang telah berlaku, maka persoalan lain adalah siapakah yang mempunyai hak ke atas hasil keuntungan pelaburan? Hasil kajian memberi penjelasan yang lengkap bahawa memandangkan hak milik wang zakat adalah hak milik asnaf, maka sebarang keuntungan dari wang zakat yang telah dilaburkan adalah hak asnaf. Oleh itu, ia perlu dimasukkan semula dalam akaun wang zakat amanah dan diagihkan semula kepada asnaf mengikut turutan (rujuk jadual 6.7)

Jadual 6.7: Proses Pengagihan Zakat Mengikut Kaedah MDKD (Dengan Pelaburan)

Proses Pengagihan Zakat mengikut kaedah MDKD		
31/12/2017 Penerimaan zakat	xx	1/12018 Agihan:
		8 Asnaf xx
		31/12/2019 Lebihan xx
1/1/2019 Lebihan b/b	xx	1/1/2019 Agihan lebihan tahun 2018
		Kepada 8 Asnaf dari lebihan xx
31/1/2019 Penerimaan zakat	xx	2019 Agihan zakat dari terimaan tahun 2019 xx
Jumlah zakat tahun 2019		Jumlah Zakat tahun 2019
1/1/2019 Lebihan dibawa ke bawah	xx	

31/12/2019 Terimaan zakat	xx	
31/12/2019 Hasil Pelaburan zakat	xx	

Sementara itu, isu-isu mengenai zakat yang perlu dipertimbangkan daripada analisis kajian ini terutama yang berkaitan komponen-komponen pengiktirafan zakat, kaedah pengukuran dan pendedahan iaitu:

- a) Jenis pelaburan yang patuh syariah
- b) Hak majlis untuk membuat pelaburan
- c) Pendedahan proses pengagihan yang memerlukan pentadbiran yang berkesan
- d) Perakaunan hasil keuntungan dari pelaburan yang dibuat oleh MAIN keatas wang zakat

ditambah lagi dengan cadangan penyelidikan kepada pihak MAIN iaitu:

- a) Perlu ada garis panduan kriteria pelaburan mengikut syariah
- b) Perlu wujudkan unit tadbir urus zakat
- c) Perlu mendapat pandangan dari majlis fatwa

6.8 Pengoperasian Teknikal Perakaunan Islam Bagi Baitulmal

Baitulmal adalah merupakan institusi yang telah diamanahkan untuk menyelenggara segala sumber pendapatan dan perbelanjaan negara. Antara sumber baitulmal adalah sumber dari wakaf, sumber dari masyarakat seperti harta luqatah, zakat, harta shubahah dan lain-lain.

Kajian ini mendapati bahawa baitulmal adalah berperanan sebagai bendahari, maka ia dipertanggungjawabkan untuk menjaga harta yang diberi. Kajian ini juga menjelaskan bahawa terdapat beberapa jenis kumpulan wang baitulmal iaitu geran kerajaan, hasil wang zakat, hasil wang wakaf, harta wakaf dan harta luqatah. Dari segi pengiktirafan maka terdapat dua jenis pengiktirafan iaitu hasil dan belanja.


Jadual 6.8: Kumpulan Wang Baitulmal

Kumpulan Wang Baitulmal			
31/12/2018Penerimaan Wang	xx	1/12018 Keluaran wang tunai	xx
		31/12/2018 Lebihan	xx

Penggunaan baitulmal adalah lebih fleksibel walau bagaimanapun sumber baitulmal perlu dilaporkan serta didedahkan. Baitulmal juga merupakan pentadbiran yang boleh mempunyai

hak ke atas hasil wakaf. Gambarajah 6.13 di bawah memperlihatkan bagaimana pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan baitulmal mengikut dapatan dari kajian.

Gambarajah 6.13: Aliran Pengoperasian Teknikal Baitulmal



Salah satu sumber tambahan bagi baitulmal adalah luqatah. Luqatah menurut syarak ialah harta atau hak khusus yang dihormati yang ditemui di kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga, dan pemungut tidak mengenal pemiliknya. Memungut barangan luqatah dibenarkan oleh syarak berdasarkan Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim:

“Pastikanlah tali penambatnya dan bekasnya. Kemudian umumkanlah (kepada orang ramai) selama setahun. Jika engkau tidak juga mengetahui pemiliknya, maka jadikanlah ia milikmu dan gunalah ia, serta hendaklah nilainya menjadi suatu amanah yang disimpan olehmu. Jika orang yang menuntutnya datang pada suatu hari kelak, maka hendaklah engkau serahkan (barang atau nilainya) kepadanya.”

(HR. Al-Bukhari, 2295; HR. Al-Muslim, 1722)

Pengumuman tentang barang yang hilang itu adalah mengikut nilai barangan. Sekiranya barang tersebut kurang bernilai dan diyakini tidak akan dicari sekiranya hilang berdasarkan kebiasaan atau uruf. Maka pemungut boleh memilikinya tanpa perlu mengumumkannya atau mengenal pasti pemiliknya. Ini seperti hadis yang diriwayatkan oleh Anas RA:

“Nabi SAW telah lalu dekat sebiji kurma di tengah jalan. Baginda pun bersabda: “Jikalau tidak kerana saya bimbang buah kurma ini merupakan sedekah, nescaya saya memakannya.”

(HR. Al-Bukhari, 2299; HR. Al-Muslim, 1071)

Dalam keadaan barang yang dijumpai itu merupakan barang yang berharga dan kebiasaan orang mencarinya apabila hilang, maka pemungut perlu mengumumkannya.

Barang yang ditemui mestilah dikenalpasti ciri-cirinya, supaya apabila orang yang mengaku sebagai pemiliknya dapat disoal tentang ciri-ciri barang tersebut. Ini adalah kaedah untuk mengenal pasti pemilik sebenar. Ini disabdakan oleh Rasulullah SAW:

“pastikan tali pengikat, bekas dan bilangannya.”

(HR. Al-Bukhari, 1722; HR. Al-Muslim, 2295)

Berdasarkan nas dan pandangan ulamak serta responden maka dari sudut perakaunan, pengiktirafan harta luqatah ini akan dianggap sebagai aset amanah selama mana ia tidak dituntut oleh pemilik asalnya. Pengukuran keatas aset luqatah hendaklah berdasarkan harga pasaran termasuk kos pengumuman dan penyelenggaraan. Pendedahan hendaklah dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan baitulmal sebagai aset yang tidak berfungsi.

Berdasarkan ketiga-tiga model operasi WZB di atas responden juga berpandangan agar susut-nilai dikenakan keatas aset yang tidak berfungsi dan rosot nilai dikenalpasti sekiranya ada indikator yang menunjuk perubahan kepada nilai aset tidak berfungsi.

6.9 Kesimpulan

Perakaunan Islam boleh mengubah corak ekonomi masyarakat. Ini adalah kerana asas perakaunan Islam adalah berdasarkan kepada tauhid. Berdasarkan kepada perspektif Islam, perakaunan Islam adalah bersifat perakaunan sosial (*social accounting*) dimana konsep dan prinsip adalah berlandaskan kepada objektif pemaksimuman nilai (*value maximization*) bukannya pemaksimuman keuntungan (*profit maximization*) maka kehendak pelaporan adalah berdasarkan kepada prinsip akauntabiliti. Perakaunan Islam berpandukan kepada prinsip-prinsip daripada Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias bertujuan melihat kepada perkembangan ummah secara keseluruhan. Sebaliknya, berbeza dengan perakaunan konvensional yang berorientasikan kepada kapitalis. Sebagaimana yang diperjelaskan di atas, Islam memperlihatkan pelaporan yang berbentuk pelaporan sosial dan ini amat berlainan dengan pelaporan kewangan dari pandangan perakaunan konvensional yang lebih kepada pelaporan ekonomi. Dalam Islam, pelaporan perlu memberi maklumat yang telus dan

akauntabiliti menjadi asas pelaporan kepada pengguna. Pengguna di sini merangkumi seluruh ummah.

WZB adalah sumber harta ekonomi yang berkait rapat dengan perakaunan Islam. Oleh itu, adalah wajar bagi kajian ini untuk memberi panduan kepada pihak majlis agama bagaimana perakaunan Islam perlu dilaksanakan. Sumber-sumber ini tidak sesuai menggunakan perakaunan konvensional memandangkan landasan yang tidak menjurus kepada konsep tauhid dalam Islam. Walaupun kajian tidak menolak perakaunan konvensional sepenuhnya, akan tetapi perakaunan wakaf, zakat dan baitulmal perlukan suatu kerangka kerja yang berpaksikan Islam. Ini adalah kerana terdapat komponen perakaunan konvensional yang dari segi falsafahnya bercanggah dengan prinsip perakaunan Islam.

Bab seterusnya menjelaskan tentang hasil dapatan kajian ketiga iaitu keperluan syariah dan batasan undang-undang sivil.

BAB 7

OBJEKTIF KETIGA

KEPERLUAN SYARIAH DAN BATASAN UNDANG-UNDANG SIVIL

7.0 Pengenalan

Dalam bab yang ketujuh ini, kajian lebih tertumpu kepada dapatan kajian yang melibatkan dua (2) bahagian iaitu Keperluan Syariah dan Batasan Undang-undang Sivil. Keperluan Syariah membincangkan dapatan kajian yang berkaitan dengan keperluan syariah yang diperlukan dalam pembentukan Piawaian Perakaunan Islam (PPI) yang memfokuskan aset. Manakala Batasan Undang-undang Sivil pula membincangkan dapatan kajian berkaitan dengan peruntukan undang-undang yang diterima pakai oleh WZB.

7.1 Keperluan Syariah

Secara umumnya, hasil dapatan kajian mendapati bahawa keperluan syariah amat diperlukan dalam PPI. Dapatan kajian yang membentuk beberapa tema ilmu dalam bidang pengajian Islam telah terbentuk hasil daripada beberapa temu bual yang dibuat. Antara dapatan yang terbentuk dalam kategori keperluan syariah adalah ilmu fiqh, ilmu usul fiqh, ilmu fiqh muqaran (perbandingan) dan ilmu qawaid fiqh. Keempat-empat ilmu ini telah diguna pakai oleh penyelidik dalam menyediakan cadangan bagi bab lapan (8) kajian ini yang mana akan menjadi rujukan kepada JANM dalam pembentukan PPI. Seterusnya, tajuk yang seterusnya akan menerangkan dengan lebih mendalam tentang keempat-empat ilmu tersebut.

7.1.1 Fiqh

Definisi berkaitan dengan ilmu fiqh telah pun diterangkan dalam bab sebelum ini iaitu bab yang keempat kajian ini. Didapati bahawa terdapat responden yang menceritakan bahawa ilmu fiqh ini sangat penting dalam pembentukan PPI. Hal yang demikian adalah kerana dalam perbahasan berkaitan dengan ilmu fiqh, terdapat beberapa tajuk yang memfokuskan dengan lebih mendalam perkara-perkara yang berkaitan dengan aset misalnya transaksi jual beli, pertanian, harta dan sebagainya. Tajuk-tajuk ini merupakan asas kepada PPI kerana ianya akan menjadi rujukan kepada para penggubal piawaian perakaunan.

Dapatan yang pertama yang menjadi asas kepada penentuan aset adalah berkaitan dengan istilah harta. Tema harta seringkali muncul dalam sesi temu bual. Para responden telah berpendapat bahawa harta adalah aset manusia. Hal ini telah pun dibincangkan oleh para ilmuwan Islam berabad lamanya. Para responden juga telah memberikan makna, takrif, dan

definisi harta menurut kefahaman mereka. Didapati bahawa semua definisi yang diberikan oleh menyamai sorotan kajian dalam bab tiga (3) kajian ini. Setiap sesuatu yang mempunyai nilai, mempunyai manfaat, mempunyai bentuk (ain), perlu diganti apabila dirosakkan dengan sengaja, boleh disimpan, boleh diambil atau digunakan ketika perlu, benda yang harus tiada tentangan syarak terhadapnya, dan tidak ditinggalkan serta dibuang oleh manusia telah dikategorikan sebagai harta. Perkara-perkara tersebut dikategorikan di bawah satu tema iaitu tema pengiktirafan bagi harta. Hal ini menjadikan dapatan kajian berkaitan harta terbentuk di bawah kategori ilmu fiqh yang menentukan pengiktirafan bagi harta.

Hasil temu bual dengan para responden dapat merumuskan bahawa mereka lebih cenderung kepada pendapat jumur ulama iaitu sesuatu itu memiliki nilai yang boleh berlaku muamalah dengannya seperti dalam kes jual beli dan sekiranya seseorang merosakkannya maka seharusnya menggantikan nilai harta tersebut walaupun sedikit, dan harta juga merupakan sesuatu yang tidak ditinggalkan atau dibuang oleh manusia. Secara umumnya, hasil dapatan kajian menampakkan bahawa aset adalah setiap sesuatu yang boleh ditukar ganti oleh manusia. Tema transaksi jual beli telah terbentuk bagi menentukan titik pengiktirafan bagi setiap aset. Hal ini telah dinyatakan oleh para responden yang mana titik pengiktirafan bagi setiap transaksi jual beli ataupun transaksi lain yang melibatkan pemindahan hak milik sesuatu yang dikenali sebagai harta (setiap perkara-perkara yang wajib padanya dalam akad) seharusnya memenuhi segala rukun dan syaratnya. Hal ini telah pun dibincangkan di dalam bab ketiga kajian ini iaitu rukun-rukun dan syarat akad dalam tajuk jual beli. Dengan wujudnya tema-tema ini, maka perkara-perkara tersebut dikategorikan sebagai ilmu fiqh dan amat diperlukan dalam pembentukan PPI.

Selain itu, dapatan kajian juga menampakkan bahawa dalam ilmu fiqh terdapat perbahasan berkaitan isu pertanian. Hal ini dirujuk oleh para penyelidik bagi mengetahui lebih mendalam lagi soal pertanian yang dibincangkan dalam Islam. Oleh kerana piawaian yang sedia ada yang dikaji oleh penyelidik adalah berkaitan dengan piawaian perakaunan pertanian maka ilmu fiqh yang membincangkan tentang soal pertanian juga menjadi asas kepada penyelidik dalam mencadangkan apa-apa bentuk cadangan berkaitan pertanian. Para responden juga telah menyatakan bahawa ilmu fiqh yang melibatkan muzara'ah ataupun pertanian mempunyai rukun-rukun dan syarat tertentu untuk menyempurnakannya. Segala rukun-rukun dan syarat telah pun diterangkan dalam tajuk sebelum ini iaitu bab ketiga kajian. Oleh itu, jelas bahawa ilmu fiqh merupakan perkara yang penting dan dianggap sebagai keperluan syariah dalam pembentukan PPI.

Antara dapatan kajian lain adalah berkaitan dengan harta intelek. Para responden berpendapat bahawa harta intelek dibincangkan dalam fiqh semasa ataupun dikenali sebagai

qadaya muasarah. Harta intelek menurut mereka adalah adalah aset tidak ketara. Harta intelek adalah setiap harta yang tidak dapat dilihat dengan mata akan tetapi mempunyai nilai-nilai tertentu. Harta jenis ini dapat dimisalkan seperti satu bentuk inovasi yang mana ianya terbentuk daripada buah fikiran manusia seperti paten, perisian sistem komputer yang memerlukan kepakaran, dan sebagainya lagi. Hal ini telah dibincangkan di bawah perbahasan ilmu fiqh di bawah tajuk hak-hak pereka cipta “حقوق التأليف”. Tema-tema ini telah dikategorikan di bawah satu kategori menjadikan ilmu fiqh merupakan asas penting dalam pembentukan PPI.

Selain itu, dapatan kajian juga yang merujuk kepada pengukuran sesuatu harta adalah berkaitan dengan harga sesuatu barang. Perbahasan berkaitan harga telah diterangkan panjang lebar oleh ulama dalam penentuan harga jual beli dengan menjadikan prinsip redameredai antara penjual dan pembeli sebagai asas dan menggunakan dalil al-Quran. Firman Allah SWT

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَأْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيِّنٰتٍ بَّالْبٰطِلِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا اَنْفُسَكُمْ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيْمًا (٢٩)

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.

(QS Al-Nisa' 4: 29)

Elemen-elemen seperti duit fiyyat, emas dan perak, token, upah, nilai, mahar dan sebagainya telah muncul sebagai elemen pengukuran dalam perakaunan. Selain itu juga, elemen-elemen seperti jenis, kiraan, timbangan, isipadu, dan sebagainya juga telah menjadi asas pengukuran kepada sesuatu benda atau harta. Hal ini turut dibincangkan di dalam ilmu fiqh menjadikan tema fiqh adalah antara asas kepada keperluan syariah dalam pembentukan PPI.

Bagi pendedahan pula, dapatan kajian dalam juga tertumpu dalam perbahasan ilmu fiqh yang mana para responden berpendapat bahawa perbincangan ini turut dibincangkan di bawah tajuk jual beli dalam rukun yang berkaitan harga dan barangan. Dapatan kajian menyatakan bahawa syarat yang terkandung dalam harga dan barangan antaranya telah menyebut berkaitan “أن يكون معلوما للعاقدان”. Dalam perbahasan syarat ini, para responden mengaitkan bahawa setiap aset yang dimiliki oleh Institusi WZB perlu didedahkan kepada pengetahuan umum. Perkara ini juga boleh dirujuk dalam bab sebelum ini iaitu bab keenam kajian yang menyatakan bahawa institusi dipertanggungjawabkan menguruskan harta amanah. Dapatan

kajian, menunjukkan bahawa institusi perlu merujuk kepada tahap pertama kajian iaitu menjaga hubungan dengan Allah dan menjaga hubungan sesama manusia. Tema pendedahan ini wujud dalam perbincangan ilmu fiqh menjadikan ilmu ini antara asas keperluan syariah yang amat diperlukan dalam pembentukan PPI.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ilmu fiqh ini sangat penting dijadikan asas kepada pembentukan piawaian perakaunan Islam. Ilmu fiqh yang melibatkan definisi bagi harta, pertanian, harta intelek, harta jual beli, harta disimpan telah dibincangkan di bawah perbahasan fiqh. Rukun dan syarat transaksi jual beli telah muncul sebagai tema bagi pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan bagi aset. Maka, dengan itu tema ilmu fiqh adalah merupakan keperluan syariah yang perlu dirujuk dalam menghasilkan PPI.

7.1.2 Usul Fiqh

Definisi berkaitan dengan ilmu usul fiqh telah pun diterangkan dalam bab sebelum ini iaitu bab yang keempat kajian ini. Didapati bahawa terdapat responden yang menceritakan bahawa ilmu usul fiqh ini sangat penting dalam pembentukan PPI. Hal yang demikian adalah kerana dalam perbahasan berkaitan dengan ilmu usul fiqh ini, tema-tema seperti sumber-sumber keperluan syariah seperti al-Quran, Hadis, ijmak, Qias iaitu sumber yang disepakati dan sumber-sumber lain seperti ihtisan, masalah mursalah, uruf dan adat, syarak man qablana, mazhab sahabi, istishab, zarai', dalil-dalil lain seperti dalil yang kurang digunakan tetapi terdapat pandangan mazhab dan sumber fiqh yang bukan disyariatkan seperti undang-undang sivil yang dianggap tidak bercanggah dengan syarak. Oleh kerana sumber-sumber ini menjadi rujukan para ulama' dalam mengeluarkan hukum, maka ilmu usul fiqh juga merupakan perkara yang penting dalam pembentukan PPI.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa tajuk yang menfokuskan dengan lebih mendalam berkaitan hukum-hukum yang bersangkutan dengan aset. Tema-tema seperti hukum taklifi (wajib, sunat, haram, makruh dan harus), hukum wadh'ie (sebab, syarat, penghalang, sah, bathil, azimah, dan rukhsah), maqasid syariah, ijtihad, fatwa, taklid, dan pandangan telah dikategorikan sebagai tema usul fiqh yang menjadi salah satu asas kepada keperluan syariah.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa sekiranya setiap transaksi pemindahan milik yang dilakukan memenuhi segala rukun dan syarat, maka akad transaksi tersebut dikira sah. Titik pengiktirafan kepada aset adalah wajib memenuhi segala rukun dan syaratnya. Sekiranya terdapat rukun-rukun dan syarat-syarat tidak dipenuhi secara sengaja maka akad transaksi tersebut dianggap sebagai batal ataupun fasid dalam agama.

Selain itu, responden juga mengutarakan bahawa sekiranya terdapat penghalang kepada transaksi maka akad itu batal menurut syarak. Dapatan kajian melihatkan bahawa elemen-elemen seperti riba, gharar, maysir, dan perkara yang haram tidak diiktiraf sebagai harta. Hukum kepada harta tersebut dianggap haram menurut syarak. Akan tetapi dalam kes Baitulmal sebagai contoh, dapatan kajian menyatakan bahawa harta-harta haram yang diperoleh diiktiraf sebagai harta kepada baitulmal. Di samping itu, dapatan kajian juga menyatakan bahawa harta-harta jenis haram ini bukanlah dijana melalui transaksi yang dilakukan oleh institusi yang bertanggungjawab menguruskan harta tersebut. Harta jenis ini hanya diperoleh melalui sumbangan oleh penyumbang atas dasar membersihkan harta milikan mereka dari sumber-sumber yang tidak patuh syariah. Secara keseluruhannya titik pengiktirafan bagi setiap aset merujuk kepada pandangan responden adalah melibatkan hukum taklifi dan wadh'ie yang mana perbahasan dalam bidang ini dibicarakan dalam ilmu usul fiqh menjadikan ilmu ini salah satu keperluan syariah dalam pembentukan PPI.

Dari sudut pengukuran, dapatan kajian yang terbentuk hasil dari temu bual adalah diukur mengikut nilai nominal atau nilai saksama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hukum-hukum tertentu yang dalam penggunaan nilai nominal dan nilai saksama. Berikutan dari itu, terdapat responden yang berpandangan bahawa hukum menggunakan nilai saksama adalah wajib apabila melibatkan keadilan kepada seseorang yang merosakkan barang secara sengaja. Hal ini dibincangkan dalam bab ganti rugi (ad-dhoman). Manakala, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa hukum menggunakan nilai nominal seperti token adalah harus.

Dapatan kajian menyatakan bahawa wajib bagi institusi mendedahkan kesemua aset yang diuruskan dan dipertanggungjawabkan oleh mereka. Haram bagi mereka menyembunyikan sesuatu yang dimiliki oleh mereka kecuali dalam hal-hal tertentu yang akan dibincangkan dalam tema maqasid syariah dan qawaid fiqh dalam dapatan kajian seterusnya.

Dari sudut maqasid syariah, tema-tema daruriyyat, hajiyat, dan tahsiniyyat muncul sebagai tema yang kerap kali ditemui oleh penyelidik dalam menganalisis data. Selain itu, istilah-istilah maslahat umum dan maslahat khas juga seringkali ditemui dalam data. Di samping itu, menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta turut ditemui dalam data dan dijadikan tema. Oleh kerana tema-tema ini muncul, dapat dirumuskan bahawa hasil dapatan kajian kami menjadikan setiap maklumat pendedahan yang perlu didedahkan kepada umum adalah bersifat daruriyyat dari sudut maqasid Syariah.

Dapat dinyatakan juga bahawa permasalahan yang dihadapi dalam menguruskan harta-harta sama ada dari segi pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan memerlukan penjelasan dari

sudut agama. Hal ini menjadikan tajuk-tajuk yang penting dalam pengajian usul fiqh seperti ijtihad, fatwa, dan pandangan diperlukan dalam penghasilan atau pembentukan PPI yang tidak bercanggah dengan syarak.

7.1.3 Fiqh Muqaran

Definisi berkaitan dengan ilmu fiqh perbandingan mazhab telah pun diterangkan dalam bab sebelum ini iaitu bab yang keempat kajian ini. Didapati bahawa terdapat responden yang berpandangan bahawa ilmu fiqh perbandingan ini sangat penting dalam pembentukan PPI. Hal ini demikian adalah kerana dalam perbahasan berkaitan dengan ilmu fiqh perbandingan mazhab ini, terdapat beberapa tajuk yang memfokuskan dengan lebih mendalam perkara-perkara yang berkaitan dengan aset.

Salah satu dapatan kajian yang muncul sebagai tema dalam pengajian fiqh muqaran adalah berkaitan pengiktirafan harta. Terdapat responden yang membicarakan dengan jelas berkaitan definisi harta menurut pelbagai mazhab iaitu Shafie, Maliki, Hanafi dan Hambali. Hasil daripada analisis data, didapati bahawa definisi dapat mengukuhkan lagi tahap pengiktirafan harta. Oleh kerana setiap definisi dianalisis, maka dalam pembentukan PPI ilmu yang berkaitan dengan fiqh perbandingan amatlah diperlukan.

7.1.4 Qawaid Fiqh

Definisi berkaitan dengan ilmu qawaid fiqh telah pun diterangkan dalam bab sebelum ini iaitu bab yang keempat kajian ini. Didapati bahawa terdapat responden yang menceritakan bahawa ilmu qawaid fiqh ini sangat penting dalam pembentukan PPI. Hal ini demikian adalah kerana dalam perbahasan berkaitan dengan ilmu qawaid fiqh terdapat beberapa tajuk yang memfokuskan dengan lebih mendalam perkara-perkara yang berkaitan dengan aset.

Dalam pengenalan ilmu berkaitan qawaid fiqh, para responden berpendapat bahawa perkara asas yang perlu dirujuk adalah berkaitan dengan qawaid yang lima atau yang asas iaitu tiap-tiap perkara berdasarkan tujuannya (الأمر بمقاصدها), keyakinan tidak dapat dihilangkan oleh keraguan (اليمين لا يزال بالشك), kesukaran mendatangkan kesenangan (المشقة تجلب التيسير), kemudahan hendaklah dihapuskan atau dihindarkan (الضرر يزال), adat dijadikan sebagai hukum (العادة محكمة).

Perbincangan berkaitan qawaid fiqh pada dasarnya membincangkan tentang qawaid asas diatas. Dalam hal-hal tertentu terdapat qawaid furuk iaitu cabang kepada qawaid asas. Dalam kajian berkaitan perakaunan Islam ini, terdapat responden yang berpandangan bahawa

qawaid furuk harus dipraktikkan dalam menjayakan pembentukan PPI. Antara qawaid-qawaid furuk yang dinyatakan oleh para responden adalah seperti berikut;

ما حرم أخذه حرم إعطاؤه

“Sesuatu yang haram diambil, maka haram pula diberikan”

ما حرم استعماله حرم إتخاذه

“Sesuatu yang dilarang memanfaatkannya, maka dilarang pula memilikinya”.

Kedua-dua kaedah ini dinyatakan oleh responden kerana bagi mereka dalam pembentukan PPI perkara yang haram haruslah dijauhi. Hal ini, sebagai contoh bagi mereka riba itu adalah sesuatu yang haram menurut syarak. Sekiranya Institusi WZB menjalankan aktiviti yang melibatkan perkara-perkara haram maka perkara tersebut sudah tentu berlawanan dengan syarak maka hukum mengambil atau memanfaatkannya adalah haram menurut syarak. Hal ini terkecuali dalam kes baitulmal kerana perolehan harta-harta haram melalui serahan harta yang tidak patuh syariah. Dalam kes ini mereka memanfaatkan harta tersebut tetapi bukan digunakan untuk menjana pendapatan institusi baitulmal. Mereka hanya boleh menggunakan harta berkenaan sesuai dengan maslahat rakyat sebagai contoh membina tandas awam, jalan raya dan sebagainya yang menjadi manfaat umum kepada semua rakyat.

Selain itu, responden juga berpandangan bahawa oleh sebab yang demikian maka selayaknya fungsi pelaporan kewangan Wakaf, Zakat dan Baitulmal diakaunkan secara berasingan. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan dari berlaku kemudaratan yang lebih besar. Maka, sekiranya harta-harta tidak patuh syarak ini diakaunkan secara bersama, berkemungkinan harta ini dimanfaatkan seperti aset biasa. Hal ini berlawanan dengan qawaid sebelum ini. Jadi untuk mengelakkan dari berlaku hal yang demikian qawaid furuk adalah langkah terbaik dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

ارتكاب أخف الضرورين

Mengambil langkah yang dharurat lebih ringan.

Selain itu, responden juga berpendapat bahawa pembentukan PPI ini amat bersesuaian dengan keadaan semasa. Pembentukan PPI ini merupakan satu usaha bagi menghasilkan perakaunan yang berteraskan Islam yang patuh syariah. Oleh itu, para responden berpandangan bahawa segala urusan perakaunan yang diamalkan oleh Institusi WZB seharusnya mendapat persetujuan daripada pemerintah. Hal ini diumpamakan oleh responden dalam hal penentuan harga yang adil sebagai contoh. Dalam penentuan harga

tanah wakaf istibdal, nilai yang adil padanya adalah nilai yang setimpal atau lebih menurut pandangan para responden. Manakala, bagi tujuan menentukan sama ada tanah itu layak diistibdalkan ataupun tidak adalah berdasarkan maslahat yang wujud dengannya. Pada pandangan mereka, wakaf istibdal adalah membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai mawquf bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya. Hal ini bermaksud bahawa salah satu cara titik pengiktirafan bagi wakaf istibdal adalah berdasarkan maslahatnya dan turut serta bersamanya qawaid furuk seperti di bawah;

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Tindakan yang diambil oleh imam atau pemerintah hendaklah didasarkan kepada kepentingan rakyat dengan kemaslahatan

Terdapat responden yang menyatakan bahawa titik pengiktirafan bagi tanah wakaf bukanlah bermula daripada lafaz semata-mata. Sebagai contoh para responden memberi pendapat bahawa sememangnya akad pada wakaf akan terjadi dengan lafaz, tetapi bagi menyempurnakan akad tersebut seharusnya berserta bukti. Ini adalah untuk mengelakkan dari berlaku perbalahan di kemudian hari kelak. Bukti yang dimaksudkan di sini adalah surat pengakuan bahawa tanah itu telah diwakafkan. Responden berpandangan bahawa titik pengiktirafan bagi wakaf adalah berdasarkan tujuan dan matlamat wakaf itu sendiri. Maka berdasarkan pengalaman mereka, perbalahan boleh dielakkan dengan menggunakan surat pengakuan wakaf sebagai pengiktirafan serah hak tanah wakaf. Hal ini bersesuaian dengan qawaid furuk yang membincangkan perbincangan berkaitan akad;

العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمعاني

Pengajaran yang diambil kira dalam akad atau kontrak ialah tujuan dan matlamatnya, bukan berdasarkan kepada lafaz dan kalimah-kalimah sahaja.

Dari sudut pengukuran, para responden berpendapat bahawa seharusnya setiap harta yang diamanahkan kepada Institusi WZB diukur dengan nilai yang adil padanya iaitu nilai saksama. Dalam kes-kes tertentu berdasarkan penerimaan sesuatu adat atau kebiasaannya dalam uruf muamalat sebagai contoh nilai token sebagai nilai kepada sesuatu harta. Responden berpendapat bahawa sekiranya token diperakui oleh uruf sebagai pengukur maka ianya layak dijadikan pengukur kepada sesuatu harta. Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa nilai token atau nilai nominal hanya layak digunakan pada aset-aset yang tidak dapat dikomersialkan seperti tanah kubur, tanah masjid, dan sebagainya iaitu yang

tidak boleh menjana pendapatan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa setiap perkara perlu dihitung dalam Islam. Dalam hal berkaitan dengan Institusi WZB seharusnya amalan perakaunan sama ada dari sudut pengiktirafan, pengukuran mahupun pendedahan dijelaskan kepada umum kerana setiap orang selayaknya mengetahui apa-apa sahaja yang berlaku dalam Institusi WZB berdasarkan qawaid furuk di bawah.

أن حق الله مبني على المسامحة والمساهلة بينما حق الأدمي مبني على المشاحة والمضايقاة

Sesungguhnya terbinanya hak-hak manusia dengan Allah atas jalan toleransi dan hak-hak manusia sesama manusia atas jalan berkira.

Selain itu, bagi isu pendedahan walaupun terdapat qawaid furuk menyatakan bahawa pentingnya mendedahkan kesemua kepada umum akan tetapi sekiranya terdapat sesuatu masalah sekiranya mendedahkan perkara-perkara yang menimbulkan pertelingkahan maka selayaknya tidak didedahkan. Oleh kerana itu, para responden berpendapat bahawa setiap amalan-amalan berkaitan muamalat ini hukumnya sentiasa berubah mengikut uruf atau negara tertentu. Qawaid ini juga telah dinyatakan oleh responden seperti berikut;

المعاملة تجري على عادة اهل البلد وعرفه


(Hukum-hukum) mu`malah berjalan di atas adat sesuatu negara dan urfnya.

7.1.5 Kesimpulan Keperluan Syariah

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian di atas, didapati bahawa keperluan syariah yang diperlukan dalam pembentukan PPI bukanlah semata-mata berpandukan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias. Malah sumber-sumber ini merupakan tajuk kecil dalam perbahasan ilmu usul fiqh. Hasil analisis dapatan kajian didapati bahawa asas keperluan syariah yang diperlukan dalam pembentukan PPI adalah ilmu-ilmu yang berlegar dalam sumber-sumber disepakati (al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) dan tidak disepakati (ihtihsan, istishab, zara'ie dll.) iaitu ilmu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran dan qawaid fiqh. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa elemen-elemen seperti harta, akad, jual beli, pertanian muncul sebagai tema fiqh yang diperlukan dalam pembentukan PPI. Selain itu, elemen-elemen hukum taklif, hukum wadh'ie, maqasid al-syariah, ijtiihad, fatwa, pandangan, taklid dan juga sumber telah dikategorikan dalam tema usul fiqh dalam melaksanakan pembentukan PPI. Oleh kerana, banyak pandangan-pandangan mazhab seperti Shafie, Hanafi, Maliki, dan Hambali muncul sebagai elemen dalam menganalisis data, maka tema fiqh muqaran juga merupakan tema yang penting dalam pembentukan PPI. Berpandukan qawaid-qawaid asas dan qawaid-qawaid furuk yang dibincangkan dalam tajuk sebelum ini menunjukkan bahawa tema ilmu qawaid fiqh

merupakan hasil dapatan kajian terakhir dalam keperluan syariah. Kesimpulannya, ilmu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran dan qawaid fiqh merupakan tema yang penting dalam keperluan syariah. Hal ini boleh dirujuk dalam gambarajah 7.1 di bawah;

Gambarajah 7.1 Rumusan Keperluan Syariah



7.2 Batasan perundangan sivil

Bahagian ini akan menerangkan dapatan kajian berkaitan batasan perundangan sivil dalam pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan bagi aset sebagai rujukan kepada pihak JANM dan penggubal PPI.

7.2.1 Pengenalan Aspek Perundangan Sivil

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian; iaitu bahagian pertama memperihalkan persekitaran perundangan di Malaysia dan di bahagian kedua memperincikan tentang objektif kajian ketiga khususnya berkaitan batasan perundangan sivil dalam melaksanakan PPI. Penjelasan berkenaan persekitaran perundangan adalah penting untuk memberikan gambaran yang jelas tentang pembahagian kuasa antara Persekutuan dan Negeri, pengwujudan pihak berkuasa agama Islam, dan aspek perakaunan serta pengauditan dalam konteks MAIN. Ini boleh membantu pihak berwajib mengenal pasti ruang yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan pelaksanaan piawaian perakaunan Islam (PPI) di Malaysia. Akhir sekali batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB.

Tiga kaedah telah diambil dalam usaha mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian ketiga. Kaedah pertama ialah sorotan literatur. Kaedah ini membantu merintis isu-isu yang pernah dibincangkan dalam kajian lalu tentang wakaf zakat dan baitulmal. Antara isu-isu berkenaan aspek perundangan khususnya berkaitan tanah wakaf, pengambilan tanah dan istibdal. Manakala kaedah kedua ialah temu bual yang dijalankan dengan akauntan dan pegawai yang bertanggungjawab terhadap fungsi wakaf, zakat dan baitulmal di setiap majlis. Temu bual juga telah dijalankan dengan pegawai bahagian fatwa jabatan mufti negeri bagi mendapatkan penjelasan berhubung prosedur pelaksanaan sesuatu keputusan di peringkat Majlis berkaitan fungsi WZB. Kaedah ketiga ialah menyemak dokumen-dokumen berikut:

- i) Perlembagaan Persekutuan
- ii) Akta Tatacara Kewangan 1957
- iii) Akta Badan Berkanun 1980
- iv) Akta Audit 1957
- v) Kanun Tanah Negara 1965
- vi) Akta Pengambilan Tanah 1960
- vii) Akta Hak milik Strata (Pindaan) 2016
- viii) Enakmen Majlis Agama Negeri-Negeri
- ix) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001
- x) Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf), 2008

- xi) Arahan Perbendaharaan
- xii) Pekeliling Perbendaharaan
- xiii) Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri
- xiv) Surat Pekeliling Bendahari

Sebelum penjelasan khusus terhadap batasan perundangan sivil, adalah penting untuk menelusuri persekitaran perundangan di Malaysia.

7.3 Sistem Perundangan Persekutuan

Malaysia telah mengamalkan konsep Persekutuan dalam pemerintahan kerajaan seawal penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Perlembagaan Persekutuan sebagai Undang-undang tertinggi di Malaysia telah menggariskan pengasingan kuasa antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Perkara ini diperjelaskan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Senarai Persekutuan di dalam Senarai Pertama antaranya urusan keselamatan negara, kerakyatan, ekonomi, kewangan, pendidikan, pilihanraya, ketenteraman awam dan perkhidmatan awam persekutuan. Manakala bagi negeri-negeri diperuntukan kuasa bagi urusan berikut, di dalam Senarai Kedua Jadual Kesembilan antaranya ialah urusan tanah, cuti umum negeri, hal ehwal Islam, mahkamah syariah, mahkamah anak negeri, perkhidmatan awam negeri, perhutanan, pertanian dan pinjaman pertanian, kerajaan tempatan selain Putrajaya, Wilayah Persekutuan dan Labuan dan Jabatan Kerjaraya. Di dalam Senarai Kedua, Jadual Kesembilan juga, segala urusan berkaitan harta wakaf, zakat dan baitulmal adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Bagi memurnikan pengagihan kuasa, terdapat beberapa urusan yang dikelaskan sebagai senarai bersama, di dalam Senarai Ketiga Jadual Kesembilan, antaranya ialah kebajikan masyarakat, biasiswa, kesihatan awam, perancangan bandar, budaya dan sukan, pemuliharaan tanah perlombongan dan tanah yang mengalami runtuh, kesihatan awam dan keadaan berkaitan kesihatan awam, perparitan dan saliran. Tambahan lagi di dalam Artikel 97, Perlembagaan Persekutuan menyebut pengasingan antara hasil daripada sumber Agama Islam dengan sumber yang lain.

7.4 Enakmen-enakmen Dan Ordinan-ordinan Majlis Agama Islam Negeri

Setiap Majlis Agama Islam Negeri ditubuhkan di bawah enakmen negeri masing-masing bagi negeri-negeri di Semenanjung, manakala Majlis Islam negeri Sabah dan Sarawak ditubuhkan mengikut Ordinan Negeri.

Jadual 7.1: Majlis Agama Islam Negeri Dan Sumber Kuasa Penubuhannya.

	Negeri	Enakmen berkenaan
1	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perlis	Enakmen 4, Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006
2	Majlis Agama Islam Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004.
3	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004
4	Majlis Agama Islam Kedah	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 2008
5	Lembaga Zakat Negeri Kedah	Enakmen 23, Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2015
6	Majlis Islam Sarawak	Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001

Enakmen-enakmen negeri dan Ordinan-ordinan negeri telah dibentangkan, diluluskan dan diwartakan oleh penggubal undang-undang di dewan undangan negeri masing-masing. Antara kandungan enakmen/ordinan Majlis Agama Islam negeri ialah mewujudkan institusi Majlis Agama Islam Negeri dan fungsinya, penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Antara lain ialah perlantikan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa.

Terdapat beberapa persamaan antara enakmen/ordinan negeri, antaranya ialah;

- i) Penubuhan Majlis,
- ii) Pelantikan Mufti dan kuasa Mufti serta Jawatankuasa Fatwa,
- iii) Mahkamah Syariah,
- iv) Pendakwaan dan perwakilan,
- v) Kewangan,
- vi) Masjid dan Surau
- vii) Pungutan Khairat
- viii) Memeluk Agama Islam,
- ix) Pendidikan Islam
- x) Am

Namun begitu terdapat juga negeri-negeri yang mengasingkan perundangan bagi fungsi zakat dan wakaf. Undang-undang khusus telah digubal dan diwartakan dalam Dewan Undangan

Negeri masing-masing. Undang-undang khusus berkenaan adalah seperti dalam jadual 7.2 yang berikut:

Jadual 7.2: Institusi Wakaf, Zakat Dan Sumber Kuasa Penubuhannya.

	Institusi	Enakmen berkenaan
1	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	Enakmen Wakaf (Perak) 2015
2	Lembaga Zakat Negeri Kedah	Enakmen 23, Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2015
3	Tabung Baitulmal Sarawak	Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf), 2008

Satu-satunya institusi zakat yang terasingkan fungsinya daripada Majlis dalam Zon 2, ialah Lembaga Zakat Negeri Kedah. Mengikut catatan sejarah Jabatan Zakat telah wujud sejak tahun 1936 lebih awal daripada MAIK yang ditubuhkan pada 1948. Kedua-dua institusi ini mempunyai Lembagaanya tersendiri yang terasing.

Enakmen Zakat Kedah terbahagi kepada 7 bahagian iaitu: i) Permulaan, ii) Penubuhan LZK, iii) Kuasa dan fungsi lembaga, iv) peruntukan yang berhubungan dengan pekerja, v) Kewangan, vi) Tatatertib dan surcaj, vii) peruntukan am. Enakmen Zakat Kedah merupakan satu inisiatif untuk menambahbaik jentera Lembaga Zakat. Hal ini perlu disebabkan berlakunya beberapa perubahan kepada persekitaran semasa yang menuntut kepada perubahan kepada Institusi Zakat itu sendiri. Mengikut Enakmen Zakat Negeri Kedah, 1955 fungsi Jabatan Zakat ialah memungut, menjaga zakat, memungut dan mengadakan tadbiran yang sempurna dan mengeluarkan bayaran daripadanya mengikut undang-undang Islam. Manakala pindaan yang besar dalam Enakmen Lembaga Zakat Kedah 2015, menyuntik fungsi LZNK melampaui tugas konvensional amil dengan memasukkan beberapa elemen yang meletakkan Lembaga Zakat di dalam satu dimensi lain. Antaranya ialah; i) mendidik umat Islam berkaitan tanggungjawab mengeluarkan zakat, ii) menjalankan bancian tentang orang yang layak dikenakan zakat, iii) menyediakan anggaran kutipan dan agihan, iv) menentukan asnaf, v) menubuhkan jawatankuasa untuk menasihati Lembaga dalam perkara pengurusan dan operasi, vi) melantik dan membayar ejen termasuk amil, peguam bela dan peguam cara, juru bank atau mana-mana orang untuk menjalankan apa-apa urusan untuk melakukan apa-apa tindakan dalam melaksanakan kewajipan bagi maksud Enakmen Lembaga Zakat.

Manakala Enakmen Wakaf (Perak) 2015 mempunyai elemen berikut; i) Permulaan, ii) Pewujudan Wakaf, iii) Mawquf-alaih, iv) Wakaf tidak sah, v) Mawquf, vi) Istibdal dan pembangunan mawquf, vii) kuasa-kuasa Majlis, viii) Ketua Pendaftar Wakaf dan pendaftar

wakaf, ix) Kewangan, dan x) Peruntukan Am. Sementara itu, bagi Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf) Sarawak, 2008 pula mengandungi perkara-perkara berikut; i) Permulaan, ii) Pewujudan dan pendaftaran Wakaf, iii) Tanggungjawab Majlis, iv) Pendaftar Wakaf, v) Kesalahan dan penalti, vi) Umum. Secara amnya undang-undang khusus ini lebih terperinci perihal tentang wakaf serta mengambil kira pelbagai aspek tentang pindah milik, serah hak dan tanggungjawab pendaftar wakaf dan juga Majlis sebagai pemegang amanah.

Undang-undang ini menyediakan platform yang khusus menyentuh tentang pengurusan dan pentadbiran wakaf. Ianya menyediakan kuasa perundangan yang lebih lengkap dan teratur kepada Majlis bagi menguruskan harta wakaf dengan lebih professional (Megat Mohd Ghazali et, al., tt). Perkara yang ketara dalam perundangan ini ialah dimasukkan unsur penggantian, Istibdal yang secara khususnya menjaga kepentingan pewakaf. Hal ini, selari dengan keperluan syariah.

Takrifan wakaf diperjelaskan sebagai apa-apa harta yang boleh dinikmati faedah, manfaat atau kedu-duanya sekali untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang dtakrifkan di bawah Akta Amanah 1949 (Akta 208). Semakan dalam enakmen masing-masing mendapati Perlis, Perak, Kedah telah memasukkan takrifan di atas ke dalam enakmen masing-masing. Bagaimana pun MAIN Negeri Pulau Pinang dan Sarawak tidak meminda klausa asal.

Bagi tujuan kajian ini, tumpuan diberikan kepada fungsi WZB yang berada di bawah tanggungjawab majlis. Enakmen-enakmen negeri dan ordinan negeri menyentuh beberapa aspek penting berkaitan WZB. Antaranya fungsi utama Majlis ialah sebagai pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf, penerima dan pengagih yang sah bagi zakat, dan mewujudkan fungsi baitulmal serta urusan berkaitannya.

7.4.1 Majlis Sebagai Pemegang Amanah

Peranan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah yang tunggal bagi apa-apa harta wakaf dinyatakan dalam enakmen negeri dan ordinan negeri.

Jadual 7.3: Enakmen Wakaf Negeri Dan Seksyen Tentang Pemeganag Amanah Tunggal.

Enakmen Negeri	Seksyen
Enakmen Agama Islam Negeri Perlis	seksyen 89
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004	seksyen 78
Enakmen Wakaf (Perak) 2015	seksyen 27
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah) 2008	seksyen 52

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993	seksyen 89-90
Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001	seksyen 51-54

Terdapat dua buah negeri dalam Zon 2 yang mewujudkan undang-undang khusus bagi tujuan pentadbiran wakaf iaitu Enakmen Wakaf (Perak) 2015 dan Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf) 2008. Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf) menjelaskan tentang proses mewujudkan wakaf, syarat-syarat wakaf, pendaftaran wakaf, sijil wakaf, hak Majlis, termasuklah perihal Istibdal yang selama ini menjadi isu yang besar, kesalahan menduduki tanah wakaf atau bangunan wakaf secara tidak sah di sisi undang-undang dan kerugian yang timbul. Manakala Enakmen Wakaf (Perak) 2015 memperincikan dengan jelas pengwujudan wakaf, pendaftaran wakaf, istibdal dan pembangunan wakaf. Perkara utama yang terkandung di dalam undang-undang berkenaan ialah pendaftaran wakaf dan pindahmilik wakaf kepada pihak berwajib mengikut undang-undang. Hal ini amat penting kerana wakaf yang diberikan oleh pewakaf mungkin telah didaftarkan oleh pendaftar wakaf tetapi belum lagi dipindahmilik kepada majlis. Dari segi undang-undang hak milik suatu tanah wakaf itu masih lagi belum berpindah milik sekiranya belum ditukar milik atau serah hak kepada majlis. Perkara besar yang dimasukkan dalam undang-undang ini ialah pengwujudan Istibdal yang sering berlaku akibat pengambil alihan tanah oleh pihak berkuasa. Ketiadaan Istibdal yang jelas telah mewujudkan pelbagai polemik yang merugikan pewakaf dan juga MAIN. Kedua-dua undang-undang ini lebih memperincikan aspek wakaf berbanding undang-undang pentadbiran agama Islam yang lebih umum dan menumpukan kepada aspek pentadbiran.

7.5 Undang-undang Berkaitan Tanah

Sebelum wujudnya Persekutuan Tanah Melayu, terdapat undang-undang berbeza yang diguna pakai di setiap negeri.

Jadual 7.4: Negeri Dan Undang-Undang Tanah Sebelum Persekutuan Tanah Melayu.

Negeri	Undang-undang Tanah
Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak	Land Code (Cap 138)
Pulau Pinang dan Melaka	Land Ordinance (Cap. 113)
Johor	Land Enactment (No. 1)
Kedah	Land Enactment (No. 56)
Kelantan	Land Enactment 1938
Perlis	Land Enactment 1356
Terengganu	Land Enactment 1357

Sebelum wujudnya Persekutuan Tanah Melayu, terdapat pelbagai Undang-Undang Tanah yang diguna pakai di Negeri-negeri di Semenanjung. Setelah diwujudkan Persekutuan Tanah Melayu, Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan telah memansuhkan undang-undang terdahulu dan mewujudkan Kanun Tanah Negara terpakai untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Rentetan itu di Malaysia terdapat undang-undang berkaitan tanah yang berbeza untuk Negeri-negeri di Semenanjung dan undang-undang tanah yang khusus untuk Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Undang-undang khusus bagi Negeri Sabah ialah Land Ordinance (Cap 68) Tanah dan Sarawak Land Code untuk Negeri Sarawak.

Kanun Tanah Negara berkuatkuasa mulai 1 Januari 1966 terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia di samping 7 undang-undang lain berkaitan tanah. Antaranya ialah i) Akta Pengambilan Tanah, ii) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, iii) Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955, iv) Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967, v) Akta Hak milik Strata, vi) Enakmen Rizab Melayu.

Manakala di Sarawak mempunyai undang-undang tanah tersendiri dan masih mengekalkan Sarawak Land Code (chapter 81) kerana corak sosio-budaya yang unik. Sarawak Land Code mempunyai peruntukan terhadap tanah adat, tanah anak negeri, rezab kaum peribumi, rezab kerajaan, tanah zon bercampur, tanah negeri.

Di Sabah pula, undang-undang berkaitan tanah ialah Land Ordinance (Cap 68) 1930. Land Ordinance (Cap 68) 1930 memperihalkan tentang:

- i) dokumen hak milik pajakan yang terdiri daripada town lease (TL), country lease (CS), Provisional lease (PL), hak milik subsidiari (ST) yang didaftarkan di Pusat Pendaftaran Tanah di Kota Kinabalu,
- ii) dokumen hak milik anak negeri pula didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah. Dokumen hak milik anak negeri terdiri daripada Native Title (NT) dan Field Register (FR),
- iii) menerima, memproses serta mendaftar pelbagai jenis urusan tanah,
- iv) aspek tentang pungutan hasil tanah dan kaedah bagi mendapatkan kembali cukai tanah tertunggak,
- v) perkara tentang penandaan, pengukuran hak milik dan tentang sempadan tanah,
- vi) aspek pencerobohan tanah dan penalti,
- vii) dan aspek penguatkuasaan tanah.

Ini menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai negeri yang tidak tertakluk kepada Kanun Tanah Negara.

7.6 Undang-undang Berkaitan Perakaunan

Bahagian ini memperincikan tentang perkara-perkara yang disebut dalam undang-undang berkaitan tanggungjawab penggubal dasar Kewangan dan Perakaunan, tanggungjawab institusi menyimpan rekod dan menyediakan akaun, tanggungjawab pegawai perakaunan dan pegawai pengawal berkaitan aset dan wang awam, kuasa dan kawalan perbelanjaan, dan keperluan pengauditan penyata kewangan. Secara umumnya, perkara-perkara berkenaan disebut di dalam undang-undang yang berbeza.

Apabila memperkatakan tentang Perakaunan, ianya merujuk kepada produk akhir yang dihasilkan iaitu Akaun dan Laporan Kewangan. Dalam konteks di Malaysia, rujukan undang-undang tertinggi adalah Perlembagaan Persekutuan. Dalam Artikel 97, Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa semua hasil Persekutuan hendaklah dibayar masuk ke dalam *satu kumpulan wang yang disatukan*. Ini memberi isyarat bahawa hasil kerajaan perlulah dikumpulkan dalam satu kumpulan wang. Aspek perakaunan telah disentuh dalam perundangan negara. Walaubagaimanapun, terdapat satu pengecualian khusus di dalam Artikel 97(3) Perlembagaan Persekutuan tentang wakaf, zakat, baitulmal atau hasil-hasil Agama Islam daripada sumber-sumber lain. Artikel berkenaan menyebut "*apa-apa zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam hendaklah dibayar masuk ke dalam kumpulan wang berasingan dan tidak boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang Persekutuan.*" Pembayaran daripada kumpulan wang tersebut tertakluk kepada kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan. Maka jelaslah bahawa Perlembagaan Persekutuan mengkehendaki diasingkan kumpulan wang sumber berkaitan Agama Islam daripada kumpulan wang sumber selainnya (Bari & Shuaib 2007).

Kedua, mengikut Jadual Kesembilan, Senarai I, Senarai Persekutuan, item 7 Kewangan termasuklah:

- i) (f) Tatacara kewangan dan Perakaunan, termasuk tatacara bagi pemungutan, penjagaan dan pembayaran wang awam persekutuan dan wang awam negeri; dan pembelian, penjagaan dan pelupusan harta awam selain tanah Persekutuan dan tanah Negeri;
- ii) (g) Audit dan Akaun Pesekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa awam yang lain.

Mengikut peruntukan ini, tatacara kewangan dan perakaunan serta audit ke atas akaun pihak berkuasa awam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Ketiga, Akta Badan Berkanun 1980, menyentuh tentang beberapa perkara khususnya tentang tanggungjawab dan Prinsip Perakaunan yang diakui di dalam beberapa seksyen. Dalam Seksyen 5(1) menyentuh tentang tanggungjawab badan berkanun untuk menyimpan rekod-

rekod dan akaun mengikut prinsip perakaunan yang diakui (*"tiap-tiap badan berkanun hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun-akaun dan lain-lain rekod... mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum..."*).) Sementara itu dalam Seksyen 11(1) ABB, menyebut Menteri boleh membuat kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta dan dalam Seksyen 11(2)(b) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan garis panduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum, polisi-polisi perakaunan dan lain-lain perkara bersifat perakaunan atau kewangan berhubung dengan akaun-akaun sesuatu badan berkanun. Berdasarkan seksyen-seksyen yang disebutkan di dalam ABB 1980 di atas, jelaslah bahawa tanggungjawab tentang urusan Kewangan berada di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan mempunyai "*locus standi*" untuk membentuk dan menguatkuasakan Piawaian Perakaunan yang diakui umum. Ini termasuklah PPI yang sedang dibangunkan oleh JANM agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia.

Keempatnya ialah semakan yang dilakukan penyelidik di dalam enakmen-enakmen Majlis Agama Islam Negeri-Negeri mendapati kebanyakan enakmen memasukkan seksyen yang khusus yang menerimapakai Akta 240 iaitu Akaun dan Laporan Tahunan. Ini disebut khusus dalam seksyen 85 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Negeri Perlis, seksyen 51 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan seksyen 85 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004. Walaubagaimanapun terdapat dua enakmen yang tidak memasukkan seksyen berkaitan pemakaian Akta 240, Akaun dan Laporan Tahunan dalam undang-undang tubuh masing-masing. Enakmen berkenaan ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 dan Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001. Namun demikian terdapat agensi yang menyatakan sebaliknya, iaitu dalam seksyen 34(4) Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah menyatakan dengan jelas Akta 240 adalah tidak terpakai bagi maksud enakmen ini. Maka, LZNK adalah tidak tertakluk kepada akta berkenaan. Apakah kesannya apabila Akta 240 diterimapakai dan sebaliknya jika Akta 240 tidak diterimapakai? Bagi badan berkanun negeri yang menerimapakai Akta 240, ianya dengan sendiri terikat dengan tanggungjawab mengikut Akta, antaranya menyimpan rekod, menyediakan akaun-akaun mengikut prinsip perakaunan yang diakui umum, tempoh perakaunan, laporan tahunan dan akaun teraudit. Badan berkanun negeri juga secara sendirinya tertakluk kepada Akta Audit 1957, yang mana penyata kewangan perlu diaudit oleh juruaudit yang dilantik oleh Juruaudit Negara. Badan berkanun negeri yang tidak menyebut langsung tentang Akta 240, secara teorinya mungkin tidak terikat dengan mana-mana prosedur, tetapi badan berkanun negeri tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh pihak perbendaharaan negeri. Maka badan berkanun negeri yang mengecualikan daripada Akta 240 terkecuali daripada tanggungjawab berkenaan.

Kelimitya, rujukan dalam seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang mendefinisikan Aset Awam sebagai semua aset termasuk aset tidak alih serta Barang-barang Awam sama ada yang dibeli, disewa beli atau dibina dengan wang kerajaan, yang diterima melalui sumbangan atau hadiah, yang diperolehi melalui proses perundangan dan yang dimiliki secara pajakan atau warisan. Maka aset dalam apa cara pemerolehan adalah terangkum di dalam definisi Aset Awam yang perlu direkodkan dan dilayan mengikut layanan perakaunan yang termaktub di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957.

Keenamnya, Seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957, menggariskan tugas dan tanggungjawab Pegawai Perakaunan, iaitu menyenggara buku, menyedia akaun atau menyediakan akaun seperti yang ditetapkan oleh arahan-arahan yang dikeluarkan oleh perbendaharaan mengenai perkara tatacara kewangan dan perakaunan yang tidak bertentangan dengan Akta. Seterusnya dalam Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 juga menyentuh tentang tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk mengawal aset dan wang awam yang dipungut, diterima, atau dibelanjakan. Pegawai Pengawal juga bertanggungjawab menugaskan pegawai untuk mengakaunkan wang awam dan aset awam. Maka kedua-dua seksyen ini meletakkan tugas kawalan dan tugas menyenggara serta mengakaunkan aset dan wang awam kepada dua orang yang berbeza.

Ketujuh, mengikut seksyen 5(1) ABB 1980, setiap BB perlu menyediakan akaun dan laporan kewangan dan menyerahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Auditan ke atas BB dijalankan mengikut Akta Audit 1957 (seksyen 6 ABB, 1980). Maka Laporan Kewangan Pihak Berkuasa Awam Negeri perlulah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Bagi badan berkanun awam, sijil Ketua Audit Negara adalah suatu jaminan bahawa akaun dan penyata kewangan telah disediakan mengikut piawaian yang diakui umum dan memberikan gambaran adil dan saksama. Kredibiliti Laporan Kewangan sesuatu institusi biasanya lebih kukuh apabila laporan kewangan telah diaudit dan diberikan sijil audit bersih.

Rujukan dilakukan penyelidikan misalnya dalam Seksyen 2 Akta Audit 1957, menyebut bahawa perkataan dan ungkapan di dalam Akta Audit 1957 adalah menggunakan Akta Tatacara Kewangan 1957 sebagai rangka rujukan utamanya khususnya ungkapan “wang awam “ dan “simpanan awam”. Apabila rujukan silang Menyebut tanggungjawab Pegawai Pengawal dengan merujuk kepada Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957. Petikan daripada laporan Ketua Audit Negara menyebut, *“Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.”* Dari segi praktis, Majlis

Agama Islam Negeri melantik juruaudit swasta untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan, namun perlantikan tersebut perlu terlebih dahulu mendapat persetujuan Ketua Audit Negara.


Boleh disimpulkan bahawa akta-akta di atas tidak memberikan gambaran yang jelas tentang apakah piawaian perakaunan yang diterima umum. Keadaan ini memberikan keluasan penafsiran tentang apakah piawaian perakaunan yang diterima umum. Ini berdasarkan dapatan kajian semasa kerja lapangan ke Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang mengamalkan Piawaian Perakaunan yang berbagai-bagai.

Bagi mengatasi tafsiran yang pelbagai, Perbendaharaan Malaysia mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan (PP) untuk kegunaan Badan Berkanun Persekutuan (BBP). PP adalah suatu garis panduan berkaitan penyediaan dan pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan khusus untuk BBP. PP menetapkan perkara-perkara yang perlu didedahkan sebagai suatu Keperluan Pendedahan Minimum. Rujukan di dalam Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1, dalam seksyen 2.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15 Tahun 1994, menafsirkan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum. Prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum adalah prinsip-prinsip dan amalan perakaunan yang standard yang disediakan dan diumumkan oleh badan professional yang ditubuhkan mengikut undang-undang untuk kegunaan ahli-ahlinya berhubung dengan akaun tahunan perniagaan, perusahaan dan Perbankan di Malaysia.

PP juga memaklumkan piawaian perakaunan yang perlu diterima pakai oleh Badan Berkanun Negeri dalam penyediaan Penyata Kewangan selaras dengan kehendak Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Pada masa ini hanya dua piawaian perakaunan yang terpakai iaitu Financial Reporting Standard (FRS) dan Private Entity Reporting Standard (PERS) yang menggantikan MASB. Bagi badan berkanun yang mempunyai subsidiari senaraian awam, BBP perlu mengguna pakai FRS. Sebaliknya jika badan berkanun negeri yang memiliki subsidiari bukan senaraian awam maka badan berkanun berkenaan boleh memilih untuk menggunakan PERS. Jika BBP tidak mempunyai subsidiari, maka BBP boleh memilih untuk menerima pakai PERS (Seksyen 3.2 Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1)

Sementara itu Pekeliling Perbendaharaan pengurusan aset (AM 1.1 Pengurusan Aset Kerajaan) mengelaskan aset kerajaan kepada dua bahagian iaitu aset ketara dan aset tidak ketara. Aset ketara boleh dilihat dan disentuh secara fizikal sebaliknya aset tidak ketara merupakan aset bukan kewangan yang boleh dikenalpasti tanpa bentuk fizikal. Ianya dibahagikan pula kepada Harta Intelek dan Harta Bukan Intelek. Aset tidak ketara dilayan sama seperti aset ketara yang memerlukan penyediaan laporan berikut iaitu: laporan tahunan, sijil tahunan pemeriksaan, laporan pelupusan aset dan juga laporan tahunan kehilangan aset jika ada.

Gambarajah 7.2: Kerangka Perundangan Di Malaysia Berkaitan Perakaunan.



Gambarajah 7.2 di atas menunjukkan seksyen-seksyen yang menyebut fungsi pegawai pengawal, pegawai perakaunan, tanggungjawab badan berkanun, kuasa Menteri yang bertanggungjawab terhadap badan berkanun, serta penetapan Prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum. Kesemuanya di sentuh di dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Badan Berkanun 1980, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Akta Audit 1957. Namun tidak disebutkan dengan jelas piawaian perakaunan yang boleh diamalkan yang menyebabkan pelbagai taksiran dan praktis yang berbeza di badan berkanun. Menyedari hakikat ini, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan yang dikenali sebagai PA 3.1.

Ia memperihalkan bahawa piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) harus diterimapakai oleh badan bekanun persekutuan.

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP)

Perbendaharaan Malaysia, telah mengumpulkan 7 set Tatacara Pengurusan Kewangan bagi aset-aset kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan adalah dikeluarkan melalui peruntukan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957, yang memperincikan pengurusan aset milik kerajaan. Antara yang berkenaan ialah: i) AM 1 Pengurusan Aset Kerajaan, ii) AM 2.1 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, iii) AM 3.1 Tatacara Pengurusan Aset Hidup Ikan (TPI), iv) AM 4.1 Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan (TPH), v) AM 5.1 Tatacara Pengurusan Aset

Hidup Tumbuhan (TPT), vi) AM 6.1 Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan, dan vii) AM 7.1 Tatacara Pengurusan Aset Tidak Ketara.

Kesemua tatacara di atas adalah berkaitan Aset kerajaan yang mencakupi, Hartanah, Logi, Peralatan dan Aset Pajakan, Inventori, Pelaburan Hartanah dan Aset Tidak Ketara.

7.7 Aspek Berkaitan Perundangan Majlis Agama Islam Negeri

Dalam bab ini perkara yang akan dibincangkan adalah aspek yang berkaitan dengan perundangan MAIN pada kelima-lima buah negeri di Zon 2.

7.7.1 Negeri Pulau Pinang

Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah wujud sejak 1955, namun undang-undang berkenaan hanya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 1959. Ia dikenali sebagai Undang-undang Pentadbiran Islam 1959. Undang-undang sedia ada dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1994. Enakmen ini memperihalkan tentang kewujudan Majlis Agama Islam dan juga meletakkan fungsi WZB di bawahnya. Walaubagaimanapun fungsi zakat telah diasingkan daripada MAINPP. Suatu institusi telah ditubuhkan pada 1 Jun 1994 di bawah Akta Syarikat 1965, dikenali sebagai As-Sahabah Urus Zakat.

As-Sahabah Urus Zakat sebagai anak syarikat MAINPP, menjalankan fungsi sebagai amil bagi pihak MAINPP untuk mengumpulkan zakat di seluruh Pulau Pinang. Manakala MAINPP berperanan mengumpulkan zakat dan mengagihkan dana zakat di Negeri Pulau Pinang. As-Sahabah Urus Zakat telah diberikan jenama baru iaitu Pusat Zakat Pulau Pinang pada 26 April 2012. Pusat Zakat Pulau Pinang mengumpulkan zakat dan menyerahkan kepada MAINPP. MAINPP akan menentukan agihan mengikut asnaf yang lapan dan akan memberikan bahagian amil kepada Pusat Zakat Pulau Pinang untuk kegunaan pengurusan kutipan zakat. Manakala As-Sahabah memberikan kepada MAINPP bahagian emolumen bagi tujuan menampung kos gaji staf MAINPP. Bangunan-bangunan yang diduduki oleh Pusat Zakat Pulau Pinang dibeli oleh MAINPP dan disewakan kepada PZPP. Sekiranya terdapat keuntungan sesuatu tahun, ianya akan dikenakan cukai berdasarkan Akta Syarikat. Walaubagaimanapun, buat masa ini PZPP masih mendapat pengecualian cukai daripada JAWHAR dan keuntungannya tidak dikenakan cukai.

7.7.1.1 Aspek Kewangan Dan Perakaunan - Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004

Bahagian VI Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 mengkhususkan kepada aspek Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis. Secara khusus enakmen menyatakan pembentukan kumpulan wang Baitulmal serta harta dan juga penyediaan belanjawan bagi

suatu tahun kewangan. Belanjawan MAINPP adalah tertakluk kepada kelulusan YDP Agong. Enakmen menyebut dengan jelas bahawa perbelanjaan dan perlupusan aset perlu melalui kelulusan YDP atau pegawai yang diberi tanggungjawab oleh majlis.

Enakmen ini juga menyebut secara khusus tentang Zakat dan Fitrah bagi penduduk di negeri Pulau Pinang (seksyen 86-88). Majlis juga dinyatakan sebagai pemegang amanah tunggal bagi segala jenis wakaf (seksyen 89). Seksyen 85 menyebutkan dengan jelas Penyediaan Akaun dan Laporan Tahunan adalah tertakluk kepada Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 (Akta 240). Akta Badan Berkanun memperihalkan tentang tempoh penyediaan dan penyerahan penyata Akaun untuk tujuan pengauditan.

7.7.1.2 Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang.

Majlis Fatwa Pulau Pinang memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam memacu pembangunan WZB di Pulau Pinang. Majlis Fatwa Pulau Pinang memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat dengan meletakkan ringkasan fatwa di laman web mereka (Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang 2006-2010). Hal ini membolehkan masyarakat memperoleh maklumat dan merujuk kepada Jabatan Mufti untuk mendapatkan perincian.

Antara persoalan yang timbul ialah sama ada lebih zakat terkumpul boleh dimanfaatkan dengan membeli aset, melabur dalam pelaburan jangka panjang, memberi pinjaman, dan digunakan untuk membayar hutang MAINPP.

Jadual 7.5: Cadangan/ Isu Diangkat Dan Keputusan JK Fatwa PP

Cadangan MAINPP atau isu yang dibawa	Keputusan JK Fatwa
Wang zakat yang tidak habis diagihkan	Tidak boleh digunakan lebih zakat bagi tujuan lain
Cadangan membeli kenderaan Pejabat untuk kegunaan MAINPP dan JAIPP	Menolak cadangan MAINPP kerana pandangan ulamak muktabar tidak membenarkan.
Hasil sewa, yang diperolehi daripada sewaan premis yang dibeli menggunakan sumber zakat.	JK Fatwa berpandangan bahawa hasil sewa yang diperolehi daripada sewaan premis yang dibeli menggunakan sumber zakat perlulah dimasukkan Akaun Tabung Zakat dan bukannya dalam tabung Baitulmal.

Cadangan pembelian premis-premis zakat.	JK membuat keputusan membenarkan pembelian premis-premis zakat menggunakan bahagian sumber am Majlis Agama Islam Pulau Pinang
MAINPP membuat permohonan untuk menggunakan Akaun Tawaquf untuk membayar balik pinjaman Majlis	JK bersidang bersetuju tidak membenarkan cadangan berkenaan berdasarkan kepada pengagihan kutipan zakat kepada 8 asnaf berkenaan sahaja. Manakala bayaran balik kepada pinjaman Akaun Tawaquf pula tidak dapat ditentukan masanya yang mana jumlah keseluruhan pinjaman tersebut perlu diselesaikan pada tahun berkenaan pinjaman dibuat. Mesyuarat juga mengambil kira faktor bayaran pinjaman sepatutnya dibuat pada tahun 2005 (iaitu dalam masa 2 tahun lagi), bermakna isu bayaran balik pinjaman belum sampai ke tahap kritikal.
Pengagihan zakat untuk program tuisyen.	Diluluskan untuk peserta yang beragama Islam.
Permohonan MAINPP untuk menggunakan Dana Tawaquf untuk membeli aset	JK menolak permohonan MAINPP untuk menggunakan Dana Tawaquf untuk membeli aset

Beberapa keputusan atau Fatwa yang dikeluarkan oleh JK Fatwa memberi kesan kepada praktis perakaunan MAINPP. Misalnya, keizinan menggunakan dana zakat bagi tujuan biaya tuisyen pelajar beragama Islam, kebenaran JK Fatwa terhadap cadangan membeli premis zakat dengan menggunakan sumber am MAINPP.

Manakala keputusan lain menjadi polisi sama ada boleh digunakan dana tertentu yang melibatkan Majlis. Permohonan MAINPP untuk menggunakan dana tawaquf untuk membayar hutang yang belum kritikal adalah tidak dibenarkan begitu juga penggunaan dana tawaquf untuk membeli aset untuk kegunaan MAINPP tidak dibenarkan. Dana tawaquf dibenarkan oleh JK Fatwa untuk dilaburkan di dalam Pelaburan Simpanan Tetap Mudharabah BIMB, ini melibatkan polisi pelaburan dan layanan perakaunan bagi dana tawaquf dan akaun pelaburan simpanan tetap (aset tetap). Begitu juga kebenaran membangunkan Rumah Asnaf PP di atas tanah wakaf menggunakan sumber dana zakat. Ianya melibatkan secara langsung layanan perakaunan bagi aset tetap (tanah wakaf) dan kos pembangunan menggunakan dana zakat. Kesemuanya melibatkan aset hartanah.

Jadual 7.6: Cadangan MAINPP Dan Keputusan JK Fatwa

Cadangan MAINPP atau isu yang dibawa	Keputusan JK Fatwa
dana zakat untuk diberikan kepada orang bukan Islam	Menolak cadangan.
Cadangan penggunaan dana Tawaquf untuk dilaburkan dalam Simpanan Tetap Mudharabah BIMB	JK benarkan.
Cadangan wujudkan pasar asnaf.	PUZ diminta menyediakan garis panduan had kifayah dan memasukkan muallaf dalam program.
Permohonan membina Rumah Asnaf Zakat PP di atas tanah wakaf menggunakan sumber dana Zakat MAINPP	Meluluskan permohonan. Pemilikan rumah boleh diwarisi setelah selesai bayaran RM60,000. Rumah berkos RM100,000. Di mana RM 40,000 ditanggung oleh Zakat PP bagi setiap unit dan baki RM60,000 ditanggung pemilik daripada wang baitulmal dan sumber am. Fatwa mendesak ZPP melalui MAINPP membeli tanah-tanah untuk kegunaan dan kepentingan asnaf dengan menggunakan wang tawaqquf. Tanah tersebut tidak boleh dipindahmilikan kepada bukan Islam.

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh JK Fatwa adalah suatu keputusan yang telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak yang berada dalam jawatankuasa. Pandangan tersebut telah dijadikan asas untuk MAINPP bertindak dalam menguruskan dana WZB dan akhirnya memberi kesan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan serta urusan perakaunan. Misalnya, fatwa berkenaan hapuskira penghutang. Dari segi perakaunan penghutang yang gagal membayar hutang bagi tempoh tertentu akan dicadangkan untuk dihapuskira. Namun Jawatankuasa Fatwa berpandangan bahawa hutang dengan Allah tidak boleh dihapuskirakan begitu sahaja. Untuk tahun kewangan 2016, MAINPP merekodkan sejumlah RM9.7 juta akaun penghutang. Pihak Audit mencadangkan agar sejumlah RM900 ribu dihapuskirakan bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama. Jadi berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa, baki penghutang dikekalkan. Namun bagi tujuan pematuhan Audit, maka rekod penghutang disediakan perlunasan dan dihapuskira.

7.7.2 Negeri Sarawak

Negeri Sarawak mempunyai dua ordinan yang menjadi tunjang kepada urusan Majlis Islam Sarawak iaitu Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 dan Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf), 2008. Kedua-dua undang-undang ini saling melengkapi antara satu sama lain.

7.7.2.1 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001

Di bawah Undang-undang Sarawak Bab 41 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001, menzahirkan penubuhan Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan agama Islam di Negeri Sarawak. Majlis bagi maksud Kanun Tanah dianggap sebagai Bumiputera Sarawak (seksyen 4(6)). Terdapat klausa tambahan yang memberikan ruang yang lebih luas kepada majlis iaitu berkaitan kewajipan Majlis terhadap kemajuan Ekonomi dan sosial masyarakat orang Islam (seksyen 5). Ini memberikan tanggungjawab kepada Majlis untuk merangka dan melaksanakan apa-apa aktiviti komersil yang boleh menjana sumber kewangan untuk kepentingan orang Islam.

Bahagian V (seksyen 43 – 56) menyatakan tentang penubuhan Lembaga Baitulmal dan Wakaf yang mempunyai kuasa untuk melabur wang atau aset Baitulmal untuk manfaat Majlis Islam Sarawak. Seksyen 45 (1) menyebut pengwujudan Kumpulan Wang Baitulmal. Dalam konteks Baitulmal di Sarawak ianya mencakupi harta pusaka si mati yang beragama Islam, zakat dan fitrah, caruman kepada Baitulmal, wang dipinjam oleh Majlis, wakaf khas dan nazir am. Dalam hal berkaitan si mati yang beragama Islam, yang berdomisil di Sarawak dan hartanya berada sama ada di dalam negeri atau di luar Sarawak dan sama ada harta alih atau harta tak alih adalah terletak hak, serah hak atau pindah hak (bagi harta tak alih berlaku pindah hak setelah didaftarkan di bawah Kanun Tanah (Bab 81(Cetakan 1972)) terletak hak pada Majlis. (Seksyen 47)

Seksyen 51(1) mengadakan had bagi pengwujudan wakaf yang melebihi sepertiga daripada harta orang yang membuat wakaf. Pendapatan daripada wakaf khas hanya boleh digunakan untuk tujuan peruntukan-peruntukan yang sah bagi wakaf khas. Dalam seksyen 53 (1) menyebut aset dan harta modal yang berkaitan dengan wakaf atau nazir am yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada baitulmal bahkan perlu dipegang sebagai dana berasingan. Sekiranya berlaku perubahan atau disebabkan masa terlalu lama setelah pegangan aset, yang tidak memungkinkan wakaf berkenaan digunakan bagi memperolehi manfaat maka Majlis hendaklah memanfaatkan sebaik mungkin aset berkenaan mengikut tujuan asal wakaf berkenaan atau setidak-tidak hampir dengan tujuan asalnya. Yang di-Pertua Negeri boleh mengarahkan harta modal dan aset berkenaan di masukkan ke dalam Baitulmal. Dokumen hak milik atau sekuriti-sekuriti hendaklah diserahkan dan dipegang oleh Majlis.

Seksyen 55 (1) menghendaki Majlis menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri satu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak kepada Majlis, yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal. Seksyen ini menghendaki Majlis menyediakan akaun-akaun berasingan dalam Baitulmal. (Menteri di dalam seksyen ini merujuk kepada Menteri Negeri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam di Sarawak).

Seksyen 65 menyatakan kuasa Majlis memungut dan melupuskan Zakat dan Fitrah dan penyediaan akaun berasingan dalam Baitulmal. Ini telah mewujudkan amalan kumpulan wang Zakat berasingan daripada kumpulan wang baitulmal.

Bahagian IX Peruntukan-peruntukan Kewangan. (seksyen 71 – 74). Majlis perlu menyediakan belanjawan yang mengandungi anggaran pendapatan dan perbelanjaan Baitulmal untuk tujuan tahun berikutnya untuk dikemukakan kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Majlis. Kunci Kira-Kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan serta senarai pelaburan hendaklah diaudit setiap tahun dan diperakui sewajarnya oleh Ketua Audit Negara atau pegawai yang diberikuasa oleh Ketua Audit Negara. Seksyen 73 menyatakan Majlis hendaklah memastikan akaun-akaun yang lengkap dan benar Baitulmal disimpan dan seberapa segera yang mungkin selepas 31 Disember setiap tahun mengemukakan kepada menteri suatu laporan tentang aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang tahun beserta Kunci Kira-Kira dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berkenaan. Di samping itu juga suatu senarai harta dan pelaburan Baitulmal dengan menunjukkan kosnya jika dibeli, dan anggaran nilai seperti pada 31 Disember.

Majlis Islam Sarawak (MIS) ditubuhkan mengikut enakmen MIS 2001. MIS diwujudkan sebagai satu entiti yang sah di sisi undang-undang yang menasihati Yang di-Pertuan Agong hal-hal berkaitan agama Islam di dalam Negeri Sarawak. Walaubagaimanapun Majlis tidak ada kuasa dalam hal Undang-undang Islam dan undang-undang berkaitan pentadbiran keadilan dan menjalankan kuasa seperti yang dinyatakan dalam Ordinan MIS. Ordinan MIS mempunyai kelainan dengan meletakkan peranan MIS untuk memacu ekonomi umat Islam di Sarawak. MIS berfungsi sebagai badan pemantau, manakala institusi TBS sebagai agensi yang bertanggungjawab menguruskan fungsi WZB. Berdasarkan kerja lapangan, penyelidik dapati perkembangan aset milik TBS memberangsangkan walaupun dalam situasi masyarakat minoriti di Sarawak.

Dapat dirumuskan di sini, bahawa TBS merupakan model yang baik dengan mengasingkan fungsi penggubal dengan fungsi pemegang amanah. Penggubal juga memainkan peranan yang besar dalam memacu ekonomi umat Islam di Sarawak.

7.7.2.2 Jabatan Mufti Negeri Sarawak

Segmen ini membincangkan tentang peranan Jabatan Mufti Negeri Sarawak dalam menentukan bahawa keputusan yang dibuat oleh TBS adalah berlandaskan hukum Islam dan tidak bertentangan dengan kehendak syariah. Pihak Jabatan Mufti telah meminta pihak TBS membawa sebarang cadangan ke Jawatankuasa Fatwa Negeri Sarawak sebelum dilaksanakan.

Jabatan Mufti Sarawak merupakan sumber rujukan bagi membincangkan dan memutuskan sesuatu isu yang di bawa kepada Jawatankuasa Fatwa. Menurut seksyen 36, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 menyatakan bahawa jawatankuasa fatwa terdiri daripada sekurang-kurangnya 4 orang ahli dan maksima 8 orang ahli-ahli lain yang akan menasihati Majlis atas semua perkara berhubungan dengan Undang-undang Islam. Mufti adalah pengerusi bagi mesyuarat Jawatankuasa Fatwa dan sekurang-kurangnya 3 orang ahli lain sudah mencukupkan kourum mesyuarat. Perkara berkaitan Fatwa dinyatakan dalam seksyen 36 – 42 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.

Menurut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-76 pada 21-23 November 2006;

Dari segi siasah dan maslahat, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.

Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Walau bagaimanapun, semasa membayar zakat di Tabung Baitulmal pembayar bolehlah membuat saranan supaya wang zakat yang dibayar tersebut diagihkan juga ke institusi seperti masjid, sekolah yang memerlukan bantuan. (Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke 23 pada 05 September 2013M/ 29 Syawal 1434H sebulat suara menerima sighthah keputusan.)

Semasa temu bual dengan pihak Jabatan Mufti Sarawak, penyelidik dimaklumkan bahawa Jabatan Mufti mengambil beberapa inisiatif untuk mempermudah pelaksanaan urusan berkaitan TBS. Antaranya ialah pertama, sebarang cadangan TBS untuk membangunkan sesuatu projek yang melibatkan wakaf, zakat dan baitulmal, haruslah mendapatkan pandangan JK Mufti. Maka penglibatan JK Fatwa Sarawak adalah pada peringkat awal lagi

dan sekiranya suatu cadangan itu menyalahi keperluan syarak, ianya akan diberikan nasihat yang sewajarnya oleh Jawatankuasa Fatwa. Dalam beberapa situasi yang mana TBS membawa cadangan untuk membangunkan tanah wakaf menggunakan sumber dalaman bagi mengelakkan kos pembiayaan yang tinggi, pihak Mufti membenarkan cadangan tersebut dilaksanakan. Hal ini telah mengurangkan banyak birokrasi berkaitan percanggahan hukum syarak dalam pelaksanaan aktiviti di TBS.

Keduanya ialah pihak Mufti Sarawak lebih cenderung memberikan pandangan berdasarkan isu-isu yang diangkat dan seboleh mungkin mengelakkan pengeluaran Fatwa. Ini kerana proses mengeluarkan fatwa melibatkan jangka masa yang panjang dan memerlukan pewartaan sebelum ianya diterima sebagai fatwa yang boleh dikuatkuasakan. Pendekatan kedua dan pertama ini berkait rapat dan memudahkan suatu isu diputuskan dan membantu mempercepatkan tindakan yang betul dan berlandaskan syarak oleh pihak TBS. Fatwa akan dikeluarkan bagi kes-kes yang besar melibatkan masyarakat yang luas atau memberikan kesan yang besar kepada ummah yang memerlukan penguatkuasaan oleh pihak ketiga seperti Polis, Kementerian Dalam Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Pentadbir Tanah dan pihak-pihak lain.

Berdasarkan temu bual dan pencerahan dengan staf dan Mufti Sarawak dapat dirumuskan bahawa Jabatan Mufti mengambil langkah yang proaktif dalam mempercepatkan suatu cadangan berkaitan TBS dan telah mempermudah pelaksanaan pembangunan tanah wakaf di Sarawak.

7.7.3 Negeri Perak

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 merupakan punca kuasa bagi penubuhan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Terdapat bahagian khusus tentang Kewangan iaitu bahagian VI Baitulmal dan tatacara kewangan majlis. Seksyen 70 mendefinisikan penubuhan baitulmal dan suatu kumpulan wang Baitulmal diwujudkan dan mempunyai akaun-akaun berasingan bagi i) Zakat dan Fitrah, ii) wakaf dan nazr am, iii) sumber am dan amanah-amanah. Manakala bagi sumber am Baitulmal pula mencakupi i) sumbangan dan pemberian, ii) fidyah dan kaffarah, ii) wang dan harta orang Islam yang tak dituntut, iii) harta pusaka yang tak diwarisi, iv) Harta tercicir (Luqatah), v) sumber-sumber lain Baitulmal.

Seksyen 70 (4) menyatakan bahawa harta Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis dan Majlis hendaklah mentadbirkan semua harta itu mengikut peraturan-peraturan dalam Enakmen ini. Seksyen 70 (5) menyatakan aset atau kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak.

Terdapat subseksyen yang menyentuh tentang penyediaan bajet (anggaran pendapatan dan perbelanjaan) perlu disediakan sebelum 31 Disember setiap tahun untuk dipersembahkan kepada KDYMM Sultan. Manakala seksyen 71 (6) menyebut tanggungjawab Pegawai Pengawal dan Ketua Pegawai Perakaunan dengan memperincikan tentang 'stor-stor Baitulmal' (harta, dan barang kepunyaan atau dalam milik atau di bawah kawalan Majlis) yang berkaitan dengan kajian ini. Majlis juga mengikut undang-undang merupakan pemegang amanah tunggal bagi wakaf, nazir dan amanah orang Islam bagi harta-harta yang terletak di dalam Negeri Perak dan harta-harta berkenaan setelah didaftarkan di bawah undang-undang bertulis berhubung dengan tanah, terletak hak pada Majlis.

Harta modal dan aset yang berkaitan wakaf atau nazir am yang sah di sisi undang-undang tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal (Seksyen 82(1) Modal wakaf dan Nazir. Bagaimanapun sekiranya berlaku situasi yang tidak memungkinkan pelaksanaan maksud wakaf atau nazir am, maka Majlis boleh menyediakan skim untuk menggunakan aset berkenaan mengikut cara sehampir mungkin seperti kehendak terma-terma wakaf atau nazir am itu. Majlis boleh dengan perkenan bertulis KDYMM Sultan Perak, mengarahkan harta berkenaan ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal (seksyen 82 (4)). Sekiranya maksud wakaf dan nazir am tidak menyatakan cara penggunaan harta tersebut atau tidak pasti daripada terma-terma itu cara bagaimana harta modal itu patut digunakan, Majlis boleh mengarahkan harta tersebut ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

Surat cara yang mewujudkan, beserta dokumen-dokumen hak milik atau cagaran lain hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis (seksyen 82 (5)). Manakala dalam kes di mana makna atau natijah suratcara atau akuan yang diwujudkan berkaitan wakaf atau nazir adalah kabur atau tak pasti, Majlis boleh merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa bagi mendapatkan pendapatnya tentang makna atau natijah surat cara atau akuan itu dan Majlis hendaklah bertindak menurut pendapat yang diberikan oleh Jawatankuasa itu (Seksyen 83). Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam warta suatu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, yang tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf atau nazir dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

7.7.3.1 Enakmen Pentadbiran Wakaf Negeri Perak

Enakmen ini digubal dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri Perak dan diwartakan pada 31 Disember 2015. Undang-undang ini mempunyai 50 seksyen. Antara elemen penting yang terdapat dalam undang-undang ini ialah

Bahagian 1	Permulaan
Bahagian 2	Pewujudan wakaf
Bahagian 3	Mawquf-Alaih
Bahagian 4	Wakaf tidak sah
Bahagian 5	Mawquf
Bahagian 6	Istibdal dan pembangunan mawquf
Bahagian 7	Kuasa-kuasa Majlis
Bahagian 8	Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf
Bahagian 9	Kewangan
Bahagian 10	Peruntukan Am

7.7.3.2 Fatwa Mufti Negeri Perak

Bagi Negeri Perak, hukum perundangan tertinggi berkaitan Badan Berkanun Negeri adalah di bawah bidang kuasa Negeri. Jika terdapat isu-isu semasa yang baharu yang memerlukan pandangan ahli dalam bidang Syariah, maka isu-isu tersebut akan diangkat kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri. Jawatankuasa ini dilantik oleh KDYMM Sultan Perak dan dipengerusikan oleh SS Tan Sri Mufti. Antara isu-isu yang diputuskan ialah:

i) Waqaf pemerintah muslim dari harta baitulmal, yang diputuskan pada 20 Januari 2006. Ulama'-ulama' mazhab Shafie telah mengharuskan bagi Imam-imam (pemerintah) muslimin dan khalifahnya untuk mewaqafkan sebahagian dari tanah-tanah baitulmal jika tindakan itu membawa kemaslahatan kepada umat Islam. Dalam hal ini mereka mengecualikan syarat sempurna milik bagi pewaqaf disebabkan khalifah tidak memiliki harta-harta baitulmal, walaupun begitu mereka berpendapat bahawa sah waqaf berkenaan. Mereka berdalil kepada waqaf yang telah dilakukan oleh Omar Al Khattab semasa beliau memegang jawatan khalifah yang dikenali sebagai waqaf Sawwad al-'Iraq. Telah berkata Imam Nawawi Rahimahullah di dalam Raudhah "Jika Imam berpandangan untuk mewaqafkan tanah rampasan perang sepertimana yang dilakukan oleh Omar r.a hukumnya adalah harus jika mendapat persetujuan dari mereka yang berhak terhadap harta itu sama ada persetujuan mereka dengan penggantian hak mereka atau selainnya.

Semakan ke atas Pekeliling Perbendaharaan Negeri mendapati Pejabat Kewangan Negeri Perak telah mengeluarkan suatu pekeliling pada 23 November 2015. Melalui 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Bil. PS 5.1/2013 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016. Pekeling ini menerimapakai dengan pindaan PS 5.1/2013 dan melibatkan Badan Berkanun Negeri Perak termasuk Majlis Agama Islam Negeri Perak. Susulan daripada penerimaan ini adalah

semua Badan Berkanun Negeri di Perak adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil 5.1/2013.

7.7.4 Negeri Perlis

Undang-undang tubuh, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Negeri Perlis, menyatakan tentang penubuhan Majlis. Bahagian yang berkaitan dengan Pelaporan Kewangan ialah bahagian VI, Kewangan, Baitulmal dan tatacara Kewangan Majlis. Bahagian ini mendefinisikan kumpulan wang Baitulmal yang merangkumi wang, harta alih dan tak alih dalam Baitulmal yang hendaklah diletakkan pada Majlis. Majlis hendaklah mentadbir semua wang dan harta mengikut peraturan yang dibuat di dalam enakmen. Seksyen 82 menyebut tentang penyediaan dan penyembahan bajet kepada DYMM Raja Pemerintah.

Praktis di Perlis ialah fungsi-fungsi WZB diletakkan di bawah MAINPs dan fungsi perakaunan dan kewangan berada di bawah MAINPs.

Bagi kutipan zakat, Perlis mengamalkan dasar yang lebih terbuka yang mana membenarkan institusi mengutip zakat bagi pihak MAINPs dan menyerahkannya kepada Majlis. Majlis akan memberikan sebahagian kutipan zakat kepada institusi berkenaan atas dasar "*Ta 'awun*" bantu-membantu. Perlis membenarkan institusi luar daripada Negeri Perlis mengutip zakat bagi pihak MAINPs. Begitu juga penerima zakat juga melampaui sempadan geografi Negeri Perlis. Sejak mengamalkan dasar terbuka kutipan zakat di Negeri Perlis menunjukkan peningkatan mendadak. Kutipan untuk tahun 2016 ialah RM221,117,499 dengan lebih sebanyak RM99,006,676.00 (Laporan Kewangan Diaudit 2016). Perlis juga agak terbuka dalam mendefinisikan Al-Riqob, membebaskan diri dari belunggu diperluaskan kepada golongan berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera. Praktis di beberapa negeri ialah menjumudkan asnaf Al-Riqob, kerana tidak wujud lagi penghambaan yang pernah diamalkan di zaman jahiliah.

Begitu juga dengan asnaf Fisabilillah, mendapat agihan yang besar daripada sumber dana zakat iaitu sebanyak RM35,828,366.00 untuk tahun 1996. Asnaf Al-Muallaf ditakrifkan sebagai menjinakkan hati dan diperluaskan cakupan merangkumi, orang bukan Islam yang mungkin boleh dipujuk untuk memeluk Islam. Pada tahun 2016 MAIPs telah mengeluarkan sejumlah RM16,859,116 untuk diagihkan kepada muallaf, iaitu 13.81% daripada keseluruhan wang zakat yang diagihkan.

Amalan di MAIPs.

- 1) Hartanah wakaf direkodkan di dalam daftar pada nilai token. Wakaf khas untuk masjid, tanah kubur, sekolah, madrasah biasanya tidak ada nilai komersil kecuali berlaku

pengambilan tanah oleh pihak lain untuk tujuan pembangunan. Wakaf am pula lebih terbuka, boleh digunakan untuk pelbagai tujuan yang memberi manfaat kepada ummah.

- 2) Aset yang dijumpai atau harta Luqatah juga direkodkan dalam daftar aset yang dijumpai dan tidak ada suatu prosedur yang jelas tentang apakah langkah seterusnya. Wajar disediakan suatu prosedur khusus untuk harta luqatah.
- 3) Pembinaan bangunan atas tanah wakaf sama ada menggunakan sumber am baitulmal atau geran bantuan Kerajaan Persekutuan mempunyai kesan perakaunan yang berbeza kepada pihak MAIPs.

7.7.4.1 Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Memainkan Peranan Yang Besar Dalam Operasi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis Keputusan Jawatankuasa Fatwa.

Jawatankuasa Fatwa merupakan institusi rujukan yang dilakukan secara ijmak oleh ulamak yang pakar dalam bidang masing-masing. Di antara isu yang dibawa ialah:

- i) Hukum mendapatkan semula tanah wakaf. Mesyuarat JK Syariah Negeri Perlis bil.1/2010, pada 26 April 2010 telah memutuskan bahawa mana-mana harta wakaf yang telah disabit wakaf daripada pemilik asalnya akan menjadi harta milik Allah serta-merta, tidak boleh ditarik balik oleh pewakaf dan tidak boleh dikembalikan kepada pemilik asalnya. Pihak berkuasa Islam boleh melaksanakan wakaf tersebut berdasarkan maslahat umum semasa. Keputusan telah diperakukan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIPS) dalam mesuarat bil. 2/2010. (mukasurat 3 Himpunan Fatwa)
- ii) Lebihan zakat tahun tertentu dimasukkan ke dalam akaun khas lebihan zakat bagi tahun berikutnya, dan perbelanjaan hendaklah kekal pada asnaf-asnaf zakat yang telah diperuntukkan oleh hukum syarak. (Mesyuarat JK Fatwa kali ke 17/12012, pada 17 September 2012). (mukasurat 47 Himpunan Fatwa)
- iii) Cadangan untuk memindahkan aset kumpulan wang zakat kepada kumpulan wang sumber am. Bayaran ansuran sebanyak RM200,000 setahun menggunakan Kumpulan Wang Sumber Am. Keputusan Mesyuarat JK Fatwa Negeri Perlis kali ke 10/2013 dan telah diperakukan oleh MAIPs dalam mesyuarat bil 3/2013 pada 20 Mei 2013. (mukasurat 52 Himpunan Fatwa)
- iv) Cadangan pembangunan di tapak masjid lama yang berpotensi di sekitar Negeri Perlis. Mesyuarat JK Fatwa Negeri Perlis kali ke 10/2013 secara majoriti tiada halangan dengan cadangan pembangunan tapak masjid lama. Keputusan telah diperakukan oleh MAIPs pada 20 Mei 2013. (mukasurat 53 Himpunan Fatwa)

v) Hukum penggunaan wang dari sumber cukai aktiviti haram untuk membina rumah orang-orang Islam yang Miskin. Mesyuarat sebulat suara bersetuju bahawa wang daripada sumber cukai aktiviti haram adalah harus bagi pihak kerajaan menggunakannya untuk masalah umum seperti membina masjid, rumah kediaman, kemudahan awam dan seumpamanya. (mukasurat 67 Himpunan Fatwa).

Keputusan Fatwa berkaitan Zakat. Wang zakat wajib dibahagikan mengikut 8 asnaf untuk dimiliki oleh mereka secara bebas tanpa ditinggalkan sebarang baki. Pembahagian harta zakat itu hendaklah mengikut keutamaan yang disebutkan satu persatu oleh ayat Al-Quran. Dengan memperbanyakkan peratus pembahagian yang disebut dahulu oleh Al-Quran dan dikurangkan pembahagian sehingga yang terakhir. Ini berdasarkan mafhum Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Zakat diambil daripada orang-orang kaya dan dikembalikan kepada orang-orang fakir miskin". Mengenai pelaburan yang telah dibuat, jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa ianya dimaafkan dan tidak berulang berdasarkan ayat Al-Quran yang bermaksud "Allah mengampunkan dosa-dosa yang telah lalu". (Himpunan Fatwa Negeri Perlis ms 93)

vi) Terdapat suatu fatwa yang berbunyi:

Amalan melabur hasil zakat yang tidak dapat diagihkan dalam tahun semasa kepada asnaf yang lapan dengan membeli aset adalah tidak tepat, ketika asnaf berkenaan memerlukan bantuan zakat. Dengan itu segala harta yang telah dibeli dengan wang zakat jika dijual semula hendaklah dikembalikan wang jualan tersebut kepada asnaf yang lapan yang telah ditentukan oleh syariat Islam. (Himpunan Fatwa Negeri Perlis ms 94)

vii) Menggunakan wang zakat untuk membina masjid. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis sebulat suara menyatakan bahawa wang zakat tidak boleh digunakan untuk membina masjid. Terdapat pengecualian sekiranya wujud keadaan terdesak di mana sumber lain tiada kecuali zakat dan ketiadaan fungsi masjid menyebabkan aktiviti dakwah terbantut dalam situasi masyarakat minoriti. Jawatankuasa berpandangan bahawa pemerintah muslim bertanggungjawab memastikan masjid mencukupi untuk menampung keperluan orang Islam. Mesyuarat JK Fatwa Negeri Perlis kali ke 30/2017 pada 5 Jun 2017.

viii) Pelaburan wang zakat Negeri Perlis. Jawatankuasa Fatwa bersidang bagi membincangkan pelaburan wang zakat. Pada pandangan jawatankuasa, hukum asal adalah tidak diharuskan. Namun sekiranya agihan zakat telah dilakukan dengan sebaiknya kepada asnaf-asnaf yang berhak mendapatkannya, dan masih ada lebihan, maka jawatankuasa berpandangan adalah diharuskan harta zakat tersebut dilaburkan atas masalah yang kembali kepada asnaf zakat tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Pelaburan patuhi syariah yang disahkan oleh panel pengawasan syariah yang berotoriti.
- b. Pelaburan berisiko rendah dan sederhana dari institusi kewangan yang diiktiraf pihak berkuasa.
- c. Pelaburan berisiko tinggi boleh dibuat dengan mendapat jaminan khas dari pihak yang berautoriti serta distruktur secara patuh syariah.
- d. MAIPs merupakan pihak yang melulus dan menjamin setiap pelaburan.

7.7.5 Negeri Kedah

Mengikut catatan sejarah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah yang pertama wujud pada tahun 1952, di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Undang-undang Negeri Kedah No. 9 tahun 1962). Majlis ditubuhkan semasa pemerintahan KDYMM Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Majlis diwujudkan bagi menasihati KDYMM Sultan berhubung dengan perkara bersangkutan paut dengan Agama Islam di Negeri Kedah. Pada tahun 2008, satu enakmen baru telah digubal yang mengasingkan fungsi pembuat dasar daripada fungsi pelaksana. Majlis diberikan kuasa untuk menggubal dasar berkaitan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam, manakala Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pula melaksanakan polisi-polisi yang telah digariskan oleh Majlis.

Majlis Agama Islam Kedah ditubuhkan mengikut Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 2008. Antara kandungan enakmen ialah

	Kandungan
Bahagian 1	Permulaan – permulaan kuatkuasa, tafsiran dan hak KDYMM Sultan
Bahagian 2	Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman –perihal pentadbiran Majlis
Bahagian 3	Pendakwaan dan Penguatkuasaan - Hakim Syarie, pegawai penguatkuasa agama dan peguam syarie.
Bahagian 4	Kewangan- Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis, Wakaf, Nazr dan Amanah
Bahagian 5	Masjid
Bahagian 6	Pungutan Khairat
Bahagian 7	Memeluk Agama Islam – mualaf
Bahagian 8	Pendidikan Agama Islam
Bahagian 9	Am

Jadual di atas menunjukkan pecahan bahagian yang disentuh di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah, 2008.

Bahagian yang khusus berkaitan kewangan disebut di dalam bahagian keempat. Seksyen 47(1) Enakmen Pentadbiran undang-undang Islam Kedah menyentuh tentang penubuhan kumpulan wang Baitulmal. Ianya terdiri daripada semua wang, harta alih dan tak alih yang menurut Hukum Syarak sama ada terakru atau disumbangkan oleh mana-mana orang. Harta-harta tersebut hendaklah diletak hak kepada Majlis yang akan ditadbir mengikut peraturan yang dibuat di dalam Enakmen. Harta-harta yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan di dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa bagi pelaburan wang amanah dan yang patuh syarak.

Seksyen 48, Enakmen yang sama menyatakan Majlis juga dikehendaki menyediakan bajet bagi pendapatan dan belanjawan dan dipersembahkan KDYMM Sultan sebelum 31 Oktober setiap tahun. KDYMM Sultan dengan nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri boleh meluluskan atau mengarahkan supaya dipinda. Anggaran yang diluluskan sama ada dengan pindaan atau tanpa pindaan boleh disiarkan dalam Warta. Anggaran perbelanjaan tambahan boleh dikemukakan kepada KDYMM Sultan pada bila-bila masa sebelum 31 Mac. Apabila anggaran tambahan diluluskan ianya bolehlah disiarkan dalam Warta.

Seksyen 51, menyatakan Akaun dan laporan tahunan adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Badan Berkenun 1980. Maka jelaslah MAIK adalah institusi yang menerimapakai Akta berkenaan. Dalam seksyen 52 pula disebut tentang Majlis sebagai pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah. Semua aset yang diperolehi melalui wakaf, nazr dan amanah hendaklah tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindahmilik terletak hak pada Majlis. Manakala bagi aset tidak alih, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis berhubung dengan tanah, terletak hak pada Majlis.

Sekatan bagi pewujudan amanah khairat dinyatakan dalam seksyen 54. Wakaf atau Nazr bagi orang yang sedang marad-al-maut yang melibatkan lebih sepertiga harta orang berkenaan adalah tidak lagi berkuatkuasa. Wakaf khas atau nazr tidak boleh dibuat kecuali dengan perkenan dan pengesahan KDYMM Sultan atas nasihat Majlis dan wakaf atau nazr itu telah dibuat secara bertulis melalui surat cara yang disempurnakannya dan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah yang sama.

Seksyen 55(1) menyebut bahawa pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada suatu wakaf khas hendaklah digunakan mengikut peruntuukan yang sah bagi wakaf khas itu setelah menolak bayaran pengurusan wakaf khas pada kadar yang ditentukan oleh Majlis (seksyen

55(3)). Manakala pendapatan daripada wakaf am dan nazr 'am hendaklah dimasukkan ke dalam Baitulmal (seksyen 55(2)).

Harta modal dan aset berkaitan mana-mana wakaf atau nazr 'am yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal, bahkan perlu dipegang sebagai dana berasingan. Sekiranya berlaku perubahan yang mana wakaf atau nazr 'am tidak boleh dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh pewakaf. Majlis hendaklah menyediakan skim yang se hampir mungkin dengan yang dikehendaki oleh terma –terma wakaf atau nazr 'am. Majlis boleh dengan titah KDYMM Sultan, mengarahkan supaya aset tersebut ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal. Bagi kes yang tidak dinyatakan terma-terma cara penggunaan harta modal dan aset atau tidak pasti bagaimana aset tersebut patut digunakan, Majlis boleh mengarahkan supaya ia ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal (seksyen 56(4)). Perkara tentang surat cara yang mewujudkan wakaf dan nazr 'am, beserta dokumen hak milik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis (seksyen 56(5)). Jika Majlis tidak pasti atau kabur tentang makna dan natijah surat cara atau akuan wakaf dan Nazr 'am, Majlis boleh merujuk kepada Mufti bagi mendapatkan pendapat (seksyen 57). Dalam seksyen 58 dinyatakan bahawa Majlis bolehlah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam Warta satu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana wakaf, nazr atau amanah yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal pada 31 Disember setiap tahun.

Dapat dirumuskan bahawa perundangan berkaitan wakaf, dan Baitulmal di Negeri Kedah adalah kemas dan mencukupi bagi Majlis untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah terhadap wakaf dan nazr 'am dan juga menguruskan Baitulmal.

7.8 Takrifan Wakaf.

Mengikut hukum, wakaf wujud apabila seseorang melafazkan iaitu ikrar atau sighth dengan memenuhi rukun-rukunnya. Rukun-rukun wakaf ialah pemberi wakaf (al-Waqif), penerima wakaf (al-Mawquf 'alaih), barangan yang diwakafkan (al-Mawquf) dan ikrar atau sighth wakaf. Dalam keadaan biasa, pewakaf menyerahkan mata benda kepada penerima wakaf beserta lafaz wakaf. Dalam kes tertentu seperti wakaf tanah, terdapat beberapa perkara yang agak kompleks yang perlu dilakukan sebelum ianya sah di sisi undang-undang.

Dari sudut syarak memadai seseorang menyatakan hasratnya untuk mewakafkan suatu aset, maka wujudlah aqad bagi mewakafkan aset berkenaan. Wakaf perlu memenuhi 3 prinsip berikut:

- i) Harta wakaf tidak boleh dijual;

- ii) Harta wakaf tidak boleh dihibahkan kepada orang lain; dan
- iii) Harta wakaf tidak boleh diwarisi.

7.8.1 Undang-undang Tanah Dan Tanah Wakaf

Suatu wakaf adalah dianggap wujud apabila ianya telah dipindah hak, serah hak atau pindah hak milik, yakni didaftarkan di bawah undang-undang bertulis berhubungan dengan tanah. Dalam kes di semenanjung, Kanun Tanah Negara 1965 adalah terpakai manakala untuk Negeri Sarawak pula, Sarawak Land Code adalah terpakai. Dalam menentukan pemilikan yang sah sebidang tanah, pihak berwajib merujuk kepada dokumen pendaftaran milikan atau geran tanah. Pendaftaran hak milik ini telah diterimapakai sebagai satu kaedah menentukan keempunyaan suatu tanah itu yang menjadi asas kepada sistem Torrens. Maka, pendaftaran hak milik menjadi asas utama bagi menentukan hak milik sah suatu tanah berdasarkan seksyen 304 Kanun Tanah Negara 1965. Perkara tentang pindah milik ini dinyatakan dalam enakmen-enakmen MAIN iaitu dalam:

- i) Seksyen 53, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 2008;
- ii) Seksyen 7, Enakmen Wakaf (Perak) 2005;
- iii) Seksyen 78, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;
- iv) Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Negeri Perlis).

Setiap wakaf hendaklah seberapa segera mungkin, didaftarkan atas nama Majlis dalam apa cara atau bentuk. Wakaf yang telah didaftarkan hendaklah didaftarkan sebagai “Wakaf Am” atau “Wakaf Khas” di dalam surat hak milik atau pemberitahuan dalam Warta yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Negeri.

Isu tentang pindahmilik aset tanah wakaf ini mempunyai layanan berbeza di bawah KTN. Sebelum tahun 2016, sebarang isu wakaf berkaitan tanah ditafsirkan di bawah Seksyen 2, Akta Amanah 1949. Apabila ditakrifkan sebagai amanah, maka hanya Mahkamah Tinggi Malaya dan Borneo sahaja yang boleh mendengar kes berkaitan dan kuasa mahkamah sivil mengatasi mahkamah syariah. Terdapat beberapa kes yang mana keputusan penghakiman bercanggah dengan kehendak syariah. Pada tahun 2016, satu rang undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 diluluskan. Pindaan KTN 2016 terhadap seksyen 5(c) “*yang dalam takrif “trust”, dengan menggantikan perkataan “Muslim” dengan perkataan “Islamic”*”. Pindaan ini telah mengubah lanskap perundangan berkaitan pertikaian tanah yang diwakafkan yang mana selepas dikuatkuasakan undang-undang berkenaan sebarang pertikaian harta wakaf khususnya tanah di kalangan orang Islam akan dibicarakan di dalam Mahkamah Syariah.

7.8.2 Pindahmilikan Harta / Pendaftaran Tanah Dari Sudut Perundangan

Terdapat tiga kaedah pindah milik tanah mengikut KTN.

- i) Perletakhakan tanah wakaf kepada Majlis. Majlis boleh menggunakan borang Borang 14A, yang mana tertakluk kepada seksyen 416 C KTN, "*peruntukan mengenai kesemua atau sebahagian tanah yang terletak kepada penerima pindahmilik.*" Bagi tujuan seksyen 416 C pemohon boleh menulis surat permohonan dan melampirkan surat lafaz wakaf dan suratcara wakaf kepada Pendaftar Hak milik atau Pentadbir Tanah di negeri berkenaan. Satu salinan peruntukan berkanun tentang perletakhakan tanah wakaf kepada MAIN di bawah enakmen negeri berkenaan perlu dilampirkan. Apabila permohonan telah diluluskan, Pendaftar Hak milik atau Pentadbir Tanah akan mengendorskan hak pemohon di dalam daftar dokumen hak milik. Ini dilakukan apabila pihak Ketua Pengarah berpuashati bahawa letakhak statutori pada hak atau kelayakan penerima pindahan telah berkuaskuasa. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil 8/ 1999, semua Pendaftar Hak milik atau Pentadbir Tanah dinasihatkan supaya meletakkan tanah wakaf kepada Majlis Agama Islam Negeri
- ii) Penyerahan balik dan permohonan semula tanah. Menurut peruntukan seksyen 195 KTN, tuannya tanah beri milik yang dipegang di bawah hak milik Pejabat Pendaftaran, hak milik Pejabat Tanah atau hak milik sementara boleh menyerahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan kelulusan Pengarah Negeri atau Pentadbir Tanah. Majlis boleh menggunakan borang 12A, seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 197 KTN. Pemilik asal boleh dengan mengisi borang 12A jika permohonan menyerahkan balik tanah keseluruhan tanah kepada pihak kedua. Manakala borang 12B digunakan sekiranya untuk tujuan penyerahan sebahagian tanah, seperti yang terkandung di bawah seksyen 200 KTN iaitu. Apabila borang diisi, pewakaf bersetuju untuk menyerahkan semula tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya MAIN akan membuat permohonan ke atas tanah berkenaan. Proses ini akan melengkapkan penyerahan hak oleh pewakaf dan merealisasikan tanggungjawab Majlis sebagai pemegang amanah tunggal hartanah yang diwakafkan.
- iii) Pindahmilik tanah. Pindahmilik tanah beri milik di bawah KTN dikuat kuasakan dengan instrumen Borang 14A. Hak milik pemindah milik terserah dan terletak kepada penerima pindahmilik apabila pendaftaran pindah milik dibuat. Penerima pindahmilik memegang tanah berimilik beserta dengan pajakan, cagaran atau kepentingan berdaftar yang telah sedia ada pada masa pindah milik didaftarkan. Ini terkandung di dalam seksyen 215, KTN. Bagi tanah yang dipindah milik yang tertakluk kepada pajakan, cagaran atau sewaan bebas daftaran, maka selama mana tanah itu terus

terletak kepada pemindah milik, boleh dikuat kuasakan ikatan berkenaan. Sekiranya dinyatakan sebaliknya maka hendaklah disiratkan atas penerima pindah milik dan penerima pindah milik akan melepaskan tanggungan pemindah milik terhadap sebarang tuntutan yang timbul selepas pindah milik (seksyen 216 KTN)

Undang-undang berkaitan prosedur penebusan Harta Pusaka

MAIN tidak mempunyai sebarang peruntukan perundangan terperinci berkaitan prosedur tebus pusaka. Bagaimanapun, perkara yang berkaitan dengan tebus pusaka terdapat dalam peruntukan Seksyen 13(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) yang menyatakan bahawa: "Pada penentuan pendengaran Pemungut (Pentadbir Tanah) hendaklah melalui perintahnya membuat peruntukan bagi pembayaran dari harta Manual Pengurusan Tebus Pusaka pusaka bagi duti estet, jika ada, dan perbelanjaan pengkebumian dan hutang-hutang si mati, di mana-mana timbul, dan bagi pembayaran kepada mana-mana orang apa-apa fi yang dibayar oleh orang itu di bawah Akta ini dan boleh, jika perlu, mengarahkan keseluruhan atau sebahagian daripada harta pusaka sebagaimana yang dia boleh nyatakan dijual dan perbelanjaan-perbelanjaan, hutang-hutang, fi-fi dan duti dibayar daripada hasil jualan-jualan dan tertakluk kepadanya dan peruntukan-peruntukan yang berikut Seksyen ini dan hendaklah membahagikan baki harta pusaka mengikut bahagian dan kepentingan masing-masing di kalangan benefisiari-benefisiari tetapi tertakluk kepada Seksyen 18. Dengan syarat jika ada undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berhubungan dengan Baitulmal, Pemungut (Pentadbir Tanah) hendaklah sebelum membahagikan apa-apa bahagian harta pusaka seorang si mati beragama Islam memuaskan dirinya bahawa apa-apa bahagian harta pusaka yang kena dibayar kepada Baitulmal telah dibayar sewajarnya atau peruntukan sesuai telah dibuat bagi pembayarannya." Seksyen 13(1) tersebut menjelaskan bahawa waris-waris diberi peluang untuk menebus bahagian Baitulmal.

Hasil penelitian terhadap undang-undang tubuh MAIN, menunjukkan bahawa secara umum fungsi pentadbiran dan pengurusan wakaf, zakat, baitulmal dimasukkan dalam enakmen dan ordinan MAIN. Tinjauan di organisasi pula mendapati bahawa ada negeri-negeri yang mengasingkan fungsi WZB mengikut keperluan semasa. Semakan dalam undang-undang tubuh MAIN mendapati hanya terdapat beberapa perenggan berkaitan wakaf. Ianya tidak memadai bagi membendung perbuatan pecah amanah seperti kes penyelewengan harta wakaf (Sinar Harian, 2017) melibatkan pengerusi JK masjid dan dituduh di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009. Beberapa negeri telah mengorak langkah ke hadapan bagi memperkenalkan undang-undang khusus berkaitan wakaf. Dalam Zon 2 iaitu Negeri Perak dan Sarawak telah mewujudkan Enakmen Pentadbiran Wakaf 2015 dan Peraturan MIS

(Pentadbiran Wakaf) 2008, masing-masing. Sehubungan itu enakmen tambahan perlu diwujudkan bagi memenuhi keperluan semasa.

Undang-undang ini perlu diwujudkan kerana adanya lompong perundangan yang membuka banyak kelemahan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran baitulmal dan wakaf. Pengwujudan undang-undang khusus yang mendefinisikan dan menggariskan tatacara pentadbiran dan pengurusan baitulmal dan wakaf yang lebih cekap dan tersusun.

Aspek keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Hadis, dan ijmak ulama dan Qias).

Dalam menggubal suatu tata urus bagi institusi yang menjaga hal ehwal umat Islam adalah wajar dirujuk kepada mereka yang ahli dalam bidangnya. Ini bersesuaian dengan ayat Al-Quran;

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ ۖ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Yang bermaksud “Dan kami tidak mengutuskan sebelum kamu, kecuali orang lelaki yang kami berikan wahyu kepada mereka, maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui.”

(QS Al-Nahl 16:43)

Berdasarkan ayat Al-Quran di atas, maka pengkajian tentang batasan-batasan perundangan dalam pelaksanaan piawai perakaunan Islam telah melihat kepada beberapa elemen yang mewujudkan sekatan secara tidak langsung. Dari aspek lain terdapat beberapa elemen yang dimasukkan dalam undang-undang yang dilihat membantu mewujudkan pelaksanaan praktis perakaunan.

Dalam konteks kajian di Zon 2, pihak berkuasa agama yang menjaga hal ehwal WZB bagi negeri-negeri berikut telah dikaji: Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak.

7.9 Kesimpulan

Berdasarkan analisis di atas didapati terdapat perbezaan yang agak ketara di antara negeri-negeri apabila fungsi berkaitan agama telah dipisahkan bagi setiap negeri sepertimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Majlis Fatwa di peringkat Mufti mengeluarkan fatwa yang menentukan polisi dan dasar sesuatu Majlis Agama Islam Negeri. Majlis Fatwa juga menjadi rujukan utama bagi aktiviti kutipan dan pengagihan zakat. Ini dapat dirumuskan bahawa kutipan dan pengagihan zakat di setiap negeri adalah berbeza-beza mengikut fatwa negeri masing-masing. Begitu juga dengan takrifan asnaf yang juga berbeza antara negeri-negeri.

Dari segi syariah, perbezaan pandangan merupakan rahmat. Namun beberapa penyelidik telah membuat penegasan bahawa perbezaan polisi berkaitan zakat, wakaf dan baitulmal

memberi kesan yang besar terhadap kutipan, pengagihan, penguatkuasaan khususnya berkaitan zakat dan wakaf (Nur Barizah, 2007).

Daripada perbincangan di atas didapati bahawa peruntukan dalam Akta-akta yang berkaitan menerima pakai piawaian perakaunan yang umum dan ini memberikan ruang seluas-luasnya untuk memilih piawaian yang sesuai. Sekiranya pihak berwajib berhasrat untuk memastikan Majlis menerima pakai PPI maka disarankan agar dimasukkan klausa tentang piawaian berasaskan syariah. Walaubagaimanapun pindaan ini akan mengambil masa yang agak lama bagi membenteng cadangan pindaan rang undang-undang, membahaskan, dan meluluskan. Langkah yang lebih sesuai dan praktikal ialah dengan membangunkan “Amalan Terbaik Perakaunan Islam” dengan melibatkan Akauntan-akauntan MAIN.

Seperkara yang tidak kurang pentingnya ialah memperkemaskan undang-undang berkaitan pentadbiran wakaf dan baitulmal di Institusi WZB. Penggubalan undang-undang khusus berkaitan wakaf dan baitulmal adalah perlu untuk menjaga kepentingan pewakaf dan memastikan bahawa matlamat wakaf dan baitulmal terjamin kepentingannya.

Bab seterusnya menjelaskan tentang hasil dapatan kajian keempat iaitu cadangan pembangunan piawaian perakaunan bagi aset.

BAB 8

OBJEKTIF KEEMPAT

CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN PERAKAUNAN BAGI ASET

8.0 Pengenalan

Cadangan pembangunan piawaian bagi perakaunan aset bagi Institusi WZB ini adalah berdasarkan kepada analisis dokumen dan juga temuduga, yang telah diterangkan dalam bab metodologi kajian. MPSAS telah dijadikan sebagai asas rujukan dalam pembentukan piawaian perakaunan Islam (PPI) bagi Institusi WZB. Dengan merujuk kepada kerangka kerja konseptual perakaunan Islam, keperluan syariah dan batasan perundangan yang dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini, maka cadangan bentuk pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi PPI berkaitan aset samada dengan menerimapakai, meminda atau menggugurkan perenggan-perenggan dalam MPSAS berkaitan dan mencadangkan perenggan yang baru. Cadangan ini terbahagi kepada dua iaitu cadangan am dan cadangan khusus kepada lapan piawaian perakaunan berkaitan aset.

8.1 Cadangan Am

Cadangan am ialah cadangan untuk diterima pakai untuk kesemua PPI berkaitan aset. Berdasarkan dapatan kajian, definisi aset yang dicadangkan adalah “harta bernilai yang dimiliki yang diperolehi dengan cara yang sah dan mempunyai manfaat yang patuh syariah”.

Selain daripada itu dicadangkan juga objektif perakaunan bagi setiap lapan piawaian dinyatakan klausa bahawa setiap aset hendaklah diasingkan mengikut Institusi WZB. Misalnya,

“Harta tersebut hendaklah diklasifikasi secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal”.

Institusi dicadangkan dapat mendefinisikan aset terbabit sekiranya berbeza dengan definisi yang dicadangkan dalam PPI berkaitan, mengakaukan dan mendokumenkan dengan jelas hak berkaitan aset (milikan sempurna atau tidak sempurna) dan kewajipan setiap institusi selaras dengan kehendak syariah dan perundangan.

Bagi perenggan berkaitan skop iaitu “piawaian ini terpakai kepada semua entiti awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan” (sebagai contoh perenggan 3, MPSAS 17 dan perenggan 7 MPSAS 17) dicadangkan disemak semula agar hanya terpakai kepada semua institusi wakaf, zakat dan baitulmal.

Kajian ini juga mencadangkan agar bahagian takrifan bagi setiap piawaian dicadangkan singkatan PPI (Piawaian Perakaunan Islam) digunakan secara konsisten bagi menggantikan perkataan MPSAS. Berikut adalah contoh perenggan 9 MPSAS 12 yang dicadangkan:

“Istilah yang ditakrifkan dalam PPI digunakan juga dalam piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam Glosari Istilah yang ditakrifkan dan diterbitkan secara berasingan mengikut syarak”.

8.2 Cadangan Khusus

Cadangan khusus dikemukakan dalam kajian ini bagi merujuk kepada perubahan bagi setiap MPSAS berdasarkan syariah dan mengikut kesesuaian aktiviti Institusi WZB. Perbincangan cadangan bagi setiap kategori aset yang dikaji melibatkan mekanisme pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan (sila lihat Jadual 8.1 sehingga 8.8). Jadual 8.1 sehingga 8.8 menyenaraikan perenggan-perenggan MPSAS yang perlu dipinda atau digugurkan dan cadangan perenggan tambahan bagi PPI. Jadual-jadual tersebut juga menyatakan keperluan syariah dan keperluan undang-undang untuk menyokong keempat-empat aspek berkenaan (pengenalan, pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan).

8.2.1 Hartanah, Loji Dan Peralatan

Dalam mengemukakan cadangan bagi kategori aset hartanah, loji dan peralatan, maka MPSAS 17 digunakan sebagai asas untuk pembentukan PPI hartanah, loji dan peralatan. Terdapat dua prinsip yang digunakan sebagai garis panduan bagi mencadangkan pembentukan PPI berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan. Pertama, aset hartanah, loji dan peralatan mestilah melibatkan transaksi yang patuh syariah. Prinsip seterusnya melibatkan konsep pemilikan aset dalam Islam yang telah dibincangkan dalam bab kerangka kerja konseptual.

Berdasarkan kepada dua prinsip yang digunakan bagi aset hartanah, loji dan peralatan, maka objektif piawaian dalam perenggan 1 dibuat sedikit tambahan sebagaimana berikut:

“Objektif Piawaian ini adalah untuk menentukan pengolahan perakaunan untuk hartanah, dan peralatan supaya pengguna penyata kewangan boleh mentafsirkan maklumat tentang **milikan bagi setiap Institusi Wakaf Zakat dan Baitulmal (selepas ini dikenali sebagai institusi)** dalam hartanah, loji dan peralatannya serta perubahan dalam pelaburan tersebut. Isu utama dalam perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan ialah:

- (a) pengiktirafan aset;
- (b) penentuan amaun bawaan;
- (c) caj susut nilai dan kerugian penjejasan yang perlu diiktiraf, dan
- (d) klasifikasi aset secara berasingan mengikut institusi.”**

Perenggan 3 juga dicadangkan diubah kepada “Piawaian ini dicadangkan terpakai kepada semua institusi wakaf zakat dan baitulmal”. Di samping itu, perenggan 13 dicadangkan dipinda dengan memasukkan istilah-istilah baharu berasaskan dapatan kajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8.1.

8.2.1.1 Pengiktirafan Aset Hartanah, Loji Dan Peralatan

Jadual 8.1 menunjukkan pindaan-pindaan berkenaan dengan pengiktirafan aset hartanah, loji dan peralatan. Secara khususnya, perenggan 14 dipinda seperti berikut:

Kos item hartanah, loji dan peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika:

- a) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti **yang tidak bercanggah dengan syarak; dan**
- b) Kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah.
- c) **Pemilikan sempurna dan pemilikan tidak sempurna**

		<p>berlaku ke atas salah satu daripadanya, iaitu sama ada zat atau manfaatnya sahaja.</p> <p>Pemilikan sempurna - pemilikan berdasarkan kepada penguasaan penuh ke atas aset.</p> <p>Pemilikan tidak sempurna – pemilikan berdasarkan kepada penguasaan sementara ke atas aset.</p> <p>Akad Perpindahan Pemilikan - Akad pemindahan pemilikan atau (al-'uqud al-naqilah) ini terjadi apabila berlakunya akad yang memindahkan hak milik daripada seorang kepada seorang yang lain (Zuhayli, 2004)</p> <p>Penggantian - Penggantian (khalfiyah) ini boleh berlaku dengan menggantikan sesuatu pada tempat sesuatu yang lain (tadmin/ta'wid) atau menggantikan orang lain pada barang yang dimiliki (mirath) (Mahran, 1983)</p> <p>Syuf'ah - pemilikan oleh pembeli secara hak keutamaan atau paksaan.</p> <p>Aset Wakaf khas - aset yang diperolehi melalui wakaf untuk maksud tertentu.</p> <p>Aset wakaf am - Aset wakaf yang diperolehi untuk tujuan umum tanpa dinyatakan secara khusus penggunaan aset tersebut.</p> <p>Istibdal – membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai mawquf (harta yang diwakafkan) bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi secara gantian dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya.</p>		
--	--	---	--	--

2	Pengiktirafan	<p>1. Perenggan 14</p> <p>Kos item hartanah, loji dan peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika:</p> <p>a) Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti yang tidak bercanggah dengan syarak; dan</p> <p>b) Kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah.</p> <p>c) Pemilikan sempurna dan pemilikan tidak sempurna</p> <p>2. Cadangan perenggan baru di bawah tajuk pengiktirafan:</p> <p>a) Aset yang dibeli hendaklah direkod dalam akaun aset mengikut institusi masing-masing secara berasingan, kecuali aset yang dikongsi bersama direkodkan di bawah baitulmal.</p> <p>b) Aset wakaf dan baitulmal yang diperolehi melalui sumbangan (wakaf khas, wakaf am dan harta faraid) hendaklah direkod sebagai harta amanah dalam akaun aset yang berasingan mengikut institusi.</p> <p>c) Titik pengiktirafan bagi aset wakaf dan baitulmal yang diperolehi melalui sumbangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Wakaf (khas/am) – titik penyerahan (akad yang bertulis) 2. Baitulmal: <ol style="list-style-type: none"> i. harta faraid: apabila diputuskan oleh mahkamah ii. Harta luqatah: titik penyerahan iii. Harta warisan: titik penyerahan 	<p>Tuntutan mengikut syariah (QS Al-Maedah 5: 48)</p> <p>Jenis Harta (Bab 3, 6 & 7)</p> <p>Akad pemindahan pemilikan atau (al-'uqud al-naqilah) ini terjadi apabila berlakunya akad yang memindahkan hak milik daripada seorang (satu pihak) [Ijab] kepada seorang (satu pihak) [Qabul] yang lain (Zuhayli, 2004)</p> <p>Akad pemindahan pemilikan secara bertulis adalah lebih</p>	<p>Aset Alih dipermodalkan nilai > RM2,000</p> <p>Aset Alih tidak dipermodalkan nilai < RM2,000</p> <p>Wakaf – Jika penyerahan semua bahagian perlu surat akaun dari pemilik kepada pihak majlis dengan mengisi Borang 14A, di bawah seksyen 416C Kanun Tanah Negara 1965.</p>
---	---------------	--	--	--

		<p>iv. Harta haram: titik penyerahan</p> <p>d) Titik pengiktirafan bagi aset WZB yang diperolehi melalui pembelian - tarikh belian</p> <p>e) Titik pengiktirafan bagi aset WZB yang dibina – tarikh sijil menduduki</p> <p>f) hartanah hendaklah diasingkan antara tanah dan bangunan jika status pemilikan yang berbeza, dan penggunaan dana berbeza samada dari kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal. Sebagai contoh jika bangunan itu dibina atas tanah wakaf dan bangunan menggunakan kumpulan wang baitulmal, maka kos bangunan itu akan diiktiraf dibawah hartanah baitulmal, manakala tanah dibawah aset wakaf. Selain dari itu pengasingan aset bangunan adalah perlu, jika dibina menggunakan kumpulan wang wakaf, dan tanah adalah bukan milik wakaf iaitu milik pihak ketiga (contoh kerajaan negeri), maka pengiktirafan hendaklah dinilai pada nilai kos bangunan tersebut sahaja dan penilaian yang buat hanya untuk bangunan sahaja.</p>	<p>diutamakan (Muhammad, 2011)</p> <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al-hajjiyyat • Qawaid “ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah yang dharurat lebih ringan. 	<p>Sementara Penyerahan sebahagian dari pemilik kepada pihak kuasa negeri perlu mengisi Borang 12A, di bawah seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965. Kemudian pihak berkuasa negeri akan menyerahkan hak milik sebahagian yang di wakaf kepada Majlis dengan mengisi Borang 12B, di bawah seksyen 200 Kanun Tanah Negara 1965.</p> <p>Seksyen 22 – 26 Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Kuasa untuk istibdal dan pembangunan mawquf.</p> <p>Seksyen 12- 16 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, Peraturan MIS (Pentadbiran Wakaf) Kuasa istibdal dan pembangunan mawquf.</p> <p>Negeri-negeri lain belum ada lagi peruntukan berkaitan istibdal</p>
3	Pengukuran	<p>Pengukuran semasa Pengiktirafan</p> <p>1. Perenggan 27</p> <p>Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur pada tarikh perolehan berdasarkan:</p> <p>a) Wakaf khas – Nilai nominal</p> <p>b) Wakaf am - Nilai saksama</p> <p>c) Baitulmal:</p>	<p>Wakaf khas terikat dengan niat yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Mengikut pandangan Al-Shafie wakaf masjid</p>	<p>Aset Alih dipermodalkan nilai > RM2,000</p> <p>Aset Alih tidak dipermodalkan nilai < RM2,000</p> <p>Tiada peruntukan khusus di dalam Enakmen berkenaan pengukuran</p>

		<p>1. harta faraid - nilai saksama</p> <p>2. Harta luqatah - nilai saksama</p> <p>3. Harta warisan - nilai saksama</p> <p>4. Harta haram - nilai saksama</p> <p>d) Perolehan daripada Geran Kerajaan – Nilai saksama</p> <p>e) Perolehan melalui proses istibdal – Nilai saksama</p> <p>2. Perenggan 36</p> <p>Kos bagi aset yang dibina sendiri ditentukan dengan menggunakan prinsip yang sama seperti aset yang diperoleh. Jika entiti membuat aset yang serupa untuk jualan dalam urusan biasa operasi, maka kos aset itu biasanya sama dengan kos membina aset untuk jualan (rujuk MPSAS 12). Oleh itu, sebarang lebihan dalaman disingkirkan untuk mendapatkan kos bagi aset tersebut. Begitu juga, kos amaun luar biasa bagi bahan sisa, buruh atau sumber lain yang ditanggung semasa membina sendiri aset tidak termasuk dalam kos aset. MPSAS 5 Kos Pinjaman, menetapkan kriteria bagi mengiktiraf <i>keuntungan</i> sebagai komponen amaun bawaan untuk item hartanah, loji dan peralatan yang dibina sendiri. (tertakluk kepada dapatan kajian Fasa 3)</p> <p>3. Perenggan 37</p> <p>Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi melalui bayaran tertunda (bai' bi thaman ajil) adalah pada nilai yang dipersetujui semasa akad pada tarikh pengiktirafan.</p> <p>Pengukuran selepas Pengiktirafan</p> <p>4. Perenggan 51</p> <p>Jika sesuatu item hartanah, loji dan peralatan dinilai semula,</p>	<p>tidak harus dijual sama sekali. Namun di Malaysia fatwa tentang harus istibdal telah dikeluarkan di Wilayah Persekutuan, Kelantan dan Muzakarah Fatwa Kebangsaan yang mengguna pakai pandangan fuqaha Hanbali (Luqman, 2010)</p> <p>Qawaid “ العبرة في العقود للمقا صد والمعاني لا للالفاظ والمعاني ” iaitu yang diambil kira dalam akad atau kontrak ialah tujuan dan matlamatnya, bukan berdasarkan kepada lafaz dan kalimah-kalimah sahaja.</p> <p>Tertakluk kepada dapatan kajian Fasa 3</p> <p>Pengharaman riba dan pengharusan jual beli. (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p> <p>Prinsip redha-meredhai (Bab 3. (QS Al-Maeda 5:1 & QS Al-Nisa' 4:29)</p>	
--	--	---	---	--

		<p>maka keseluruhan kelas hartanah, loji dan peralatan bagi aset tersebut hendaklah dinilai semula. Bagaimanapun bagi hartanah wakaf, penilaian semula hanya bagi tanah wakaf am yang mempunyai nilai komersial atau yang akan dibangunkan, bukan untuk keseluruhan tanah wakaf.</p> <p>5. Perenggan 54</p> <p>Jika amaun bawaan bagi sesuatu kelas aset meningkat disebabkan oleh penilaian semula, maka peningkatan itu hendaklah dikreditkan terus kepada lebihan penilaian semula mengikut kumpulan wang aset tersebut. Walau bagaimanapun, peningkatan tersebut hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan setakat hanya melaraskan pengurangan ke atas penilaian semula bagi kelas aset yang sama yang diiktiraf sebelumnya dalam lebihan atau kurangan</p> <p>6. Perenggan 55</p> <p>Jika amaun bawaan bagi sesuatu kelas aset berkurangan disebabkan oleh penilaian semula, maka pengurangan itu hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Walau bagaimanapun, pengurangan itu hendaklah didebitkan terus kepada lebihan penilaian semula mengikut kumpulan wang aset tersebut setakat apa-apa baki kredit yang ada dalam lebihan penilaian semula bagi kelas aset tersebut.</p> <p>7. Perenggan 67</p> <p>Nilai sisa dan usia guna aset hendaklah dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh pelaporan tahunan dan, jika terdapat perubahan yang boleh memberi kesan manfaat ekonomi kepada institusi dan, jika jangkaan berbeza</p>	<p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalahah am • Qawaid “ تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة” iaitu tindakan yang diambil oleh imam iaitu pemerintah itu hendaklah didasarkan kepada kepentingan rakyat. <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajiiyyat • Qawaid “ ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah yang dharurat lebih ringan. <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajiiyyat • Qawaid “ ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah yang dharurat lebih ringan. <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalahah • Qawaid “ المشقة تجلب التيسير” iaitu 	
--	--	--	---	--

4	Pendedahan	<p>1. Perenggan 88</p> <p>Penyata kewangan hendaklah mendedahkan, bagi setiap kelas hartanah, dan peralatan yang diiktiraf dalam penyata kewangan dan secara berasingan bagi setiap institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal:</p> <p>(a) – (e) kekal</p> <p>f) pendedahan milikan samada milikan sempurna dan tidak sempurna</p> <p>2. Cadangan perenggan tambahan:</p> <p>a) pendedahan secara berasingan bagi wakaf khas dan wakaf am. Aset wakaf yang direkod pada nilai nominal perlu didedahkan dalam bentuk senarai aset dalam nota kepada akaun.</p> <p>b) pendedahan secara berasingan bagi harta istibdal dan harta luqatah berkenaan nilai harta tersebut, tambahan, pelarasan, jualan dan baki akhir dalam nota kepada akaun</p>	<p>Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett, 1997, 2000) Rujuk (bab 3)</p> <p>Rujuk syarat akad jual beli (Bab 3)</p> <p>Maqasid al-Syariah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah • Ad-dharuriyyat dan al hajiyyat 	<p>Artikel 97(3) Perlembagaan Persekutuan, pengasingan setiap kumpulan wang.</p>
---	------------	---	--	--

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan hitam. Bagi ayat yang dipotong dan di hitamkan adalah digugurkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

Selain perenggan 14 yang dibincangkan di atas, dicadangkan perenggan baharu di bawah tajuk pengiktirafan aset hartanah, loji dan peralatan seperti berikut:

- a) Aset yang dibeli hendaklah direkod dalam akaun aset mengikut institusi masing-masing secara berasingan, kecuali aset yang dikongsi bersama direkodkan di bawah baitulmal.
- b) Aset wakaf dan baitulmal yang diperolehi melalui sumbangan (wakaf khas, wakaf am dan harta faraid) hendaklah direkod sebagai harta amanah dalam akaun aset yang berasingan mengikut institusi.
- c) Titik pengiktirafan bagi aset wakaf dan baitulmal yang diperolehi melalui sumbangan:

- 1) Wakaf (khas/am) – titik penyerahan (akad yang bertulis)
- 2) Baitulmal:
 - i) Harta faraid: apabila diputuskan oleh mahkamah
 - ii) Harta luqatah: titik penyerahan
 - iii) Harta warisan: titik penyerahan
 - iv) Harta haram: titik penyerahan
- d) Titik pengiktirafan bagi aset WZB yang diperolehi melalui pembelian - tarikh belian
- e) Titik pengiktirafan bagi aset WZB yang dibina – tarikh sijil menduduki
- f) Hartanah hendaklah diasingkan antara tanah dan bangunan jika status pemilikan yang berbeza, dan penggunaan dana berbeza samada dari kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal. Sebagai contoh jika bangunan itu dibina atas tanah wakaf dan bangunan menggunakan kumpulan wang baitulmal, maka kos bangunan itu akan diiktiraf di bawah hartanah baitulmal, manakala tanah di bawah aset wakaf. Selain dari itu pengasingan aset bangunan adalah perlu, jika dibina menggunakan kumpulan wang wakaf, dan tanah adalah bukan milik wakaf iaitu milik pihak ketiga (contoh kerajaan negeri), maka pengiktirafan hendaklah dinilai pada nilai kos bangunan tersebut sahaja dan penilaian yang dibuat hanya untuk bangunan sahaja.

8.2.1.2 Pengukuran Aset Hartanah, Loji Dan Peralatan

Kajian ini membahagikan kepada tiga aspek dalam membincangkan cadangan mekanisme pengukuran aset hartanah, loji dan peralatan WZB. Aspek-aspek tersebut adalah pengukuran semasa pengiktirafan, pengukuran selepas pengiktirafan dan penyahiktirafan. Perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

1) Pengukuran Semasa Pengiktirafan

Bagi aspek pengukuran semasa pengiktirafan, perenggan 27, perenggan 36 dan perenggan 37 dicadangkan dipinda. Secara khususnya, bagi perenggan 27 yang berkaitan perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran dicadangkan dipinda seperti berikut:

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur pada tarikh perolehan **berdasarkan:**

a) Wakaf khas – nilai nominal

b) Wakaf am - nilai saksama

c) Baitulmal:

1. Harta faraid - nilai saksama

2. Harta luqatah - nilai saksama

3. Harta warisan - nilai saksama

4. Harta haram - nilai saksama

d) Perolehan daripada Geran Kerajaan – nilai saksama

e) Perolehan melalui proses istibdal – nilai saksama

Bagi perenggan 36 yang melibatkan MPSAS yang akan dikaji dalam Fasa berikutnya iaitu MPSAS 6 Kos pinjaman, pindaan dicadangkan seperti berikut:

Kos bagi aset yang dibina sendiri ditentukan dengan menggunakan prinsip yang sama seperti aset yang diperolehi. Jika entiti membuat aset yang serupa untuk jualan dalam urusan biasa operasi, maka kos aset itu biasanya sama dengan kos membina aset untuk jualan (rujuk **MPSAS 12**). Oleh itu, sebarang lebih dalam disingkirkan untuk mendapatkan kos bagi aset tersebut. Begitu juga, kos amaun luar biasa bagi bahan sisa, buruh atau sumber lain yang ditanggung semasa membina sendiri aset tidak termasuk dalam kos aset. **MPSAS 5 Kos Pinjaman, menetapkan kriteria bagi mengiktiraf keuntungan sebagai komponen amaun bawaan untuk item hartanah, loji dan peralatan yang dibina sendiri. (tertakluk kepada dapatan kajian Fasa 3)**

Manakala bagi perenggan 37, sedikit pindaan dicadangkan melibatkan nilai aset pada tarikh pengiktirafan bagi pembelian aset secara bayaran tertunda atau bai' bi thaman ajil. Perenggan asal menggunakan bayaran tertunda yang tidak patuh syariah. Secara khususnya pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

“Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi melalui bayaran tertunda (bai' bi thaman ajil) adalah pada nilai yang dipersetujui semasa akad pada tarikh pengiktirafan.

2) Pengukuran Selepas Pengiktirafan

Selain cadangan pindaan berkenaan dengan pengukuran semasa pengiktirafan bagi aset hartanah, loji dan peralatan, kajian ini juga mencadangkan pindaan terhadap mekanisme pengukuran selepas pengiktirafan bagi kategori aset ini. Secara khusus pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 8.1 di atas.

Pindaan pertama melibatkan perenggan 51 yang mana memberikan sedikit kekecualian penilaian semula bagi tanah wakaf am. Dalam perenggan ini jika sesuatu item hartanah, loji dan peralatan dinilai semula, maka keseluruhan kelas hartanah, loji dan peralatan bagi aset tersebut hendaklah dinilai semula. Bagaimanapun bagi hartanah wakaf, dicadangkan penilaian semula hanya bagi tanah wakaf am yang mempunyai nilai komersial atau yang akan dibangunkan, bukan untuk keseluruhan tanah wakaf.

Pindaan seterusnya melibatkan perenggan 54 dan perenggan 55. Pindaan ini mencadangkan supaya lebih penilaian semula direkodkan mengikut kumpulan wang aset tersebut. Bagi perenggan 54, jika amaun bawaan bagi sesuatu kelas aset meningkat disebabkan oleh

penilaian semula, maka peningkatan itu hendaklah dikreditkan terus kepada lebih penilaian semula mengikut kumpulan wang aset tersebut. Begitu juga bagi perenggan 55, jika amaun bawaan bagi sesuatu kelas aset berkurangan disebabkan oleh penilaian semula, maka pengurangan itu hendaklah diiktiraf dalam lebih atau kurangan. Walau bagaimanapun, pengurangan itu hendaklah didebitkan terus kepada lebih penilaian semula mengikut kumpulan wang aset tersebut setakat apa-apa baki kredit yang ada dalam lebih penilaian semula bagi kelas aset tersebut.

Disusuli dengan perenggan 67 dan perenggan 77, yang mana ayat “sekurang-kurangnya pada setiap tarikh pelaporan tahunan dan”, dicadangkan digugurkan. Bagi perenggan 67, nilai sisa dan usia guna aset hendaklah dikaji semula jika terdapat perubahan yang boleh memberi kesan manfaat ekonomi kepada institusi dan, jika jangkaan berbeza daripada anggaran terdahulu, maka perubahan hendaklah dilaporkan sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan berdasarkan MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan (tertakluk dapatan kajian Fasa 3 atau 4)*.

Bagi pindaan melibatkan perenggan 77, kaedah susut nilai yang diguna pakai untuk sesuatu aset hendaklah dikaji semula jika terdapat perubahan signifikan dalam jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan.

3) Penyahiktirafan

Bagi mekanisme pengukuran aset hartanah, loji dan peralatan, kajian ini mencadangkan perenggan baru di bawah tajuk penyahiktirafan yang melibatkan proses istibdal seperti berikut:

Pelupusan item hartanah wakaf akibat pengambilalihan oleh pihak kerajaan yang mana institusi perlu menggantikan hartanah tersebut dengan proses istibdal, maka hartanah tersebut perlu dinilai semula pada harga pasaran semasa. Jika amaun bawaan aset meningkat disebabkan oleh penilaian semula, maka peningkatan itu hendaklah dikreditkan terus kepada lebih penilaian semula kumpulan wang wakaf.

8.2.1.3 Pendedahan Aset Hartanah, Loji Dan Peralatan

Mekanisme terakhir bagi aset hartanah, loji dan peralatan melibatkan pindaan tentang pendedahan aset tersebut. Secara khususnya, kajian ini mencadangkan pindaan terhadap perenggan 88 bahawa penyata kewangan hendaklah mendedahkan, bagi setiap kelas hartanah, dan peralatan yang diiktiraf dalam penyata kewangan dan secara berasingan bagi setiap Institusi WZB dengan mengekalkan item-item (a) – (e) dan menambah item (f) iaitu pendedahan pemilikan sama ada pemilikan sempurna dan pemilikan tidak sempurna.

Begitu juga, kajian ini mencadangkan tambahan perenggan seperti berikut:

- a) pendedahan secara berasingan bagi wakaf khas dan wakaf am. Aset wakaf yang direkod pada nilai nominal perlu didedahkan dalam bentuk senarai aset dalam nota kepada akaun.
- b) pendedahan secara berasingan bagi harta istibdal dan harta luqatah berkenaan nilai harta tersebut, tambahan, pelarasan, jualan dan baki akhir dalam nota kepada akaun

8.2.2 Inventori

PPI bagi inventori perlulah konsisten dengan konsep pemilikan aset dalam Islam yang telah dibincangkan dalam bab 6 (kerangka kerja konseptual). Kajian ini mencadangkan menerima pakai MPSAS 12 Inventori untuk dijadikan sebagai PPI inventori dengan sedikit pindaan melibatkan tajuk pengenalan dan pendedahan sebagaimana dalam Jadual 8.2. Pindaan bagi aspek pengenalan, hanya melibatkan perenggan 4 yang mana PPI inventori ini terpakai kepada semua Institusi WZB. Pindaan bagi mekanisme pendedahan hanyalah melibatkan pindaan kecil terhadap perenggan 47 yang mana penyata kewangan hendaklah mendedahkan secara berasingan bagi setiap Institusi WZB.

Jadual 8.2 Cadangan Inventori (MPSAS 12)

No	MEKANISME PERAKAUNAN	PERENGGAN MPSAS	KEPERLUAN SYARIAH	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG
1	Pengenalan	1. Perenggan 4 Piawaian ini terpakai kepada semua institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.	Tuntutan mengikut syariah (QS Al-Maedah 5: 48)	1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) - AM 6.1 Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan melalui Akta Tatacara Kewangan 1957.
2	Pengiktirafan	Tiada sebarang pindaan dicadangkan		
3	Pengukuran	Tiada sebarang pindaan dicadangkan		
4	Pendedahan	1. Perenggan 47 Penyata kewangan hendaklah mendedahkan secara berasingan bagi setiap institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal:	Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett, 1997, 2000) Rujuk (bab 3)	Artikel 97(3) Perlembagaan Persekutuan, pengasingan setiap kumpulan wang.

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan yang dihitamkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

8.2.3 Hartanah Pelaburan

Pindaan dan cadangan aspek pengenalan, pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi PPI ini adalah berdasarkan MPSAS 16 Hartanah Pelaburan. Cadangan pindaan disenaraikan dalam Jadual 8.3. Objektif piawaian ini sebagaimana dalam perenggan 1 dicadangkan ditambah klausa “.....berlandaskan syariah bagi institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal”. Manakala perenggan 3 dipinda seperti berikut:

“Piawaian ini terpakai kepada semua **institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.**”

Jadual 8.3 Cadangan Hartanah Pelaburan (MPSAS 16)

No	MEKANISME PERAKAUNAN	PERENGGAN MPSAS	KEPERLUAN SYARIAH	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG
1	Pengenalan	<p>1. Perenggan 1</p> <p>Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan pelaporan perakaunan bagi hartanah pelaburan dan keperluan pendedahan yang berkaitan dengannya berlandaskan syariah bagi institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal</p> <p>2. Perenggan 3</p> <p>Piawaian ini terpakai kepada semua institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.</p>	Tuntutan mengikut syariah (QS Al-Maedah 5: 48)	1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Perkara 3.4.6 Akaun pelaburan.
1	Pengiktirafan	<p>1. Perenggan 20</p> <p>Hartanah pelaburan akan diiktiraf sebagai aset secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal apabila, dan hanya apabila:</p> <p>2. Cadangan tambahan perenggan:</p> <p>a) Hartanah pelaburan yang dibeli, hendaklah diiktiraf berdasarkan kumpulan wang yang dananya digunakan.</p>	Rujuk rukun dan syarat jual beli (Bab 3)	

		<p>b) Hartanah pelaburan yang dibangunkan di atas tanah wakaf menggunakan dana selain dana wakaf, hartanah pelaburan itu hendaklah diiktiraf berdasarkan kumpulan wang yang dananya digunakan.</p>		
2	Pengukuran	<p>1. Perenggan 31</p> <p>Kos hartanah pelaburan yang diperolehi melalui bayaran tertunda (bai' bi thaman ajil) adalah pada nilai yang dipersetujui semasa akad pada tarikh pengiktirafan.</p> <p>2. Perenggan 34</p> <p>Kos permulaan hartanah yang dipegang di bawah pajakan dan dikelaskan sebagai hartanah pelaburan sebagaimana yang ditetapkan sebagai pajakan kewangan oleh perenggan 28 MPSAS 13, iaitu, aset akan diiktiraf pada nilai terendah antara nilai saksama hartanah yang dan nilai semasa jumlah bayaran pajakan minimum. Suatu amaun yang sama hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti mengikut perenggan yang sama.</p> <p>3. Perenggan 44</p> <p>Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau defisit mengikut kumpulan wang institusi berkenaan dalam tempoh di mana ia berlaku.</p> <p>4. Perenggan 78</p> <p>Pelupusan hartanah pelaburan boleh dicapai melalui jualan atau dengan membuat pajakan. Dalam menentukan tarikh pelupusan untuk hartanah pelaburan, entiti akan guna pakai kriteria dalam MPSAS 9 untuk</p>	<p>Pengharaman riba dan pengharusan jual beli. (Q.S Al-Baqarah 2: 275) Prinsip redha-meredhai (Bab 3. (QS al-Maedah 5:1 & QS al-Nisa' 4:29)</p> <p>Rujuk bab akad pemindahan milik. (Bab 3 & 6)</p>	

		<p>mengiktiraf hasil daripada jualan barangan dan mengambil kira panduan dalam Panduan Pelaksanaan untuk MPSAS 9 adalah berkaitan. MPSAS 13 boleh digunakan untuk pelupusan akibat dari memasuki pajakan kewangan dan untuk jualan dan pajakan semula.</p>		
3	Pendedahan	<p>1. Perenggan 86</p> <p>Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal:</p>	<p>Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett, 1997, 2000) Rujuk (bab 3)</p>	<p>Lampiran H.1PP WP10.4 - Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957</p>

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan hitam. Bagi ayat yang dipotong dan di hitamkan adalah digugurkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

8.2.3.1 Pengiktirafan Aset Hartanah Pelaburan

Dalam mekanisme pengiktirafan aset hartanah pelaburan, dicadangkan pindaan terhadap perenggan 20 dengan memasukkan ayat” secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal. Maka, perenggan 20 yang baharu adalah seperti berikut:

Hartanah pelaburan akan diiktiraf sebagai aset **secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal** apabila, dan hanya apabila:

Selain itu, kajian ini **mencadangkan tambahan perenggan** seperti berikut:

- a) Hartanah pelaburan yang dibeli, hendaklah diiktiraf berdasarkan kumpulan wang yang dananya digunakan.
- b) Hartanah pelaburan yang dibangunkan di atas tanah wakaf menggunakan dana selain dana wakaf, hartanah pelaburan itu hendaklah diiktiraf berdasarkan kumpulan wang yang dananya digunakan.

8.2.3.2 Pengukuran Aset Hartanah Pelaburan

Kajian ini mencadangkan pindaan ke atas perenggan 31 disebabkan ia melibatkan transaksi perolehan secara bayaran tertunda yang tidak patuh syariah. Maka perenggan 31 yang baharu adalah kos hartanah pelaburan yang diperolehi melalui bayaran tertunda (bai' bi thaman ajil) adalah pada nilai yang dipersetujui semasa akad pada tarikh pengiktirafan.

Perenggan 34 pula dicadangkan dipinda berkaitan nilai aset pada tarikh perolehan yang mana aset akan diiktiraf pada nilai jumlah bayaran pajakan minimum. Seterusnya perenggan 44, dicadangkan memasukan ayat “mengikut kumpulan wang institusi berkenaan” agar perenggan 44 yang baharu adalah seperti berikut:

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan hendaklah diiktiraf dalam lebihan atau defisit **mengikut kumpulan wang institusi berkenaan** dalam tempoh di mana ia berlaku.

Bagi perenggan 78, kajian ini mencadangkan dua ayat digugurkan iaitu “atau dengan membuat pajakan” dan “MPSAS 13 boleh digunakan untuk pelupusan akibat dari memasuki pajakan kewangan dan untuk jualan dan pajakan semula”.

8.2.3.3 Pendedahan Aset Hartanah Pelaburan

Bagi mekanisme pendedahan aset hartanah pelaburan, hanya sedikit pindaan kecil dicadangkan dalam perenggan 86 iaitu dengan memasukkan ayat “secara berasingan mengikut Institusi WZB seperti berikut:

Entiti hendaklah mendedahkan **secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal**.

8.2.4. Pajakan

Sebagaimana kategori aset sebelum ini, prinsip patuh syariah menjadi teras cadangan PPI pajakan. Pindaan yang melibatkan aspek pengenalan, pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan adalah berdasarkan kepada MPSAS 13 Pajakan. Cadangan pindaan disenaraikan dalam Jadual 8.4. Jadual tersebut juga termasuklah tentang keperluan syariah dan keperluan undang-undang bagi cadangan dan pindaan tersebut. Cadangan pindaan yang signifikan bagi PPI ini ialah berkaitan kriteria pengkelasan pajakan yang menggunakan definisi aset pemilikan tidak sempurna berbanding kriteria yang ditetapkan dalam MPSAS 13.

Jadual 8.4 Cadangan Pajak (MPSAS 13)

No	MEKANISME PERAKAUNAN	PERENGGAN MPSAS	KEPERLUAN SYARIAH	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG
1	Pengenalan	<p>1. Perenggan 1</p> <p>Objektif piawaian ini adalah untuk menetapkan, pajakan aset antara pemberi pajak dan pemajak, berkenaan dasar-dasar perakaunan dan pendedahan untuk pajakan.</p> <p>2. Perenggan 2</p> <p>Sebuah institusi yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan berasaskan perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini dalam perakaunan untuk semua pajakan selain daripada:</p> <p>(a) pajakan untuk menerokai atau menggunakan Galian, minyak, gas asli, dan sumber-sumber bukan penjana semula yang serupa; dan</p> <p>(b) Perjanjian Pelesenan bagi perkara-perkara seperti perfileman, rakaman video, drama, manuskrip, paten dan hak cipta.</p> <p>Walau bagaimanapun, Piawaian ini hendaklah tidak digunakan sebagai asas-asas pengukuran bagi:</p> <p>(a) Hartanah dipegang oleh pemajak yang diakaunkan sebagai hartanah pelaburan (lihat PPI XX, hartanah pelaburan);</p> <p>(b) Hartanah pelaburan yang disediakan oleh pemberi pajak di bawah pajakan (lihat PPI XXX);</p> <p>(c) Aset biologi yang dipegang oleh pemajak di bawah pajakan kewangan (lihat PPI XXX pertanian); atau</p>	Tuntutan mengikut syariah (QS Al-Maedah 5: 48)	

		<p>(d) Aset biologi yang disediakan oleh pemberi pajak (lihat PPI XX)</p> <p>3. Perenggan 3 Piawaian ini terpakai kepada semua institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.</p> <p>4. Perenggan 8 Terma-terma berikut digunakan dalam piawaian ini dengan makna yang dinyatakan:</p> <p>Permulaan tempoh pajakan (Tiada Perubahan)</p> <p>Sewa luarjangka (tiada perubahan)</p> <p>Usiaguna ekonomi (tiada perubahan)</p> <p>Pajakan kewangan adalah pajakan yang memindahkan hakmilik aset secara tidak sempurna. Hak milik ini mungkin atau mungkin tidak dipindahkan diakhir tempoh pajakan.</p> <p>Pelaburan kasar dalam pajakan adalah jumlah:</p> <p>Nilai baki dijamin (tiada perubahan)</p> <p>Permulaan pajakan adalah lebih awal daripada tarikh perjanjian pajakan dan tarikh persetujuan oleh pihak tertentu kepada peruntukan utama pajakan. Pada tarikh ini:</p> <p>(a) Pajakan dikelaskan sebagai suatu operasi atau pajakan kewangan; dan</p> <p>(b) Dalam kes pajakan kewangan, jumlah yang diiktiraf pada permulaan jangkamasa pinjaman yang ditentukan.</p> <p>Kos langsung permulaan (tiada perubahan)</p> <p>Kadar keuntungan/diskaun tersirat dalam pajakan adalah kadar diskaun yang,</p>	<p>Rujuk perbincangan jenis harta (Bab 3)</p> <p>Pengharaman riba dan pengharusan keuntungan.</p>	
--	--	--	---	--

		<p>pada permulaan pajakan, menyebabkan jumlah nilai semasa:</p> <p>(a) bayaran pajakan minimum; dan</p> <p>(b) nilai baki tiada jaminan bersamaan dengan jumlah (i) nilai saksama aset yang dipajak, dan (ii) sebarang kos langsung awal daripada pemberi pajak.</p> <p>Pajakan (tiada perubahan)</p> <p>Tempoh pajakan (tiada perubahan)</p> <p>Kadar faedah keuntungan tambahan dalam pembiayaan pemajak adalah kadar faedah keuntungan pemajak perlu membayar pajakan yang sama atau, jika ia tidak boleh ditentukan kadar itu, pada permulaan pajakan akan menyebabkan untuk meminjam dalam jangka masa yang sama, dan dengan keselamatan yang serupa, dana yang perlu untuk membeli aset tersebut.</p> <p>Bayaran pajakan minimum (tiada perubahan)</p> <p>Pelaburan bersih di dalam pajakan merupakan pelaburan kasar di dalam pajakan yang didiskaunkan pada kadar faedah tersirat dalam pajakan.</p> <p>Pajakan tidak boleh dibatalkan (tiada perubahan)</p> <p>Pajakan operasi adalah pajakan yang tidak memindahkan hak milik aset pajakan (pemberi pajak memiliki aset secara tidak sempurna).</p> <p>Hasil kewangan yang belum diperolehi adalah perbezaan di antara:</p> <p>(a) pelaburan kasar di dalam pajakan; dan</p> <p>(b) pelaburan bersih di dalam pajakan.</p>	<p>(Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p> <p>Pengharaman riba dan pengharusan keuntungan. (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p> <p>Rujuk jenis harta (Bab 3)</p>	
--	--	---	---	--

		<p>Nilai baki tiada jaminan (tiada perubahan)</p> <p>Usiaguna (tiada perubahan)</p> <p>5. Perenggan 10</p> <p>Definisi sesuatu pajakan termasuk kontrak sewa aset yang mengandungi satu peruntukan yang memberi penyewa opsyen untuk memperolehi hak milik aset setelah memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui. Kontrak ini kadang-kadang dikenali sebagai kontrak sewa beli (Ijarah Muntahiya Bi Al-Tamlik). Kontrak ini dikelaskan sebagai pajakan kewangan.</p> <p>6. Perenggan 11</p> <p>Digugurkan</p>	<p>Adat muamalat berkaitan sewa rujuk (Bab 3)</p> <p>Qawaid “العادة محكمة” iaitu adat dijadikan hukum</p> <p>Tidak patuh syariah</p>	
2	Pengiktirafan	<p>1. Perenggan 12</p> <p>Bagi pihak penerima pajak, semua pajakan akan direkodkan sebagai pajakan kewangan. Manakala bagi pihak pemberi pajak pula akan direkodkan sebagai pajakan operasi.</p> <p>2. Perenggan 13-24</p> <p>Digugurkan (sebab pengelasan pajakan tidak lagi menggunakan pakai kriteria asal perenggan 12)</p> <p>Pajakan kewangan (Penerima pajak)</p> <p>3. Perenggan 28</p> <p>Pada permulaan tempoh pajakan, penerima pajak hendaklah mengiktiraf aset yang diperolehi di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti berkaitan pajakan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan mereka. Aset dan liabiliti hendaklah diiktiraf pada jumlah yang bersamaan dengan nilai</p>	<p>Adat muamalat berkaitan sewa rujuk (Bab 3) dan Qawaid “العادة محكمة” iaitu adat dijadikan hukum serta jenis harta (i.e pemilikan tidak sempurna)</p> <p>rukun dan syarat bagi perbincangan sewa (Bab 3)</p> <p>Qawaid “العادة محكمة” iaitu adat dijadikan hukum.</p>	

		<p>saksama hartanah yang dipajakkan atau, jika lebih rendah, nilai kini bayaran pajakan minimum, masing-masing ditentukan pada permulaan pajakan. Kadar diskaun digunakan dalam pengiraan nilai semasa bayaran pajakan minimum adalah kadar keuntungan tersirat dalam pajakan, sekiranya ia praktikal untuk ditentukan; Jika tidak, kadar keuntungan tambahan pembiayaan penerima pajak hendaklah digunakan.</p> <p>Pajakan operasi (Penerima pajak)</p> <p>4. Perenggan 42-43 Digugurkan</p> <p>Pajakan kewangan (Pemberi pajak)</p> <p>5. Perenggan 45-49 Digugurkan</p>		
3	Pengukuran	<p>Pajakan kewangan (Penerima pajak)</p> <p>1. Perenggan 28</p> <p>Pada permulaan tempoh pajakan, penerima pajak hendaklah mengiktiraf aset yang diperolehi di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti berkaitan pajakan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan mereka. Aset dan liabiliti hendaklah diiktiraf pada jumlah yang bersamaan dengan nilai saksama hartanah yang dipajakkan atau, jika lebih rendah, nilai kini bayaran pajakan minimum, masing-masing ditentukan pada permulaan pajakan. Kadar diskaun digunakan dalam pengiraan nilai semasa bayaran pajakan minimum adalah kadar keuntungan tersirat dalam pajakan, sekiranya ia praktikal untuk ditentukan; Jika tidak, kadar keuntungan</p>		<p>Rujuk rukun dan syarat bagi perbincangan sewa (Bab 3) Qawaid “العادة محكمة” iaitu adat dijadikan hukum.</p>

		<p>tambahan pembiayaan penerima pajak hendaklah digunakan.</p> <p>2. Perenggan 34 – 35 Digugurkan</p> <p>3. Perenggan 36 Pajakan kewangan memberi peningkatan kepada belanja susutnilai bagi aset yang boleh disusutnilai serta perbelanjaan kewangan bagi setiap tempoh perakaunan. Dasar susut nilai bagi aset pajakan hendaklah konsisten dengan susutnilai aset-aset yang dimiliki, dan susutnilai yang diiktiraf akan dikira mengikut MPSAS 17, hartanah, loji dan peralatan, dan MPSAS 31, aset tidak ketara, mengikut kesesuaian. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa pemajak akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset akan disusut nilai sepenuhnya lebih singkat dalam tempoh pajakan dan jangka hayatnya.</p> <p>2. Perenggan 38 Jumlah belanja susutnilai untuk aset dan belanja kewangan bagi tempoh tersebut adalah jarang sama dengan jumlah bayaran pajakan belum bayar bagi tempoh, dan oleh itu, adalah tidak sesuai untuk mengiktiraf bayaran pajakan belum bayar semata- mata sebagai perbelanjaan. Sehubungan dengan itu, aset dan liabiliti yang berkaitan pajakan adalah tidak mungkin sama amaun selepas permulaan tempoh pajakan.</p> <p>Pajakan kewangan (Pemberi pajak)</p> <p>3. Perenggan 50-59</p>	<p>Pengharaman riba dan pengharusan keuntungan. (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p> <p>Pengharaman riba dan pengharusan keuntungan. (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p>	
--	--	---	---	--

		Digugurkan		
4	Pendedahan	<p>Pajakan kewangan (Penerima pajak)</p> <p>1. Perenggan 40</p> <p>Penerima pajak hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal perkara-perkara berikut bagi pajakan kewangan:</p> <p>(a) – (f)</p> <p>(g) pendedahan milikan aset sebagai pemilikan tidak sempurna</p> <p>Pajakan operasi (Penerima pajak)</p> <p>2. Perenggan 44</p> <p>Digugurkan</p> <p>Pajakan kewangan (Pemberi pajak)</p> <p>3. Perenggan 60-61</p> <p>Digugurkan</p> <p>Pajakan operasi (Pemberi pajak)</p> <p>4. Perenggan 69</p> <p>Pemberi pajak hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal perkara-perkara berikut untuk pajakan operasi:</p> <p>(a) – (f)</p> <p>(d) pendedahan milikan aset sebagai pemilikan tidak sempurna</p>	<p>Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett,1997, 2000) Rujuk (bab 3)</p> <p>Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett,1997, 2000) Rujuk (bab 3)</p>	<p>Asingkan pendedahan. Harta modal dan aset yang berkaitan wakaf atau nazr am yang sah di sisi undang-undang tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal (Seksyen 82(1) MIS 2001.</p>

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan hitam. Bagi ayat yang dipotong dan di hitamkan adalah digugurkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

Kajian ini mencadangkan pindaan ayat baharu bagi perenggan 1 seperti berikut:

Objektif piawaian ini adalah untuk menetapkan, pajakan aset antara pemberi pajak dan penerima pajak, berkenaan dasar-dasar perakaunan dan pendedahan untuk pajakan.

Selain daripada perenggan 1, perenggan 2 berkaitan skop piawaian dicadangkan dipinda sebagaimana dalam Jadual 8.4. Begitu juga dengan perenggan 3, dicadangkan dipinda seperti berikut:

Piawaian ini terpakai kepada **semua institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.**

Bagi perenggan 8, dicadangkan beberapa terma dipinda dan digugurkan. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Pajakan kewangan adalah pajakan yang memindahkan hakmilik aset secara tidak sempurna. Hak milik ini mungkin atau mungkin tidak dipindahkan diakhir tempoh pajakan.

Permulaan pajakan adalah lebih awal daripada tarikh perjanjian pajakan dan tarikh persetujuan oleh pihak tertentu kepada peruntukan utama pajakan.

Kadar keuntungan/diskaun tersirat dalam pajakan adalah kadar diskaun yang, pada permulaan pajakan, menyebabkan jumlah nilai semasa:

(a) bayaran pajakan minimum; dan

(b) nilai baki tiada jaminan

bersamaan dengan jumlah (i) nilai saksama aset yang dipajak, dan (ii) sebarang kos langsung awal daripada pemberi pajak”.

Kadar keuntungan tambahan dalam pembiayaan penerima pajak adalah kadar faedah penerima pajak perlu membayar pajakan yang sama atau, jika ia tidak boleh ditentukan kadar itu, pada permulaan pajakan akan menyebabkan untuk meminjam dalam jangka masa yang sama, dan dengan keselamatan yang serupa, dana yang perlu untuk membeli aset tersebut

Pajakan operasi adalah pajakan yang tidak memindahkan hak milik aset pajakan (pemberi pajak memiliki aset secara tidak sempurna).

Manakala terma yang dicadangkan digugurkan adalah seperti berikut:

Pelaburan kasar dalam pajakan.

Pelaburan bersih di dalam pajakan...

Hasil kewangan yang belum diperolehi...

Perenggan 10 yang berkaitan kontrak sewa beli dipinda dengan memasukkan kontrak sewa beli yang patuh syariah dan dinyatakan jenis pajakan yang berkaitan. Maka ayat baharu dicadangkan seperti berikut:

Definisi sesuatu pajakan termasuk kontrak sewa aset yang mengandungi satu peruntukan yang memberi penyewa opsyen untuk memperolehi hak milik aset setelah memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui. Kontrak ini kadang-kadang dikenali sebagai kontrak sewa beli (**Ijarah Muntahiya Bi Al-Tamlik**). Kontrak ini dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Perenggan 11 yang berkaitan kadar faedah dalam pembiayaan dicadangkan digugurkan.

8.2.4.1 Pengiktirafan Aset Pajakan

Pindaan yang signifikan dalam piawaian ini melibatkan perenggan 12. Kajian ini mencadangkan pengkelasan jenis pajakan berdasarkan definisi aset yang meliputi pemilikan tidak sempurna. Kedua-dua pihak penerima pajak dan pemberi pajak akan mengiktiraf aset pajakan sebagai aset dalam kategori pemilikan tidak sempurna. Maka ayat baharu bagi perenggan 12 adalah seperti di bawah:

Bagi pihak penerima pajak, semua pajakan akan direkodkan sebagai pajakan kewangan. Manakala bagi pihak pemberi pajak pula akan direkodkan sebagai pajakan operasi.

Perenggan 13 hingga perenggan 24 dicadangkan digugurkan atas alasan pengkelasan pajakan tidak lagi menggunakan pakai kriteria asal perenggan 12. Perenggan 42 hingga perenggan 43 juga dicadangkan digugurkan disebabkan penerima pajak tidak menggunakan pajakan operasi. Begitu juga perenggan 45 hingga perenggan 49 dicadangkan digugurkan kerana pemberi pajak tidak menggunakan pajakan kewangan.

8.2.4.2 Pengukuran Aset Pajakan

Cadangan pindaan mekanisme pengukuran aset pajakan terbahagi kepada dua iaitu penerima pajak dan pemberi pajak. Bagi penerima pajak hanyalah pajakan kewangan yang terpakai. Manakala, bagi pemberi pajak, hanya pajakan operasi terpakai. Pindaan bagi perenggan 28 yang berkaitan pengukuran nilai aset pajakan ialah jumlah bayaran pajakan minimum. Ayat baharu bagi perenggan 28 adalah seperti di bawah:

Pada permulaan tempoh pajakan, penerima pajak hendaklah mengiktiraf aset yang diperolehi di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti berkaitan pajakan sebagai liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan mereka. Aset dan liabiliti hendaklah diiktiraf pada **jumlah bayaran pajakan minimum**, ditentukan pada permulaan pajakan.

Perenggan 34 dan perenggan 35 yang berkaitan caj kewangan yang tidak patuh syariah dicadangkan digugurkan. Begitu juga dengan perenggan 36 dan perenggan 38, caj kewangan dicadangkan digugurkan, maka ayat baharu bagi perenggan 36 adalah:

Pajakan kewangan memberi peningkatan kepada belanja susutnilai bagi aset yang boleh disusutnilai bagi setiap tempoh perakaunan. Dasar susut nilai bagi aset pajakan hendaklah konsisten dengan susutnilai aset-aset yang dimiliki, dan susutnilai yang diiktiraf

akan dikira mengikut MPSAS 17, hartanah, loji dan peralatan, dan MPSAS 31, aset tidak ketara, mengikut kesesuaian. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa pemajak akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset akan disusut nilai sepenuhnya lebih singkat dalam tempoh pajakan dan jangka hayatnya.

Ayat baharu bagi perenggan 38 adalah seperti di bawah:

Jumlah belanja susutnilai untuk aset bagi tempoh tersebut adalah jarang sama dengan jumlah bayaran pajakan belum bayar bagi tempoh, dan oleh itu, adalah tidak sesuai untuk mengiktiraf bayaran pajakan belum bayar semata-mata sebagai perbelanjaan. Sehubungan dengan itu, aset dan liabiliti yang berkaitan pajakan adalah tidak mungkin sama amaun selepas permulaan tempoh pajakan.

Bagi kategori pemberi pajakan pula, perenggan 50 hingga perenggan 59 melibatkan pajakan kewangan dicadangkan digugurkan kerana pemberi pajak tidak menggunakan pajakan kewangan.

8.2.4.3 Pendedahan Aset Pajakan

Pindaan mekanisme pendedahan aset pajakan juga melibatkan dua kategori iaitu penerima pajak dan pemberi pajak. Bagi penerima pajak, perenggan 40 melibatkan pajakan kewangan yang mana dimasukkan ayat “secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal” dan “(g) pendedahan milikan aset sebagai pemilikan tidak sempurna.” Manakala bagi pemberi pajak, perenggan 69 melibatkan pajakan operasi yang mana ayat “secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal” dan “(d) pendedahan milikan aset sebagai pemilikan tidak sempurna.” dicadangkan dimasukkan.

Perenggan 44 melibatkan pajakan operasi bagi penerima pajak dan perenggan 60 dan 61 melibatkan pajakan kewangan bagi pemberi pajak dicadangkan digugurkan.

8.2.5 Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai

Kajian ini mencadangkan menerima pakai MPSAS 21 Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai untuk dijadikan sebagai PPI ini dengan sedikit pindaan melibatkan tajuk pengenalan dan pendedahan sebagaimana dalam Jadual 8.5. Pindaan bagi aspek pengenalan, hanya melibatkan perenggan 3 yang mana piawaian ini terpakai kepada semua Institusi WZB. Pindaan bagi mekanisme pendedahan hanyalah melibatkan pindaan kecil terhadap perenggan 73, perenggan 77 dan perenggan 78 yang mana penyata kewangan hendaklah mendedahkan secara berasingan bagi setiap Institusi WZB.

Jadual 8.5 Cadangan Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21)

No	MEKANISME PERAKAUNAN	PERENGGAN MPSAS	KEPERLUAN SYARIAH	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG
1	Pengenalan	1. Perenggan 3 Piawaian ini terpakai kepada semua institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.	Tuntutan mengikut syariah (QS Al-Maedah 5: 48)	
2	Pengiktirafan	Tiada sebarang pindaan dicadangkan.		
3	Pengukuran	Tiada sebarang pindaan dicadangkan		
4	Pendedahan	<p>1. Perenggan 73 Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal bagi setiap kelas aset:</p> <p>2. Perenggan 76 Entiti yang melaporkan maklumat segmen mengikut MPSAS 18, <i>Pelaporan segmen...</i>(tertakluk kepada kajian Fasa akan datang)</p> <p>3. Perenggan 77 Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal bagi setiap kerugian kemerosotan nilai yang material yang diiktiraf atau diterbalikkan sepanjang tempoh:</p> <p>4. Perenggan 78 Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal maklumat berikut untuk agregat kerugian kemerosotan nilai dan agregat pembalikan kerugian kemerosotan nilai</p>	<p>Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett, 1997, 2000) Rujuk (bab 3)</p> <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajiyyat • Qawaid “ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah yang dharurat lebih ringan. <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajiyyat • Qawaid “ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah 	

		yang diiktiraf dalam tempoh di mana tiada maklumat yang didedahkan mengikut perenggan 77:	yang dharurat lebih ringan.	
--	--	---	-----------------------------	--

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan yang dihitamkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

8.2.6 Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai

Pindaan dan cadangan aspek pengenalan, pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi PPI ini adalah berdasarkan MPSAS 26 Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai. Kajian ini mencadangkan pindaan bagi aspek pengenalan, pengiktirafan dan pendedahan. Manakala bagi mekanisme pengukuran, tiada sebarang pindaan. Cadangan pindaan disenaraikan dalam Jadual 8.6.

Jadual 8.6 Cadangan Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai (MPSAS 26)

No	MEKANISME PERAKAUNAN	PERENGGAN MPSAS	DALIL-DALIL	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG
1	Pengenalan	1. Perenggan 3 Piawaian ini terpakai kepada semua institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.	Tuntutan mengikut syariah (QS Al-Maedah 5: 48)	
2	Pengiktirafan	1. Perenggan 25 Dalam menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa aset mungkin terjejas, entiti hendaklah menimbangkan, sekurang-kurangnya, tanda-tanda berikut: Sumber luar maklumat (a) Tiada perubahan (b) Tiada perubahan (c) Kadar faedah pasaran atau Kadar keuntungan pasaran atas pelaburan telah meningkat dalam tempoh itu, dan peningkatan bermungkinan menjejaskan kadar diskaun yang digunakan dalam pengiraan nilai aset yang sedang digunakan dan	Pengharaman riba dan pengharusan keuntungan. (Q.S Al-Baqarah 2: 275)	

		<p>mengurangkan amaun boleh diperolehi semula aset material;</p> <p>2. Perenggan 29</p> <p>Sebagai contoh pada perenggan 28, jika kadar faedah pasaran atau kadar keuntungan pasaran atas pelaburan telah meningkat dalam tempoh itu, entiti tidak diperlukan untuk membuat anggaran rasmi jumlah boleh diperolehi semula suatu aset dalam hal yang berikut:</p> <p>3. Perenggan 100</p> <p>Dalam menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam sebelum tempoh untuk aset tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan, entiti hendaklah menimbang, sebagai minimum, tanda-tanda berikut:</p> <p>sumber luar maklumat</p> <p>(a) tiada perubahan</p> <p>(b) tiada perubahan</p> <p>(c) kadar faedah pasaran atau kadar keuntungan pasaran atas pelaburan telah berkurangan dalam tempoh itu, dan penurunan mungkin menjejaskan kadar diskaun yang digunakan dalam pengiraan nilai aset dalam penggunaan dan meningkatkan amaun yang boleh diperolehi semula aset secara material;</p>	<p>Pengharaman riba dan pengharusan keuntungan. (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p> <p>Pengharaman riba dan pengharusan keuntungan. (Q.S Al-Baqarah 2: 275)</p>	
3	Pengukuran	Tiada sebarang pindaan dicadangkan.		
4	Pendedahan	<p>1. Perenggan 115</p> <p>Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat</p>	<p>Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali,</p>	

		<p>dan Baitulmal bagi setiap kelas aset:</p> <p>2. Perenggan 120</p> <p>Entiti hendaklah mendedahkan mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal bagi setiap kerugian kemerosotan bahan yang diiktiraf atau dibalikkan dalam tempoh bagi aset yang menjana tunai atau unit penjana tunai:</p> <p>3. Perenggan 121</p> <p>Entiti hendaklah mendedahkan maklumat secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal bagi kerugian kemerosotan nilai agregat dan keterbalikan agregat kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam tempoh yang baginya tiada maklumat didedahkan mengikut perenggan 120:</p>	<p>Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett, 1997, 2000) Rujuk (bab 3)</p> <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajjiyyat • Qawaid “ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah yang dharurat lebih ringan. <p>Maqasid al-Syariah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajjiyyat 	
--	--	---	--	--

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan hitam. Bagi ayat yang dipotong dan di hitamkan adalah digugurkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

Dicadangkan pindaan bagi perenggan 3 dengan memasukkan klausa “Institusi wakaf, zakat dan baitulmal”.

8.2.6.1 Pengiktirafan Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai

Perenggan 25, 29 dan 100 dicadangkan dipinda dengan menggugurkan ayat “kadar faedah pasaran atau” dan menggantikannya dengan “kadar keuntungan pasaran atas pelaburan”. Maka, ayat baharu bagi perenggan 25 item (c) adalah seperti berikut:

(c) **Kadar keuntungan pasaran atas pelaburan** telah meningkat dalam tempoh itu, dan peningkatan bermungkinan menjejaskan kadar diskaun yang digunakan dalam pengiraan nilai aset yang sedang digunakan dan mengurangkan amaun boleh diperolehi semula aset material;

Ayat baharu bagi perenggan 29 pula adalah seperti berikut:

Sebagai contoh pada perenggan 28, jika **kadar keuntungan pasaran atas pelaburan** telah meningkat dalam tempoh itu, entiti tidak diperlukan untuk membuat anggaran rasmi jumlah boleh diperolehi semula suatu aset dalam hal yang berikut:

Manakala ayat baharu bagi perenggan 100 item (c) adalah seperti berikut:

(c) **kadar keuntungan pasaran atas pelaburan** telah berkurangan dalam tempoh itu, dan penurunan mungkin menjejaskan kadar diskaun yang digunakan dalam pengiraan nilai aset dalam penggunaan dan meningkatkan amaun yang boleh diperolehi semula aset secara material;

8.2.6.2 Pendedahan Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai

Bagi mekanisme pendedahan, **pindaan dicadangkan dengan memasukan ayat “secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal”** bagi perenggan 115, perenggan 120 dan perenggan 121 sebagaimana dalam Jadual 8.6.

8.2.7 Pertanian

Kajian ini **mencadangkan pindaan ke atas piawaian pertanian yang melibatkan aspek pengenalan, pengiktirafan dan pendedahan** berdasarkan MPSAS 27 Pertanian. Manakala mekanisme pengukuran dicadangkan dikekalkan tanpa ada sebarang pindaan. Cadangan pindaan disenaraikan dalam Jadual 8.7.

Jadual 8.7 Cadangan Pertanian (MPSAS 27)

No	MEKANISME PERAKAUNAN	PERENGGAN MPSAS	DALIL-DALIL	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG
1	Pengenalan	1. Perenggan 7 Piawaian ini terpakai kepada semua institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.	Tuntutan mengikut syariaah (QS Al-maedah 5: 48)	AM 3.1 Tatacara Pengurusan Aset Hidup Ikan (TPI) AM 4.1 Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan (TPH)
2	Pengiktirafan	1. Cadangan tambahan perenggan: Bagi aset biologi yang menggunakan dana kumpulan wang zakat dan baitulmal, dicadangkan diiktiraf didalam penyata kewangan kumpulan wang	rukun muza'ra'ah berkenaan orang yang berakad iaitu antara pemilik dan	

		dana digunakan. Sebagai contoh, aktiviti pertanian yang dijalankan diatas tanah wakaf dengan menggunakan dana baitulmal, maka aset pertanian tersebut hendaklah diiktiraf di bawah kumpulan wang baitulmal.	pengusaha rujuk (Bab 3)	
3	Pengukuran	Tiada sebarang pindaan dicadangkan.		AM 3.1- Nilai Semasa KEW AI-3 AM 4.1 - Nilai Semasa KEW AH-3
4	Pendedahan	<p>1. Perenggan 38</p> <p>Sesebuah entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal jumlah keuntungan atau kerugian yang wujud pada tempoh semasa pada pengiktirafan permulaan aset biologi dan hasil pertanian dan daripada perubahan dalam nilai saksama ditolak kos untuk menjual aset biologi.</p> <p>2. Perenggan 46</p> <p>Sesebuah entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal nilai saksama ditolak kos untuk menjual hasil pertanian yang dituai dalam tempoh tersebut, ditentukan semasa penuaian.</p> <p>3. Perenggan 47</p> <p>Sesebuah entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal:</p> <p>4. Perenggan 48</p> <p>Sesebuah entiti hendaklah mengemukakan secara berasingan mengikut</p>	<p>Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett, 1997, 2000) Rujuk (bab 3)</p> <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajiyyat • Qawaid “ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah yang dharurat lebih ringan. <p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajiyyat • Qawaid “ارتكاب أخف الضرورين” ambil langkah yang dharurat lebih ringan 	<p>Laporan tahunan ikan kerajaan (Lampiran E) (AM 3.1)</p> <p>Laporan tahunan haiwan kerajaan (Lampiran A) (AM 4.1)</p>

		institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal penyata penyesuaian perubahan dalam amaun bawaan aset biologi antara permulaan dan penghujung tempoh semasa. Penyata penyesuaian tersebut hendaklah termasuk:		
--	--	---	--	--

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan yang dihitamkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

Dicadangkan pindaan bagi perenggan 7 dengan memasukkan klausa “institusi wakaf, zakat dan baitulmal”.

8.2.7.1 Pengiktirafan Aset Pertanian

Bagi mekanisme pengiktirafan aset pertanian, **dicadangkan tambahan perenggan** seperti berikut:

Bagi aset biologi yang menggunakan dana kumpulan wang zakat dan baitulmal, dicadangkan diiktiraf didalam penyata kewangan kumpulan wang dana digunakan. Sebagai contoh, aktiviti pertanian yang dijalankan diatas tanah wakaf dengan menggunakan dana baitulmal, maka aset pertanian tersebut hendaklah diiktiraf di bawah kumpulan wang baitulmal.

8.2.7.2 Pendedahan Aset Pertanian

Bagi perenggan 38, 46, 47 dan 48, dimasuk ayat “secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal” sebagaimana dalam Jadual 8.7.

8.2.8 Aset Tidak Ketara

Kajian ini mencadangkan pindaan ke atas piawaian aset tidak ketara yang melibatkan aspek pengenalan, pengukuran dan pendedahan berdasarkan MPSAS 31 Aset Tidak Ketara. Manakala mekanisme pengiktirafan dicadangkan dikekalkan tanpa ada sebarang pindaan kecuali pengiktirafan muhibah yang memerlukan pandangan Majlis Fatwa. Cadangan pindaan disenaraikan dalam Jadual 8.8.

Jadual 8.8 Cadangan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31)

No	MEKANISME PERAKAUNAN	PERENGGAN MPSAS	DALIL-DALIL	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG
1	Pengenalan	2. Perenggan 4 Piawaian ini terpakai kepada semua institusi	Tuntutan mengikut syariah (QS Al-Maedah 5: 48)	AM 7.1 Tatacara Pengurusan Aset Tidak Ketara Kerajaan

		Wakaf, Zakat dan Baitulmal.		
2	Pengiktirafan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada sebarang pindaan dicadangkan. 2. Pengiktirafan aset tidak ketara yang tidak boleh dikenalpasti (muhibah) dari penggabungan perniagaan perlu pandangan Majlis Fatwa 	Rujuk perbincangan Harta Intelek (Bab 3)	Harta Intelek <ul style="list-style-type: none"> • Akta Rahsia Rasmi 1972 • Akta Cap Dagangan 1976
3	Pengukuran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perenggan 39 Jika aset tidak ketara diperolehi melalui bayaran tertunda (bai' bi thaman ajil), maka kos aset tidak ketara tersebut adalah pada nilai yang dipersetujui semasa akad pada tarikh pengiktirafan 2. Perenggan 84 Jika amaun dibawa aset tidak ketara ini meningkat hasil daripada penilaian semula, peningkatan akan dikreditkan terus kepada lebih penilaian semula mengikut Kumpulan Wang institusi berkenaan. Walau bagaimanapun, peningkatan akan diiktiraf dalam lebih atau kurang setakat mana ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam lebih atau defisit. 	Pengharaman riba dan pengharusan jual beli. (Q.S Al-Baqarah 2: 275) Prinsip redha-meredhai (Bab 3. (QS Al-Maedah 5:1 & QS Al-Nisa' 4:29) Qawaid fiqh <ul style="list-style-type: none"> • Qawaid “ المعاملة تجري على عادة اهل البلد وعرفه ” iaitu (Hukum-hukum) mua'alah berjalan di atas adat sesuatu negara dan urfnya. • Qawaid “ أن حق الله مبني على المسامحة والمساهلة بينما حق الأدمي مبني على المشاحة والمضايقة ” iaitu Sesungguhnya terbinanya hak-hak manusia dengan Allah atas jalan toleransi dan hak-hak manusia sesama manusia atas jalan berkira 	
4	Pendedahan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perenggan 117 Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal bagi setiap kelas aset tidak ketara, yang membezakan antara aset tidak ketara yang dijana secara dalaman dan aset tidak ketara yang lain: 	Didedahkan secara telus (Aljedaibi, 2014; Abdul Rahim 2010; Khin et al, 2008; Maali, Casson dan Napier 2006; Al-Zuhaily 2004; Haniffa, 2002; Haniffa dan Hudaib, 2002; Alam, 1998; Baydoun dan Willett, 1997, 2000) Rujuk (bab 3)	

	<p>2. Perenggan 121</p> <p>Entiti hendaklah juga mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal:</p> <p>3. Perenggan 123</p> <p>Jika aset tidak ketara diakaunkan pada amaun dinilai semula, entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan mengikut institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal maklumat seperti berikut:</p>	<p>Maqasid al-Syariah & Qawaid Fiqh.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ad-dharuriyyat dan al hajyyat • Qawaid “ ارتكاب أخف الضرورين ” ambil langkah yang dharurat lebih ringan 	
--	--	---	--

Nota: Perenggan-perenggan yang dinyatakan di atas dicadangkan untuk dipinda. Pindaan atau cadangan ditunjukkan dengan tulisan yang dihitamkan. Manakala bagi perenggan-perenggan yang tidak dinyatakan adalah dicadangkan untuk diterima pakai.

Dalam aspek pengenalan, pindaan dicadangkan dibuat ke atas perenggan 4 dengan memasukkan klausa “institusi wakaf, zakat dan baitulmal”.

8.2.8.1 Pengukuran Aset Tidak Ketara

Pindaan dicadangkan dibuat ke atas perenggan 39 kerana melibatkan perolehan secara bayaran tertunda yang tidak patuh syariah. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Jika aset tidak ketara diperolehi melalui bayaran tertunda (bai’ bi thaman ajil), maka kos aset tidak ketara tersebut adalah pada nilai yang dipersetujui semasa akad pada tarikh pengiktirafan

Bagi perenggan 84, **dicadangkan** dimasukkan ayat “**mengikut Kumpulan Wang institusi berkenaan**”, maka ayat baharu bagi perenggan ini adalah:

Jika amaun dibawa aset tidak ketara ini meningkat hasil daripada penilaian semula, peningkatan akan dikreditkan terus kepada lebihan penilaian semula mengikut **Kumpulan Wang institusi berkenaan**. Walau bagaimanapun, peningkatan akan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan setakat mana ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

8.2.8.2 Pendedahan Aset Tidak Ketara

Bagi mekanisme pendedahan aset tidak ketara, dicadangkan pindaan dibuat ke atas perenggan 117, 121, 123 dengan memasukkan ayat “secara berasingan mengikut institusi wakaf, zakat dan baitulmal” sebagaimana dalam Jadual 8.8.

8.3 Kesimpulan

Dalam membangunkan cadangan PPI berkaitan aset, semakan ke atas MPSAS-MPSAS yang berkaitan dibuat bagi mengenal pasti peruntukan yang boleh diterima pakai dan peruntukan yang perlu dipinda atau dikeluarkan serta mencadangkan peruntukan tambahan. Asas kepada cadangan pembentukan PPI adalah KKPI, keperluan syariah dan batasan perundangan. Secara umumnya cadangan pengubahsuaian MPSAS yang paling signifikan ialah kepada kandungan dalam MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan, MPSAS 13 Pajakan dan MPSAS 16 Hartanah Pelaburan. Manakala pengubahsuaian bagi MPSAS-MPSAS yang lain adalah minimum. Cadangan pindaan yang ketara ke atas MPSAS 17 terutamanya berkaitan aspek pengiktirafan dan pengukuran disebabkan keunikan aktiviti WZB berbanding entiti kerajaan yang lain dan keperluan untuk mengakaunkan transaksi yang dijalankan dengan cara yang memenuhi kehendak syariah. Begitu juga dengan PPI berkaitan pajakan yang mana kajian ini mencadangkan pengkelasan jenis pajakan yang berbeza daripada peruntukan dalam MPSAS 13 atas faktor keperluan syariah dan ciri aktiviti WZB. Manakala dari segi pendedahan, kajian ini mencadangkan untuk menerima pakai peruntukan dalam MPSAS dengan penambahan agar pendedahan aset dibuat secara berasingan bagi setiap Institusi WZB.

Bab seterusnya yang menjadi bab terakhir dalam kajian ini menjelaskan tentang rumusan, limitasi kajian dan hala tuju penyelidikan.

BAB 9

RUMUSAN, LIMITASI KAJIAN DAN HALA TUJU PENYELIDIKAN

9.0 Pengenalan

Bab lapan sebelum ini telah menjelaskan cadangan-cadangan pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB secara am dan khusus dengan merujuk kepada lapan komponen berkaitan aset iaitu Inventori (MPSAS 12), Pajakan (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26), Pertanian (MPSAS 27), dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31). Bab terakhir ini akan memberikan rumusan, limitasi dan hala tuju kajian bagi pembangunan KKPI dan PPI bagi Institusi WZB di Malaysia.

9.1 Rumusan

Secara amnya, beberapa rumusan boleh dibuat hasil daripada penyelidikan ini seperti berikut:

9.1.1 Jurang Dan Amalan Perakaunan

Bagi Zon 2, secara umumnya dapat dirumuskan tidak kesemua lapan piawaian perakaunan berkaitan aset iaitu Inventori (MPSAS 12), Pajakan (MPSAS 13), Hartanah Pelaburan (MPSAS 16), Hartanah, Loji dan Peralatan (MPSAS 17), Rosot Nilai Aset yang Tidak Menjana Tunai (MPSAS 21), Rosot Nilai Aset yang Menjana Tunai (MPSAS 26), Pertanian (MPSAS 27), dan Aset Tidak Ketara (MPSAS 31) digunakan di Zon 2 yang melibatkan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak. Hanya piawaian perakaunan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan sahaja digunakan oleh kesemua Institusi WZB dalam Zon 2. Hal ini berlaku sedemikian kerana hartanah, loji dan peralatan adalah kategori utama aset bagi MAIN dan LZNK serta PZPP.

Piawaian perakaunan inventori digunakan oleh dua MAIN iaitu MAIK dan MAIDAMP, yang mana penggunaan piawaian tersebut digunakan oleh subsidiari bagi kedua-dua MAIN yang menjalankan perniagaan. Manakala piawaian perakaunan aset tidak ketara pula digunakan oleh MAIK dan LZNK. TBS juga memiliki aset tidak ketara tetapi diakaunkan dalam kategori aset hartanah, loji dan peralatan.

Bagi kategori hartanah pelaburan, hanya MAIDAMP yang menggunakan piawaian perakaunan hartanah pelaburan walaupun semua Institusi WZB dalam Zon 2 kecuali LZNK memiliki aset di bawah kategori hartanah pelaburan. Bagi kategori aset pajakan pula, hanya MAIK memiliki aset pajakan namun diakaunkan di bawah kategori aset hartanah, loji dan peralatan.

Bagi kategori rosot nilai aset yang tidak menjana tunai, hanya MAIDAMP yang mendedahkannya dalam dasar perakaunan tanpa adanya sebarang kesan terhadap aset ekoran tiada sebarang angka yang dinyatakan. Manakala bagi kategori rosot nilai aset yang menjana tunai dan aset pertanian, tiada MAIN, LZNK dan PZPP yang melaporkan item tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan piawaian perakaunan sedia ada tidak sepenuhnya dapat menyediakan tatacara perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan disebabkan keunikan aktiviti WZB. Antara item-item yang berbeza ialah wakaf khas, wakaf am, luqatah, harta faraid dan istibdal. Ini menyebabkan Institusi WZB menggunakan kaedah yang tidak seragam bagi item-item tersebut terutamanya dari segi pengukuran. Manakala dari segi pendedahan, didapati kebanyakan MAIN yang bertanggungjawab mentadbir ketiga-tiga urusan WZB tidak mengasingkan pendedahan mengenai aset kepada Institusi WZB.

9.1.2 Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam (KKPI)

Berdasarkan dapatan kajian tentang amalan perakaunan di Institusi WZB, secara keseluruhannya disimpulkan bahawa, institusi tersebut pada dasarnya telah mengamalkan asas perakaunan Islam iaitu tauhid kepada Allah SWT dan menjaga hubungan sesama manusia. Walau bagaimanapun, untuk meningkatkan penzahiran akauntabiliti Institusi WZB melalui pelaporan boleh dirumuskan agak terhad. Ini ditunjukkan daripada dapatan kajian yang mana walaupun sebahagian besar Institusi WZB telah mendedahkan maklumat perakaunan di dalam penyata kewangan menurut keperluan piawaian yang digunapakai, dari sudut kejelasan serta keterperincian maklumat khususnya dalam nota kepada akaun adalah berbeza antara Institusi WZB. Perlu juga diberi perhatian bahawa amalan pelaporan yang ditunjukkan oleh institusi berkenaan adalah berpandukan kepada piawaian perakaunan konvensional yang tidak mencukupi untuk memenuhi tuntutan syariah.

Seterusnya, terdapatnya keperluan pembangunan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi membantu pembangunan PPI. Penyelidikan ini telah membangunkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi Institusi WZB, mengambil kira asas utama dalam agama Islam iaitu prinsip tauhid kepada Allah SWT. Prinsip tauhid ini ditunjangi kepada amalan akauntabiliti kepada Allah SWT (Hablum Min Allah) dan kepada manusia (Hablum Min An-nas) yang berlandaskan kepada maqasid syariah. Pada Fasa 2 ini, secara khusus pembentukan Kerangka Kerja Konseptual menumpukan pada tahap ketiga, iaitu berkaitan mekanisme perakaunan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset.

9.1.3 Keperluan Syariah

Keperluan syariah yang diperlukan dalam pembentukan KKPI dan PPI bukanlah semata-mata berpandukan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias. Hasil analisis dapatan kajian didapati bahawa asas keperluan syariah yang diperlukan dalam pembentukan KKPI dan PPI adalah ilmu-ilmu yang terperinci berkaitan sumber-sumber disepakati (Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias) dan tidak disepakati (ihtihsan, istishab, zara'ie dll.). Didapati bahawa ilmu tersebut adalah ilmu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran dan qawaid fiqh.

Dalam ilmu fiqh, perbincangan berkaitan harta, akad, jual beli, pertanian, wakaf, zakat dan baitulmal merupakan salah satu tajuk yang dibincangkan dalam ilmu tersebut. Oleh itu, kajian ini telah merujuk kitab-kitab fiqh seperti Al-Nawawi (2011), Al-Mahalli (2010), Khin et al. (2008), Al-Zuhaily (2004), dll. sebagai rujukan dalam mengenal pasti keperluan syariah yang melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset.

Selain itu, ilmu usul fiqh yang melibatkan hukum taklif, hukum wadh'ie, maqasid syariah, ijtihad, fatwa, pandangan, taklid dan sumber (disepakati dan tidak disepakati) juga merupakan keperluan syariah yang penting dalam pembentukan KKPI dan PPI. Segala aspek hukum yang terdapat dalam perbincangan usul fiqh diambilkira bagi menjadikan KKPI dan PPI yang dibangunkan selari dengan syarak. Kitab-kitab usul fiqh seperti Al-Razi (1988) dan Al-Zuhaily (2009) juga telah dirujuk bagi mendalami segala perbincangan tentang ilmu usul fiqh.

Pendapat-pendapat daripada Mazhab Shafie, Hanafi, Maliki, dan Hambali atau dikenali sebagai fiqh muqaran juga menjadi asas kepada keperluan syariah dalam kajian ini. Tujuannya adalah agar segala cadangan berkaitan pembentukan KKPI dan PPI yang dihasilkan berdasarkan kepada pandangan-pandangan mazhab dan tidak berlawanan dengan syarak. Keutamaan diberikan kepada pandangan jumhur iaitu pandangan sepakat daripada mazhab yang juga dikenali sebagai qaul rajih. Kitab-kitab fiqh mazhab seperti Al-Jaziri (2004) dan Al-Duraini (1992) juga telah dirujuk bagi meneliti aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berkaitan aset.

Di samping itu, qawaid-qawaid asas dan qawaid-qawaid furuk turut dirujuk oleh penyelidik dalam menghasilkan cadangan pembentukan KKPI dan PPI. Oleh kerana pembentukan KKPI dan PPI adalah satu perkara baru, maka qawaid fiqh merupakan salah satu jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Kitab-kitab seperti Al-Sayuti (1992) dan Al-Ansari (2012) juga telah dirujuk bagi memahami dengan lebih teliti lagi ilmu berkaitan qawaid fiqh dalam penghasilan KKPI dan PPI yang bersifat holistik. Kesimpulannya, ilmu fiqh, usul fiqh, fiqh muqaran dan qawaid fiqh merupakan ilmu yang penting dalam keperluan syariah bagi menghasilkan KKPI dan PPI.

9.1.4 Batasan Perundangan Sivil Dalam Pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam

Entiti-entiti awam ditubuhkan melalui undang-undang sebagai entiti yang sah. Sebagai suatu elemen yang ditubuhkan di bawah akta parlimen atau di bawah enakmen negeri, maka entiti seperti badan berkanun negeri perlulah mematuhi Akta-akta dan enakmen yang ditetapkan. MAIN, TBS dan LZNK ditubuhkan di bawah enakmen negeri masing-masing dan dari aspek kewangan adalah tertakluk kepada ABB 1980 (sekiranya dinyatakan dalam undang-undang tubuh masing-masing), Akta Tatacara Kewangan, Akta Audit 1957, yang secara tersirat mahupun tersurat mengikat BB negeri dari aspek garis panduan penyediaan akaun dan laporan tahunan, tatacara kewangan, dan pengauditan.

Semakan berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan pula mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang perlu diambilkira. Pertama, aspek perundangan yang menghadkan atau menyekat suatu tindakan. Misalnya, sekatan ke atas pemindahan hak milik hartanah milik bumiputera, tanah adat, tanah rezab, tanah anak negeri bagi tanah di Sarawak dan juga beberapa negeri lain. Kedua, terdapat undang-undang yang terlalu longgar yang memerlukan rujukan silang kepada perundangan lain yang boleh menjadikan situasi bertambah kompleks. Misalnya, ketiadaan enakmen pentadbiran wakaf yang khusus berkaitan aspek penting seperti pendaftaran wakaf, serah hak milik wakaf, pembangunan wakaf dan istibdal.

Penggubalan dan pelaksanaan piawaian perakaunan adalah berada di bawah kuasa Menteri yang bertanggungjawab terhadap portfolio Kewangan. Namun pelaksanaan PPI adalah tertakluk kepada pihak berkuasa MAIN dan Institusi WZB. Namun begitu berdasarkan temu bual didapati beberapa urusan yang berkaitan pelaporan adalah banyak dipengaruhi oleh teguran pihak Audit. Beberapa Institusi WZB telah menukarkan polisi perakaunan dan juga pelaporan perakaunan disebabkan teguran Audit. Dengan kata lain penyedia pelaporan perakaunan lebih cenderung untuk mengikut nasihat pihak Juruaudit. Pelaksanaan PPI dalam suatu sistem yang kuat dipengaruhi oleh sistem konvensional adalah mencabar walaupun tidak mustahil.

9.1.5 Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam

Cadangan berhubung pembangunan PPI bagi Institusi WZB melibatkan bentuk dan kandungan piawaian. Dari aspek bentuk piawaian, keperluan khusus serta keunikan aktiviti Institusi WZB, maka kajian ini mencadangkan agar satu set piawaian perakaunan khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir WZB. Dari aspek kandungan, perenggan MPSAS sedia ada dijadikan asas untuk mencadangkan sama ada perenggan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pindaan/penambahan/dikeluarkan. Cadangan yang dikemukakan mengambil kira dapatan

Objektif pertama kajian (jurang antara amalan perakaunan dan MPSAS), Objektif kedua kajian (pembangunan KKPI) dan Objektif ketiga kajian (keperluan syariah dan batasan perundangan sivil). Pindaan yang dibuat kepada kandungan MPSAS 12, MPSAS 13, MPSAS 16, MPSAS 17, MPSAS 21, MPSAS 26, MPSAS 27 dan MPSAS 31 melibatkan penambahan terutama bagi item-item patuh syariah yang tidak diliputi dalam MPSAS berkenaan dan pengurangan sekiranya peruntukan MPSAS berkenaan bertentangan dengan tuntutan syariah. Keperluan MPSAS sedia ada dikekalkan jika tidak bercanggah dengan syariah dan/atau selari dengan aktiviti Institusi WZB.

9.2 Sumbangan Terhadap Amalan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Yang Seragam Dan Lengkap

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa sumbangan yang ketara yang boleh digunapakai dalam memperakaunkan aset WZB. Didapati kerangka kerja yang dibentuk (rujuk gambarajah KKPI), boleh menjadi asas kepada pelaporan yang lebih realistik dan berlandaskan asas dan pegangan Islam. Ini merupakan sumbangan yang penting kerana ia dapat menampung kekurangan kerangka kerja yang sedia ada, yang bergantung kepada '*man made law*'. Makna kata, terdapat perubahan pemikiran berorientasi Islam dalam perakaunan dan pelaporan WZB. Pernyataan ini dibuat berdasarkan penemuan hasil kajian yang menunjukkan '*decision usefulness*' yang pada kebiasaannya bergantung kepada asas ekonomi tidak lagi menjadi asas. Sebaliknya, Islam lebih mementingkan epistemologi tauhid sebagai asas falsafahnya iaitu manusia hanyalah sebagai pemilik sementara kepada hak pemilikan di dunia ini, manakala pemilik mutlaknyanya adalah Allah SWT. Dapatan kajian menampakkan '*decision usefulness*' berlandaskan konsep Islam, iaitu tujuan perakaunan dan pelaporan kewangan amat berbeza dengan konvensional. Kajian telah memperkenalkan penyata pertambahan nilai (*value added statement*) yang tidak ketara bagi perakaunan konvensional. Pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan WZB yang berlandaskan kepada kesejahteraan ummah iaitu mengambil kira pelaporan kewangan dan pendedahan maklumat bukan kewangan adalah penemuan yang unik. Ini merupakan salah satu sumbangan yang besar dari kajian. Turutan dari itu, tadbir urus WZB amatlah perlu.

Kajian ini juga telah memberi satu sumbangan yang amat ketara dari segi pengoperasian perakaunan WZB itu sendiri. KKPI memberi gambaran yang holistik dan berpandukan kepada pendekatan Islam yang asli berkaitan pengoperasian. Penemuan kajian pada tahap pertama dan kedua KKPI memberi panduan kepada pengoperasian urus niaga yang bergantung kepada konsep dan prinsip Islam. Ini menunjukkan keaslian kerangka kerja amat bersesuaian dengan perakaunan yang berpaksi kepada matlamat Islam. Penggunaan konsep, objektif, perkataan adalah konsisten dengan Al-Quran, Hadis dan sumber-sumber muktabar.

Sumbangan yang seterusnya adalah dari segi pentafsiran aset. Didapati terdapat perubahan yang ketara terhadap tafsiran aset. Definisi aset yang didapati dari kajian menunjukkan perubahan perlu dibuat kepada piawaian kerana definisi aset telah membawa suatu perubahan kepada erti aset. Hasi kajian memberi suatu penemuan baru iaitu kriteria dan sifat aset yang berbeza dari perakaunan konvensional terhadap WZB. Penemuan definisi aset dapat mengubah amalan perakaunan direkodkan. Penemuan WZB sebagai dana amanah merupakan perubahan yang amat ketara yang mana konsep aset perlu disemak semula.

Lanjutan dari sumbangan di atas, didapati hasil kajian telah memperincikan proses pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan berkaitan aset bagi WZB yang selama ini agak kurang jelas. Penjelasan yang terperinci mengenai proses perakaunan dapat membantu pihak tertentu mempraktikkan kaedah amalan piawaian yang bersesuaian dengan pendekatan Islam.

9.3 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi kajian yang perlu diambil maklum dalam meneliti dapatan kajian ini termasuk seperti berikut:

Pertama, kajian hanya dijalankan ke atas MAIN dan entiti bersekutu seperti Lembaga Zakat dalam Zon 2. Walaubagaimanapun, perlu diambil maklum terdapat entiti lain yang diberi mandat atau kuasa oleh MAIN sebagai pentadbir (mutawalli) wakaf yang kebanyakannya terdiri dari universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Keperluan laporan entiti ini sebagai sebahagian badan berkanun kemungkinan berbeza dengan MAIN. Selain daripada itu, pemegang taruh seperti Yayasan Wakaf Malaysia dan JAWHAR sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi pentadbiran dan perkembangan wakaf di Malaysia tidak diambilkira.

Kedua, kajian ini hanya menggunakan MPSAS sebagai tanda aras (benchmark) untuk mengenal pasti jurang diantara amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN dengan MPSAS berkaitan MPSAS 12, MPSAS 13, MPSAS 16, MPSAS 17, MPSAS 21, MPSAS 26, MPSAS 27 dan MPSAS 31. Bagi tujuan mengenal pasti jurang berkenaan, kajian tidak membuat rujukan secara khusus kepada piawaian, garis panduan atau amalan terbaik perakaunan dan pelaporan badan amal yang lain. Penanda Aras ke atas piawaian dan peraturan tersebut mungkin akan memberi cadangan yang lebih komprehensif berkaitan item-item yang perlu disenaraikan dalam penyata kewangan.

Ketiga, kajian hanya tertumpu ke atas item-item aset yang dipersembahkan di dalam penyata kewangan MAIN, oleh itu jurang yang dikenalpasti adalah berdasarkan kepada Penyata

Kewangan Tahunan 2016 sahaja. Justeru, ia berkemungkinan tidak mengambil kira urusan niaga yang hanya berlaku sesekali sahaja seperti perubahan polisi perakaunan.

Keempat, dalam mengenal pasti aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset yang patuh syariah ini, pandangan yang diperolehi daripada pihak berkepentingan tidak melibatkan keseluruhan kumpulan pihak berkepentingan Institusi WZB. Kajian akan datang boleh mengambil kira pandangan atau cadangan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk kumpulan pembayar zakat, kumpulan penerima zakat, kumpulan pemberi dan pewaris wakaf, kumpulan pengguna perkhidmatan institusi berkenaan serta kumpulan dari pentadbiran kerajaan Negeri.

Kelima, enakmen kerajaan negeri yang disemak hanya terhad kepada sampel lima negeri sahaja iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Sarawak.

Keenam, lebih ramai pakar perakaunan Islam dari dalam dan luar negara perlu dilibatkan bagi memastikan setiap temu bual menghasilkan dapatan yang tepu (*saturated finding*).

9.4 Hala Tuju Penyelidikan

Hala tuju kajian haruslah menangani limitasi kajian yang telah dibentangkan seperti berikut: Pertama, keperluan bagi membangunkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi Institusi WZB, mengambil kira skop piawaian perakaunan bagi pengiktirafan dan pengukuran liabiliti, hasil dan belanja perlulah dilaksanakan. Walaupun kedua-dua proses ini adalah sesuatu yang tidak eksplisit dan didedahkan di dalam penyata kewangan, penumpuan ke atasnya adalah penting kerana pendedahan yang dicadangkan tidak mungkin menjadi kenyataan jika proses awal pengiktirafan dan pengukuran tidak ditangani dengan sewajarnya.

Kedua, terdapat kecenderungan bahawa penemuan itu lebih menumpukan kepada satu kumpulan berkepentingan sahaja, iaitu MAIN dan entiti yang berkaitan seperti lembaga zakat dan wakaf. Walaupun mereka adalah entiti penting dalam hal ini, adalah penting juga pihak lain yang berkaitan turut dilibatkan dalam perkara ini kerana pihak tersebut mungkin juga mempunyai input berguna untuk pembangunan piawaian perakaunan patuh syariah (contoh Yayasan Wakaf Malaysia dan beberapa kumpulan penyelidikan daripada universiti awam lain yang turut menjalankan kajian berkaitan WZB). Oleh itu, kajian masa depan mungkin boleh melibatkan pihak-pihak ini.

Ketiga, penanda aras kajian seterusnya juga dicadangkan dikembangkan dengan membuat rujukan ke atas beberapa piawaian atau garis panduan antarabangsa untuk entiti yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Institusi WZB. Walaupun piawaian perakaunan sektor

awam (contoh MPSAS) adalah relevan untuk MAIN dalam konteks WZB, terdapat keperluan untuk mendapatkan pandangan tambahan daripada perakaunan sektor bukan keuntungan 'Standard of Recommended Practices 2015 (England dan Wales), Charities Accounting Standard (Singapore), Accounting Standards Codification (USA)' dan 'Accounting Standard for Not-for-Profit Organisations in Canada'.

Akhir sekali, konsep akauntabiliti kepada Allah menjadi tunjang utama dalam sistem perakaunan Islam. Pendekatan ini berbeza daripada prinsip perakaunan konvensional yang tertumpu kepada manusia sahaja dan bermatlamatkan keuntungan duniawi semata-mata. Bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Al-Quran yang bermaksud;

“Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepada Ku”.

(QS Ad-Dzaariyaat 51:56)

Intipati ayat ini menerangkan tentang prinsip tauhid sebagai dasar agama Islam. Prinsip inilah yang menjadi tunjang kepada cadangan perakaunan Islam iaitu selain daripada konsep akauntabiliti kepada manusia.

Senarai Rujukan

- AAOIFI, 2008. Syariah Standards, Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions, Manama.
- Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi, & Norlida Hanim Mohd Salleh (2014). Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal, Prosiding Perkem Ke-9, 833 – 844.
- Abdul Rahim Abdul Rahman (2010). "An Introduction to Islamic Accounting Theory and Practice. Cert. Kuala Lumpur
- Abidin, A.Z., Sarmidi, T., Nor, A.H.S. 2013. Jurang pendapatan dan hutang isi rumah. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia*, 1(1), 445-459.
- Abo Baker, N.B. and AbdulRahman, A., 2007. A comparative study of zakah and modern taxation. *Islamic Economics*, 20(1).
- Abu jib, saadi. 1982. *Al-Qamus Al-Fiqhi Luqah Wa Istilah*. Beirut: Dar al-Fikr
- Ahmed, Riahi-Belkaoui. 2004. *Accounting Theory*. 5 th ed. London: Cengage Learning EMEA. United Kingdom. ISBN13 9781844800292.
- Al- Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (505 h). "Al-Mustashfa Min Ilm Al- Usul". Beirut-Lebanon: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah
- Alam, K.F. 1998, "Islam, ethics and accounting practices", *Accounting, Commerce & Finance: The Islamic Perspective Journal*, Vol. 2 No. 2, pp. 67-85.
- Al-Amidi, 'Ali bin abi 'bin Muhammad. 1890. "Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam" Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Ansari, Muhammad 2012. "Qawaid Fiqhiyyah Min Khilali Kitabi Qawaidul Al-Ahkam Fi Masalih Al-Anam" (1st Ed). Cairo: Dar As-Salam.
- Al-Ashqar, U. S., Majid, A. R., Uthman, M. B. & Nasir, A. B. 1997. *Masail fi al-Fiqh al-Muqaran*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Al-Ashqar, Usamah Umar. 2009. *Fauda al-Iftaq*. Dar al-Nafais.
- Al-Badwai, Y. A. M., 2000. *Maqasid al-Syari'ah 'Inda Ibn Taymiyyah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Bahuti, Mansur Ibn Yunus Idris 1982. *Kashshaf Al Qina' 'An Matan Al Iqna'*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Al-Bajuri, Ibrahim b. Muhammad 2007. *Hashiyat al-Bajuri 'ala Sharh Ibn Qasim al-Ghazzi ala Matn Abi Shuja*. Jakarta: Dar Al-Kutub Al-Islamiyyah
- Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. 2008. *Fatwa & Mufti Hukum, Etika Dan Sejarah*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Al-Baz, 'Abbas Ahmad Muhammad 1998 "Ahkam al-mal al-haram wa-dawabit al-intifa' wa-al-tasarruf bi-hi fi al-fiqh al-Islami". Amman: Dar al-Nafa'is lil-Nashr wa-al-Tawzi'.
- Al-Dardir, Imam Abi al-Barakat Ahmed. 1986. *Al-Sharh Al-Saghir 'Ala Aqrab Al-Masalik Ila Madhab Al-Imam Malik*, Cairo: Dar Al- Maarif.

- Al-Duraini, Fathi. 2008. *Buhus Muqaranah fi al-Fiqh al-Islami wa Usulihi*. Damsyik: Dar Al-Risalah. ISBN: 9953-32-359-3.
- Al-Duraini, Muhammad Fathi. 1992. "Al-Fiqh Al-Islam Al-Muqaran Ma'a Al-Mazahib". Damsyik: Dar Al-Mansyurat
- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Muqri. 1987. *Al-Misbah al-Munir*. Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah.
- Ali, K. 1950. *Studies in Islamic Hystory*. Delhi: Idarah Al-Adabiyah.
- Ali, K. and Leaman, O. 2008. *Islam: The key Concepts*, Routledge, London.
- Al-Jaziri, Abdul Rahman. 2004. *Al-Fiqh ala Al-Mazahib Al-Arbaah*. Cairo: Dar al-Hadis.
- Aljedaibi, Talal. 2014. *Fair Value Measurement and Islamic Financial Institutions: The Syariah Perspective and the Case of Saudi Banks*. Doctor of Philosophy Thesis. University of London
- Al-Kasani. 1982. *Bada'i Al-Sana'i Fi Tartib Al-Shara'i*. Beirut: Darul Al-Kitab Al-Arabi.
- Al-Mahalli, al-I. J. al-D. M. ibn A. 2010. *Kanz al-raghibin sharh Minhaj al-talibeen* (1st ed.). lebanon: dar al-kotob al-Ilmiyah.
- Al-Nawawi, A. Z. M. ad-D. Y. I. S. 2011. *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftiyin* (2st ed.). Saudi: Dar al-Minhaj.
- Al-Qal'ahji, Muhammad Rawaas. 1988. *Mu'jam al-Lughah al Fuqaha'*. Amman- Dar al-Nafa'is Lil Nasyr wa Al-Tauzi'
- Al-Qurtubi, Abi `Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1994. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah,
- Al-Razi, Fakhruddin Muhammad Bin 'Umar al-Hussain. 1988. *Al-Mahsul fi Ilmi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Salimi. 1990. *Qawaid Al-Ahkam Fi Masolih Al-Anam*, Beirut: Mu'assasat Al-Rayyan.
- Al-Sarakhsi, Abi Bakar Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahal. 2001. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiyyah.
- Al-Sayuti, Imam Jalaluddin abdul Rahman bin Abu Bakar.1992 *al-Ishbah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' fiqh al-Shafi'iyyah*". Cetakan 2. Beirut: Dar al-kitab al-Arabi.
- Al-Sharbini. 1994. *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali. 1992. *Irshad al-fuhul ila tahqiq al-haqq min 'ilm al-usul* 1st Edition. Cairo, Dar al Qutb
- Al-Subki, Abdul Latif Muhammad Musa 2010, *Al-iqna` fi Fiqh Ahmad bin Hanbal*, Beirut: Dar al-Ma`rifah,
- Al-Syarbashi, Ahmad. 1981. *Al-Mu'jam Al-Iqtisadi Al-Islami*. Beirut: Dar al-jil.
- Al-Syatibi, Abi Ishak. 2001. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar Ihya' al- Thurath Arabi
- Al-Ubaidi, Hammadi 1992. "As-Syatibi Wa Maqasid As-Syariah", Edisi Pertama. Damsyik: Dar Al-Qutaibah.

- Al-Zarkasyi 1982, *Al-Mantsur fi al-Qawa'id*, tahqiq: Taisir Faiq Mahmud, Kuwait: Wazarah al-Auqaf al-Islamiyah.
- Al-Zuhaily, Wahbah 1987. *Al-Wasaya wa Al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Damascus: Dar alFikr
- Al-Zuhaily, Wahbah 2004. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*,. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 2009. "Usul al-Fiqh al-Islami" (Damascus: Dar El Fikr).
- Amela, T. 2015. Islamic Accounting: History, Development and Prospects. *European Journal of Islamic Finance*, No. 3, 1-5.
- Anita, N. A. S. 2004. *Baitulmal In Terengganu And Its Contributions for Islamic Da'wah*. Faculty of Leadership and Management. Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Armiadi, Musa Basyah. 2009. *Pentadbiran zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*, (Tesis Sarjana), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asfadillah, C., Latifah, I., & Ousama A.R.A. 2014. An Islamic Perspective on the True and Fair View Override Principle. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 5 No. 2, 2014
- Asfadillah, C., Latifah, I., & Sukmana, R. 2012. *The Importance of Islamic Accounting in Modern Era*. Cambridge Business & Economic Conference. ISBN: 9780074211428.
- Askary, S. and Clarke, F. 1997. "Accounting in the Koranic Verses", *The Accounting, Commerce and Finance: The Islamic Perspective International Conference*, University of Western Sydney, Macarthur, February 1997.
- As-Shafie, Muhammad ibn Idris 1309H, *al-Risalah*, Beirut: Dar al-fikr,
- As-Shafie, Muhammad ibn Idris. 2001 *al-Umm*, Tahqiq; Rif'at Fauzi Abdul Muthalib, Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Wafa.
- Ather, S. M., & Ullah, M. 2009. *Islamic Accounting System and Practices. The Cost and Management*, Vol. 37, No. 6, 9-16.
- Badran, A. a.-'. B., 1968. *Tarikh al-fiqh al-Islami wa Nazariyyat a al-Milkiyyah wa al-'Uqud*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-'Arabiyah.
- Badran, A. a.-A. B., t.t.. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Iskandariah:
- Badwai, Y. A. M. a.-., 2000. *Maqasid al-Syari'ah 'Inda Ibn Taymiyyah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Bari, A.A. & Shuaib, F. S. 2007. *Constitution of Malaysia: Text and Commentary Second.*, Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Baydoun, N. and Willet, R., 1997. *Islam and Accounting: Ethical Issues in the Presentation of Financial Information, Accounting, Commerce and Finance. The Islamic Perspective*, Vol. 1 No. 1, pp.1-25
- Bryman, A. 2008. *Social Research Methods*, 3rd edn, Oxford University Press, Oxford.
- Buckingham, A. & Saunders, P. 2004. 'When is a survey appropriate' in Buckingham A. & Saunders, P. *The Survey Methods Workbook*. Cambridge: Polity Press.

- Caelli, K., Ray, L., & Mill, J. 2003. Clear as Mud': toward greater clarity in generic qualitative research. *International Journal of Qualitative Methods*, 2(2), 1–24.
- Carpenter, C. dan Suto, M. 2008. *Qualitative Research for Occupational and Physical Therapists: A Practical Guide*, Blackwell Publishing, Oxford.
- Chapra, U., 2000. Why has Islam prohibited interest? Rationale behind the prohibition of interest. *Review of Islamic Economics*, pp.5-20.
- Cizakca, Murat. 1998. Awqaf In History and Its Implications for Modern Islamic Economies. *Journal of Islamic Economic Studies* Vol. 6, No. 1. IRTI: Jeddah.
- Cohen, D. & Crabtree, B. 2006. *Qualitative research guidelines project*. Robert Wood Johnson Foundation.
- Cohen, L., Lawrence, M., & Morrison, K. 2007. *Research Methods in Education*. New York: Routledge.
- Creswell, J.W. 2007. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*, 2nd edn, Sage Publications, Thousand Oaks, CA
- Dahlan, A. R. A., Suhaili, N. S. M., Khalid, K., & Ismail, N. S. 2015. "Islamic Transformation Centre – Leveraging On E-Baitulmal through the Quadruple Helix Model (QHM) Collaboration", *International Journal of Management and Commerce Innovations*, Vol. 3, Issue 1, pp. 58-66.
- Daly, J., Kellehear, A. dan Glicksman, M. 1997. *The Public Health Researcher: A methodological Guide*, Oxford University Press, Melbourne.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. 1995. Transforming Qualitative Research Methods: Is It a Revolution? *Journal of Contemporary Ethnography*, 24(3), 349-358. DOI: 10.1177/089124195024003006
- Farooq, O.M. 2011. Self-Interest, Homo Islamicus and Some Behavioral Assumptions in Islamic Economics and Finance. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1740729>
- Fassyi, ' a.-., t.t. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyah Wa Mukarimuha*. Dar al-Baidha': Maktabah al-Wihdah al-'Arabiyah.
- Gaudiosi, Monica M. 1988. The Influence of the Islamic Law of Waqf on the Development of the Trust in England: The Case of Merton College. *University of Pennsylvania Law Review* 136 (April): 1231-1261
- Geoffrey A. Jehle. 1994. Zakat and Inequality: Some Evidence from Pakistan", *The Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2, June
- Gioia, D., Corley, G.K, & Hamilton, L.A. 2012. Seeking Qualitative Rigor in Inductive Research: Notes on the Gioia Methodology. *Organizational Research Method* 16(1), 15-31. DOI: 10.1177/1094428112452151
- Grbich, C. 2007. *Qualitative Data Analysis: An Introduction*, Sage Publications, London.

- Haidar, Ali. 1991. *Durur Al-Ahkam Syarah Majalah Al-Ahkam*. Beirut: Dar al-jil.
- Hameed, S. (2000). *The Need for Islamic Accounting: Perception of Its Objectives and Characteristics by Malaysia Accountants and Academics*. Ph.D. Thesis. University of Dundee.
- Hameed, S. and Yaya, R. 2005. *The Objectives and Characteristics of Islamic Accounting for Islamic Business Organizations*. *Malaysian Accounting Review*, 4(1): 75-92.
- Hancock, B., Ockleford, E., & Windridge, K. (2006). *An Introduction to Qualitative Research Authors*. *Qualitative Research*, 4th, 504. Retrieved from <http://books.google.cz/books?id=sFv1oWX2DoEC>
- Haniffa, R. and Hudaib, M., 2007. Exploring the ethical identity of Islamic banks via communication in annual reports. *Journal of Business Ethics*, 76(1), pp.97-116.
- Haniffa, R. and Hudaib, M.A., 2002. A theoretical framework for the development of the Islamic perspective of accounting. *Accounting, Commerce and Finance: The Islamic Perspective Journal*, 6(1/2), pp.1-71.
- Haniffa, R., & Hudaib, M. 2002. *Theoretical Framework of the Islamic Perspective of Accounting*. *Accounting Commerce & Finance: Journal 6 (1)*. In Edited Napier & Haniffa. (2010). *Islamic Accounting*. An Elgar Research Collection: Cheltenham, UK, p.31.
- Haniffa, R., & Hudaib, M. 2010. *The Two Ws of Islamic Accounting Research*. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 1, No. 1, 5-9.
- IASB-International Accounting Standards Board. (2014). *The Conceptual Framework for Financial Reporting*. International Financial Reporting Standards.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin. 1994. *Radd al-Muhtar 'ala Dur al-Mukhtar wa Sharh Tanwir al-Absar* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Athir, 'Iz al-Din Abi al-Hasan 'Ali. 1979. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn 'Asyur, M. a.-T. 1945. *Maqasid al-Syar'iyah al-Islamiyyah*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyah Li al-Nasyr.
- Ibn Manzur, M. ibn M. ibn 'Alī ibn A. 2003. *Lisan al-Arab*. Cairo: Darul Hadis.
- Ibn Nujaim 1993, *Al-Bahru al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Ma`rifah Cetakan ke-3, Jilid 5.
- Ibn Qayyim, Shams al-Din Abu Abdillah Muhammad Ibn Abi Bakr al-Jauziyyah. 1996. *I'lam al-Muwaqqi'în 'an Rabb al-'Alamîn*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, A. M. al-D. 'Abd A. 1995. *Al Mughni Sharh Al Kabir*. Cairo: Darul Hadis.
- Ibrahim, M. a.-B., 1992. *al-Madkhal li Dirasah al-'Aqidah al-Islamiah 'Ala Mazhab Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah*. t.t.: Dar al-Sunnah.

- Islahi, Abdul Azim, 1996. "Provision of Public Goods - Role of Voluntary (Waqf) Sector in Islamic History" dlm. Mannan, M. A. (ed.), *Financing Development in Islamic Economics*. Jeddah: IRTI/IDB.
- Jal'uth, Amir Mohd Nizar. 2010. *Fiqh Al-Mawarid Al-Ammah Li Bait Al-Mal*. Syria: Dar Abi Fida'
- Jamar, S.D. 1992. *The Protection of Intellectual Property Under Islamic Law*.
- JANM, Jabatan Akauntan Negara Malaysia 2017. *Laporan Penyelidikan Pelaporan Kewangan Islam Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia*. ISBN: 978-967-0601-06-9
- Jasmi, K. A. 2012. *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012,1–11. Retrieved from http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf
- Kahf, Monzer, 1998. "Financing the Development of Awqaf Property". Kertas Kerja Seminar Development of Awqaf di Kuala Lumpur, 2-4 March 1998.
- Kahlke, R. M., & Hon, B. (2014). Generic Qualitative Approaches: Pitfalls and Benefits of Methodological Mixology. *International Journal of Qualitative Methods*, 13, 37–52.
- Kay, J. 2002. In search of self-interest. *Financial Times*. Retrieve from http://www.johnkay.com/in_action/253
- Keiso, D.E., Weygandt, J. J., and Warfield, T. D. (2018). *Intermediate Accounting, IFRS edition*, 3rd ed., John Wiley & Sons Inc., USA.
- Khin, M. al, Bugha, M. al, & Ali Asy Syarbaji. 2008. *Fiqh al-Manhaji*, 9th edn., Dar al-Qalam, Dar al-Salam, Damsyik.
- Khumalo, B. (2012). Defining Economics in the Twenty First Century. *International Advances in Economic Research*, 18(1), 128–129. Retrieved from <http://doi.org/10.1007/s11294-011-9327-y>
- Kieso, D. E. & Weygandt, J. J., 1998. *Intermediate Accounting (9th Ed.)*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Laldin, M. A., Mahmud, M. W., & Sawari, M. F. 2008. Maqasid syariah dalam pelaksanaan waqaf. *Jurnal Pengurusan Jawhar* 2(2), 3–24.
- Liamputtong, P. 2007a. *Researching the Vulnerable: A Guide to Sensitive Research Methods*, Sage Publications, London.
- Luqman Abdullah 2010. Istibdal harta wakaf dari perspektif Mazhab Shafie, *Jurnal Fiqh N0 7*, hlmn 71-82.
- Ma'luf, Louwis 1986. *Al-Munjid Fi Lughah Wal A'lam*. Beirut: Daar Al-Masyriq
- Maali, B., Casson, P. and Napier, C., 2006. Social reporting by Islamic banks. *Abacus*, 42(2), pp.266-289.

- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1998. Sejarah Pembinaan Hukum Islam. Kuala Lumpur, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya
- Mahmood, A. M. 2009. Tuntutan Agama Dalam Membuat Perancangan Harta. Jakim, 1–30.
- Mahmud, Y. 1973. Kamus Arab - Indonesia. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsiran Al Quran.
- Mahrn, M. B., 1983. al-Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islam. Kaherah: Dar al-Thaqafah al-'Arabiyah..
- Mahyuddin A. B. & Azman M. Z. 2005. Konsep Bertaklid Dalam Islam. Jurnal Pengajian Umum, 71–94.
- Mannan, M. A., 1986. Islamic Economics: Theory and Practice. London: The Islamic Academy Cambridge.
- Marvasti, A. B. 2004. Qualitative Research in Sociology, Sage Publications, London
- MASB, Research Report. 2014. Waqf. Research Paper Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia Malaysian Accounting Standards Board.
- Maznah Z., Mohamat S. H. & Radziah A. L. 2014. Pelaporan Wakaf di Malaysia: Mengenal pasti Keperluan Maklumat Pemegang Kepentingan. Prosiding Perkem Ke-9, 226 - 233 ISSN: 2231-962x.
- McChesney, R.D. 1991. Waqf in Central Asia: Four Hundred Years in the History of a Muslim Shrine, 1480–1889. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Megat Mohd Ghazali Megat Abd Rahman, Asiah Othman, Hussin Salamon, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Adibah Muhtar, Akmaliza Abdullah, t.t. Pembangunan Tanah Wakaf-Isu, Prospek dan Strategi, UTM (tak diterbitkan)
- Merriam, S. B. 2009. Qualitative research: A guide to design and implementation. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. and Huberman, A. 1994. Qualitative Data Analysis, 2nd edn, Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Mohammad, Nizarul Alim. 2014. The Development of Shari'ah Accounting: Epistemology Perspective. European Scientific Journal June 2014 /SPECIAL/ edition vol.1
- Mohammed Sarea, A. and Mohd Hanefah, M., 2013. The need of accounting standards for Islamic financial institutions: evidence from AAOIFI. Journal of Islamic Accounting and Business Research, 4(1), pp.64-76.
- Mohiddin, D. H. M. N. H. (2017). Wakaf : Sumbangan Yang Dipinggirkan Waqf : An Abandoned Philanthropy. JURNAL SULTAN ALAUDDIN SULAIMAN SHAH, (e-ISSN: 2289-8042), 11–19.
- Morse, J. 2006. "Strategies of Intraproject Sampling". Dalam P.L. Munhall (ed.), Nursing Research: A Qualitative Perspective, 4th edn, Jonesdan Bartlett Publishers, Sudbury, MA.

- Muhammad, Abdul Aziz. 1986. Zakat and Rural Development in Malaysia. An Ethical Analysis of The Concept of Growth and Redistribution of Income and Wealth in Islam and Their Practices In A Contemporary Muslim Society.
- Muhammad, Zuhaily. 2011. Al-Muktamad fi al-fiqh al-shafie. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Murtiyani, S., 2010. The Historical Development Of Syariah Accounting Concept. Mukaddimah: Jurnal Studi Islam, 16(2).
- Nadwi, ' A. a.-., 1998. al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Napier, C. and Haniffa, R., 2011. Islamic Accounting. Edward Elgar Publishing.
- Neuendorf, K.A. 2002. The Content Analysis Guide Book, Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Padgett, D.K. 2008. Qualitative Methods in Social Work Research, 2nd edn, Sage Publications, Los Angeles.
- Patton, M. 2002. Qualitative Research and Evaluation Methods, 3rd edn, Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Percy, W. H., Kostere, K., & Kostere, S. 2015. Generic qualitative research in psychology. The Qualitative Report, 20(2), 76-85. Retrieved from <http://nsuworks.nova.edu/tqr/vol20/iss2/7>
- Pollard, J. & Smears, M. 2007. Islamic Banking and Finance: Postcolonial Political Economy and the Decentring of Economic Geography. Transactions of the Institute of British Geographers, New Series 32 (3), 313-330. Retrieve from <http://www.jstor.org/stable/4626252>
- Qahtan, A. R. a.-D. & Rusdi, M. ', 1996. Usul al-Din al-Islami. Amman: Dar al-Fikr.
- Qardhawi, Y. a.-., 2001. Fi Fiqh al-Aulawiyat Dirasah Jadidah fi Dhau al-Quran wa al-Sunnah. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Rahman, M.M.G.M.A. and Othman, A., 2006. Development of Waqf Land: Issues, Prospect and Strategies.
- Raisuni, A. a.-., 1995. Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Syatibi. Riyadh: al-Dar al-'Alamiyyah Li al-Kitab al-'Arabiy.
- Ritchie, J., Spencer, L., and O'Connor, W. 2003 Carrying out qualitative analysis. In Ritchie, J. and Lewis, J. (eds.) Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers. Sage: London; Thousand Oaks; New Delhi.
- Rohana, O., & Azlan, M. T. 2010. Islamic Social Reporting of Listed Companies in Malaysia. International Business & Economics Research Journal, Vol. 9, No. 4, 135-144.
- Sadeq, Abul Hasan M., 2002. "Waqf, Pertual Charity and Poverty Alleviation" International Journal of Social Economics 29: 1/2 135-51,

- Salihin, A., Fatima, A. H., & Ousama, A. A. 2014. An Islamic Perspective on the True and Fair View Override Principle. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 5, No. 2, 142-157.
- Shahadah, M. H. M. 2006. *Ahkam Al-Thaman Fi Al-Fiqh Al-Islami "Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah"*. Tesis Sarjana. Universiti An-Najah al-Wataniah, Palestin.
- Silverman, D., 2001, *Interpreting Qualitative Data: Method for Analyzing Talk, Text and Interaction*, Sage Publications, London.
- Silverman, D., 2005. *Doing qualitative research*. Los Angeles: Sage Publications
- Siraj M. A. & Badran A. J., 2010. *Mausu'ah Fatawa al-Muamalat al-Maliyyah*, al-Kaherah: Dar al-Salam.
- Siti Zakiah Binti Ali, & Hairunnizam Wahid. (2014). Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9*, 9, 216–225.
- Strauss, A., & Corbin, J. 1990. *Basic Qualitative Research: grounded theory procedure and technique*. Sage Publication.
- Suhaimi Mohd Yusof, & Ahmad Hazim Alias. (2008). Pendekatan Membuat Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam. *Jurnal Muamalat*, 151–165.
- Syabir, Muhammad Othman 2001, *Al-Muamalaat Al-Maaliyyah AIMu'asirah fi al-Fiqhi Al-Islami*, Jordan: Dar An-Nafais.
- Szolnoki, G., & Hoffmann, D. 2013. Online, face-to-face and telephone surveys—Comparing different sampling methods in wine consumer research. *Wine Economics and Policy*, 2(2), 57–66. <http://doi.org/10.1016/j.wep.2013.10.001>
- Taha, 'a.-S. K., 1984. *al-'Aqidah fi Daw' al-Kitab al-Karim wa al-Sunnah al-Mutahharah*. Kaherah.
- Teddlie, C. dan Yu, F., 2007. "Mixed Method Sampling; A Typology with Examples". *Journal of Mixed Methods Research*.
- Umno Online. 2016. Piawaian Perakaunan Islam Untuk Pelaporan Kewangan Wakaf, Zakat Dan Baitulmal Dibentuk. Retrieved from <http://www.umno-online.my/2016/02/04/piawaian-perakaunan-islam-untuk-pelaporan-kewangan-wakaf-zakat-dan-baitulmal-dibentuk/>
- 'Uthman, J. D., 2005. *Madkhal li Dirasah al-'Aqidah al-Islamiyyah*. Arab Saudi: Maktabah al-Sawadi.
- Yaacob, H, Petra, S, Sumardiet, A., & Nahar, H. S. 2012. *Awqaf Accounting and Reporting for Accountability: A Case Study of Awqaf*. Available at <http://ssrn.com/abstract=2175459>
- Yusof, M. F. 2017. *Keindahan Undang-Undang Islam*. Gombak, Selagor: Best Brains Asia Publication. Retrieved from <http://razakschool.utm.my/fathi/e-book-KUUI/>

- Zaharuddin, Abd Rahman 2014, *Fiqh Kewangan Islam: Halal dan Haram dalam system jual beli Islam*. PTS Islamika Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Zaid, O. A. 2004. Accounting Systems and Recording Procedures in the Early Islamic State. *The Accounting Historians Journal*, Vol. 31, No. 2, 149-170.
- Zainol, Z., Daud, Z., Aini, H. K., Rashid, R. A., & Alias, N. (2016). International Journal of Economics and Financial Issues Exploring Factors that Contribute to Individual Indebtedness among Young Muslims. *International Journal of Economics and Financial Issues International Journal of Economics and Financial Issues International Soft Science Conference*, 6(S7), 320–328. Retrieved from <http://www.econjournals.com>
- Zarqa', S. A. a.-S. M. a.-., 1998. *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Zarqa' S. A. a.-S. M. a.-., 1999. *Al-Madqal Ila Nazariyyah Al-Iltizam Al-Ammah Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Zaydan, A. a.-K., 1987. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Baghdad: Maktabah al-Quds.
- Zaydan, A. a.-K., 2001. *al-Madkhal li Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun.
- Zuhaili, W. A., 1994. *Fiqh & Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Senarai Rujukan Undang-Undang

Akta Tatacara Kewangan 1957,

Akta Badan Berkanun 1980

Akta Audit 1957

Kanun Tanah Negara 1965

Akta Pengambilan Tanah 1960

Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016

Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001

Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, (Peraturan Pentadbiran Wakaf), 2008

Enakmen Agama Islam Negeri Perlis

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004

Enakmen Wakaf (Perak) 2015

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah) 2008

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993

Enakmen 23, Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2015

Arahan Perbendaharaan

Pekeliling Perbendaharaan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri

Surat Pekeliling Bendahari

Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Perlis Tahun 2010-2014

Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang 2006-2010

(<http://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-37-08/2014-11-12-03-34-32/2014-11-12-06-41-54/215-himpunan-keputusan-fatwa-negeri-pulau-pinang-2006-2010-2/file>)

Lampiran 1

MPSAS 12

1. Apakah jenis standard perakaunan yang digunakan?
(MPSAS/MPERS/ Amalan Terbaik/MASB)
2. Asas perakaunan apakah yang digunakan oleh institusi anda?
(Tunai /akruan/ akruan ubahsuai)
3. Adakah inventori ini termasuk inventori kerja dalam proses
(Ya/ tidak), kalau termasuk berapa% yang terlibat?
4. Apakah kriteria pengiktirafan inventori?
(nilai/rm)
5. Adakah inventori termasuk yang dipegang oleh
(pengeluar produk/pedagang broker/konsainmen)
6. Asas harga penilaian inventori yang digunakan
(semasa/awal/lain-lain)
7. Apakah bentuk-bentuk inventori yang ada dalam institusi anda?
.....
.....
8. Apakah asas penentuan ianya sebagai sesuatu inventori dalam institusi anda?
.....
.....
9. Apakah asas nilai inventori yang digunakan oleh institusi anda?
(nilai saksama/nilai awal)
10. Apakah elemen-elemen yang diambil kira untuk menentukan kos inventori di dalam institusi anda?
.....
.....
11. Apakah formula yang digunakan untuk mengira kos inventori dalam insitusi anda?
(formula masuk dahulu keluar dahulu (MDKD)/ formula kos purata wajaran)
12. Adakah terdapat inventori yang diberi tanpa di caj? Nyatakan?
.....
.....

13. Pendedahan

Penyata kewangan hendaklah mendedahkan:

- (a) Dasar perakaunan yang diterima pakai dalam mengukur inventori, termasuk formula kos yang digunakan;
- (b) Jumlah amaun bawaan inventori dan amaun bawaan dalam klasifikasi yang sesuai untuk entiti itu;
- (c) Amaun bawaan bagi inventori yang dibawa mengikut nilai saksama ditolak kos untuk menjual;
- (d) Amaun inventori yang diiktiraf sebagai belanja sepanjang tempoh itu;
- (e) Sebarang amaun turun nilai inventori yang diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh itu menurut perenggan 42;
- (f) Sebarang amaun timbal balik turun nilai yang diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan sepanjang tempoh itu menurut perenggan 42;
- (g) Keadaan atau peristiwa yang membawa kepada timbal balik turun nilai inventori menurut perenggan 42; dan
- (h) Amaun bawaan inventori yang dicagarkan sebagai jaminan liabiliti.

Lampiran 2

MPSAS 13 (Pajakan)

1. Apakah jenis standard perakaunan yang digunakan?
(MPSAS/ MPERS/ Amalan Terbaik/ MASB)
2. Apakah asas perakaunan yang digunakan oleh institusi anda?
(Tunai /akruan)
3. Ada sebarang aset pajakan?
(Ya/ tidak), kalau ada, apakah aset tersebut?
4. Apakah definisi aset pajakan institusi?
5. Apakah asas pengiktirafan aset pajakan institusi?
6. Apakah kategori aset pajakan institusi? (pajakan kewangan/ pajakan operasi)
7. Bagaimana pula ia diklasifikasikan atau dikelaskan? (pajakan kewangan/ pajakan operasi)
8. Bagaimana layanan pengukuran bagi aset pajakan? (pajakan kewangan/ pajakan operasi)
9. Bagaimana pula laba dan rugi diiktiraf daripada aset pajakan? (pajakan kewangan/ pajakan operasi)
10. Bagaimana pula dari segi pendedahan aset pajakan? (pajakan kewangan/ pajakan operasi)
11. Apakah item-item yang didedahkan sebagai aset pajakan?

Lampiran 3

MPSAS 16 (Hartanah pelaburan)

Definisi

1. Asas perakaunan apakah yang di gunakan oleh institusi anda: Tunai/akruan (MPSAS/ MPERS/ Amalan Terbaik/ MASB)
2. Tujuan pemilikan hartanah: (pelaburan/ pajakan/ diduduki/ untuk dijual semula/ pengeluaran/ penyampaian perkhidmatan keselamatan/ penyelenggaraan/ pentadbiran/ strategik)
3. Apakah jenis aset yang dipegang: (biologi/ mineral/ bangunan/ tanah/ peralatan)
4. Asas kos/ nilai: (tunai dibayar/ nilai saksama/ kos tambahan/ penggantian sebahagian/ perkhidmatan terhadap hartanah tersebut)
5. Kos yang tidak dikira nilai terhadap hartanah (penyelenggaraan harian/ pembaikan): wujud/ tidak
6. Tujuan hartanah pelaburan: (untuk dapat sewaan/ kenaikan modal)
7. Kuasa yang diberi keatas tanah yang diurus: (Milik entiti sendiri/ dimiliki pihak lain)
8. Urustadbir hartanah: (oleh entiti sendiri/diserah kepada pihak ketiga)

Pengiktirafan dan Pengukuran

9. Hartanah diperolehi secara: [percuma (pindahan)/ dibayar (secara tunai/ ditunda)]
10. Jika ditunda, terlibat perbelanjaan: [faedah/ tidak]
11. Ada apa-apa bayaran (kos) premium untuk pajakan: [Ya/ tidak, Jika ya, Jumlahnya?]
12. Urusniaga pertukaran ada nilai komersial atau tidak: [konfigurasi berbeza yang diterima berbanding dengan yang dipindahkan]

Pengukuran selepas Pengiktirafan

13. Model yang digunakan: [saksama/ kos]
14. Ada perubahan penggunaan terhadap pelaburan hartanah atau tidak?
15. Ada berlaku pelupusan/penamatan atau tidak terhadap pelaburan hartanah?
16. Ada perbezaan nilai atau tidak semasa pelupusan/penamatan berbanding nilai awal?

Pendedahan

17. Nilai saksama/ nilai kos
18. Asas tunai/ akruan
19. Apakah kaedah susut nilai digunakan, jika kaedah/ model kos digunakan

Lampiran 4

MPSAS 17 Hartanah, Loji & Peralatan

1. Asas perakaunan apakah yang digunakan oleh institusi anda?
(Tunai/ akruan)
2. Apakah asas penentuan hartanah, loji & peralatan diiktiraf sebagai aset dalam institusi anda?
3. Apakah asas pengukuran awal hartanah, loji & peralatan yang digunakan oleh institusi anda (melalui pertukaran atau bukan pertukaran)? (nilai kos/ nilai saksama)
4. Apakah elemen-elemen yang diambil kira untuk menentukan nilai kos di dalam institusi anda?
5. Apakah model yang digunakan bagi pengukuran selepas pengiktirafan? (Model kos/ Model penilaian semula)
6. Bagaimana layanan perakaunan bagi aset yang dibuat penilaian semula?
7. Bagaimana pengiraan susut nilai dibuat? (usia guna/ nilai sisa/ kaedah susut nilai)
8. Bagaimana layanan perakaunan bagi penyahiktirafan (pelupusan/ penamatan) hartanah, loji & peralatan?
9. Pendedahan
Penyata kewangan hendaklah mendedahkan:
 - a) Asas pengukuran yang digunakan untuk menentukan amaun bawaan kasar;
 - b) Kaedah susut nilai yang digunakan;
 - c) Tempoh usia guna atau kadar susut nilai yang digunakan;
 - d) Amaun bawaan kasar dan susut nilai terkumpul
 - e) Penyelarasan amaun bawaan pada awal dan akhir tempoh
 - f) Pendedahan berkaitan aset yang dinyatakan pada amaun dinilai semula

Lampiran 5

MPSAS 21 (Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai)

1. Nyatakan rosot nilai aset yang tidak menjana tunai yang dimiliki.
2. Apakah petunjuk (tanda-tanda) kemerosotan nilai yang digunakan?
3. Bagaimana menganggarkan nilai saksama ditolak kos untuk menjual?
4. Bagaimana mengira nilai sedang digunakan?
5. Jika amaun perkhidmatan boleh pulih aset kurang daripada amaun yang dibawa, adakah kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta-merta dalam lebihan atau defisit?
6. Jika kerugian kemerosotan nilai yang dianggarkan adalah lebih besar daripada amaun dibawa bagi aset, adakah amaun dibawa aset dikurangkan kepada sifar?
7. Selepas pengiktirafan kerugian kemerosotan nilai, adakah caj susut nilai (pelunasan) bagi aset diselaraskan?
8. Adakah pembalikan kerugian kemerosotan nilai diiktiraf jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih aset?
9. Adakah penandaan semula aset daripada rosot nilai aset yang tidak menjana tunai atau sebaliknya dibuat?
10. Bagaimana entiti membuat pendedahan berkaitan rosot nilai aset yang tidak menjana tunai?

Lampiran 6

MPSAS 26 (Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai)

1. Apakah asas perakaunan yang digunakan di dalam organisasi anda? Asas tunai atau akrual?
2. Adakah Organisasi sektor awam ini memiliki rosot nilai aset yang menjana tunai? Jika ada sila senaraikan.
3. Adakah entiti memiliki rosot nilai aset yang menjana tunai? Jika ada sila senaraikan.
4. Bolehkah rosot nilai aset yang menjana pulangan komersial dikenalpasti secara berasingan daripada aset-aset yang lain? Jika tidak, mengapa?
5. Adakah rosot nilai aset yang menjana tunai membentuk bahagian yang signifikan berbanding aset bukan menjana tunai?
6. Jika ada aset bukan menjana tunai, pernah tak dikelaskan semula sebagai aset menjana tunai? Mengapa?
7. Adakah susutnilai dilakukan terhadap aset berkenaan?
8. Adakah perkara berlaku berikut ke atas rosot nilai aset yang menjana tunai:
 - a. Pernahkah berlaku sesuatu yang menyebabkan aset hilang potensi masa depan aset?
 - b. Pernahkah berlaku sesuatu yang menyebabkan nilai pasaran menurun dengan ketara?
 - c. Pernahkah berlaku perubahan ketara dengan kesan buruk kepada organisasi?
 - d. Pernahkah berlaku kerosakan fizikal kepada aset?
 - e. Pernahkah pihak organisasi membuat keputusan untuk menghentikan pembinaan aset sebelum siap dibina?
 - f. Pernahkah aset menjadi terbiar/dirancang untuk dilupuskan lebih awal/ dikelaskan semula daripada hayat tanpa had kepada hayat terhad? Apa yang berlaku dan apakah tindakan?
 - g. Pernahkah berlaku laporan prestasi ekonomi aset adalah / akan lebih buruk daripada jangkaan?
 - h. Adakah aliran tunai untuk mengekalkan aset tinggi?
 - i. Pernahkah berlaku defisit daripada penerusan guna aset?
 - j. Wujudkah Aset tidak ketara (yang mempunyai hayat guna tidak ditentukan atau belum tersedia untuk guna).
9. Adakah organisasi melalui penyusunan semula? Pernahkah disemak semula aset-aset milik entiti?

10. komited dalam penyusunan semula? (kesannya)
11. Adakah aliran tunai melibatkan aliran matawang asing?
12. Pernahkah kerugian rosot nilai diterbalikkan? Bagaimana layanan perakaunan terhadapnya?
13. Bagaimana pendedahan bagi setiap keadaan berkaitan item 8.

Lampiran 7

MPSAS 27 (Pertanian)


1. Apakah asas perakaunan yang digunakan oleh institusi anda?
(Tunai/ akruan)
2. Ada sebarang aktiviti pertanian?
(Ya/ tidak), kalau ada, apakah aktiviti pertanian tersebut?
3. Apakah definisi berkaitan aktiviti pertanian institusi?
4. Apakah asas pengiktirafan aset pertanian institusi?
5. Apakah kategori-kategori aktiviti pertanian jika ada?
6. Bagaimana pula penentuan pengukuran aset pertanian? Nilai saksama atau nilai harga berasaskan kontrak? Kenapa dan bagaimana?
7. Bagaimana pula dari segi pendedahan aset pertanian?
8. Apakah item-item yang didedahkan sebagai aset pertanian bagi institusi?

Lampiran 8

MPSAS 31 Aset Tidak Ketara

1. Apakah asas perakaunan yang digunakan di dalam organisasi anda? Asas tunai atau akrual?
2. Adakah terdapat aset tidak ketara yang diiktiraf dalam laporan kewangan organisasi.
3. Adakah aset tidak ketara dapat dikenalpasti secara terasing?
4. Adakah entiti mempunyai kawalan ke atas aset tidak ketara dari segi undang-undang? (ie hakcipta, perjanjian perdagangan, kakitangan mahir, kesetiaan pelanggan, hubungan dengan pelanggan)
5. Adakah aset tidak ketara mempunyai manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan (harta intelek dalam pengeluaran atau penyampaian perkhidmatan)?
6. Adakah aset tidak ketara diiktiraf dalam penyata kewangan? (Kos atau nilai saksama bukan pada urusan niaga bukan pertukaran)
7. Adakah aset tidak ketara diperolehi daripada entiti luar?
8. Apakah kos-kos perolehan yang terlibat? (Duti Impot, cukai pembelian, tolak diskaun?)
9. Jika aset tidak ketara janaan dalaman, apakah komponennya?
10. Layanan bagi perbelanjaan selepas perolehan projek penyelidikan dan pembangunan?
11. Apakah layanan terhadap aset tidak ketara diperolehi melalui urusan niaga bukan pertukaran? (pindahan antara entiti)
12. Apakah layanan bagi aset tidak ketara diperolehi secara Pertukaran Aset?
13. Aset tidak ketara janaan dalaman.
14. Apakah layanan bagi aset tidak ketara dalam fasa penyelidikan?
15. Apakah layanan bagi aset tidak ketara dalam fasa pembangunan?
16. Apakah pengukurannya berikutnya? (kos atau penilaian semula)
17. Apakah model kos digunakan?
18. Apakah hayat guna aset tidak ketara?
19. Apakah nilai baki yang digunakan?
20. Adakah penilaian semula dilakukan?
21. Adakah pelupusan dilakukan?
22. Apakah pendedahan berkaitan aset tidak ketara yang dilakukan dalam penyata kewangan?

Lampiran 9 (Rumusan soalan MPSAS)



Lampiran 10

Interview questions for Prof. Dr Hudaib

Introduction question: Confirming the importance of Islamic Accounting Standard

What is your view having an *Accounting standards for WZB from an Islamic perspective?*
Probing - Why so?

Information question: On waqf concept

Appreciate if you could share with us, what is waqf?
What are the components?
Probing
Your view on accounting for waqf?
Probing on his view

Information question: manifestation of Recognising waqf

Please share with us how to recognise waqf from an Islamic accounting perspective?
Probing - why? How?

Information question: Manifestation of Measurement for waqf

Please share with us how to measure waqf from an Islamic perspective?
Probing – why? How?

Information question: Manifestation of Disclosure for waqf

Please share with us how to disclose waqf from an Islamic perspective?
Probing - why? How?

Hypothetical question: Format of reporting waqf

If you were to do the reporting of Waqf, how would propose the reporting in respect of:

- i. Presentation
- ii. content

Probing

Devil advocate: refer to Prof Rahim and Prof Shahul's transcription

Some said waqf is aset, what is your view on that?

Probing

Some said waqf should be presented as trust, what say you prof?


Some said presentation of waqf should be separated from the financial reporting of the Council? i.e. statement of waqf, zakat. What say you?

..... end...

2nd Order Data Analysis

**PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN, PENDEDAHAN WAKAF
(RECOGNITION, MEASUREMENT, DISCLOSURE OF WAKAF)**

WAKAF




WAKAF TRUST FUND

PENGITIRAFAN/ PENGUKURAN/ PENDEDAHAN WAKAF

Pengiktirafan/ <i>Recognition</i>	Komponen/ <i>Component</i>	Pengukuran/ <i>Measurement</i>	<i>Pendedahan/ Disclosure</i>	Isu- Isu yang timbul	Fatwa
Sebagai Amanah (Wakaf Trust Fund)	Berfungsi/ <i>Functional</i> i. Tanah Kubur	Kos Sejarah/ <i>Historical Cost</i>	Ada 2 pendapat: i. <i>Balance sheet</i> ii. <i>Statement of wakaf</i>	Masjid yang didirikan atas tanah wakaf - Menilai masjid dan menilai tanah	Kos sejarah/ Historical cost?
Jenis wakaf	Tiada Fungsi/ <i>Non-functional:</i> i. Bangunan	Nilai Pasaran/ <i>Market Value</i>			Nilai pasaran / Market value?
Hasil wakaf	i. Sewaan dari wakaf ii. Hasil Dividen dari pelaburan syer iii. Hibah from 'fixed deposit'		<i>Sustainable Income</i>	Samada pendapatan dari pelaburan wakaf boleh diiktiraf sebagai hasil	Hasil?

**PENGIKTIRAFAN, PENGUKURAN, PENDEDAHAN WAKAF
(RECOGNITION, MEASUREMENT, DISCLOSURE OF ZAKAT)
ZAKAT**



Zakat as Trust Fund					
Pengiktirafan/ Recognition	Komponen/ Component	Pengukuran/ Measurement	Pendedahan / Disclosure	Isu- yang timbul	Fatwa
Zakat Trust	i. Tunai/ Cash ii. Cash equivalent : - Padi - emas	Nilai pasaran/ Market value	2 pendapat: i. Balance Sheet ii. Statemen t of Zakat		Perlu ditentuka n
Pergerakan transaksi Movement:-	Asnaf	Berasaskan fiqh Based on legitimate distribution		<i>Isu pengagiha n i.e. fisabillilah and gharamin?</i>	
ii. Pelaburan: Investment				Zakat as investment ?	

<ul style="list-style-type: none"> <i>Fixed Deposit</i> <i>Syer</i> 				Ownership issue?	
iii. Hasil dari pelaburan / <i>Revenue based on investment</i>	i. Dividend ii. Hibah			Can zakat be invest?	

Baitulmal as Trust Fund

Pengiktirafan/ <i>Recognition</i>	Komponen/ <i>Component</i>	Pengukuran/ <i>Measurement</i>	<i>Pendedahan/ Disclosure</i>	Isu- Isu yang timbul	Fatwa
Kategori	Hasil/ <i>Revenue:</i>		As revenue	Hasil dari wakaf?	Diperlukan
	Perbelanjaan <i>Expenses:</i> Gaji/ salary		As expenses		

Lampiran 12

Contoh Surat dari JANM

	JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA Kompleks Kementerian Kewangan No. 1, Persiaran Perdana Presint 2 62004 Putrajaya MALAYSIA	 Tel : 603-8862 1000 Faks (Fax) : 603-8862 1042 Laman Web (Web) : www.anm.gov.my
---	---	--

Ruj. Kami : ANA(T)(PP)81/42/62JLD 2/26
Tarikh : 15 Mei 2017

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Dr/ Tuan/ Puan,

PENYELIDIKAN PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI-INSTITUSI WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL DI MALAYSIA FASA 2,2017

Dengan segala hormatnya perkara di atas diujuk.








2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato/Prof/Dr/Tuan/Puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan menjalankan Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB) di Malaysia. Fasa 2 tahun 2017 ini dengan kerjasama tiga buah institusi Pengajian Tinggi Awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa. Berbanding dengan projek penyelidikan Fasa 1 yang telah selesai dijalankan pada tahun 2017, projek penyelidikan Fasa 2 ini akan menumpukan kepada isu-isu pengukuran, pengiktirafan dan pendedahan bagi aset berkaitan Institusi WZB. Kajian ini penting bagi meneruskan agenda membangunkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan dan Piawaian Perakaunan patuh syariah bagi Institusi WZB di Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, jabatan ini memohon kerjasama untuk membenarkan pasukan penyelidikan menjalankan kerja lapangan di agensi YBhg. Datuk/Dato/Prof/Dr/Tuan/Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato/Prof/Dr/Tuan/Puan boleh berhubung dengan pegawai seperti di bawah:

Dr. Shahril bin Baharim	03 – 8324 4405	shahril.baharim@anm.gov.my
Mazli bin Mohd. Razali	03 – 8324 4409	mazli.razali@anm.gov.my

Lampiran 13

Contoh Surat dari UUM

 <p>Pusat Pengajian Perniagaan Islam Islamic Business School Universiti Utara Malaysia 05010 UUM Sintok Kedah Darul Aman, MALAYSIA</p>	 <p>UUM Universiti Utara Malaysia</p> <p>Tel: 004-928 0052 Faks (Fax): 004-928 6730 Laman Web (Web): www.uum.edu.my</p>		
"MUAFAKAT KEDAH"			
Ref : UUM/COB/IBS/A-3/2/1 Tarikh: 26 Junai 2017			
KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN			
Yang Bhg Dato/ Prof/ Dr/ Tuan/ Puan			
PERMOHONAN MELAKUKAN SESI KERJA LAPANGAN BAGI KAJIAN PENYELIDIKAN BERTAJUK PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI WAKAF, ZAKAT, DAN BAITULMAL DI MALAYSIA, FASA 2, 2017.			
Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.			
2. Adalah dimaklumkan saya, Prof. Dr. Abdullah Bin Hj. Abdul Ghani , selaku ketua penyelidik seperti dinyatakan di atas, bersama rakan-rakan penyelidik yang lain dari Universiti Utara Malaysia (UUM) akan mengadakan sesi kerja lapangan dengan pihak tertentu bagi mendapatkan dapatan kajian penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia, Fasa 2, 2017. Tujuan sesi kerja lapangan ini adalah untuk mendapatkan perkongsian ilmu berkaitan dengan perakaunan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia di samping dapat mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian bagi penyelidikan ini.			
3. Pihak kami telah dilantik untuk menjalankan kajian ini oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi membangunkan satu standard Perakaunan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia. Tempoh penyelidikan ini akan berlangsung selama 10 bulan bermula pada 1 Mac 2017 dan berakhir pada 31 Disember 2017 . Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan penyelidikan ini, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai dibawah:			
BIL	NAMA PEGAWAI	NO. TEL	ALAMAT E-MAIL
i.	Dr. Shahril Bin Baharim	03- 83244405	shahril.baharim@janm.gov.my
ii.	Mazli Bin Mohd. Razali	03- 83244409	mazli.razali@janm.gov.my
4. Untuk makluman, mereka yang akan melibatkan diri dalam sesi kerja lapangan adalah seperti berikut:			
<small>Universiti Pengurusan Terkemuka The Emerald Management University</small>			
			
			

Lampiran 14

Contoh Surat dari UUM

	<p>Pusat Pengajian Perniagaan Islam Islamic Business School Universiti Utara Malaysia 06010 UUM Sintok Kedah Darul Aman, MALAYSIA</p>		
		<p>Tel: 004-926 6062 Faks (Fax): 004-926 6730 Laman Web (Web): www.uum.edu.my</p>	
<hr/> "MUAFAKAT KEDAH" <hr/>			
		<p>Kel : UUM/COB/IBS/D-12 Tarikh : 8 Ogos 2017</p>	
<p>Tabung Baitulmal Sarawak Lot 3283, Blok 217, Kuching North Land District, Jalan Batu Kawa, 93250 Kuching, Sarawak.</p>			
<p>Yang Bhg. Dato/ Tuan/ Puan,</p>			
<p>KERJA LAPANGAN BAGI KAJIAN PENYELIDIKAN BERTAJUK PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN ISLAM BAGI INSTITUSI WAKAF, ZAKAT, DAN BAITULMAL DI MALAYSIA, FASA 2 - 2017.</p>			
<p>Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.</p>			
<p>2. Adalah dimaklumkan saya, Prof. Dr. Abdullah Bin Hj. Abdul Ghani, selaku ketua penyelidik bagi kajian seperti dinyatakan di atas bersama rakan penyelidik yang lain dari Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengatur satu temu-jerani dengan Tabung Baitulmal Sarawak pada 17 Ogos 2017 (Khamis) pada jam 9.00 pagi. Tujuan temu-jerani adalah untuk mendapatkan perkongsian ilmu dari institusi berkenaan berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia di samping dapat mengukuhkan lagi hasil kajian bagi penyelidikan ini.</p>			
<p>3. Pihak kami telah diantik untuk menjalankan kajian ini oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi membangunkan satu standard Perakaunan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan penyelidikan ini, pihak Yang Bhg. Dato/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan pegawai di bawah:</p>			
BIL	NAMA PEGAWAI	NO. TEL	ALAMAT E-MAIL
i.	Dr. Shahri Bin Baharim	03- 83244405	shahri.baharim@janm.gov.my
ii.	Mazi Bin Mohd. Razali	03- 83244409	mazi.razali@janm.gov.my
<p>4. Untuk makluman, mereka yang terlibat menghadiri perbincangan ini adalah seperti berikut:</p>			
BIL	NAMA PENYELIDIK	NO. TEL	ALAMAT E-MAIL
i.	Dr. Rohani Bin Shafie	017-4822720	rshafie@uum.edu.my
ii.	Encik Md. Suhaimi Bin Md. Saleh	012-5144392	suhaimi@uum.edu.my
<p>Sebarang pertanyaan berkenaan kajian ini boleh hubungi mereka yang tersenarai di atas.</p>			
<hr/> <p>Universiti Pengurusan Tentera The Eastern Management University</p>			
       			